



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 12**

**Selasa**

**9 Ogos 2022**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022	(Halaman 31)
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022	(Halaman 117)
Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022	(Halaman 140)
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022	(Halaman 157)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 67)
---	--------------

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali bin Hj. Mohamad (Dilantik)
3. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik)
4. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
5. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
6. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
7. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik)
9. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
10. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
11. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
12. “ Datuk John Ambrose ( Dilantik )
13. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
14. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
15. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
16. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)
17. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
18. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
19. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
20. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
21. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
22. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
23. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)
24. “ Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)
25. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
27. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
28. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
29. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
30. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)

**AHLI HADIR (samb/-)**

- |     |                |   |
|-----|----------------|---|
| 31. | Yang Berhormat | Datuk Nicole Wong Siaw Ting (Dilantik)  |
| 32. | “              | Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)                                      |
| 33. | “              | Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)                             |
| 34. | “              | Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)   |
| 35. | “              | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)   |
| 36. | “              | Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)                        |
| 37. | “              | Datuk Lim Pay Hen (Johor)   |
| 38. |                | Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)                                     |
| 39. | “              | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)                              |
| 40. | “              | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)                             |
| 41. | “              | Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak)                           |
| 42. | “              | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)                                 |
| 43. | “              | Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Kedah)                                    |
| 44. | “              | Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)  |
| 45. | “              | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)   |
| 46. | “              | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)   |
| 47. | “              | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)   |
| 48. | “              | Puan Noraini binti Idris (Sabah)  |
| 49. | “              | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)  |
| 50. | “              | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)                              |
| 51. | “              | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)   |
| 52. | “              | Puan Lim Hui Ying. (Pulau Pinang)   |
| 53. | “              | Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)                                |
| 54. | “              | Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 55. | “              | Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan)      |
| 56. | “              | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik / Wilayah Persekutuan Putrajaya)    |

**TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

- |    |                |   |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik) |
| 2. | “              | Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)                               |
| 3. | “              | Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)   |
| 4. | “              | Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)                                 |

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Perdana Menteri] (Bera)
2. Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Santubong)
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof [Menteri Kanan Kerja Raya] (Petrajaya)
4. “ Dato' Sri Dr. Adham bin Baba [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tenggara)
5. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar [Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Tanjong Karang)
6. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Menteri Wilayah Persekutuan] (Arau)
7. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
8. “ Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Pengkalan Chepa)
9. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)] (Kuala Kangsar)
10. “ Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)
11. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Pandang)
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I] (Kuala Krau)
13. “ Dato' Haji Rosol Bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] (Hulu Terengganu)
14. “ Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II] (Pasir Puteh)
15. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Maran)
16. “ Datuk Ago anak Dagang [Timbalan Menteri Kesihatan II] (Kanowit)
17. “ Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I] (Lipis)
18. “ Datuk Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Besar)

## **DEWAN NEGARA**

### **Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Nor Yahati binti Awang

### **Setiausaha Dewan Negara**

Muhd Sujairi bin Abdullah

### **Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

## **PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Muhammad Firdaus bin Ahmad
Azmir bin Mohd Salleh	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Maryam binti Azinuddin
Nor Kamsiah binti Asmad	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Aifarina binti Azaman	Nurul Syakirah binti Ibrahim
Noorfazilah binti Talib	Suhaila binti Sariffuddin
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Siti Fatimah Nurain binti Mohamad
Julia binti Mohd. Johari	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Ismalinda binti Ismail	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Hazliana binti Yahaya	Nur Azmina binti Jamaluddin
Amir Arshad bin Ab Samad	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Anisah Sahirah binti Hamzah

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 9 Ogos 2022**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan persidangan Dewan Negara bagi hari kedua, Selasa, 9 Ogos 2022. Dipersilakan soalan pertama, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.*

*Rumah papan rumah batu;  
Soalan saya nombor satu.*

**1. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan, kadar keberkesanan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (SHASSIC) dalam menyelesaikan isu-isu keselamatan di tapak pembinaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kanan Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan pemantauan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tapak bina dititik beratkan. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang merupakan agensi di bawah KKR melalui salah satu programnya iaitu Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC), menjalankan penilaian terhadap tahap prestasi tapak binaan dan pengurusan keselamatan dan kesihatan bagi pelaksanaan kerja selamat kontrak pembinaan. Tujuan SHASSIC dibangunkan adalah untuk membimbing industri dalam mentadbir keselamatan dan kesihatan pembinaan melalui penilaian yang berterusan.

Penilaian SHASSIC dijalankan apabila sesebuah projek mencapai kemajuan kerja di tapak di antara 25 peratus sehingga 75 peratus. Ini ialah masa penggunaan pekerja di tapak meningkat dan kebarangkalian berlaku kemalangan amat tinggi. Penarafan penilaian SHASSIC menggunakan penarafan bintang ataupun *star rating* ataupun *star ranking* bermula dengan Satu Bintang sehingga Lima Bintang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sejak SHASSIC dilancarkan pada tahun 2008, didapati permintaan bagi penilaian SHASSIC ini semakin meningkat. Pada tahun 2019, sebelum pandemik COVID-19, sebanyak 352 projek telah dinilai, berbanding pada tahun 2016 hanya 112 projek dinilai. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 214 peratus dan sehingga kini CIDB telah menilai 1,414 projek.

Pada tahun 2019, 58 projek yang telah dianugerahkan Lima Bintang, berbanding 48 projek pada tahun 2016. Ini ialah peningkatan sebanyak 21 peratus. Sehingga Disember 2021, 348 projek telah mendapat Lima Bintang. Manakala, projek yang mendapat penilaian Satu Bintang menurun. Di mana tahun 2021, daripada 62 projek, hanya satu projek mendapat Satu Bintang. Ini menunjukkan kadar keberkesanan penilaian SHASSIC dalam membantu pengurusan sistem keselamatan dan kesihatan tapak bina adalah sangat berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan tahniah. Cuma hendak tahu, apakah inisiatif yang telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi pemain-pemain industri ini bersedia untuk melaksanakan SHASSIC ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ada beberapa program yang kita laksanakan. Termasuklah kalau dalam program untuk syarikat memohon SHASSIC ini. Sebenarnya ditanggung sepenuhnya oleh CIDB iaitu yuran sebanyak RM1,050 bagi setiap penilaian. Ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak CIDB. Setakat CIDB telah menanggung dari 2011 sehingga 2021, sejumlah RM3.796 juta telah dibiayai oleh CIDB.

Manakala, CIDB juga memberi diskaun atau subsidi 50 peratus bagi latihan Pegawai Keselamatan di tapak bina ataupun *Site Safety Supervisor* dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di tapak bina, *Safety and Health Officer* iaitu dengan menanggung perbelanjaan sebanyak RM1,425 untuk setiap orang dan jumlah yang kita biayai setakat ini RM9.41 juta.

Manakala, bagi insentif lain, kita juga ada melaksanakan Program SCORE iaitu penilaian keupayaan dan kemampuan kontraktor, di mana ia dapat meningkatkan ataupun di mana pegawai akan dibantu untuk membuat penilaian SHASSIC. SCORE ini juga dapat melayakkan kontraktor untuk masuk tender kerajaan. Jadi, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada apa-apa pertanyaan lain? Saya merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Fadillah bin Yusof, Menteri Kerja Raya atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

**2. Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah sebarang kajian lapangan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan terhadap tahap kesiapsiagaan rakyat berhubung dengan penetapan kadar iaitu Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang jelas akan membebaskan rakyat secara langsung apabila kadar OPR dinaikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin atas soalan berkaitan OPR.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Dasar Moratorium Negara dilaksanakan secara bebas- *independent* oleh Bank Negara Malaysia tanpa intervensi daripada Kerajaan Persekutuan.

#### ■1010

Kebebasan ini tertakluk dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 atau *Central Bank of Malaysia Act 2009* yang memperuntukkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia untuk merumuskan dasar monetari bagi mengekalkan kestabilan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ekonomi negara berhadapan dengan krisis COVID-19, kadar OPR telah diturunkan dari 3.00 peratus kepada 1.75 peratus pada tahun 2020 iaitu paras yang terendah dalam sejarah. Kini, ekonomi negara berada pada landasan pemulihan dan tidak lagi berada dalam keadaan krisis. Aktiviti perbelanjaan isi rumah, pembelian aset dan aktiviti pelaburan telah kembali rancak. Tambahan pula, pertumbuhan KDNK suku pertama 2022 pada kadar lima peratus telah melepasi paras pandemik.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kadar inflasi bukan sahaja didorong oleh tekanan penawaran, malah telah menunjukkan tanda-tanda kenaikan inflasi tarikan permintaan. Jika hal ini tidak ditangani secara awal, permintaan dalam negeri sekiranya berlebihan boleh menambahkan tekanan inflasi. Pengalaman di seluruh dunia telah menunjukkan bahawa kadar inflasi yang tinggi boleh memberi kesan buruk terhadap ekonomi dan juga taraf kehidupan rakyat. Setiap kali keadaan inflasi menjadi tidak



terkawal, harga akan menjadi lebih tinggi. Boleh menjejaskan kuasa beli isi rumah terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Kadar inflasi pada tahun 2022 dijangka mencatat antara 2.2 hingga 3.2 peratus, manakala inflasi sebenar pada Januari sehingga Jun merekodkan 2.5 peratus. Berdasarkan faktor-faktor ini, MPC mengambil keputusan untuk melaraskan kadar OPR secara beransur-ansur menerusi kenaikan 25 mata asas, pada Mei 2022 dan 25 mata asas pada bulan Julai 2022 sehingga mencapai kadar OPR terkini iaitu pada kadar 2.25 peratus.

Pendekatan kenaikan OPR secara beransur-ansur ini adalah sangat penting untuk mengelakkan tekanan pada masa akan datang. Untuk menaikkan pada kadar OPR secara tergesa-gesa dan pada magnitud yang besar seperti apa yang berlaku di negara Amerika Syarikat, kadar inflasi 9.1 peratus, di Filipina 6.1 peratus, di Turki kadar inflasi 7.86 peratus yang boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesannya kepada rakyat, Bank Negara Malaysia berpandangan bahawa kenaikan OPR secara beransur-ansur tidak memberi kesan yang ketara khususnya kepada golongan B40. Ini adalah kerana satu pertiga pinjaman oleh golongan B40 adalah pada kadar tetap. Kebanyakan adalah untuk pinjaman pembelian kereta dan pembiayaan peribadi. Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia juga ingin menekankan pelbagai program bantuan masih tersedia untuk golongan peminjam mudah terjejas atau *vulnerable groups*, dengan izin, termasuk kemudahan di bawah dana BNM untuk PKS, bantuan bayaran balik secara bersasar oleh bank dan khidmat nasihat di bawah agensi seliaan Bank Negara Malaysia iaitu AKPK.

Bank negara dan Kementerian Kewangan ingin menekankan bahawa sebarang keputusan untuk melaraskan dasar monetari pada masa akan datang akan dilaksanakan secara terkawal dan beransur-ansur supaya tidak menjejaskan momentum pemulihan ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah petunjuk kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dapat meyakinkan rakyat bahawa kita berada di landasan pemulihan selepas apa yang kita hadapi sepanjang tempoh dua tahun pandemik? Terima kasih.

**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Berkaitan petunjuk ekonomi amat penting. Itu sebabnya kita melaraskan kenaikan OPR secara beransur-ansur kerana kita mempunyai keyakinan yang jelas bahawa petunjuk ekonomi negara berada di tahap yang baik. Walaupun agak sederhana tetapi kadar baik berdasarkan suku pertama KDNK tahun

2022, lima peratus melepasi Suku Keempat, tahun 2021. *Insyah-Allah* hari Jumaat nanti, lagi dua hari atau tiga hari, Bank Negara akan mengumumkan KDNK yang terbaharu untuk Suku Kedua, tahun 2022.

Berbalik kepada indikator ekonomi. Kita lihat daripada segi kadar pengangguran 3.9 peratus pada Mei 2022 berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020, maknanya masa-masa pandemik. Kita juga lihat keyakinan *Consumer Sentiment Index* (CSI), atau Indeks Sentimen Pengguna meningkat daripada 108.9 mata, Suku Pertama 2022 berbanding dengan suku keempat 97.2 mata, tahun 2021.

Statistik Kecenderungan Perniagaan oleh DOSM merekodkan indikator keyakinan positif 3.5 peratus suku kedua 2022 berbanding suku pertama 2022 sebanyak 7.6 peratus. Nilai jualan sektor pembuatan meningkat 15.7 peratus kepada RM142 bilion pada Mei 2022 berbanding RM122.7 bilion Mei 2021. Kalau kita lihat *Purchasing Managers Index* atau Indeks Pengurus Pembelian, sektor pembuatan Malaysia meningkat 50.64 mata, pada Julai 2022 berbanding 40.1 mata, pada Julai 2021.

Jualan perdagangan borong runcit turut berkembang sebanyak 19.9 peratus kepada RM130 bilion pada Mei 2022 berbanding Mei 2021, RM108 bilion, 28.2 peratus. Perdagangan luar negara meningkat sebanyak 28.2 peratus separuh tahun 2022.

Banyak lagi Yang Berhormat, tetapi maknanya apa yang saya beritahu, kita ada keyakinan. Itu sebabnya Bank Negara ambil tindakan untuk menaikkan secara beransur-ansur. Terima kasih.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** Soalan tambahan.

**Puan Noraini binti Idris:** Soalan tambahan.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah :** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Noraini binti Idris:** Saya? Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan tentang kesan kenaikan OPR ini kepada B40 untuk pembiayaan peribadi dan pinjaman kereta. Jadi soalan saya, apakah inisiatif kerajaan untuk menangani kenaikan OPR ini terhadap B40 yang mendapatkan pinjaman perumahan? Terima kasih.

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan yang signifikan. Yang Berhormat, apabila kita pada kadar OPR 3.0 peratus iaitu 300 mata asas, sebelum pandemik COVID-19 berlaku, apabila kita turunkan, saya ambil contoh Yang Berhormat, kita ambillah *lending rate* 4.27 peratus pada kadar 3.0 peratus OPR. Jumlah bayaran balik katalah kalau kita ambil satu contoh Yang Berhormat kaitkan tadi berkaitan pinjaman rumah RM300 ribu. Bayaran balik mereka RM1,373 semasa pada kadar OPR 3.0.

Cuma apabila masa turun 175 mata asas, *rate* tadi, *lending rate*, dia berkurangan kepada 3.02 peratus. Semasa pandemik, dia memberi keuntungan kepada peminjam

iaitu dia berkurangan sebanyak- bayaran balik hanya pada kadar RM1,158, ada pengurangan sebanyak RM219. Akan tetapi apabila keadaan ekonomi semakin baik, kita ada keyakinan bahawasanya ekonomi sudah dibuka, orang sedang menjana pendapatan, kita naikkan secara beransur-ansur. Bukan kita naikkan terus seperti mana US buat, 150 mata asas.

Jadi, pada kadar sekarang ini adalah kalau kita ambil kira 4.27 peratus, sekarang ini kadar yang naik 50 mata asas, pada kadar pinjaman rumah 3.52 peratus. Bermakna, ada kenaikan hanya RM85. Makna semasa pandemik, dia turun RM219. Masa sekarang ini naik, hanya RM85. Kalau lagi besar pinjaman dia Yang Berhormat, lagi besarlah manfaat. Contoh RM500 ribu Yang Berhormat. Kalau RM500 ribu semasa pandemik kita turunkan 125 mata asas, kepada 1.75 OPR, ia dapat menjimatkan RM366 dan kenaikannya pada kali ini hanya RM142.

Itu sebabnya Yang Berhormat, kita akan melihat perkara-perkara ini. Walau bagaimanapun, seperti mana dalam jawapan asas saya, ada masalah, kita minta rakyat untuk berhubung dengan AKPK. Kita akan bantu untuk mereka yang terkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** Tindakan keluasan OPR dilihat sebagai salah satu langkah kerajaan untuk mengawal inflasi. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ini akan memberikan kesan kepada peminjam dan pendeposit dalam jangka masa panjang? Terima kasih.

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. OPR dikaitkan dengan inflasi. Ini satu perkara yang ada wajarannya. Akan tetapi, inflasi Yang Berhormat, bukan sahaja kita melihat melalui OPR. Sebagai contoh, pada tahun ini sahaja kita menjangkakan RM3.7 bilion untuk petrol, diesel dan LPG subsidi.

Akan tetapi kerajaan terpaksa memperuntukkan lebih kepada RM37.3 bilion bagi kita mengawal harga bahan api kerana bahan api juga akan memberi kesan kepada inflasi seperti mana semalam jawapan saya di Dewan berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah.

#### ■ 1020

Jadi berbalik kepada persoalan asal pinjaman, saya sudah jawab tadi. Cuma ia juga ada kesan kepada pendeposit. Semasa menurun hari itu, dia mungkin ada kesan kepada pendeposit, menyimpan kerana *saving rate* juga turun. Apabila *saving rate* naik, dia akan bagi kesan positif. Jadi, jangka masa panjang kita akan lihat Yang Berhormat dari semasa ke semasa Bank Negara Malaysia bagaimana kaedah yang terbaik. Walau bagaimanapun, saya harap Yang Berhormat semua dapat membantu pihak kerajaan

untuk menyampaikan maklumat yang tepat seperti mana yang saya sebutkan dalam Dewan ini supaya rakyat di luar sana memahami tentang apa konsep OPR, apa konsep inflasi. Bukan hanya sekadar apa yang berlaku domestik, dia juga melibatkan apa yang berlaku persaingan di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

**3. Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pendirian kerajaan mengenai empat (4) hari bekerja dalam tempoh seminggu terutamanya dalam sektor swasta.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim berkenaan dengan hari bekerja untuk pekerja-pekerja di Malaysia terutamanya pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian telah membuat beberapa pindaan pada Akta Kerja 1955 berhubung pengurangan dan fleksibiliti waktu bekerja. Dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang telah diluluskan di Parlimen pada 29 Mac 2022 dan akan dikuatkuasakan pada 1 September 2022. Antara pindaan yang telah diluluskan termasuklah kita mengurangkan waktu bekerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam. Jadi, buat masa ini tidak ada lagi kita buat perbincangan untuk kita menetapkan empat hari bekerja seperti mana yang dibangkitkan dalam soalan ini. Tidak ada lagi. Pihak kementerian tidak ada perbincangan dan sebagainya untuk kita menetapkan empat hari bekerja.

Apa yang kita tetapkan dalam pindaan Akta Kerja 1955 pada 29 Mac yang lalu adalah daripada 48 jam kepada 45 jam. Masa 48 jam, kita bekerja enam hari. Dalam lapan jam kali enam bersamaan 48 jam. Pada ketika kita buat pindaan ini kepada 45 jam, bermakna- kita daripada 45 jam, dalam masa 48 jam kali dengan enam- dalam masa enam hari. Maknanya 48 jam. Akan tetapi apabila pindaan ini dibuat, kita akan turunkan daripada 48 kepada 45 jam dan kita berkurangan satu hari bekerja sembilan jam, sembilan kali lima 45 jam. Macam sekarang, kita *practice*.

Jadi, berdasarkan pindaan ini yang telah diluluskan akan mengurangkan waktu bekerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam, pengurangan jumlah waktu bekerja ini adalah selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *Reduction of Hours of Work Recommendation 1962 (No.116)*, dengan izin, bagi meningkatkan produktiviti buruh dan memelihara kebajikan pekerja serta keluarga.

Selain daripada itu, pindaan Akta Kerja ini juga memperkenalkan seksyen baharu mengenai aturan kerja fleksibel untuk membolehkan pekerja memohon kepada majikan untuk melaksanakan pekerjaan mengikut kesesuaian waktu kerja. Hari bekerja atau tempat kerja termasuk bekerja dari rumah bagi situasi-situasi terdesak ataupun mendesak seperti pandemik COVID-19 yang berlaku di negara kita dua, tiga tahun yang lepas. Dengan pindaan ini majikan boleh membuat aturan jumlah hari bekerja mengikut kesesuaian operasi. Operasi syarikat masing-masing dengan memastikan jumlah waktu yang ditetapkan di samping mematuhi lain-lain peruntukan di bawah Akta Kerja (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita selalu bercakap tentang produktiviti. Kita juga faham konvensyen antarabangsa dan sebagainya. Akan tetapi, adakah kerajaan melihat bahawa pihak majikan macam *Malaysian Employers Federation* (MEF) terganggu dengan cadangan seperti ini kerana ia akan memberi kesan jangka panjang daripada segi *competitiveness*, dengan izin, tahap kebersaingan kita. Apakah kementerian melihat bahawa cadangan ini boleh dilaksanakan dalam masa terdekat? Terima kasih.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Kita telah- macam saya bagi jawapan tadi, setakat hari ini tidak ada cadangan ataupun libat urus dengan mana-mana pihak ataupun MEF ataupun FFM dan sebagainya, untuk kita menetapkan empat hari bekerja. Tidak ada lagi. Daripada sumber mana kita pun tidak tahu dia ambil sumber ini.

Sumber ini daripada mana? Jadi, rujuk balik daripada orang yang keluarkan. Akan tetapi di pihak kementerian tidak ada lagi untuk empat hari bekerja ini. Yang kita ada macam saya sebut tadi, daripada 48 jam kepada 45 jam. Ini memang rasmi, *official*. Yang empat hari ini saya tidak tahu daripada mana. Rujuk baliklah daripada orang yang bertanya itu, diambil daripada mana. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan satu lagi? Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey. Terima kasih. Saya terbaca pagi tadi sumber sebenarnya datang daripada DUN Johor yang memohon empat hari bekerja. Mungkin dia ada signifikannya. Oleh sebab dia berdekatan dengan *Singapore* dan *Singapore* pun ada yang bekerja selama empat hari. Cuma saya minat dengan Johor ini, dia buat satu perkara yang berlainan dengan negeri-negeri lain. Contoh cuti Jumaat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalnya apa Yang Berhormat?

**Datuk Razali bin Idris:** Kena terang dahulu sedikit. Sedikit sahaja. Cuti Jumaat di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah termasuk dengan Johor. Jadi saya hendak tanya sedikit, alih sedikit soalan itu kepada Yang Berhormat. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk selaraskan cuti kepada seluruh negeri di negara kita ini pada hari Jumaat dan Sabtu?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sebenarnya soalan ini *out from context* daripada apa soalan yang dibangkitkan peringkat awal tadi. Apabila kita ada cadangan dibincangkan, baru dibincangkan oleh kerajaan tetapi benda ini tidak ada langsung, hendak bincang apa. Lagipun soalan yang dibangkitkan fasal empat hari bekerja. Tiba-tiba *pi* hari Jumaat cuti, itu kena tanya JPA, kementerian lain yang terlibat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**4. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apa usaha pihak kementerian dalam menangani barangan kawalan yang disorok seperti minyak paket bersubsidi dan beberapa barangan kawalan yang lain.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam.

Tuan Yang di-Pertua, bermula pada 23 Jun 2022, penguat kuasa KPDNHEP telah melaksanakan program atau pemeriksaan yang dinamakan OPS ATM yang melibatkan barang kawalan seperti ayam, telur dan minyak masak secara harian di setiap peringkat rangkaian perbekalan dan pengedaran. Tujuannya adalah untuk memastikan keberadaan bekalan adalah stabil, tiada isu berkaitan dengan sorok barang keperluan dan barang harian di pasaran selaras dengan Kempen Anti Sorok yang dilancarkan pada awal tahun ini.

OPS ATM ini bertujuan memastikan harga yang dijual mulai 1 Julai 2022 tidak terlalu tinggi sehingga menyebabkan kegugasan dan membebankan masyarakat. Selain OPS ATM, kementerian juga melaksanakan inisiatif-inisiatif iaitu:

- (i) mengarahkan pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rantaian pengedaran minyak masak melalui aktiviti semakan *pre-delivery plan*;

- (ii) menjalankan pemeriksaan pematuhan permit ke atas peniaga-peniaga kecil dan pengusaha-pengusaha restoran;
- (iii) membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng minyak-minyak yang bersubsidi ini;

■ 1030

- (iv) menetapkan had pembelian minyak masak yang bersubsidi ini sebanyak tiga paket untuk memastikan lebih ramai pengguna mendapat manfaat;
- (v) mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan juga ESSCOM;
- (vi) mengadakan publisiti yang meluas melalui media arus perdana dan media sosial bagi meningkatkan kesedaran serta mewujudkan kegerunan di kalangan peniaga; dan
- (vii) melaksanakan Ops Samar yang mana penguat kuasa akan membeli uji serta mengenal pasti jika terdapat elemen sorok daripada peniaga-peniaga.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya, adakah kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berhasrat untuk mengusulkan cadangan supaya mereka yang terlibat dalam kes menyorok minyak paket bersubsidi dan beberapa barangan kawalan yang lain ini dikenakan hukuman yang lebih berat seperti membatalkan lesen perniagaan dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, itulah tindakan yang kita laksanakan.

Untuk makluman dan rekod, kita telah mengadakan pemeriksaan dan juga naziran ke atas 278 *repacker* yang mana di seluruh negara kita mempunyai sebanyak 325 *repacker* minyak bersubsidi ini.

Untuk makluman juga, setakat ini, kita telah menggantung lesen ataupun kuota yang telah diberi kepada seramai 15 orang pengeluar.

Jadi, itu tindakan yang kita ambil, dan sebanyak 24 kes yang telah dibawa ke mahkamah. Ini menunjukkan bahawa kita amat serius berkaitan dengan hal ini dan kita rasa agak terkilan apabila kita dapat maklumat bahawa minyak ini berada di luar negara dan rakyat luar negara dapat membeli minyak ini dengan mewah, tetapi rakyat Malaysia cuma dihadkan sebanyak tiga paket sahaja.

Jadi, ini satu perkara yang cukup mengecewakan kita. Tindakan tegas kita akan ambil untuk mereka yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang minyak masak kita berada di luar negara. Jadi, apa tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan bahawa minyak kita tidak akan sampai ke Thailand ataupun di *Philippines* ataupun negara lain, terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya jawab tadi, kita mengadakan Ops Padu, Ops ATM kemudian Ops Penyamaran dan sebagainya dan kita mengadakan ops yang bekerjasama dengan Polis, Kastam dan sebagainya untuk mengenal pasti ataupun mengambil tindakan bagi mereka yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu, kita juga mengadakan naziran dan audit, yang mana kita pastikan kalau dia dapat sebanyak 200 kuota sebulan, kita hendak pastikan 200 kuota itu memang beredar dalam negara. Kita *check* di peringkat *refinery* betul kah dihantar sebanyak 200 tan kepada syarikat 'A', daripada syarikat 'A', direkodkan simpanan dia betul atau tidak dihantar kepada pemborong. Daripada pemborong kepada peruncit. Jadi, sumber rantaian tersebut kita *check* satu persatu untuk hendak melihat di mana berlaku ketirisan yang menyebabkan minyak-minyak ini berada di luar negara yang sebenarnya itulah hak rakyat kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ada kerjasama antara KPDNHEP dengan kementerian yang berkuasa.

Akan tetapi yang kita hendak tahu itu, sejauh mana KPDNHEP itu dengan Kementerian Dalam Negeri untuk membasmi aktiviti terutamanya kartel penyeludupan barangan yang bersubsidi itu. Adakah dalam bentuk Jawatankuasa sahaja, agensi kerjasama sahaja? Apakah tindakan-tindakan yang lebih praktikal untuk memastikan penyeludupan barangan bersubsidi? Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengadakan bukan sahaja perbincangan, tetapi mengadakan operasi secara bersama. Contohnya, kalau di sempadan Thailand, kita mengadakan operasi bersama dengan pasukan penyeludupan kawasan. Kemudian Polis, Kastam dan sebagainya, mereka bersama kita, sebab kemampuan kita dengan lebih kurang 2,300 orang penguat kuasa untuk hendak kontrol seluruh negara, memang terhad. Persenjataan kita juga tidak secanggih pasukan keselamatan yang ada.



Jadi, bantuan pasukan keselamatan ini amat diperlukan dan mereka memberi kerjasama sepenuhnya dalam operasi kita dan banyak rampasan yang dibuat itu merupakan kerjasama ataupun dibuat oleh pihak Kastam, Polis dan juga Tentera dan juga dengan adanya pihak kita.

Jadi, semua itu dibuat dengan kerjasama sepenuhnya pihak keselamatan dan setakat ini tidak ada masalah bersama dengan pasukan keselamatan ini. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada keselamatan yang bekerjasama sepenuhnya untuk mengatasi, membanteras masalah penyeludupan ini ke luar negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:**

*Dato' Sri Speaker bijak laksana;  
Bangkitlah saya untuk bertanya.  
Ayuh jawab Menteri soalan saya;  
Soalan saya nombor lima... [Tepuk]*

**5. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta Perdana Menteri menyatakan, pendirian kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kanak-kanak di Mahkamah Syariah bagi melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di Mahkamah Syariah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Buah rambutan, buah delima;  
Ini jawapan soalan nombor lima.*

Terima kasih kepada Yang Berhormat yang sentiasa peka dan mengemukakan soalan berkaitan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Ini kerana Yang Berhormat juga adalah salah seorang daripada Peguam Syarie dan saya juga ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kerana menang sebagai Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak merupakan golongan rentan yang perlu dilindungi. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Jawatankuasa Khas Kabinet Melindungi Golongan Rentan telah ditubuhkan bertujuan untuk melindungi kebajikan golongan rentan khususnya kanak-kanak, Orang Kurang Upaya, wanita dan warga emas.

Dalam konteks Mahkamah Syariah, kerajaan amat menyambut baik cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas Kanak-kanak di Mahkamah Syariah dan bersedia untuk

meneliti keperluannya dengan lebih lanjut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, buat masa ini, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sedang mendraf garis panduan pesalah muda jenayah syariah bagi memastikan kebajikan pesalah-pesalah muda jenayah syariah diberikan perhatian sewajarnya ketika proses tangkapan, siasatan, pendakwaan dan juga setelah hukuman dijatuhkan.

Garis panduan ini akan diedarkan kepada mahkamah-mahkamah syariah negeri untuk dikuatkuasakan melalui arahan amalan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, memandangkan ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pesalah muda dan juga beberapa cadangan yang akan dipertimbangkan, adakah mahkamah syariah akan terikat dengan Konvensyen Kanak-kanak yang terpakai di seluruh dunia, khususnya dalam konteks Mahkamah Syariah sendiri, itu sahaja.

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary:** Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Berkaitan dengan keterikatan Mahkamah Syariah dengan *Convention on the Rights of the Child*. Di negara kita ada beberapa *reservation* yang tidak kita laksanakan sepenuhnya sebagaimana syor konvensyen itu.

Ini kerana kita ada keterikatan dengan sudut pandang hukum syarak dan sebagainya berkaitan dengan contohnya, perkahwinan bawah umur dan beberapa perkara yang lain. Ada negeri-negeri yang telah bersetuju untuk meminda perkahwinan bawah umur ini di Mahkamah Syariah nya 18 tahun bagi wanita dan juga bagi lelaki. Ada negeri-negeri masih mengekalkan kepada umur 16 tahun dan juga 18 tahun bagi lelaki.

Jadi, pun begitu kita juga tetap membawa beberapa saranan bagi mematuhi konvensyen CRC ini iaitu pertama, isu berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak yang saya sebutkan tadi. Walaupun kita masih lagi mengekalkan sebahagian negerinya, termasuk di Wilayah ini, umurnya 16 tahun minimum perkahwinan untuk kanak-kanak wanita.

Akan tetapi, sebagaimana saya sebutkan tadi, kebenaran itu bukan kebenaran yang agak longgar tetapi masih lagi berada pada pengawasan pihak-pihak tertentu dan ia sangat sesuai dalam pelaksanaan dalam konteks sekarang.

Kedua, keterikatan kita juga, isu berkaitan dengan hukuman sebat ke atas kanak-kanak yang didapati bersalah melakukan jenayah syariah. Kita ada garis panduan tertentu yang panjang kalau saya hendak bacakan di sini Yang Berhormat, dengan kesuntukan masa ini.

Ketiga, isu berkaitan dengan memastikan kanak-kanak mendapat hak nafkah. Kita ada juga keterikatan di situ dengan Konvensyen CRC sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, untuk *detail*-nya, nanti saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana ia melibatkan satu struktur jawapan yang panjang. Terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Okey. Bagi dia dulu.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Sekejap, Yang Berhormat. Sekejap, sedikit sahaja sebab Yang Berhormat Menteri sebut tentang ada panduan sebatan untuk kanak-kanak. Pesalah muda atau kanak-kanak? Saya nak mohon penjelasan. Kalau betul, yang itu saya hendak mohon dapatkan panduan tersebut.

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Seksyen 125, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 tidak menyebut secara jelas pengecualian hukuman sebat ke atas kanak-kanak yang didapati bersalah dalam perlakuan jenayah syariah.

Walau bagaimanapun, seksyen 128 akta tersebut ada menyebut mengenai cara penghukuman ke atas pesalah muda ditakrifkan sebagai pesalah di bawah umur iaitu 16 tahun iaitu hukuman alternatif yang berbentuk rehabilitatif seperti teguran wajar oleh mahkamah dan juga bon berkelakuan baik di bawah pengawasan ibu bapa/penjaga melalui latihan secara berterusan.

Para Hakim Syarie didedahkan cara penghukuman tersebut dalam memutuskan hukuman yang wajar ke atas kesalahan kanak-kanak.

Selain itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) juga dalam proses menubuhkan garis panduan pengendalian pesalah kategori tersebut. Jadi, walaupun tidak disebut pengecualian hukuman sebat secara jelas, tetapi pihak Hakim Syarie diberi beberapa opsyen untuk mengenakan selain daripada hukuman sebat itu dengan hukuman berbentuk pemulihan, teguran dan juga rehabilitatif yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak. Ini kebanyakannya diamalkan oleh para hakim-hakim mahkamah syariah dalam kes pengendalian hukuman kepada kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan tambahan yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary atas jawapan yang telah diberikan.

**Dato' Husain Awang:** Minta kecualikan satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

**6. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apa yang telah dilakukan atau tindakan yang diambil pihak DBKL dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi di bandar raya.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa prihatin dalam membantu rakyat menghadapi kos sara hidup yang meningkat khususnya rakyat di Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil pelbagai inisiatif berterusan bertujuan untuk menangani isu kos sara hidup melalui program MyGrocer@Wilayah, MySchoolBus@Wilayah, MyJob@Wilayah, MyMedic@Wilayah dan juga MyFood@Wilayah.

Di samping itu, KWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyediakan kemudahan perumahan untuk sewaan dengan kadar mampu milik melalui Program Rumah Majlis serta Rumah Mikro. Selain daripada itu, KWP turut melaksanakan langkah-langkah proaktif dengan mewujudkan program jaringan sosial bertujuan meningkatkan pendapatan melalui keusahawanan seperti program usahawan muda kota dan pemberian lesen peniagaan kecil inisiatif Wilayah Bebas Berniaga.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat Senator juga, mulai 14 Julai 2022, KWP telah memperkenalkan Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah yang diadakan satu kali seminggu. Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah ini merupakan usaha KWP dalam membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup melalui penyediaan jualan ayam dan telur ayam dengan pemberian subsidi. Nilai subsidi yang diberikan oleh Kementerian Wilayah dalam tempoh sebulan di Kuala Lumpur dan Labuan adalah sebanyak RM581 ribu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KWP memberikan kadar subsidi bersasar sebanyak RM3 bagi pembelian seekor ayam super manakala 50 sen subsidi bagi 10 biji telur ayam. Pemberian subsidi ini akan memanfaatkan seramai 147 ribu orang penduduk yang tinggal di 61 Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Awam (PPA) di Kuala Lumpur.

Sehingga 5 Ogos 2022, seramai 63 ribu orang penerima manfaat telah menikmati subsidi ayam segar dan telur ayam di Kuala Lumpur dengan nilai subsidi yang dibiayai oleh KWP sebanyak RM221,536.

Di samping itu, pembekal-pembekal di bawah program ini juga menjual barangan keperluan asas seperti ikan, daging, sayur-sayuran dan barangan makanan kering seperti gula, tepung dan minyak masak dengan kadar lima peratus hingga 10 peratus lebih murah berbanding pasar awam berdekatan dengan penduduk khususnya di PPR

dan juga PPA Kuala Lumpur. Ini merupakan inisiatif pembekal-pembekal sendiri tanpa melibatkan subsidi KWP.

Boleh saya sambung sedikit ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Manakala pelaksanaan Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah di Labuan dilaksanakan melalui peruncit-peruncit yang telah dikenal pasti oleh Perbadanan Labuan bagi memudahkan pemberian subsidi serta *accessibility* kepada kumpulan sasar. Pemberian subsidi ini dijangka memberi manfaat kepada 15 ribu orang penduduk di Labuan.

Mulai 15 Ogos 2022, KWP akan melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia selaras dengan arahan keputusan Jawatankuasa Jihad Tangani Inflasi. Melalui program ini, penduduk di PPR dan PPA bakal mendapat manfaat daripada jualan murah sebanyak dua kali seminggu yang bakal dilaksanakan. Terima kasih.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan saya. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula Kad Ceria yang pernah digunakan pada tahun 2015 hingga 2018 bagi memberi kemudahan kepada warga Wilayah Persekutuan menikmati diskaun pembelian di 3,798 buah premis atau rakan dagang pada masa itu demi mengurangkan kos sara hidup rakyat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, semua sekali amalan baik yang pernah dilakukan pada masa yang lepas akan diteruskan. Apa yang saya beritahu tadi itu ialah inisiatif tambahan yang kita laksanakan. Sebelum petanda inflasi itu meningkat, itu kita perkenalkan. Bila kadar inflasi meningkat sedikit baru-baru ini, kita telah memperkenalkan MyGrocer@Wilayah dan juga Jualan Rakyat. Ini yang terbaru yang kita perkenalkan dalam bulan Julai dan, *insya-Allah*, ini akan berterusan.

Jadi, warga PPR dan juga PPA di Wilayah Persekutuan, di samping semua perkara yang telah saya sebutkan yang mereka manfaat, akan mendapat apa yang saya telah sebutkan. Dan saya akan juga umumkan di akhir bulan ini bahawa tidak ada lagi miskin tegar di Wilayah Persekutuan. Yang ada ialah miskin. Terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersangkut dengan soalan beban kos sara hidup yang semakin tinggi di bandar raya, kita akan dapati selepas ini lebih ramai warga-warga emas yang tidak dalam skim berpencen akan menjadi miskin terutama di bandar-bandar besar. Adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menambahkan lagi bilangan rumah gelandangan dan memanjangkan lagi tempoh pendudukan mereka yang dikenal pasti itu di rumah gelandangan? Sekarang tak berapa banyak. Adakah hasrat DBKL hendak menambahkan rumah gelandangan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, di Wilayah ini, kita ada miskin tegar dan juga miskin. Miskin tegar ini,

pendapatannya RM1,110 dan kalau dia melepasi RM1,110 bererti dia termasuk di bawah kategori miskin.

Jadi, setelah diperincikan dan kita mendapat kerjasama daripada Baitulmal dan juga kebajikan, *insya-Allah*, miskin tegar tidak ada lagi di Wilayah sebab mereka akan mendapat pendapatan melebihi RM1,120. Ini sebab apa, Baitulmal sendiri memberi bantuan RM700 dan kebajikan memberi RM500, Yayasan Wilayah bagi RM200. Baitulmal bagi rumah percuma, elektrik percuma, air percuma. Jadi, ini akan membolehkan tidak ada miskin tegar lagi di wilayah tetapi ini akan diumumkan kemudian. Mereka masuk dalam kategori miskin.

Apa Yang Berhormat sebutkan tadi, kita telah memperkenalkan *Council Home*. *Council Home* ini untuk B40 dan juga M40 yang tidak dapat beli rumah. Kita bagi sewa-Tuan Yang di-Pertua, saya tambah sedikit boleh ya? So, kita bagi sewa yang paling rendahlah. Sewa di pasaran bagi rumah sebegini adalah dalam RM1,200. Kita akan bagi rendah mungkin di tahap separuh. Ini akan diputuskan dalam masa terdekat sebab rumah ini akan diduduki dalam bulan September.

#### ■1050

Keduanya ialah rumah mikro. Rumah mikro ini untuk bujang. Ini kita ada di Jalan Tunku Abdul Rahman. Ini pun kita sewa RM100 sebulan. Jadi, untuk gelandangan, kita ada Pusat Latihan Gelandangan di- kita ada Pusat Latihan Gelandangan dan juga lain-lain kemudahan yang kita bagi pada mereka. kan tetapi kita sedia maklum, kebanyakan tiap-tiap kali kita bagi tempat tinggal dan tempat makan, mereka jarang untuk mahu tinggal di sana. Mereka lebih suka berada di tempat gelandangan tetapi mereka telah dibagi latihan. Sekurangnya tiga bulan ini kita telah bagi latihan, dan 50 orang mahu bekerja dan dapat kerja, jadi *security guard* dan sebagainya.

Untuk kemiskinan dan kemiskinan tegar di wilayah ini, kita bagi perincian khusus dari semasa ke semasa, bukan berkala lagi. Kalau disebut ada orang katakan lah, contohnya ikat perut, tidak makan dan sebagainya, kita akan selesaikan dalam masa dua jam. Jadi, semua masalah yang tertampil, kita akan selesaikan dalam masa dua jam. Pejabat-pejabat wilayah DBKL di tiap-tiap Parlimen itu berfungsi untuk memberi perhatian kepada kemiskinan dan lain-lain perkara yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan kepada Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

**7. Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, mekanisme yang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan peranan sektor koperasi untuk menjadi salah satu pemacu ekonomi negara.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tan Sri Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

Untuk maklumat Yang Berhormat, terdapat sebanyak 14,834 buah koperasi didaftarkan, dengan keanggotaannya seramai 7.08 juta orang. Jumlah modal *share* atau yuran koperasi mencatatkan RM16.54 bilion dan jumlah aset koperasi pula RM154.98 bilion.

Selain itu, sumbangan perolehan koperasi kepada pendapatan negara pula adalah berjumlah RM37.89 bilion. Bagi memperkasakan gerakan koperasi ini, KUSKOP melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menubuhkan 16 buah federasi koperasi yang merupakan gabungan semua koperasi yang menjalankan semua aktiviti di bawah setiap sektor ekonomi iaitu:

- (i) pemborongan dan juga peruncitan;
- (ii) pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan;
- (iii) perkhidmatan kewangan;
- (iv) perladangan, hartanah dan industri pembinaan; dan
- (v) pertanian serta industri asas tani.

Menyedari kepentingan sektor koperasi dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat dan membantu menangani kos sara hidup rakyat, kerajaan telah pun bersetuju supaya federasi koperasi perladangan diberi kemudahan untuk memohon pengambilan pekerja asing.

Federasi pemborongan dan peruncitan pula melaksanakan Program Pemeriksaan Rantai Bekalan Koperasi (SKOP) sebagai usaha untuk memastikan bekalan barangan keperluan pengguna dapat dibekalkan secara konsisten dengan harga yang lebih murah. Federasi koperasi pertanian pula telah pun diperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah Tabung Modal Pusingan SKM bagi membantu koperasi mengembangkan industri agromakanan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya, apakah jenis geran yang ditawarkan kepada koperasi? Terutamanya ketika kita menghadapi COVID-19 ini, sudah tentu koperasi ini terpaksa memulakan meningkatkan ekonomi koperasi. Saya ingin bertanya, apakah tawaran geran dan apakah keistimewaan diberi setelah COVID-19 ini melanda? Terima kasih.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam bantuan ini ada dua lah. Satu dalam bentuk geran, satu bentuk pinjaman. Bentuk geran ini kita boleh memberikan geran kepada satu buah koperasi tetapi ada *limit* ia. Maksimum RM200

ribu kuota koperasi. Akan tetapi dalam masa yang sama, pinjaman juga telah kita tambah. Kalau dulu, maksimum Tabung Modal Pusingan ini RM10 juta tetapi sekarang ini telah kita telah pun naikkan kepada RM30 juta.

Akan tetapi kalau hendak pinjam setakat RM300 ribu, itu boleh diberikan pinjaman tanpa cagaran. Dalam masa yang sama, kerajaan juga memperuntukkan RM3 juta untuk kita memberikan subsidi kepada barangan-barangan yang dijual di kedai-kedai koperasi. Itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa hari ini kementerian saya ada edarkan buku. Jadi, siapa yang berminat ini, boleh lah tengok lebih *detail* kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh KUSKOP ini. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tambah sedikit lagi. Saya hendak rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Sejak mengambil alih portfolio, kementerian ini makin mantap dan pantas. Kita diterima lah dan kita pun dapat semua ini dalam ini, saya tengok memang banyak ruang dan peluang yang ada.

Dalam konteks soalan pada pagi ini, bantuan pelbagai koperasi geran disebut sampai RM300 ribu. Baru ini juga Yang Berhormat Menteri telah melancarkan Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi kawasan Parlimen. Jadi, sejauh mana geran ini mendapat sambutan? Apakah peranan Majlis ini untuk makluman rakyat? Terima kasih.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap kementerian saya. Dua soalan mengenai iaitu geran tetapi memang itu saya rasa RM200 itu adalah maksimum.

Akan tetapi apa yang kita selalu buat, katalah satu buah koperasi. Kita bagi ia dua peluang. Kita bagi ia geran, katakanlah RM50 ribu kita bagi geran. Pinjaman boleh jadi kita bagi RM200 ribu. Jadi, pinjaman pun ia dapat, geran pun ia dapat, seperti itulah. Akan tetapi selalunya koperasi-koperasi yang baru dibuka, setelah pegawai kita yakin bahawa koperasi ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti. Selalunya, setakat modal asal dalam RM20 ribu, selalunya kita akan berikan peruntukan.

Begitu juga inilah peranan Majlis Penggunaan Usahawan dan Koperasi di peringkat Parlimen yang saya ibaratkan pengerusi ini wakil Menteri lah. Oleh sebab wakil kementerian saya banyak, saya ada 11 buah agensi. Mustahil saya boleh turun padang untuk jumpa dengan semua agensi. Jadi, inilah peranan Majlis Penggunaan Usahawan dan Koperasi.

Saya turunkan kuasa saya sebagai Menteri. Jadi, siapa yang jadi pengerusi, mereka berhak untuk memanggil semua agensi-agensi yang ada di bawah kementerian saya di tiap-tiap kawasan Parlimen masing-masing untuk merancang apakah program yang patut dibuat. Jika pengerusi juga boleh berhak untuk mengetahui berapakah permohonan yang telah diluluskan dan- maksudnya, pengerusi berhak untuk mendapat



maklumat daripada pegawai-pegawai di bawah agensi saya untuk pastikan apa yang diputuskan oleh kementerian sampai ke akar umbi. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**8. Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, usaha-usaha kerajaan bagi memastikan bekalan ayam serta bahan asas yang lain mencukupi dan berterusan buat seluruh rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Timbalan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Untuk makluman, MAFI menggunakan dua pelan untuk menjayakan Agromakanan Negara: pertama, Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025; dan kedua, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Bagi memastikan bekalan hasil ternakan seperti ayam, telur, daging dan susu sentiasa mencukupi untuk kegunaan seluruh rakyat Malaysia. Antara tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut: pertama, pemberian subsidi kepada penternak ayam, pedaging dan penelur; kedua, melaksanakan sekatan sementara bagi pengeksportan ayam pedaging hidup bermula 1 Jun 2022; ketiga memansuhkan kebenaran mengimport AP terhadap ayam bulat; keempat, menangguhkan kutipan fi permit ke atas empat komoditi makanan ternakan iaitu jagung, soya, gandum dan makanan ternakan lain; dan kelima, mewujudkan stok pengimbal ayam untuk tempoh tujuh hari.

#### ■1100

Ketujuh, mengurangkan kebergantungan kepada sumber makanan import menerusi: inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara; kajian menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit; dan melaksanakan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia.

Manakala bagi meningkatkan bekalan daging dan susu pula, antara tindakan-tindakan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut: pertama, membangunkan Pelan Strategi Pembangunan Industri Pedaging Negara; kedua, meningkatkan populasi dan produktiviti lembu pedaging dan tenusu negara menerusi inisiatif-inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas; ketiga, membenarkan pengimportan daging lembu, kerbau, susu cair dari loji-loji penyembelihan dan pemprosesan luar

negara yang diluluskan; dan keempat, memberi inisiatif makanan terhadap ruminan kepada penternak kecil ruminan sebanyak RM300 per penternak.

Bagi sektor tanaman pula dilakukan: pemantauan pengeluaran hasil sepanjang masa; penyusunan jadual penanaman mengikut jangkaan cuaca; menggalakkan penanaman sayur untuk keperluan sendiri; penggunaan teknologi tanaman di dalam persekitaran terkawal; bantuan insentif kepada para petani; memperkasakan pertanian pintar iaitu konsep pertanian moden yang menggunakan aplikasi teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT); dan menjalankan program kerjasama strategik bersama pihak industri, kementerian dan agensi yang lain.

Ada satu perikanan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh teruskan.

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Boleh... *[Ketawa]* Bagi sektor perikanan pula, inisiatif diambil oleh kerajaan: pertama, melabuhkan tukun-tukun tiruan; kedua, pewartaan tanaman laut serta meningkatkan Kawasan Perlindungan Marin (MPA); ketiga, memperkenalkan dasar pengezonan semula kawasan penangkapan ikan yang melibatkan empat buah negeri di Pantai Barat; keempat, mengurus perikanan melalui pendekatan ekosistem; kelima, mewartakan kawasan *refugia* perikanan; keenam, menguatkuasakan penggunaan saiz mata pukat keroncong tidak kurang daripada 38 milimeter; ketujuh, pembekuan sementara ke atas semua permohonan lesen baharu *vessel*, Zon A, B dan C kecuali C2; dan kelapan, menjalankan program *Monitoring, Control and Surveillance* (MCS) bagi mengawal pelanggaran syarat lesen termasuk pencerobohan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan usaha-usaha yang telah ditunjukkan oleh kerajaan.

Soalan tambahan saya dalam isu tentang subsidi ia merupakan satu proses yang amat rumitkan. Apakah isu subsidi lambat turun kepada pengusaha ini diketahui oleh pihak kementerian? Apakah usaha kerajaan ataupun kementerian untuk mempercepatkan proses tuntutan subsidi ini?

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan subsidi yang dibiayai oleh kerajaan yang begitu banyak, yang berlaku masalah kelewatan baru-baru ini berpunca daripada COVID-19 sebenarnya. Pertama, subsidi baja. Ini kerana bekalan baja terputus ekoran input baja dari luar negara juga terputus. Itu pun kerajaan mengambil inisiatif yang agak pantas dengan kita memperkenalkan baja organik dan juga racun organik kepada para petani dalam negara kita.

Terakhir ini, *alhamdulillah* pengurusan pemberian subsidi-subsidi ini saya kira sudah balik berjalan lancar semula. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Soalan tambahan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai logistik dalam *supply chain* dengan izin, atau rangkaian bekalan.

Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, nyatakan apakah usaha-usaha kerajaan bagi menaik taraf rangkaian logistik terutamanya dalam bekalan ayam serta bahan-bahan asas yang lain untuk memastikan kesinambungan rangkaian bekalan ini kerana ini adalah penting untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan yang sangat baik untuk makluman kita semua. Apabila berlakunya pandemik COVID-19, di samping kita menanggung beban yang besar di sana ada hikmahnya.

Ada benda yang kita boleh manfaatkan di dalam negara kita terutamanya logistik. Kita menggunakan sistem aplikasi dalam negara kita... [*Rakaman kurang jelas*] Daripada badan-badan swasta seperti *Grab* dan lain-lain. Kerajaan juga mempunyai aplikasi yang tersendiri seperti FAMA, FAMACORP dan banyak lagi aplikasi-aplikasi yang kita gunakan. Ternyata para petani kita ini, dia dapat memasarkan barangan yang dikeluarkan itu secara lebih pantas dan dalam waktu yang sama dia boleh mengetepikan orang tengah dalam pengendalian jualan ataupun logistik untuk bahan-bahan yang dikeluarkan.

Keduanya juga, logistik yang kita pakai ini dalam tempoh PKP baru-baru ini, banyak agensi kerajaan membekalkan seperti LPP, tidak silap saya lebih daripada 20 buah lori yang kita guna untuk memunggah bahan-bahan ataupun hasil-hasil tanaman untuk dibawa ke negeri yang berbeza.

Umpamanya, hasil tanaman timun dari negeri Kelantan. Agensi ia mempunyai maklumat yang sangat baik, mana negeri yang tidak ada timun pada waktu itu. Maka perkhidmatan lori daripada pihak kerajaan selain daripada percuma ia mempercepatkan proses penghantaran hasil-hasil tanaman ini. Itu usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan dan sangat mendapat sambutan yang baik daripada penanam, pengeluar hasil ini dan juga pengguna di dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya ialah apakah bentuk pembangunan teknologi veterinar yang sedang diketengahkan oleh MAFI yang

berupaya melindungi haiwan ternakan daripada risiko jangkitan penyakit yang boleh menjejaskan kualiti dan kuantiti bekalan daging haiwan bagi pasaran tempatan? Buat masa ini kita kerap kali dengar ada penyakit tangan, kaki dan mulut. Terima kasih.

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat yang mengemukakan soalan berkenaan dengan ruminan yang ada di dalam negara kita yang sememangnya faktor cuaca. Ada musim kemarau, ada musim banjir, ada musim hujan kemudian panas. Selain daripada memberi kesan kepada manusia, ia memberi kesan kepada ruminan yang ada dalam negara kita, yang paling masyhur iaitu penyakit jangkitan kuku dan mulut.

■1110

Bagi pihak kerajaan, yang pertamanya kita memperkenalkan sistem yang agak ketat untuk memindahkan binatang daripada sebuah kawasan ke sebuah kawasan, dari negeri ke negeri dan begitu juga kemasukan ruminan daripada negara-negara luar seperti Thailand, Kemboja dan Vietnam untuk masuk ke dalam negara kita. Maka di sana kita menguatkuasakan proses untuk kenali binatang yang masuk ini bebas daripada sebarang penyakit.

Keduanya ialah teknologi perubatan yang dimiliki oleh veterinar yang baru-baru ini saya sendiri pergi melawat di kawasan veterinar di Pahang Darul Makmur di mana ubat-ubatan yang digunakan yang baharu. Cuma dengan maaf saya tidak ingat nama ubatnya, saya bukan doktor tetapi ubat-ubatan yang baharu yang memberi kesan yang sangat positif kepada jangkitan penyakit yang biasanya berjangkit kepada ruminan di dalam negara kita.

Untuk makluman, negara kita adalah antara negara yang sangat baiklah di Asia yang mengawal jangkitan penyakit ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

**9. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, pelan tertentu untuk menggalakkan set minda inovasi (*innovative mindset*) dalam kalangan murid-murid sekolah menengah sebagai suatu kaedah untuk membangunkan inovator bertaraf dunia pada masa akan datang.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator akan dirangkumkan berserta dengan maklumat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia juga, ya.

Melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE), MOSTI berhasrat untuk mengukuhkan:

- (i) ekosistem sains, teknologi dan inovasi;
- (ii) memperkasakan pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan; dan
- (iii) menggalakkan inovasi dalam peningkatan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan kualiti hidup.

Pada masa yang sama, pendekatan ini turut mendukung Pelan Pendidikan STEM Nasional 2018-2025 di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Selaras dengan hasrat untuk menggalakkan set minda inovasi dalam kalangan murid-murid sekolah menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan MOSTI telah melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan iaitu aspek pemikiran *competitional*, pemikiran reka bentuk *design thinking*, dengan izin, dan tabiat pemikiran kejuruteraan- *engineering habit of mind*. Ketiga-tiga aktiviti ini dilaksanakan sama ada secara formal ataupun tidak formal.

Seterusnya, melalui MOSTI beberapa buah agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, MRANTI, Akademi Sains Malaysia, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Bahagian Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (PSTI), MOSTI juga menjalankan aktiviti dan program pendidikan bersifat bukan formal yang bertujuan untuk menggalakkan apa Yang Berhormat soal iaitu set minda inovasi dalam kalangan murid-murid sekolah menengah.

Antara aktiviti dan program yang boleh disenaraikan di sini, minta izin Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Adham bin Baba:** iaitu seperti berikut:

- (i) Minggu Sains Negara (MSN) di bawah MOSTI;
- (ii) Malaysia Techlympics, MOSTI;
- (iii) Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri, Akademi Sains Malaysia;
- (iv) Cabaran Sains Kebangsaan, Akademi Sains Malaysia ;
- (v) Makmal Pembuatan iaitu YIM dan MRANTI;
- (vi) Cabaran Inovasi Dron, MRANTI;
- (vii) Cabaran Reka Cipta Kebangsaan, Pusat Sains Negara;
- (viii) Kejohanan Raket Kebangsaan, Planetarium Negara;
- (ix) Cabaran Jet Kawalan Jauh, Pusat Sains Negara;
- (x) Cabaran Angkasa Kebangsaan, Planetarium Negara; dan
- (xi) Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia, YIM.

Begitu juga dengan Agensi Nuklear, Kimia, MIGHT dan juga Pusat Nano Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, program yang melibatkan Minggu Sains Negara iaitu telah diadakan sejak tahun 2018, berusaha untuk memupuk minda masyarakat terhadap STI. Kumpulan sasaran tentu sekali pelajar sekolah, KPT dan juga masyarakat umum. Tema-tema yang kita keluarkan tentu sekali melibatkan inovasi sosial dan aktiviti serta pertandingan untuk menggalakkan semangat inovasi di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk program berasaskan *Malaysia Techlympics*, soalan juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wong Siaw Ting iaitu *Techlympics*. *Malaysia Techlympics* merupakan salah satu agenda utama tahun 2022 iaitu merencanakan aktiviti STI negara melalui *experiential learning* untuk melengkapkan pembelajaran *STEM Techlympics* ini di peringkat pembudayaan sains perdana. Setakat ini melibatkan satu juta orang belia berumur tujuh hingga 30 tahun. Sehingga kini Yang Berhormat, jejak digital *Techlympics* ini sudah capai 17 juta orang pelajar untuk memasuki pertandingan *Techlympic 2022*. Ini julung-julung kali diadakan untuk tahun ini. Kita berharap dapat lagi kita buat pada tahun-tahun yang akan mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah program sains berasaskan *inquiry* oleh ASM. Jaringan Saintis Muda di bawah Akademi Sains Malaysia juga menyumbang kepada peningkatan inovasi sains seperti program-program Gen Inovasi dan juga Begitulah Sang Suria. Terakhir ialah Ruang Reka STIE. Kita melaksanakan Program Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Keluarga Malaysia yang mana dengan adanya penawaran, pembelajaran, latihan dan bantuan teknikal ruang reka digunakan di lokasi-lokasi tertentu dalam negara kita.

Setakat ini tujuh buah ruang reka telah dibangunkan dan kita bercadang akan membangunkan enam buah lagi ruang reka supaya minat para pelajar dan orang awam serta *reach out* ke peringkat akar umbi dapat menggunakan ruang reka supaya akses kepada sains dan inovasi itu dapat dilaksanakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana juga melaksanakan program seperti program *STEM Hackathon*, *STEM4All* dan juga program *STEM Executive Consultation*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya, apa peranan khusus- *specific*, dengan izin, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dalam menggalakkan inovator-inovator tempatan dalam melaksanakan projek-projek mereka? Jawapan secara bertulis pun saya mengalu-alukan. Ini semata-mata untuk edaran kepada golongan inovator- *budding innovators* ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan. Penting soalan ini saya jawab sedikit, nanti yang lain saya akan salurkan melalui bertulis.

Dalam agenda khusus untuk galak inovator di peringkat akar umbi, MOSTI telah pun merancang supaya penggabungan *Technology Park Malaysia* (TPM) dan MaGIC, satu buah organisasi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia dijadikan sebagai penubuhan *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI).

Jadi dengan adanya hab MRANTI, kita mendapati bahawa untuk menggalakkan inovator tempatan ditempatkan di MRANTI. Di situ juga kita ada satu ekosistem yang dipanggil *The Malaysian Startup Ecosystem Roadmap* (SUPER) yang mana pembudayaan bermula di peringkat akar umbi ke peringkat *institutional* dan kementerian serta kita akan kaitkan mereka dengan salah satu lagi program iaitu *Malaysian Commercialization Year* (MCY) yang akan membawa produk-produk mereka ke peringkat dunia antarabangsa- *international*.

Dengan adanya ekosistem tersebut, apa yang disoal oleh Yang Berhormat tentu sekali kita galak inovator tempatan untuk membangunkan. Dana-dana yang disediakan oleh MOSTI terutama untuk mereka mendapatkan melalui beberapa buah agensi sama ada dana berbentuk geran, pembiayaan, ekuiti dan juga pinjaman. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

**10. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, adakah sekolah-sekolah dan guru-guru sudah bersedia dalam pedagogi pengajaran, pengurusan dan penilaian murid-murid setelah peperiksaan PT3 dihapuskan.

**Menteri Kanan Pendidikan [Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada Sistem Pentaksiran dan Penilaian Murid seiring dengan keperluan semasa. Dalam sistem pentaksiran kebangsaan, murid ditaksir melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan peperiksaan pusat. Berikutan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan PBS melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, PBS telah diperkenalkan lebih 10 tahun yang lalu iaitu mulai tahun 2011 di peringkat sekolah rendah dan tahun 2012 di peringkat sekolah menengah. Pentaksiran ini bertujuan untuk menilai aspek intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam konteks PBD, guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid sepanjang proses pembelajaran. PBD melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP tersebut.

Dengan ini, guru boleh merancang dan mengubahsuai kaedah PdP bagi membantu setiap murid meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran mereka. Pelaksanaan PBD secara berterusan dapat mempersiapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai sebagai asas yang kukuh untuk mengikuti pembelajaran di peringkat seterusnya.

Antara pendekatan dalam pengukuhan PBD bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 mulai tahun 2022 adalah dengan menambah baik pengurusan ujian akhir sesi akademik melalui penyediaan soalan setara standardnya oleh KPM. Soalan tersebut disediakan oleh guru yang berkepakaran dalam pembinaan item dan disimpan dalam sistem bank soalan yang dibangunkan oleh KPM.

Untuk tujuan pelaksanaan ujian akhir sesi akademik, pihak sekolah akan menjana set soalan daripada sistem tersebut dan ditadbir di sekolah seperti mana ujian akhir tahun sebelum ini. Panduan penskoran juga akan disediakan untuk kemudahan guru. Penambahbaikan kepada ujian akhir sesi akademik ini adalah bagi membolehkan guru dan ibu bapa bersama-sama membantu membangunkan potensi murid bermula daripada peringkat sekolah rendah.

Dalam mencapai hasrat ini, pelaporan ujian akhir sesi akademik akan digunakan untuk membolehkan intervensi awal dilakukan bagi mengoptimumkan potensi murid. Pelaporan ini bukan untuk tujuan perbandingan pencapaian antara murid atau sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kejayaan dan kemenjadian murid haruslah dilihat secara holistik dan bukan semata-mata berdasarkan prestasi dalam bidang akademik sahaja.

Justeru, pentafsiran melalui PAJSK dan PPSi juga diperkukuh bagi menilai perkembangan murid dalam aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat, kecenderungan serta pembentukan sahsiah. KPM juga akan menambah baik dan memantapkan kaedah pelaporan PBD. Melalui kaedah ini, pencapaian murid dilakukan secara menyeluruh sebanyak dua kali setahun iaitu pada pertengahan sesi akademik dan akhir sesi akademik dengan menggunakan *descriptor* tahap penguasaan yang



komprehensif dan lebih jelas. Pelaporan ini juga menilai tahap usaha murid dalam pembelajaran.

Di samping itu, guru kelas dan guru mata pelajaran akan memberi ulasan dan cadangan intervensi bagi mengoptimumkan potensi murid. Selain daripada pelaporan PBD, laporan akhir sesi akademik akan turut disertakan dengan pelaporan PAJSK dan PPSi.

Secara keseluruhan, penambahbaikan pelaporan PBS dapat memberi gambaran mengenai kemenjadian murid secara menyeluruh, komprehensif dan bermakna. Pemeraksanaan PBS merupakan antara pendekatan KPM untuk beralih daripada pembelajaran berorientasi peperiksaan kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan untuk murid.

Selain itu, KPM juga mempergiatkan program latihan untuk pentadbir dan guru bagi meningkatkan kemahiran serta memantapkan pelaksanaan pentaksiran berterusan di sekolah. Guru juga akan terus dilatih untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti dalam PdP termasuk penggunaan teknologi digital.

KPM yakin pelaksanaan libat urus dan pelbagai program latihan secara berterusan serta penyediaan garis panduan pelaksanaan pentafsiran berupaya meningkatkan kesediaan guru dan pihak sekolah untuk melaksanakan PdP dan pentafsiran murid. Sekian, terima kasih.

**Dr. Hajjah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan silakan.

**Dr. Hajjah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Kita memahami cabaran baharu yang dihadapi oleh guru-guru dan juga kita memahami kerisauan ibu bapa terhadap pencapaian akademi anak-anak ataupun pelajar-pelajar sekolah.

Jadi, soalan saya adakah pihak kementerian meletakkan satu- penanda aras? Bagaimana pihak kementerian menilai guru-guru bagi memastikan mereka sudah bersedia dan boleh membuat pertimbangan yang profesional terhadap pencapaian ataupun keupayaan murid-murid. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama sekali, soalan tadi sama ada guru-guru telah bersedia untuk melaksanakan pentaksiran ini secara profesional?

Seperti mana yang saya jelaskan tadi sebenarnya pentaksiran berasaskan sekolah PBS ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2011 di sekolah rendah dan tahun 2012 di sekolah menengah. Ia sudah berlarutan lebih 10 tahun. Guru-guru telah dilatih berkaitan dengan pentaksiran ini dan pada masa yang sama kita juga ada proses penjaminan kualiti untuk memastikan pendekatan yang digunakan oleh guru itu memenuhi keperluan dan memenuhi hasrat kita dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah ini.

Apa yang lebih penting adalah untuk kita bersama-sama memberi penekanan kepada guru-guru tentang betapa pentingnya untuk mereka menggunakan inovasi dan kreativiti yang lebih bermakna dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini bagi memastikan semua murid dapat turut sama dalam proses pembelajaran itu dan membolehkan guru memberi penilaian yang lebih menyeluruh. Jadi, apa yang penting dalam konteks kita menghapuskan PT3 ini adalah untuk kita bersama-sama menyokong sistem yang ada termasuklah melalui pengenalan pelaporan yang lebih lengkap.

Selain daripada itu juga, kita adakan seperti mana saya sebut tadi ujian akhir sesi akademik di mana ujian ini soalan-soalannya disediakan secara standardnya yang lebih kurang sama oleh pihak kementerian dan akan diletakkan soalan ini dalam bank soalan. Guru-guru akan mengambil soalan ini, bina soalan ini di sekolah dan ini akan membolehkan dalam pendekatan ini kita di peringkat kementerian memantau apakah pencapaian murid di seluruh negara.

Akan tetapi, ingin saya jelaskan juga bahawa ujian akhir sesi akademik ini bukanlah satu pentaksiran pusat macam sebelum ini. Dia macam peperiksaan akhir tahun, cuma kita laksanakan secara lebih bersusun bagi memastikan supaya kita mendapat maklumat berkaitan dengan apakah intervensi yang kita boleh laksanakan.

Apa yang paling penting adalah untuk kita melihat ujian ini sebagai usaha untuk kita sama-sama membina murid itu dan bukan untuk membandingkan murid ataupun membandingkan antara sekolah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kanan kita yang telah menerangkan mekanisme yang sedia ada, menilai prestasi murid-murid tanpa peperiksaan PT3.

Soalan tambahan saya- mohon Yang Berhormat Menteri Kanan memberikan pencerahan berhubung usaha kerajaan dalam mengekalkan daya saing murid-murid, *the competitiveness of the students* terutamanya selepas PT3 dihapuskan? Bagilah keutamaan Tingkatan 1 dan kepada Tingkatan 3. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Pertama sekali, apa yang kita laksanakan untuk memastikan bahawa kita dapat meningkatkan daya saing murid-murid kita di sekolah. Seperti mana yang saya sebutkan tadi antara tujuan kita menghapuskan peperiksaan ini adalah untuk memberi ruang yang lebih luas kepada guru-guru menggunakan pelbagai kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran supaya pengajaran dan pembelajaran itu lebih menyeronokkan.

Apabila murid-murid ini diberi ruang yang cukup di peringkat sekolah rendah untuk mempelajari sesuatu topik itu dalam keadaan yang lebih menyeronokkan, maka penerimaan mereka untuk mata pelajaran tersebut akan lebih baik.

Ini khususnya adalah amat penting bagi mata pelajaran seperti kita lihat mata pelajaran berkaitan sains dan teknologi. Jadi, pendekatan-pendekatan yang kita gunakan ini kita akan dapat pastikan kita lahirkan murid yang mampu berdaya saing.

Selain daripada itu juga, kita perkenalkan apa yang kita sebut konsep 'Sekolahku SEJAHTERA'. Dalam konsep 'Sekolahku SEJAHTERA' ini ada 14 elemen penting kehidupan yang kita ingin terapkan kepada murid-murid kita secara langsung ataupun tidak langsung dalam pembelajaran supaya apabila mereka keluar daripada sistem pendidikan kita, mereka mempunyai sikap-sikap yang membolehkan mereka bersaing di peringkat global. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

■1130

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, adakah pelan tindakan kerajaan dalam mengurangkan kerja-kerja yang perlu dibuat oleh guru seperti *paperwork* dan *data entry*, dengan izin, supaya mereka dapat menumpukan masa dalam pengajaran dan pembelajaran? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Apa yang kita sedang laksanakan pada waktu ini adalah untuk kita meningkatkan kecekapan sistem. Kita sedar ada keadaan di mana guru-guru perlu memasukkan data yang sama di dua-tiga tempat. Jadi, kita sedang membina satu sistem, sebagai contoh Pelaporan PBD Secara Berpusat, di mana mereka hanya perlu masukkan data sekali sahaja dan data itu boleh dikongsi dengan pelbagai pihak lain jika diperlukan. Itu satu.

Sebagai satu lagi contoh lain adalah dalam konteks pembinaan jadual waktu di sekolah. Ada sekolah-sekolah yang mempunyai guru yang ramai.

Pada waktu ini, jadual waktu masih dibina secara manual atau menggunakan aplikasi yang dibeli di luar sana. Kementerian telah membuat keputusan untuk kita bina satu sistem khusus untuk membolehkan Penolong Kanan Pentadbiran membina jadual waktu dengan menggunakan sistem tersebut dengan lebih cekap dan efisien. Jadi, tumpuan kita adalah untuk mengurangkan perkara-perkara yang banyak mengambil masa guru-guru ini dengan meningkatkan kecekapan sistem khususnya dalam konteks pendigitalan. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Soalan tambahan terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi soal jawab sesi Dewan Negara dihentikan.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab kita telah menjadualkan pembentangan pindaan kepada Perlembagaan, justeru...

*Perak dipakai, suasa dibela,  
Gerak dah sampai, masa sudah tiba... [Tepuk]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 3) 2022**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.32 pg.**

**Perdana Menteri [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dibacakan Kali Yang Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ini bertujuan untuk meminda, memansuhkan peruntukan sedia ada serta memasukkan peruntukan baharu dalam Perlembagaan Persekutuan bagi mewujudkan peruntukan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Sebelum ini, rang undang-undang mengenai pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berkaitan peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Santubong untuk Bacaan Pertama di Dewan Rakyat pada 11 April 2022 yang lalu dan saya seterusnya telah melaksanakan bacaan kedua rang undang-undang ini pada 27 Julai 2022 di Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas.

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 telah dibahaskan pada 27 Julai 2022 dan 28 Julai 2022 yang menyaksikan penglibatan seramai 54 orang Ahli Dewan Rakyat dan antara persoalan yang dibahaskan merangkumi tafsiran Ahli Dewan Rakyat bertukar parti, pemakaian pindaan ini kepada Ahli Dewan Rakyat Bebas dan gabungan parti-parti, pemansuhan Fasal 6 Perkara 48, pemakaian Rang Undang-undang kepada Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta pengecualian peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Selanjutnya, sesi penggulungan perbahasan dan Bacaan Ketiga rang undang-undang ini diteruskan oleh Yang Berhormat Santubong pada 28 Julai 2022.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negara bahawa tarikh yang sama 28 Julai 2022 menjadi sejarah untuk negara kerana buat julung kalinya peruntukan larangan Ahli Dewan Negara bertukar parti yang digubal melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan diluluskan di Dewan Rakyat dengan majoriti undian sebanyak 209 manakala 11 orang Ahli Dewan Rakyat tidak hadir. Bermakna yang hadir kesemuanya menyokong rang undang-undang ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius tindakan bertukar parti atau lompat parti atau, dengan izin, *defection*, *party jumping* atau *floor crossing* yang telah menimbulkan banyak perdebatan dan polemik dalam kalangan masyarakat umum. Ini kerana ia melibatkan mandat atau kepercayaan rakyat yang memilih Wakil Rakyat mereka di Dewan Rakyat.

Bagi membuktikan keseriusan kerajaan dalam perkara ini, Jemaah Menteri bersetuju untuk merealisasikan pindaan Perlembagaan berkenaan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang).

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Santubong kerana telah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang... [Tepuk]

Sebanyak 12 Sesi Libat Urus yang komprehensif dengan pihak-pihak berkepentingan telah diadakan seawal 23 November 2021 hingga 10 April 2022 melibatkan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara.

Berdasarkan input dan pandangan daripada semua Sesi Libat Urus tersebut serta keputusan kerajaan pada 11 Mac 2022 dan 6 April 2022, Sidang Khas Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah diadakan pada 11 April 2022. Ini selaras dengan Peraturan 11(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dibacakan Kali Yang Pertama dan diikuti perbahasan dalam proses Bacaan Kali Kedua.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa sidang Mesyuarat Majlis Khas Dewan Rakyat pada 11 April 2022 berpandangan bahawa pindaan asal Perlembagaan Persekutuan melalui rang undang-undang ini perlu diteliti semula daripada aspek penetapan dasar yang lebih jelas. Pendirian sidang Mesyuarat Majlis Khas Dewan Rakyat tersebut diambil perhatian dan kerajaan berpendirian untuk memastikan penggubalan peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti yang memenuhi ekspektasi-ekspektasi semua pihak.

Justeru, sidang Mesyuarat Majlis Khas Dewan Rakyat ini tidak dapat diteruskan ke peringkat Dewan Negara kerana situasi yang saya jelaskan sebentar tadi.

Susulan tersebut, sidang yang sama seterusnya meluluskan Usul Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas yang bukan sahaja diwakili oleh pihak Kerajaan bahkan pihak Pembangkang untuk membuat syor berhubung pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti di bawah Peraturan 81(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membuat syor-syor mengenainya.

Pertama, meneliti dan memberi pengkhususan ke atas tafsiran kepada "*Larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti*" dengan merujuk kepada Fasal 2(c), dan Fasal 3, "*Sekatan-sekatan ke atas hak membentuk persatuan yang diberi oleh perenggan (c) Fasal 1*".

Kedua, cadangan untuk memansuhkan Perkara 48(6) Perlembagaan Persekutuan termasuk mana-mana pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan yang dianggap perlu.

Ketiga, menyediakan satu penyata yang mengandungi cadangan rang undang-undang yang berkaitan dengan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti serta pindaan Perlembagaan berkaitan dalam tempoh satu bulan. Jawatankuasa Pilihan Khas boleh melanjutkan tempoh ini sekiranya perlu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan, kerajaan mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan serta input Ahli-ahli Dewan Rakyat termasuk Ahli Jemaah Menteri terhadap keperluan menggubal peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti demi kelangsungan politik negara yang stabil.

#### ■1140

Selaras dengan perkara ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (3) 2022 dan mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti telah mengadakan tujuh siri Mesyuarat dan perbincangan bermula 15 April 2022 sehingga 12 Julai 2022 untuk melaksanakan tugas sebagaimana syor-syor Jawatankuasa Pilihan Khas.

Keahlian Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen itu terdiri daripada 11 orang Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang yang pada pengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri- Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Ahli Parlimen Santubong.

Ahli-ahli Parlimen kerajaan yang menganggotai Jawatankuasa itu terdiri daripada Yang Berhormat Pengerang daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Padang Rengas daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Larut daripada BERSATU, Yang Berhormat Kota Bharu daripada PAS dan Yang Berhormat Sibuti daripada GPS.

Manakala, wakil pembangkang pula terdiri daripada Yang Berhormat Puchong daripada Pakatan Harapan, Yang Berhormat Sepang daripada PH, Yang Berhormat

Tuaran daripada UPKO, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu daripada PH dan Yang Berhormat Penampang daripada WARISAN.

Jawatankuasa Pilihan Khas juga menerima pandangan bertulis daripada pelbagai pihak, termasuk organisasi bukan kerajaan (NGO), aktivis sosial dan organisasi (CSO), ahli-ahli akademik dan parti politik. Antaranya seperti *Coalition for Clean and Fair Elections* (BERSIH), *Transparency International Malaysia* (TIM) dan *Malaysia Center for Constitutionalism and Human Rights* (MCCHR).

Kesemua input dan pandangan yang diterima daripada Ahli Jemaah Menteri, NGO-NGO, ahli akademik dan parti politik ini diteliti dan dibincangkan dalam Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas. Secara umumnya, beberapa isu dan persoalan mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti menjadi perdebatan dan perbincangan bukan sahaja di media massa dan media sosial, malah turut dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Antara persoalan-persoalan tersebut adalah:

- (i) pendekatan ataupun *approach* terbaik, dengan izin, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan sahaja atau pendekatan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan disusuli dengan suatu akta larangan bertukar parti yang khusus;
- (ii) tafsiran yang lebih jelas berkaitan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti, antaranya seperti adakah Ahli Dewan Rakyat daripada suatu parti politik dan kemudiannya menjadi Ahli Dewan Rakyat Bebas dianggap bertukar parti;
- (iii) adakah Ahli Dewan Rakyat yang bertanding di atas tiket Bebas dan kemudiannya menyertai suatu parti politik dianggap bertukar parti;
- (iv) kedudukan Ahli Dewan Rakyat yang bertukar parti dalam parti gabungan yang sama dan parti gabungan yang berbeza dan sama ada Ahli Dewan Rakyat yang dipecat dari suatu parti politik dianggap bertukar parti;
- (v) keanggotaan dalam parti gabungan, pemakaian peruntukan larangan bertukar parti bagi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri;
- (vi) pemansuhan Fasal 6, Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahliannya di dalam Dewan Rakyat boleh bertanding semula;

- (vii) rundingan kerajaan negeri untuk menggubal perundangan berkaitan larangan Ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti; dan
- (viii) mekanisme pemakluman kekosongan kerusi setelah Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan sewajarnya dan perbincangan lanjut telah dibuat Jawatankuasa Pilihan Khas terhadap semua persoalan berbangkit berkaitan Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti, termasuk implikasi penggubalan peruntukan-peruntukan tertentu berkaitan perkara ini kepada Ahli Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian, parameter gubalan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)(3) 2022, pindaan dalam Jawatankuasa di Dewan Rakyat ini ditetapkan. Antaranya seperti sebagaimana berikut:

- (i) perundangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti ini tidak akan terpakai secara retrospektif iaitu pelaksanaan akta mulai tarikh kuat kuasa akta;
- (ii) pendekatan satu langkah, *one step approach*, dengan izin, diambil dalam memperkenalkan undang-undang larangan bertukar parti iaitu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) Ahli Dewan Rakyat yang keluar daripada parti politik dalam satu gabungan dan menyertai parti politik yang lain dalam parti gabungan yang sama atau berbeza, adalah terhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat;
- (iv) keanggotaan seorang Ahli Dewan Rakyat merujuk kepada keanggotaan dalam sebuah parti politik tidak kira sama ada parti politik itu merupakan anggota sebuah parti gabungan. Selain itu, keanggotaan seorang Ahli Dewan Rakyat juga merujuk kepada seorang Ahli Dewan Rakyat yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan politik tetapi ialah anggota parti gabungan itu ataupun *direct member of the coalition party*;
- (v) keanggotaan Ahli Dewan Rakyat dalam parti gabungan tidak akan diambil kira kerana persoalan dasar utama yang menjadi asas dalam penggubalan rang undang-undang ini adalah keahlian seorang Ahli Dewan Rakyat dalam suatu parti politik;



- (vi) penggunaan simbol parti politik atau simbol parti gabungan tidak akan diambil kira dalam rang undang-undang berkaitan dengan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti;
- (vii) mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang bertukar parti politik atau mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang meninggalkan parti politik yang beliau menjadi calon semasa pilihan raya untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat Bebas, akan terhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat dan perlu mengosongkan kerusi; dan
- (viii) pengecualian terhadap Ahli Dewan Rakyat bertukar parti sebagai mana berikut:
  - (a) Ahli Dewan Rakyat tidak berhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat sekiranya parti politik terubur dan dibatalkan pendaftaran.
  - (b) pelepasan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat daripada parti politik apabila dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak menyebabkan beliau terhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat; dan
  - (c) pemecatan Ahli Dewan Rakyat daripada keanggotaan dalam parti politik dikecualikan dari Ahli Dewan Rakyat terhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat.

Di kesempatan ini juga saya ingin menjelaskan parameter utama penggubalan rang undang-undang ini iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas bersetuju untuk peruntukan larangan bertukar parti melalui rang undang-undang ini tidak terpakai kepada Ahli Dewan Rakyat setelah mempertimbangkan beberapa pandangan.

Antaranya seperti berikut. Pertamanya, Ahli Dewan Negara dibahagikan kepada dua kategori iaitu Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh negeri berdasarkan keahlian sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili parti politik masing-masing.

Oleh yang demikian, peruntukan larangan bertukar parti pada peringkat ini tidak terpakai ke atas Ahli Dewan Negara, mengambil kira beberapa aspek penting iaitu isu perundangan ini di peringkat negeri, selain daripada memerlukan perundingan dan perkenan daripada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kedua, Ahli Dewan Negara dan semua pihak yang berkepentingan sewajarnya diperjelaskan melalui sesi libat urus terlebih dahulu sebelum pindaan Perlembagaan berkaitan pindah parti yang melibatkan Ahli Dewan Negara. Jadi, kita akan bincang dengan Ahli Dewan Negara.

**■1150**

Selaras dengan perkara ini, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 yang digubal ini mengandungi empat perenggan dan enam fasal dengan perincian seperti berikut.

Perenggan 1 bertujuan untuk memasukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan berkenaan dengan Fasal 6 iaitu Yang di-Pertuan Agong boleh dengan persetujuan Raja dan Yang di-Pertua Negeri bagi suatu negeri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi fasal itu dalam negeri itu.

Dalam erti kata lain, perenggan ini memberikan ruang kepada kerajaan negeri, Dewan Undangan Negeri untuk melaksanakan peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti melalui pindaan Perlembagaan Negeri tertakluk persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Perenggan 2 bertujuan untuk menggantikan perenggan (b) untuk membolehkan sekatan ke atas hak untuk menubuhkan persatuan berhubung dengan Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan mana-mana negeri dikenakan masing-masing oleh Perkara 49A dan seksyen 7A Jadual Kelapan.

Perenggan 3 bertujuan untuk memasukkan fasal baharu 3, fasal 4, fasal 5 dan fasal 6 seperti berikut.

Fasal baharu 3 bertujuan untuk memotong fasal (6) Perkara 48. Pemotongan ini akan membolehkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahliannya untuk bertanding semula pada bila-bila masa selepas dia melepaskan keahliannya dalam Dewan Rakyat dan dengan demikian, kehilangan kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi tempoh lima tahun lagi tidak terpakai.

Fasal baharu 4 bertujuan untuk memasukkan perkara baharu 49A ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang Ahli Dewan Rakyat hendaklah terhenti menjadi Ahli Dewan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan di bawah fasal (3) Perkara baharu 49A jika telah dipilih ke Dewan Rakyat sebagai anggota suatu parti politik, dia melepaskan keanggotaan atau terhenti menjadi anggota parti politik itu.

Perkara yang sama juga terpakai bagi calon bebas yang telah dipilih ke Dewan Rakyat menyertai suatu parti politik. Perkataan "anggota suatu parti politik" yang disebut dalam Perkara baharu 49A hendaklah termasuk Ahli Dewan Rakyat yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan parti politik tetapi ialah anggota gabungan itu.

Kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat hendaklah dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan apabila menerima notis bertulis daripada mana-mana ahli Dewan itu

mengenai berlakunya kekosongan itu dan dia hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya tentang kekosongan itu dalam tempoh 21 hari daripada tarikh dia menerima notis bertulis itu. Bagi maksud Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjalankan suatu pilihan raya dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua Dewan.

Fasal baharu 5 bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “parti politik” ke dalam fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal baharu 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa seorang Ahli Dewan Undangan hendaklah berhenti menjadi Ahli Dewan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja satu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan di bawah subseksyen (3) seksyen baharu 7A jika telah dipilih ke Dewan Undangan sebagai anggota suatu parti politik, dia melepaskan keanggotaan atau berhenti menjadi anggota parti politik itu. Perkara yang sama juga terpakai bagi calon bebas yang telah dipilih ke Dewan Undangan menyertai suatu parti politik. Perkataan “anggota suatu parti politik” yang disebut dalam seksyen baharu 7A hendaklah termasuk Ahli Dewan Undangan yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan parti politik tetapi ialah anggota gabungan itu.

Seksyen baharu 7A juga memperuntukkan keadaan apabila seseorang Ahli Dewan Undangan tidak berhenti menjadi Ahli Dewan Undangan itu.

Kekosongan luar jangka di Dewan Undangan hendaklah dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan apabila menerima notis bertulis daripada mana-mana Ahli Dewan Undangan itu mengenai berlakunya kekosongan itu dan dia hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya tentang kekosongan itu dalam tempoh 21 hari daripada tarikh dia menerima notis bertulis itu. Bagi maksud subseksyen (5) seksyen 9 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjalankan suatu pilihan raya dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Suruhanjaya Pilihan Raya menerima pemberitahuan itu daripada Yang di-Pertua.

Perenggan 4 bertujuan untuk menggantikan implikasi kewangan rang undang-undang memandangkan kemasukan Perkara baharu 49A dan pindaan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan bagi maksud pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengisi kekosongan luar jangka Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan mana-mana negeri... *[Meneguk sedikit air]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan dan mengulangi komitmen kerajaan bahawa penggubalan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 ini bertujuan memastikan kestabilan politik dan mengelakkan negara terus

berdepan dengan krisis politik yang tiada berkesudahan. Pindaan undang-undang ini juga untuk memberikan mesej yang jelas kepada setiap Ahli Dewan Rakyat supaya berpegang kepada prinsip parti yang diwakili untuk melindungi mandat rakyat yang telah memberi undi serta kepercayaan yang tinggi kepada Ahli Dewan Rakyat ketika proses pilihan raya.

Selain daripada itu, saya yakin undang-undang ini juga mampu menghentikan tindakan mana-mana pihak yang dipilih dan dilantik daripada bertukar parti tanpa sebab kukuh atau alasan munasabah, sekali gus memastikan kestabilan politik negara untuk suatu jangka masa panjang. Penggubalan rang undang-undang ini telah mengambil masa hampir setahun. Sesungguhnya, proses penggubalannya bukanlah suatu proses yang mudah kerana ia melibatkan masa, tenaga dan komitmen semua pihak yang terlibat iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Parlimen Malaysia.

Sehubungan dengan itu, sokongan semua Ahli Yang Berhormat kepada pindaan rang undang-undang ini amatlah penting. Memandangkan keperluan fasal (3) Perkara 159 yang tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan di mana suatu rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan hanya dapat diluluskan jika mendapat sokongan pada bacaan kali kedua dan bacaan kali ketiga, tidak kurang daripada dua pertiga atau 40 jumlah minimum daripada 60 Ahli Dewan Negara.

Besarliah harapan saya agar rang undang-undang ini dapat disokong dan diluluskan secara sebulat suara oleh Ahli-ahli Dewan Negara dengan berteraskan semangat Keluarga Malaysia... *[Tepuk]*

Rang undang-undang ini merupakan satu sejarah besar kepada negara kerana ia dihasilkan melalui perundingan dan perbincangan antara kedua-dua belah pihak iaitu pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang. Sokongan daripada Ahli Yang Berhormat semua, saya dahulukan di sini dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih... *[Tepuk]* Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Siapakah yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Disokong oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahaskan.

Seorang dibenarkan 10 minit maksimum dan bernas hendaknya dan membawa mesej seperti yang telah difikirkan dalam perbincangan tempoh hari.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**12.00 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk jadi pembahas pertama Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dan mengenai peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya menyatukan kerajaan dan juga pembangkang bagi mengangkat Akta Lompat Parti diluluskan dengan sempurna. Syabas juga kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang kerana melaksanakan amanah dengan sempurna di mana 12 kali libat urus telah diadakan bermula 23 November pada tahun yang lalu.

Justeru, ia memberi peluang kepada rakyat untuk menghidupkan semula semangat demokrasi negara kita yang tercinta yang selama ini jauh tersasar daripada politik Demokrasi Berparlimen. Ia akan menjadi lipatan sejarah kepada negara kita, menjadikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama berani mengorak langkah untuk menghapuskan politik wang dan juga mengangkat kuasa rakyat.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Perdana Menteri tadi, pindaan ini diluluskan dengan undi majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat dengan seramai 209 Ahli Parlimen bersetuju dan 11 Ahli Parlimen tidak hadir menerusi undi belah bahagian di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Kelulusan itu menunjukkan komitmen semua Ahli Parlimen dari kerajaan ataupun pembangkang bersatu hati dalam memastikan Demokrasi Berparlimen dimartabatkan daripada masa ke semasa. Semua Ahli Parlimen yang hadir mengundi dan ini menunjukkan bahawa mereka tahu undang-undang, tahu menggunakan segala undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk memberikan makna sebenar undi rakyat, kita Ahli Dewan Negara juga bertanggungjawab menyokong 100 peratus RUU ini. *Insyaa-Allah*, selepas ini tiada lagi berlaku lompatan mana-mana pihak. Politik yang tidak berprinsip ini perlu dihentikan, dan jalan terbaik RUU ini diwartakan segera sebelum PRU-15. Saya harap dengan pindaan akta ini tidak perlu lagi sejarah lompatan yang tidak bermaruah, memalukan. Akhirnya hari ini kita mengangkat politik yang matang serta tidak laku lagi tawar menawar dalam bentuk apa pun sekali selepas pada ini.

Dengan sokongan ini seharusnya tidak ada lagi mana-mana pihak yang menyalahkan sesiapa atau mengaitkan Ahli-ahli Parlimen dengan isu lompat parti. Cukuplah dengan menjenamakan macam-macam terutama Ahli Parlimen yang berpindah parti pada sebelum akta ini diwujudkan.

Boleh dikatakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semua melompat parti sebelum ini. Kerajaan yang ada pada hari ini merupakan kerajaan campuran dengan parti-parti yang digabungkan. Dari mana asalnya mereka, tidak perlu kita persoalkan. Kalau kita lihat Gabungan Parti Sarawak (GPS), ia asal daripada Barisan Nasional dan keluar jadi sebahagian daripada kerajaan pada hari ini.

Pada tahun 2015, ada di kalangan ahli PAS, mereka keluar selepas *bai'ah* tapi tidak langgar mana-mana undang-undang negara pada ketika itu, jadi tidak payah kita sebut siapa mereka. Pada tahun 2018, Kerajaan Barisan Nasional di Sabah jatuh sebab ada yang keluar sertai Warisan. Warisan tidak boleh tubuh kerajaan pada ketika itu-tahun 2018 sekiranya tiada lompatan dua atau tiga orang daripada Barisan Nasional bersama-sama mereka. Bila Kerajaan PH jatuh Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam masa 22 bulan, berlaku ICERD, masalah perkauman dan menyebabkan hampir rusuhan.

Di Dewan Negara ada seorang Senator mencadangkan supaya penggunaan bahasa Inggeris dalam perbahasan walaupun termaktub dalam Perlembagaan perbahasan di Dewan Negara iaitu Bahasa Malaysia, dan juga dicadangkan tiada bangsa dalam kad pengenalan. Semua ini berlaku dan banyak lagi kalau saya hendak sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hari ini dipimpin oleh Naib Presiden UMNO. Mana mungkin dia jadi Perdana Menteri kalau bukan kerana sokongan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, daripada Perikatan Nasional dan juga GPS. Semua beri kekuatan kepada beliau untuk menjadi Perdana Menteri yang sempurna, *insya-Allah... [Dewan tepuk]*

Ini undang-undang baharu. Sebelum ini undang-undang benarkan pindah parti. Jadi, tidak salah kepada mereka yang hendak pindah parti sebelum pada ini. Cuma pada masa hadapan tidak boleh lagi. Sebagai penutup, saya ingin tegaskan adalah yang paling penting merupakan tarikh berkuat kuasanya akta ini dilaksanakan. Saya minta kerajaan memberi jaminan supaya mesti laksanakan sebelum PRU Ke-15 dan akta ini merupakan permulaan. *Insya-Allah* banyak lagi perkara yang akan ditambah nilai daripada masa ke semasa.

Justeru itu sebagai penguap yang pertama, saya sekali lagi rakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Undang-undang kerana berjaya mengumpulkan semua Ahli Parlimen dan *insya-Allah* pada hari ini semua Ahli Dewan Negara akan memberi sokongan yang penuh.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

**12.08 tgh.**

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih saya ingin rakamkan ucapan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membawa pindaan Perlembagaan ini dan mencatatkan sejarah pindaan ini dengan mendapat sokongan 2/3 majoriti, malah tiada tidak menyokong baru-baru ini.

Keputusan ini membuktikan kejayaan Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai Perdana Menteri sejak mengambil alih tampuk jawatan pemerintahan sejak tahun lalu. Saya juga ingin merakamkan tahniah, dalam masa kurang lebih 48 jam lagi, Yang Amat Berhormat telah menggalas tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia selama satu tahun... [*Dewan tepuk*]

Usaha untuk mewujudkan seterusnya, membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai undang-undang lompat parti merupakan satu catatan penting dalam sejarah negara kita. Cadangan sebuah undang-undang khususnya mengharamkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri melompat parti telah lama dikemukakan. Cuma, dengan izin, tiada *political will*.

Seterusnya usaha ini sehinggalah Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob mengambil alih teraju negara. Pindaan ini amat perlu sebagai pelindung kepada sistem demokrasi dan kestabilan negara. Sejak berakhirnya Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu, seramai 39 Ahli Parlimen telah menjadi 'katak politik' dan mewujudkan kepincangan dan merugikan rakyat dan memalukan negara kita.

■1210

Tindakan ini menyebabkan negara kita berhadapan dengan isu pergolakan politik, menyaksikan pertama kali dalam sejarah negara, Perdana Menteri telah bertukar sebanyak tiga kali. Berikutan ini, hilang rasa kepercayaan dan juga keyakinan rakyat terhadap wakil rakyat yang mengkhianati amanah yang telah diberikan kepada mereka. Di mana kewibawaan, integriti wakil rakyat yang bertindak sedemikian tanpa memikirkan amanah yang telah diberikan oleh rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, isu Ahli Parlimen melompat parti ini bukan hanya berlaku di negara kita. Malah turut dihadapi oleh negara-negara lain. Antara negara yang turut

berhadapan dengan masalah Ahli Parlimen lompat parti secara kerap adalah Brazil, Itali, Romania, Ukraine, India, Filipina dan New Zealand. Apa yang menarik perhatian saya, di negara New Zealand terdapat satu istilah khas bagi wakil rakyat melompat iaitu '*waka jumping*', dengan izin, bersamaan dengan istilah 'katak lompat' yang digelar kepada wakil rakyat Malaysia yang melompat parti dalam negara kita.

Justeru itu, saya melihat tindakan kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bahasa...

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Untuk menamatkan polemik lompat parti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat... [*Ketawa*]

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Dengan mewujudkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3)...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Arman.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Ya, saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah itu perkataan orang New Zealand, atau perkataan orang pantai?

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Orang pantai New Zealand, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya kah... [*Ketawa*]

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** *Waka, waka.* Justeru itu, saya melihat tindakan kerajaan dalam menamatkan polemik lompat parti dengan mewujudkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 Mengenai Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti amat bertepatan dengan situasi politik dalam negara kita hari ini.

Namun begitu, apa yang menjadi persoalan saya, bagaimanakah kerajaan akan memastikan setiap Dewan Undangan Negeri akan turut bersama meminda pindaan Undang-undang Tubuh Negeri bagi memastikan larangan lompat parti ini juga akan turut terpakai bagi Ahli Dewan Undangan Negeri?

Saya merasakan sekiranya terdapat Dewan Undangan Negeri yang menolak pembentangan rang undang-undang ini, berkaitan dengan ini, persidangan Dewan Undangan Negeri, sudah tentu matlamat kerajaan untuk melihat tiada lagi ahli parti politik melompat selepas pilihan raya tidak akan tercapai.

Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Namun begitu, saya melihat terdapat beberapa perkara yang perlu ada penambahbaikan. Antaranya fasal baharu, 4, bertujuan untuk memasukkan perkara baharu 49A ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa seorang Ahli Dewan Rakyat hendaklah terhenti menjadi Ahli Dewan dan kerusinya hendaklah dikosongkan. Dalam pindaan ini, saya dapati banyak perkara tertumpu kepada pelompat parti dan orang yang tidak melompat parti.



Soalan saya, adakah terdapat peruntukan perundangan untuk pihak dan individu yang menerima pelompat-pelompat tersebut? Hal demikian, jika tiada pihak yang menawar kepada Ahli Parlimen tersebut, masakan Ahli Parlimen tersebut melompat parti. Dalam hal ini, perlunya ada tindakan atau hukuman kepada pihak yang menawar kepada pelompat-pelompat tersebut, sama ada parti atau individu dan pimpinan parti itu sendiri perlu dikenakan tindakan hukuman undang-undang.

Hal ini, saya berpendapat, perlu juga menambah kuasa atau klausa agar pimpinan parti ataupun G5 sebuah parti menerima Ahli Parlimen yang melompat parti itu, perlu juga diambil tindakan.

Selain itu, saya merasakan perlu dimasukkan klausa supaya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) membuat satu kenyataan dan membatalkan pertubuhan parti tersebut jikalau menerima mana-mana 'katak politik'. Hal ini sangat penting bagi memastikan pindaan Perlembagaan ini menjadi satu rang undang-undang bersifat pencegahan. Jikalau denda dan penalti dilihat mereka hanya perlu membayar dan amalan lompat parti ini akan terus berlarutan sampai bila-bila, akan lebih teruk menggalakkan amalan rasuah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lompat parti ini merupakan tindakan mengkhianati rakyat. Saya juga menyokong pindaan ini terhadap Perlembagaan ini kerana amalan lompat parti sesungguhnya mendatangkan kesan yang sangat buruk kepada rakyat, negara dan parti politik itu sendiri. Saya setuju dengan satu pendapat yang mengatakan bahawa sebuah kerajaan yang memenangi pilihan raya melalui proses demokrasi, perlu menghabiskan penggal penuh mereka, iaitu memerintah selama lima tahun.

Lompat parti merupakan satu pengkhianatan kepada rakyat kerana ia melibatkan satu tindakan mencemarkan sistem demokrasi negara. Lompat parti ini juga merupakan satu tindakan yang mengkhianati parti. Lompat parti juga sebenarnya mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara. Kerajaan kerap bertukar ganti, wujud ketidakstabilan politik, dasar dan polisi bertukar. Kesannya, kehilangan keyakinan pelabur, peluang pekerjaan menurun, ramai penganggur dan kadar pertumbuhan ekonomi juga menurun. Kita dapat lihat dua ke-tiga tahun kebelakangan ini, negara jiran seperti Indonesia sudah jauh meninggalkan kita.

Dalam hal ini, kita dapat melihat Kerajaan Pakatan Harapan yang terbina atas dasar pengkhianatan akhirnya runtuh atas pengkhianatan sesama sendiri. Akhirnya meruntuhkan kerajaan Pakatan Harapan itu sendiri. Salah satu hikmah BN kalah sebab rakyat boleh menilai parti mana yang dilihat dapat membawa kestabilan, parti mana yang boleh membawa kemakmuran. Jelas hari ini, Kerajaan Keluarga Malaysia, sebuah kerajaan yang boleh membawa kestabilan dalam negara kita... *[Tepuk]*

Keyakinan rakyat- kita harus menerima hakikat dalam saat ini, ketidakpercayaan rakyat terhadap institusi politik, ahli politik dan pemimpin politik berada pada tahap paling

rendah. Pindaan Perlembagaan Persekutuan ini akan memberikan keyakinan kepada rakyat, kepada pengundi. Rakyat akan bertambah yakin dengan kewujudan sebuah kerajaan yang dilindungi oleh malapetaka akibat Ahli Parlimen yang sering melompat parti. Pengundi akan lebih yakin dengan pilihan mereka kerana memandangkan mereka lebih tahu Wakil Rakyat yang dipilih tidak akan melompat parti selepas ini.

Selain daripada itu, pindaan Perlembagaan ini, ingin saya bertanya, apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam mengembalikan keyakinan rakyat kepada institusi politik negara kita? Adakah usaha ini telah berjaya meningkatkan keyakinan rakyat kepada politik? Perkara ini amat penting. Tanpa keyakinan rakyat, mungkin ramai yang tidak mahu mengundi pada PRU Ke-15 yang akan datang. Rakyat akan rasa lebih selamat dalam suasana politik yang lebih stabil dan berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyambut baik, menyokong penuh langkah pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai antilompat parti ini. Sudah tibanya masa kita berusaha untuk menjaga amanah, kepercayaan rakyat yang telah diberikan, agar rakyat tidak lagi merasa tertipu dan dikhianati. Apa pun alasan dan hujah yang mendorong, saya yakin Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini akan menyokong 100 peratus dalam rang undang-undang ini.

Justeru itu, sistem pemerintahan berdasarkan kepada pembentukan kerajaan berteraskan bilangan Kerusi Parlimen, undang-undang menghalang pertukaran parti penting kerana kepercayaan pilihan raya boleh digagalkan akibat tindakan melompat parti.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menggalas amanah beliau sebagai Perdana Menteri dalam masa satu tahun ini.

Sekian sahaja daripada saya, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Sekarang, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

**12.17 tgh.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri yang dikasihi telah membentangkan bahawa Ahli Dewan Negara dikecualikan dalam RUU ini. Izinkan saya berhujah di sebaliknya Tuan Yang di-Pertua.

Cuba kita bayangkan selepas daripada Pilihanraya Umum Ke-15 nanti, ada di kalangan kita di Dewan Negara bertukar parti. Jika perkara ini berlaku, apakah kesan atau implikasi negatif kepada satu-satu rang undang-undang yang akan diputuskan di Dewan yang mulia ini selepas daripada pilihan raya tersebut?

Sebagai Ahli Dewan Negara yang dipilih menurut Perkara 45, Fasal 1(a) Perlembagaan Persekutuan, saya merasa kesal dan tidak puas hati terhadap pengecualian yang dibuat kepada Senator-senator berkenaan dengan larangan penukaran parti. Apakah kerajaan hari ini tidak mengiktiraf Dewan Negara sebagai sebuah Majlis Parlimen yang juga mempunyai mandat dalam menentukan hala tuju negara?

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian terhadap Ahli Dewan Negara dalam sekatan pertukaran parti politik akan turut melibatkan amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri terhadap Senator-senator yang diangkat menerusi suara majoriti DUN negeri masing-masing seperti saya dan kawan-kawan saya dari Pulau Pinang. Andai kata selepas PRU15 ini, saya berhijrah kepada parti politik yang lain- memang saya takkan- di mana parti tersebut merupakan parti yang membentuk Kerajaan Persekutuan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada angan-angan kah?... *[Ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Eh, tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, tidak mengapa.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *[Ketawa]* ...Dan bukan daripada gabungan politik yang saya sertai sebelum ini.

#### ■1220

Penghijrahan saya ke parti tersebut akan mengundang kepada dua perkara. Pertama ialah pembelotan dan kesan yang kedua ialah kuota pemilihan Senator di peringkat Dewan Undangan Negeri. Jika parti lama saya masih menjadi parti yang membentuk kerajaan negeri, maka pertukaran parti yang saya lakukan tersebut akan memberi impak kepada komposisi perwakilan Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Perkara tersebut bukan sahaja akan menjejaskan hubungan profesional saya dengan kerajaan negeri dan para pemimpinya, malah ia juga akan menutup ruang dan peluang mana-mana individu yang berpotensi untuk dipilih oleh DUN bagi mengisi kerusi senator. Oleh sebab itu, saya dengan tegasnya berpendirian bahawa sekatan terhadap pertukaran parti yang dibuat menerusi pindaan Perlembagaan Persekutuan ini dapat memperuntukkan juga Ahli Dewan Negara.

Sehubungan itu, sebagai cadangan kepada pendirian saya tersebut, satu pindaan baharu kepada Perlembagaan Persekutuan bolehlah dibuat bagi menyatakan pembatalan keahlian Dewan Negara terhadap mana-mana Senator yang bertukar parti. Pindaan tersebut boleh dijadikan sebagai peruntukan tambahan di bawah Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai lanjutan kepada pembatalan tersebut, pindaan Perlembagaan yang saya cadangkan ini juga haruslah menyatakan...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak mencelah sedikit? Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bertanya.

**Datuk Razali bin Idris:** Hendak bertanya sedikit. Penjelasan sedikit.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Sekejap. Biar saya habiskan perenggan itu. Bagi pandangan saya, sebagai lanjutan kepada pembatalan tersebut, pindaan Perlembagaan yang saya cadangkan ini juga haruslah menyatakan tatacara pembatalan keahlian Dewan Negara. Saya minta Menteri yang bertanggungjawab dapat mempertimbangkan dengan serius cadangan pindaan Perlembagaan yang saya kemukakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan rakyat terhadap institusi Parlimen yang mengamalkan sistem demokrasi di negara ini semakin terhakis selepas terjadi *political defection*, dengan izin, sebelum dan selepas 'Langkah Sheraton.'

Saya secara peribadi berpendapat bahawa pemotongan Perkara 48, Fasal 6 Perlembagaan Persekutuan perlu diteliti semula. Penelitian tersebut adalah penting untuk memastikan agar mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang bertukar parti tidak dapat bertanding semula dalam pilihan raya kecil mahupun Pilihan Raya Umum bagi tempoh tertentu. Apa ertinya kita mewujudkan sekatan pertukaran parti politik terhadap Ahli Dewan Rakyat tetapi dalam masa yang sama, Ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahlian kerana bertukar parti masih boleh menjadi calon pilihan raya bagi mempertahankan Kerusi yang dimenangi sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai inti pati terakhir, saya ingin bertanya satu soalan yang berlegar di fikiran saya. Dapatlah...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Saya tak cukup masa. Nanti dulu.

**Datuk Razali bin Idris:** Dua saat sahaja.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *Injury time* pun tak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hak dia.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Biarlah, sabar-sabar. Soalan saya dalam sesi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau sedang naik minyak itu. Sila, sila.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Soalan saya. Sebelum sesi libat urus dengan pelbagai pihak serta perbincangan di peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat dijalankan bagi membuat segala ketetapan berhubung dengan pindaan Perlembagaan ini, adakah kerajaan menerusi Jabatan Peguam Negara telah melakukan

penilaian serta semakan semula terhadap keputusan Mahkamah Tinggi, Nordin bin Salleh menentang Dewan Undangan Negeri Kelantan?

Seperti yang saya tanya kepada Menteri semalam, adakah Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri menggunakan Kaedah 137, kalau tidak silap, *Rules of the Federal Court* untuk buat *revision*? Sudah enam pilihan raya dari tahun 1992 sehingga 2018 sudah berlalu. Kenapakah Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri tidak menggunakan kuasa di bawah artikel 137 *Rules of the Federal Court* untuk menilai balik? Nombor satu.

Kedua, kenapa saya tak tanya itu ialah interpretasi 10(1)(c) dalam bahasa Inggeris menggunakan, "*To form associations*" tetapi dalam Bahasa Malaysia lagi senang untuk difahami, "*Untuk membentuk persatuan.*" "*To form associations*" maknanya buat kali pertama kita berkumpul untuk jadi ahli kumpulan itu. Akan tetapi, mereka yang *cross-* saya tidak akan gunakan katak. Siapa yang telah *cross the border* atau lompat ke pagar lain, ke sebelah, mereka bukan bentuk tapi mereka menyertai.

So, inilah fakta yang Mahkamah Persekutuan tidak timbang dalam kes Nordin bin Salleh. Akan tetapi, baru-baru ini, tiga orang hakim antara tujuh, yang perempuan, berani untuk mengatakan Nordin bin Salleh *is wrong*. Saya minta penjelasan daripada Menteri ya.

Kedua ialah melanggar mana-mana peruntukan Seksyen 6(1) Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan perihal kehilangan kelayakan seorang ahli menjadi ADUN. Mohon penjelasan daripada Menteri apa yang diujahkan.

Bagi mengakhiri perbahasan saya, izinkan saya membaca serangkap pantun untuk renungan kita bersama.

*Katak melompat di malam hari,  
Melompat mencari tempat berteduh,  
Jangan kita melompat parti,  
Kelak nanti hidup dicemuh... [Tepuk]*

Sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi rang undang-undang. Oh ya, saya lupa, apakah soalan tadi? Minta maaf, minta maaf... [Ketawa]

**Datuk Razali bin Idris:** Soalan saya mudah sahaja. Sebab Yang Berhormat menyebut 'Langkah Sheraton', saya hendak betulkan dalam Dewan Negara yang mulia ini. Jadi, saya hendak tanya 'Langkah Sheraton' ini, apa beza 'Langkah Sheraton' dengan 'Langkah Kajang'? 'Langkah Kajang' memaksa Yang Berhormat berhenti dan saya hendak bertanding. Itu satu.

Kedua, apa beza dengan 'Langkah Port Dickson' yang mengarah supaya Yang Berhormat berhenti, aku hendak bertanding. So, saya hendak minta, apa perbezaan di antara 'Langkah Kajang', 'Langkah Port Dickson' dan 'Langkah Sheraton'?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** 'Langkah Sheraton' telah menjatuhkan kerajaan. 'Langkah Port Dickson' tidak menjatuhkan kerajaan. Cuma ini masalah antara parti... *[Ketawa]* Itu sahaja.

**Datuk Razali bin Idris:** Kena *tang* dia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Itu, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab, cuma tak memuaskan agaknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

**12.28 tgh.**

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas berkaitan dengan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022. Usaha untuk membentangkan rang undang-undang ini merupakan satu catatan penting dalam sejarah demokrasi berparlimen dan saya anggap saya pun juga bertuah kerana termasuk dalam kumpulan yang mencatat sejarah ini.

Walaupun negara kita dilihat ke terbelakang sedikit di dalam melaksanakan undang-undang ini, namun ia masih belum terlewat untuk dilaksanakan. Justeru, di sini kita hendak rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, Dato' Sri Ismail Sabri atas kesungguhan politik ataupun, dengan izin, *political will* beliau bersama dengan pasukannya untuk membawa perubahan baharu dalam politik negara. Saya melihat rang undang-undang ini berperanan untuk melindungi hak majoriti rakyat secara keseluruhan dan bukannya untuk mempertahankan kebebasan asasi individu atau parti politik tertentu yang mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini bukanlah satu perkara yang baharu kerana ia telah pun dilaksanakan di beberapa buah negara seperti Singapura, *United Kingdom* yang juga mempunyai undang-undang anti lompat parti atau anti pengkhianat atau pindaan yang berkaitan dengan undang-undang berkenaan termasuk perlembagaan yang mengenakan tindakan pemecatan atau mengosongkan Kerusi mereka yang melompat parti.

■ **1230**

Justeru, pindaan ini adalah wajar untuk dilaksanakan. Memandangkan ia seiring dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara tersebut, negara-negara maju, bagi melaksana dan melakukan transformasi politik. Tuan Yang di-Pertua, tak dapat dinafikan pelbagai isu yang berkait dengan masalah lompat parti ini.

Antara isu utama adalah berkaitan dengan, dengan izin, *scheme of things* atau pun penyogokan politik yang menawarkan pelbagai jawatan di peringkat Menteri, Timbalan Menteri, Pengerusi GLC dan sebagainya kepada orang-orang yang melompat, mungkin juga serta tawaran imbuhan wang mengakibatkan mereka ini gelap mata dan mengkhianati amanah rakyat serta parti sehingga sanggup melompat ke parti lain.

Justeru itu, amalan lompat ini lebih kepada bertujuan untuk menjamin masa depan politik individu tertentu dan juga untuk memanjangkan *political mileage* sendiri, dengan izin.

Namun demikian, saya juga tidak menafikan, mungkin ada di antara mereka ini yang diugut oleh pemerintah ketika itu untuk mengambil apa jua tindakan undang-undang sekiranya tidak menyokong parti memerintah sehingga mereka mengambil keputusan untuk melompat. Akan tetapi ini bukanlah alasan untuk bertindak sedemikian kerana terdapat ramai rakan dalam politik yang diugut serupa, namun tetap teguh mempertahankan mandat rakyat dan ideologi perjuangan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dikaji masalah lompat ini bukan sahaja memberikan impak negatif terhadap isu moral dan integriti. Bahkan, ia juga mengikis kepercayaan rakyat terhadap proses demokrasi yang diamalkan selama ini dan menimbulkan kebencian rakyat sebenarnya terhadap individu dan parti yang terlibat.

Malah, rasa hormat rakyat juga terhadap ahli politik yang sepatutnya menjadi suara memperjuangkan hak mereka juga lenyap. Dalam masa yang sama, situasi landskap politik yang tidak stabil kesan daripada aktiviti lompat-melompat ini menjejaskan ekonomi negara, pasaran saham, pelaburan asing luar negara dan sebagainya. Ini sudah tentu memberi kesan kepada keseluruhan kesejahteraan negara kepada rakyat.

Maka, sudah tentulah kesan yang buruk ini juga sampai ke hari ini kita terasa. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa pindaan undang-undang ini adalah baik, namun ia juga akan melibatkan implikasi kewangan yang besar, sekiranya Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri melakukan kesalahan lompat parti seperti mana yang tertakluk dalam pindaan Perlembagaan ini sehingga mengakibatkan mereka hilang kelayakan sebagai Ahli Dewan.

Sudah tentu pelaksanaan pilihan raya kecil akan mengakibatkan perbelanjaan yang besar sehingga jutaan Ringgit disebabkan tindakan lompat parti Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Undangan Negeri yang tidak bertanggungjawab. Wang yang dibelanjakan ini ialah wang rakyat, yang sudah tentu pastinya perlu dan boleh dibelanjakan untuk perkara-perkara lain daripada segi aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya daripada menghabiskan perbelanjaan ini untuk melayan kerenah politik yang tidak bermaruah ini.

Justeru, saya mencadangkan agar untuk ditambahkan pindaan ke hadapan. Mungkin dapat dimasukkan sejumlah denda. Denda mungkin RM3 juta untuk Kerusi Parlimen, RM1 juta untuk Kerusi DUN, malahan mungkin mana-mana jumlah yang setara dengan kos pelaksanaan pilihan raya kecil bagi kedua-dua Kerusi tersebut akibat daripada lompat-melompat ini.

Hukuman denda ini penting sebagai alat untuk memastikan mereka berfikir dua kali sebelum melakukan kesalahan lompat parti kerana mereka bukan sahaja akan kehilangan kelayakan, bahkan juga terpaksa membayar sejumlah denda yang akan ditetapkan.

Sekiranya ini berlaku, bukan sahaja demokrasi dan mandat rakyat dapat dikembalikan, bahkan ia juga menjimatkan wang dan masa rakyat daripada berlakunya pembaziran kesan daripada aktiviti yang tidak bermaruah. Sebentar tadi, kita mendengar daripada saudara Senator Datuk Razali bin Idris berkaitan dengan langkah. Langkah ini pelbagai langkah, orang sebut banyak, 'Langkah Sheraton', Kajang, PD dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah pindaan ini hanya memberi tumpuan kepada aspek kesalahan lompat parti sahaja.

Namun, pada hemat saya, skop pindaan ini juga perlu diperluaskan dengan meneliti beberapa kelompangan yang mungkin akan berlaku hingga pindaan ini dapat disalahgunakan untuk mencipta ruang kesalahan yang baharu bagi membenarkan aktiviti politik yang tidak bermoral.

Saya melihat pindaan ini juga perlu memasukkan seksyen berkaitan tindakan ke atas Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang tanpa sebab yang munasabah, meletakkan jawatan kerusi yang dimenangi olehnya dengan sengaja. Perkara ini bukan tidak pernah berlaku seperti yang baru disebut, malah ia berlaku di kerusi-kerusi yang disandang oleh Ketua Pembangkang Dewan Rakyat ketika ini iaitu Yang Berhormat Port Dickson pada 12 Oktober 2018.

Ahli Parlimen pada ketika itu, Datuk Danyal Balagopal Abdullah telah mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Port Dickson tanpa sebab yang munasabah dan kukuh. Namun, hari ini rakyat bukannya mudah diperbodohkan, dipermainkan, malahan semua rakyat tahu bahawa tindakan tidak bertanggungjawab tersebut dilakukan hanya untuk memberi laluan Yang Berhormat Port Dickson ketika itu untuk menjadi Ahli Parlimen.

Justeru, perkara ini perlu dikaji dan dimasukkan di dalam pindaan yang dibuat ini sebagai satu seksyen yang baharu. Apa yang lebih membimbangkan ialah pada fikiran saya, situasi peletakan jawatan tanpa sebab ini berisiko berlaku di kawasan atau pun di Parlimen, malahan di Dewan Undangan Negeri-negeri yang mana-mana parti memerintah menang dengan majoriti yang tipis. Contoh, satu Dewan Undangan Negeri ada 36 DUN, parti yang memerintah ketika itu hanya memenangi 19 Kerusi.



Jadi, mungkin mereka boleh mencari jalan untuk membeli atau mendesak ahli-ahli daripada parti yang 19 ini untuk melepaskan satu, dua Kerusi untuk buat pilihan raya kecil. Ini yang dimaksudkan dengan kelompangan itu, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, satu DUN yang menang mungkin bawah daripada 1,000, tidak mustahil pemenang kerusi tersebut akan disogok dengan habuan yang lumayan untuk meletakkan jawatan tanpa sebab oleh pihak lawan bagi membolehkan pilihan raya kecil diadakan.

Apabila ini berlaku, tidak kah ruang pilihan raya kecil (PRK) ini digunakan untuk mereka yang tewas untuk merangka strategi bagi memenangi kerusi yang sebelumnya mereka tewas dengan majoriti tipis. Ini ialah logik situasi yang berkemungkinan akan berlaku.

Justeru, saya amat berharap sekiranya kita benar-benar ingin melihat satu persekitaran politik yang sihat, positif serta menjulang mandat rakyat, maka pertimbangan yang sewajarnya perlulah diberikan oleh kerajaan terhadap perkara yang telah saya bangkitkan ini untuk diperhalusi dan ditambahbaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya. Sebagai pemimpin parti, wakil rakyat perlu melihat cerita melompat parti ini sebagai suatu yang bahaya kepada persekitaran politik negara. Sudah tiba masanya, mandat rakyat yang diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih perlulah dihormati dan bagi memulihkan semula sistem politik untuk memberi keyakinan kepada semua pihak. Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Dijemput Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

**12.38 tgh.**

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang sangat penting ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada Menteri Undang-undang atas usaha dwi-partisan yang terpuji ini, yang merupakan proses penting dan titik bersejarah bagi dunia politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen terbentuk atas mandat rakyat, semasa rakyat memilih wakil mereka dengan mengundi calon sesebuah parti politik semasa pilihan raya.

Apabila calon yang telah dipilih rakyat lompat parti, maka ini mengkhianati mandat rakyat yang diberi. Realitinya juga, aktiviti lompat parti ini boleh menyebabkan

kerajaan yang dipilih tumbang dan rakyat hilang kepercayaan kepada sistem demokrasi yang kita amalkan. Seluruh negara juga terkesan apabila kerajaan menjadi rapuh dan pelabur hilang keyakinan kepada negara.

■1240

Oleh sebab itu rakyat memang mengalu-alukan dan menunggu kita meluluskan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti ini dan mahukan ia diluluskan dengan kadar segera supaya selepas PRU-15 ini nanti aktiviti melompat seperti yang berlaku selepas PRU-14 boleh dibendung dan disekat dan mandat rakyat rakyat boleh terpelihara. Rang undang-undang ini memberi mesej yang jelas bahawa kebebasan untuk berpersatuan tidak bermakna mandat rakyat boleh dicampak begitu sahaja.

Dalam pada itu rang undang-undang ini menghadkan kebebasan wakil rakyat untuk berpersatuan dalam keadaan di mana mandat rakyat menjadi tidak bernilai. Ia juga memberi mesej bahawa mandat rakyat lebih penting dan lebih agung daripada mana-mana kuasa dan percaturan politik. Ia juga memberi mesej yang jelas bahawa mandat rakyat perlu dihormati oleh semua ahli politik terutamanya Wakil Rakyat yang telah dipilih dan tidak boleh dicatur begitu sahaja oleh mereka yang rakus kuasa.

Saya juga percaya bahawa rang undang-undang ini akan memperkukuhkan dan memberikan lebih makna lagi kepada sistem politik negara kerana ia terhasil daripada usaha dan komitmen pelbagai parti politik baik daripada pembangkang mahupun pihak kerajaan dan telah melalui pelbagai sesi libat urus serta mengambil pandangan pelbagai NGO.

Perjalanan usaha menyekat aktiviti lompat parti ini juga menunjukkan bahawa keperluan untuk negara kita kekal stabil dari segi politiknya perlu intervensi khusus dalam bentuk rang undang-undang ini dan kerajaan ini telah dengan sedaya upaya menghasilkan rang undang-undang ini sebagai langkah menuju politik yang lebih bermakna dan bernilai dan kerajaan yang lebih stabil dan pada pengakhirnya sebuah negara yang lebih maju ke hadapan.

Rang undang-undang ini juga dikunci erat ke dalam Perlembagaan negara supaya ia tidak sewenang-wenangnya dapat dipinda pada masa hadapan. Ini juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan mandat rakyat kekal terjamin dan hak rakyat dalam sistem demokrasi kita terbela.

Saya juga berpendapat rang undang-undang ini juga telah berlaku seadil-adilnya dengan mengambil kira pelbagai senario dan simulasi politik, percaturan politik dan permainan politik yang mendorong Wakil Rakyat untuk melompat parti. Saya juga percaya rang undang-undang ini akan membantu memartabatkan lagi imej Wakil Rakyat, institusi Parlimen dan kerajaan di mata dan minda rakyat. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

Dipersilakan kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

#### **12.44 tgh.**

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini tidaklah saya keterlaluan bila saya menyatakan kita berada di ambang sejarah kerana saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang mendukung integriti, mendukung kestabilan kerajaan akan meluluskan rang undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkasakan demokrasi negara.

Sudah sekian lama kepercayaan rakyat kepada wakil yang mereka memilih dikhianati oleh beberapa orang Wakil Rakyat melompat parti. Melalui kelulusan rang undang-undang ini khususnya peruntukan baharu Perkara 49A, Dewan yang mulia ini akan mengembalikan keyakinan rakyat kepada Sistem Demokrasi Berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keputusan untuk mewujudkan undang-undang untuk melarang lompat parti bukan satu perkara yang mudah. Oleh itu, perjalanan kita ke hari ini memakan masa yang lama.

Boleh dikatakan sejak tahun 1992 apabila Mahkamah Persekutuan melalui kes Nordin bin Salleh memutuskan bahawa sesuatu undang-undang yang melarang lompat parti melanggar hak untuk berpersatuan seperti termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Kini tiba pada hari ini dengan cadangan untuk meminda Perkara 10 untuk membenarkan sekatan ke atas hak untuk berpersatuan dan sekatan-sekatan tersebut dicadangkan dalam Perkara 49A yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tiba juga pada hari ini semata-mata kerana, dengan izin, *political will*, hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Melalui kelulusan rang undang-undang ini kita melepaskan kepentingan peribadi demi kebaikan rakyat jelata dan demi memperkasakan sistem demokrasi berparlimen. Oleh itu, syabas saya ucapkan kepada kerajaan, pihak pembangkang Yang Berhormat Menteri dan semua pihak yang telah memainkan peranan untuk menghasilkan rang undang-undang yang di hadapan kita sekarang.

Saya turut perhatikan bahawa sekatan-sekatan ini diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan tidak diwujudkan melalui akta yang berlainan dan berasingan. Ini bermakna jaminan- ini bertindak sebagai jaminan tambahan bahawa peruntukan yang diluluskan ataupun sekatan-sekatan yang diperuntukkan di bawah

rang undang-undang ini tidak boleh dipinda. Ia hanya boleh dipinda dengan majoriti dua pertiga Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tidak semua tuntutan pelbagai pihak dapat dipenuhi melalui rang undang-undang ini. Sebagai contoh, seorang Wakil Rakyat yang telah belot tidak seharusnya dibenarkan bertanding semula kerana dia telah mengkhianati parti, mengkhianati rakyat dan parti yang mencalonkan dan menaja dia. Saya melihat ini tidak diperuntukkan malah ia dibenarkan untuk bertanding semula.

Perkara yang kedua, saya melihat juga rang undang-undang ini bertindak seakan-akan mengikat tangan parti-parti politik daripada memecat wakil rakyat daripada parti berkaitan kerana rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa seorang Wakil Rakyat yang dipecat daripada partinya tidak kehilangan keahliannya di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar untuk kita menganggap bahawa setiap pemecatan itu sebagai satu penganiayaan terhadap Wakil Rakyat berkaitan. Sesungguhnya, tiada parti politik yang rasional akan memecat wakil rakyatnya kecuali bila Wakil Rakyat tersebut telah melanggar peraturan parti yang serius seperti memporak-perandakan perpaduan di dalam parti, melakukan rasuah, memeras ugut, tidak memegang amanah. Apakah rasional kita tidak menyingkirkan seorang Wakil Rakyat yang sebegini daripada Dewan yang mulia? Adakah seorang Wakil Rakyat yang sedemikian masih layak dipanggil ataupun digelar Yang Berhormat?

Perkara yang keempat, saya berpendapat parti atau gabungan parti yang menerima pembelot politik juga perlu diberi sekatan. Seperti mana kes rasuah, ada yang menawarkan rasuah, ada yang menerima. Kedua-dua tetap salah. *Moral policing*, dengan izin, yang dilakukan oleh pindaan ini hendaklah merangkumi parti politik ataupun gabungan parti politik juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik pandangan mendiang Presiden saya, Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, ketika mendiang diminta memberi pandangannya tentang undang-undang antilompat parti.

#### ■1250

Menurut mendiang, dengan izin, *if our MPs cannot put their moral standing under check, let the laws check their moral standing*. Pindaan ini merupakan titik permulaan adalah diharapkan pada masa-masa yang akan datang kita mempunyai *political will* untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Ada sedikit masa lagi.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

**12.50 tgh.**

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator sekalian. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, pembicaraan saya atas isu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, izinkan saya merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] *“Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu buat apa yang tidak kamu lakukan. Sangat besar kemurkaan Allah sekiranya kamu cakap lain dan kamu buat lain”*. Bermakna merujuk kepada mereka yang melompat parti.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, ingin saya membaca dua rangkap pantun. Pantun pertama,

*Negeri Pahang, Negeri Kelantan;  
Di Pantai Timur terletak negeri.  
Tahniah Yang Amat Berhormat Bera atas keberanian;  
Membawa Usul Anti Lompat Parti... [Tepuk]*

Pantun kedua,

*Ikan kembung, ikan tamban;  
Sedap dimakan si ikan keli.  
Yang Amat Berhormat Bera, Yang Berhormat Santubong jangan bimbang;  
Majoriti mutlak nanti Ahli Dewan Negara beri... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, senario politik sudah berbeza. Sekarang ini kita hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Bera dan Yang Berhormat Menteri dari Santubong atas keberanian, dengan izin, *political will*. Ada pepatah Melayu mengatakan di mana kemahuan, di situ ada jalan. Pepatah Arab mengatakan *‘Man Jadda Wa Jadda’* apabila kamu berusaha, *insya-Allah* ada kejayaannya.

Saya ucap tahniah kerana pihak kerajaan telah beberapa kali membawa, semasa Yang Amat Berhormat Bera menjadi Perdana Menteri, di mana dalam bulan Ramadan, petang memberi taklimat kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ahli-ahli Senator, memberi taklimat tentang hendak membawa Usul Anti Lompat Parti yang melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Akan tetapi boleh jadi perbincangan yang belum begitu kemas dengan pihak-pihak pembangkang pada ketika itu menyebabkan diadakan satu sidang khas, mesyuarat khas Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi tidak boleh mencapai pada ketika itu. Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Bera telah memberi kelulusan supaya diadakan satu

sidang khas Dewan Rakyat hanya untuk membincangkan isu pindaan dibuat kepada Perlembagaan mengenai isu Anti Lompat Parti.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Negeri Kelantan telah mendahului Parlimen Malaysia hampir-hampir 30 tahun. Pada 1992, *Speaker* Kerajaan Negeri pada ketika itu Dato' Haji Omar Mohamad telah menggugurkan dua ADUN yang lompat parti. Satu daripada Sungai Pinang, Parlimen Tumpat Datuk Nordin Salleh dan satu lagi Datuk Wan Haji daripada DUN Limbongan, Parlimen Pasir Puteh.

Kedua-duanya sebulat suara ditolak dengan dua orang ini, telah meluluskan dalam enakmen tersebut untuk menggugurkan keahlian kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat tersebut dan kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat ini membawa kes ini sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan dan keputusan Mahkamah Persekutuan itu memegang teguh kepada apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yakni kebebasan rakyat negara Malaysia berpersatuan.

Akan tetap *alhamdulillah*, sekarang ini tafsiran baharu diberikan, bukan tafsiran baharu, ada satu rujukan baharu, walaupun mereka dibenarkan untuk bebas berpersatuan, tetapi pada masa yang sama kebebasan juga diberikan kepada parti di mana mereka anggotai. Tidak adil, kebebasan diberi kepada individu tetapi kebebasan tidak diberi kepada parti tersebut.

*Alhamdulillah*, keputusan baharu di mana ekoran daripada enakmen yang diluluskan dalam DUN Pulau Pinang, empat orang yang melompat parti telah digugurkan oleh DUN tersebut walaupun mereka- setelah ada ura-ura Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat sebulat suara telah meluluskan kecuali mereka 11 orang yang tidak hadir, dan hari ini *insya-Allah*, saya yakin yang ada di dalam Dewan ini, saya punya perasaan yakin bahawa kesemua yang ada ini, yang hadir pada Dewan ini akan memberi kelulusan kerana inilah satu tindakan, satu amalan yang menyelamatkan imej kita ahli politik di kalangan rakyat dan anak-anak muda di luar sana.

Kalau tidak kita lakukan ini, imej kita tercalar. Imej kita rosak kerana kepercayaan rakyat akan pudar kepada kita. Kita lihat bagaimana berlaku pilihan raya di Melaka baru-baru ini. Berlaku pilihan raya di Johor. Walaupun menang Barisan Nasional tetapi yang keluar mengundi di Melaka, lebih sedikit daripada 50 peratus.

Di Johor, lebih kurang 50 peratus. Jadi ini tidak menggambarkan kerajaan yang mewakili rakyat kerana yang menang, menang dengan undi 45 peratus. Yang menang, menang dengan 48 peratus. 48 peratus daripada 50 peratus yang keluar. Maksudnya hanya sekitar 27 peratus yang memberi sokongan kepada kerajaan negeri yang dibentuk sama ada di Melaka dan juga di Johor.

Jadi ini tidak menggambarkan sebab apa? Mereka sudah tidak percaya kepada sistem demokrasi tetapi *alhamdulillah*, hari ini kita dapat berbincang dan saya ucapkan tahniah kerana semenjak Yang Amat Berhormat Bera menjadi Perdana Menteri, Yang

Berhormat Santubong, banyak pindaan-pindaan Perlembagaan yang kita lakukan yang saya berjuang bermati-matian sesi 1999 sehingga 2004, hari ini saya tidak boleh hendak gambarkan kesukaan saya, kegembiraan saya kerana pada waktu itu macam-macam saya mendapat tentangan daripada sahabat-sahabat daripada Barisan Nasional. Akan tetapi hari ini *alhamdulillah* kita dapat duduk elok-elok, bincang elok-elok dan kita dapat luluskan secara mutlak Anti Lompat Parti ini.

Memang sebentar tadi di luar Dewan, Yang Amat Berhormat Bera minta saya bercakap dan membawa kita membuat cadangan tentang di mana kedudukan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita Tuan Yang di-Pertua. Dua kali diminta jadi hari ini macam ini cadangan saya. Yang lain itu saya tahu sahabat-sahabat saya akan baca.

Tentang Yang Berhormat Senator, kalau ia dilantik oleh DUN Dewan Undangan Negeri, bermula dari Sabah, Sarawak sehingga ke Kelantan, Perlis, yang itu merupakan lantikan politik. Lantikan melalui parti politik yang menguasai negeri-negeri tersebut maka untuk itu, mesti jelas sekiranya DUN tersebut membuat keputusan, maka dengan tersendirinya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tersebut hendaklah digugurkan sebagai Ahli Senator walaupun baru berkhidmat dua hari. Walaupun dua hari.

Itu jelas kerana DUN-DUN itu diberi kuasa kerana mereka dilantik melalui DUN. Cuma mesti melalui, mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang itu kita tidak boleh nafi walaupun dikatakan Ahli Senator ini tidak perlu parti, itu jelas.

Akan tetapi bagi yang lantikan terus dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, seperti, dengan izin, sahabat kita Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi dan beberapa- Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin yang ini mungkin ada sedikit kelonggaran.

Sekiranya mereka tidak memegang apa jua jawatan dalam parti, mereka tidak memegang apa jua daripada parti tetapi sekiranya mereka memegang jawatan di dalam parti, maka mereka juga tertakluk kepada keputusan parti tersebut. Jadi ramai di kalangan kita yang tidak berparti. Menyokong? Menyokong itu masih layak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sampai. 10 minit ngam.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi dua minit.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sejarah politik Malaysia ini selepas ini tidak macam dahulu sudah, Tuan Yang di-Pertua. Ia sudah tidak macam dahulu memanglah dominan. Barisan Nasional dominan sehinggalah tahun 2008 tetapi selepas itu politik Malaysia sudah berubah dan pada tahun 2018, rakyat telah memberi mesej bahawa itulah, dengan izin, trend masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua. Itu trend masa hadapan.

Di mana kita akan menjangkakan suasana yang berlaku pada keputusan PRU-14 akan berulang dan kita akan menjangkakan- untuk kejelasan sahabat-sahabat kita PRU-15 dan seterusnya ini tidak ada lagi parti-parti dominan. Tidak ada lagi parti-parti. Mesti ada satu gabungan. Sebab itulah Anti Lompat Parti ini penting kerana kita bimbang, kita lihat rakyat tengok yang lompat parti ini kerana ada beberapa sebab.

Pertama, kerana kedudukan lebih tinggi bakal ditawarkan. Itu keadaan pertama. Kedua kerana takut kes mahkamah disabitkan kerana mereka ada penyakit. Ada penyakit. Kalau tidak ada penyakit, mereka tidak lari. Dia takut mahkamah. Dia tidak boleh jawab soalan-soalan SPRM, soalan-soalan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini saya sudah lalui tahun 1999 itu semua saya telah lalui agensi-agensi ini. Akan tetapi saya ada keberanian untuk menentang itu semua walaupun terpaksa membayar cukai hasil yang tinggi. Terpaksa melalui pelbagai mahkamah tetapi keberanian mesti ada.

Jadi sebab itu kita lihat apabila rakyat lihat, memang rakyat sudah baca bahawa mereka lari kerana kedudukan untuk mendapat jawatan lebih tinggi ataupun kerana takut disabitkan dengan pelbagai kes mahkamah, hasil dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Oleh Sebab itu *insya-Allah*, saya sekali lagi terpaksa mengakui bahawa kegembiraan yang sangat tinggi, besar pada saya kerana kita berjaya, tambah pula yang mempengerusikan mesyuarat kita pada kali ini adalah tidak lain tidak bukan Tuan Yang di-Pertua sendiri bersama-sama kita merekodkan sejarah pada hari ini.

Jangan ada satu orang pun, jangan ada satu orang pun hari ini yang tidak menyokong Anti Lompat Parti ini. Kalau ada yang tidak menyokong maka akhbar-akhbar media, siarkan gambar mereka secara besar-besaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan tepuk*] Tidak cukup lagi saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Patut beri 30 minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Sesi akan disambung jam 2.30 petang dan bersiap-sedia Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang itu kemudian.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari]**



**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

■1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kita teruskan dengan pembahas-pembahas bagi membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022. Di hadapan saya ada lagi 26 orang pembahas. Oleh sebab, kita jangka akan buat pengundian jam 4 petang, jadi saya hadkan untuk setiap pembahas lima minit sahaja. Boleh ya?

Fasal selepas itu kita ada untuk hendak putuskan ada tiga lagi rang undang-undang. Jadi, mungkin kita akan sampai malam juga.

Jadi, untuk ini saya minta dan mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**2.33 ptg.**

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang kawan-kawan, rakan-rakan Senator sekalian. Pagi tadi bernasib baik dapat 10 minit, petang ni nasib kurang baik, petang lagi mungkin tinggal dua minit sahaja... *[Ketawa]* Tidak apa kita gunakan sebaik mungkin.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah menunjukkan keikhlasan politik bukan setakat, perkataan Inggerisnya '*political will*' tetapi saya rasa keikhlasan dalam berpolitik dengan membentangkan rang undang-undang ini. Inilah akan membuktikan kepada rakyat bahawa kita benar-benar memberi kepentingan ataupun betapa pentingnya suara rakyat dalam menentukan hala tuju negara. Wakil rakyat merupakan pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan.

Jadi, dengan adanya rang undang-undang ini kita dapat mengawal mereka yang gatal kaki, gatal tangan untuk melonjak-lonjak ke sana ke sini itu boleh kita kawal sedikit. Apa yang menjadikan kita perlu undang-undang ini oleh sebab mereka sendiri yang tidak- orang kata bahasa Inggeris, tidak *behave*. Kalau sekiranya semua orang *behave*, dengan izin, dengan baik saya rasa tidak perlu undang-undang ini. Akan tetapi, oleh sebab kita perlu, baiklah kita buat sebaik mungkin.

Jadi, selain daripada apa yang telah dibentangkan, saya ingin mencadangkan jugalah tambah baiknya perlu adakan denda kepada mereka yang melanggar. Kosnya mungkin kadar dendanya mungkin kita ambil kira tentang kos yang perlu dibelanjakan oleh kerajaan dalam melaksanakan pilihan raya kecil nanti.

Jadi, denda dalam bentuk berjuta-juta Ringgit sebagainya, gunakanlah angka yang bersesuaian supaya menjadi pencegah bahasa Inggerisnya *deterrence* kepada

mereka yang hendak melompat ini supaya tidak melakukan perbuatan sedemikian. Denda ini pula bukan setakat orang yang melakukan sahaja tetapi mereka yang bersekongkol, yang bersubahat tidak kiralah parti yang menolak atau parti yang menyambut itu semua yang terlibat perlu didenda juga.

Saya ingin mencadangkan juga supaya selain daripada denda itu sebagai tanda tegahan, mungkin boleh dikenakan larangan daripada bertanding untuk tempoh tertentu. Mungkin 10 tahun. Kalau katakan seumur hidup itu terlalu kejam, mungkin 10 atau 15 tahun supaya mereka tidak mengambil perkara ini sewenang-wenangnya dan melompat apabila mereka suka.

Berdasarkan taklimat yang diberikan kepada kita, kita dapati bahawa rang undang-undang ini, pindaan Perlembagaan ini masih lagi ada ruang-ruang yang perlu diperbetulkan. Masih ada lompong-lompong yang boleh digunakan untuk tujuan melompat. Contohnya, katakanlah saya ada satu buah parti, diberi insentif sebanyak RM20 juta dan sekiranya dendanya hanya RM5 juta, kenapakah tidak? Contoh macam itu.

Jadi, perlu ada rang undang-undang khusus untuk memastikan bahawa lompong-lompong yang ada ini dapat ditutup sebaik mungkin dan juga dalam undang-undang itu perlu diadakan prosedur yang sesuai dalam menentukan kekosongan Kerusi tersebut tanpa perlu menyusahkan rakyat sepertinya mengadakan referendum dan sebagainya. Ini kerana rakyat telah mengundi mereka tiba-tiba bila mereka melompat, rakyat pula kena terlibat dalam referendum untuk menentukan sama ada Kerusi itu kosong atau tidak. Jadi, seharusnya jangan menyusahkan rakyat.

Apabila kita buat undang-undang khusus itu, saya ingin menyarankan supaya sesi libat urus terus diadakan kerana kita perlu ada satu yang terbaik. Tidak mahu apabila orang kata, 'rumah siap, pahat berbunyi' tidak. Kita buat terbaik, tunjukkan keikhlasan kita, kesungguhan kita supaya di lain masa kita tidak perlu lagi kembali untuk meminda mana-mana undang-undang yang kita telah buat. Ini kerana kalau undang-undang zaman dahulu mungkin ada lompong-lompong apabila berlaku perubahan zaman tetapi sekarang ini seharusnya kita buat sebaik mungkin. Rasanya tidak 100 peratus. Akan tetapi, kalau boleh dalam 98 peratus pun sudah cukup.

Jadi, saya harap undang-undang ini dapat kita sokong beramai-ramai. Menunjukkan kesungguhan kita untuk memastikan apa yang kita hasrat itu dapat dilaksanakan dan negara kita akan dapat memperlihatkan kematangan politik kepada seluruh dunia.

Dengan itu, saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook atas perbahasan tadi dan menepati masa.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

**2.38 ptg.**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya pada petang ini untuk membahas RUU Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) yang berjaya menggubal rang undang-undang ini sehingga berjaya dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat. Komitmen kerajaan menjalankan Sesi-sesi Libat Urus membuktikan kesungguhan kerajaan bagi merealisasikan RUU ini dibawa ke Parlimen dan seterusnya diluluskan untuk diguna pakai.

PAS merupakan parti yang paling awal yang melibatkan Wakil Rakyat melompat parti. Ini berlaku pada tahun 1961 di mana dua orang Wakil Rakyat PAS yang telah menang pada Pilihan Raya 1959 di mana telah melompat ke parti pihak lawan dan sehingga Kerajaan Negeri Terengganu telah jatuh.

■ **1440**

Jadi, Kelantan telah menggubal satu pindaan terhadap Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri untuk mengharamkan lompat parti. Namun, tindakan ini dicabar di mahkamah, seperti yang berlaku ke atas kes Nordin Salleh yang telah melompat parti, yang menjadi rujukan kepada keperluan untuk meminda Perlembagaan, Artikel 10 supaya akta anti lompat parti ini dapat digubal. Kes ini telah memberi kemenangan kepada Nordin Salleh atas asas Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan hak kepada individu untuk berpersatuan.

Malah, lompat parti ini bukan sahaja berlaku di Kelantan, ia juga banyak di Sabah. Bukan sahaja seorang tetapi lebih ramai dan juga lebih kerap berlaku dan membabitkan ramai bilangan Wakil Rakyat. Jadi, PRU-14 telah menyaksikan kejadian lompat parti yang berskala besar dan telah menggugat kestabilan politik negara. Sejarah mencatatkan dalam Penggal Keempat Belas Parlimen, tiga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertukar ganti. Kepercayaan rakyat kepada ahli politik sudah terhakis dan mereka mulai bosan. Ia terbukti dalam Pilihan Raya Negeri Melaka dan Johor apabila peratusan keluar mengundi adalah tersangat rendah.

Justeru, adalah penting bagi negara kita mempunyai suatu akta untuk menghalang Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri daripada melompat parti.

PAS juga sudah lama melihat keperluan menjaga kestabilan sesebuah kerajaan. Kestabilan sesebuah kerajaan perlu dijaga dan mandat rakyat perlu dihormati. Parti memilih calon dan memberi watakah untuk calon bertanding mewakili parti dan bukan mewakili diri sendiri. Oleh itu, calon yang menang membawa mandat rakyat atas nama parti. Justeru, adalah penting hak rakyat diutamakan. Oleh itu, PAS telah mengikat calon-calonnya dengan baiah demi menjaga kepentingan rakyat dan kestabilan kerajaan. 'Baiah' bermakna memberi ikrar atau janji setia atau persetiaan.

Catatan sejarah merakamkan Rasulullah SAW pernah beberapa kali melaksanakan baiah. Antaranya, yang berlaku di Hudaibiyah di mana ikrar setia diberikan kepada Rasulullah SAW untuk memerangi musuh serta mereka tidak akan meninggalkan medan peperangan dan menjaga musuh hingga tamat peperangan.

Manakala, Firman Allah SWT yang bermaksud, *"Bahawasanya, orang-orang yang berjanji setia kepada kamu, sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah SWT. Dengan Allah SWT di atas tangan mereka, maka, barang siapa yang melanggar janjinya, nescaya akibat ia melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri. Dan barang siapa menepati janjinya kepada Allah SWT, maka Allah SWT akan memberinya pahala yang besar."* Surah Al-Fath, ayat ke-10.

Keberkesanan baiah ini terbukti apabila Kelantan kekal stabil walaupun menang dua Kerusi pada PRU-12 yang kemudiannya pula menjadi satu Kerusi sahaja apabila salah seorang Wakil Rakyat PAS meninggal dunia dan pilihan raya kecil pada tahun itu, Barisan Nasional telah menang. Namun, Kerajaan PAS Kelantan terus kekal stabil kerana tiada yang lompat parti.

Sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berjaya membawa RUU ini sehingga ke Dewan Negara untuk diluluskan. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

**2.43 ptg.**

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. DAP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan yang melarang Ahli Parlimen bertukar parti di Dewan Negara ini selepas diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 28 Julai lalu.

Budaya lompat parti yang tidak beretika telah membawa kerosakan besar pada Malaysia sejak kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan pada Februari 2020 sehingga hari ini. Budaya lompat parti yang tidak terkawal seperti apa yang telah berlaku ini mesti dihapuskan selama-lamanya demi masa depan Malaysia.

Berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Menteri sebelum ini, seramai 39 orang Ahli Parlimen di negara ini telah melompat parti sejak tahun 2018 sehingga kini. Angka ini tidak termasuk kes lompat parti yang berlaku di peringkat Dewan Undangan Negeri termasuk kes lompat parti Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang kini dibicarakan di peringkat mahkamah. Malah, tindakan lompat parti secara besar-besaran oleh ADUN di Sabah telah menyebabkan jatuhnya Kerajaan Negeri Sabah dan memaksa pilihan raya negeri dilaksanakan pada masa pandemik.

Isu lompat parti bukanlah perkara baharu di negara ini kerana perbuatan berpaling tadah telah menyebabkan kejatuhan kerajaan antaranya di Terengganu seawal tahun 1962, Sarawak tahun 1966, Kelantan tahun 1977, Sabah sebanyak dua kali iaitu tahun 1994 dan 2020, Perak tahun 2009 dan Kerajaan Persekutuan dua tahun lepas. Tindakan melompat parti telah membawa kepada ketidakstabilan politik negara. Malah, negara telah menyaksikan pertukaran tiga orang Perdana Menteri dalam satu penggal Parlimen.

Ketidakstabilan politik di negara kita menyebabkan pentadbiran negara yang kacau-bilau apabila pihak kerajaan lebih memfokuskan kepada usaha politik dan mengekalkan kuasa sedangkan negara menghadapi krisis yang lebih besar iaitu krisis kesihatan COVID-19 dan krisis ekonomi yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan mata pencarian rakyat.

Menangani budaya melompat parti yang tidak sihat yang jelas tidak beretika dan hanya untuk keuntungan peribadi amat penting bagi menggalakkan integriti, akauntabiliti dan untuk mengembalikan kepada rakyat kuasa untuk memilih Wakil Rakyat mereka.

Bagi memastikan politik negara dibersihkan secara sepenuhnya daripada katak politik, semangat undang-undang anti lompat parti ini perlu diperluaskan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri serta termasuklah Yang Berhormat Senator di Dewan Negara ini.

Tidak sepatutnya ada undang-undang yang berbeza antara setiap perlembagaan negeri dan Persekutuan. Pakatan Harapan telah memberikan jaminan bahawa negeri-negeri di bawah pentadbirannya iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan akan meminda perlembagaan negeri dengan memasukkan undang-undang anti lompat parti ini.

Kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus memberikan komitmen yang sama dan mengarahkan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional atau Perikatan Nasional untuk turut meminda perlembagaan negeri masing-masing bagi menggubal undang-undang anti lompat parti bagi memastikan reformasi politik ini berlaku bukan sahaja berlaku di peringkat Persekutuan malah di peringkat negeri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepatutnya memanggil pilihan raya umum hanya selepas semua negeri meminda perlembagaan negeri masing-masing dengan menggubal undang-undang anti lompat parti ini.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah negeri seperti Sabah, Kelantan dan Pulau Pinang telah cuba bereksperimen dengan undang-undang yang mengelak amalan lompat parti dalam kalangan ADUN sekali gus mengelakkan kerajaan yang menang dalam pilihan raya umum ditumbangkan secara tidak demokrasi.

Baru-baru ini, Mahkamah Persekutuan kerana membuat keputusan penting yang memihak kepada kesahihan undang-undang anti lompat parti Pulau Pinang yang digubal pada tahun 2012, sekali gus mengatasi keputusan Mahkamah Agung tahun 1992 sebelum ini dalam kes pendahulu Nordin Salleh.

Panel tujuh orang hakim yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat pada hari ini membuat keputusan sebulat suara bahawa Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang adalah sah dan berperlembagaan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Jadi, tiada lagi pertikaian Perlembagaan kepada negeri-negeri untuk meminda perlembagaan masing-masing untuk undang-undang anti lompat parti bagi Ahli Dewan Undangan Negeri.

Saya sepatutnya ada lagi tetapi kerana hanya lima minit, jadi kena di... *[Ketawa]*  
Satu minit ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Puan Lim Hui Ying:** Kita harap undang-undang ini dapat diluluskan seperti dalam bulan Mac 1978, Yang Berhormat Lim Kit Siang pernah di Dewan Rakyat *moved a Private Members Bill* iaitu RUU persendirian tentang anti lompat parti. Malangnya, ia telah ditolak pada masa itu. Jadi, semoga usaha kita untuk memulihkan kerosakan kepada sistem demokrasi dan negara ini, akibat 'Langkah Sheraton' ini, kita dapat berjaya.

Saya menyokong sepenuhnya pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying atas perbincangan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**2.49 ptg.**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Lompat si katak lompat;  
Lompatlah tinggi-tinggi.  
Cepatlah Ahli Dewan Negara cepat;  
Cepat kita luluskan akta anti lompat parti.*

**■1450**

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan selepas mendengar rakan-rakan membicarakan tentang rang undang-undang ini. Saya cuma hendak mengambil satu aspek yang penting dalam rang undang-undang ini iaitu mandat rakyat.

Saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa naratif penting apabila kita menyebut tentang mandat rakyat ini yang perlu kita angkat kembali. Inilah ia mengapa justifikasi rang undang-undang ini dan signifikannya rang undang-undang ketika ini. Ia merujuk kepada beberapa naratif penting.

Pertama adalah berkaitan dengan konsep demokrasi yang saya fikir dalam memperjuangkan dan menjulang kebebasan yang ideal ini, tidak bermakna kebebasan ideal ini tidak ada yang kita sebut sebagai *guiding principles*, dengan izin, ataupun kompas moral ataupun navigasi moral yang mesti kita angkat. Falsafah demokrasi memberikan penekanan utama kepada elemen rasional dan juga bermoral. Jadi dalam akta ini, mengangkat moral dan menolak kecurangan ialah ruang dalam demokrasi bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meneruskan dengan menyebut bahawa kita bukan sahaja bercakap tentang sebuah rang undang-undang yang bercakap tentang anti-lompat parti. Akan tetapi mesti diterjemahkan dengan lebih jijik supaya rakyat memahami bahawa perbuatan dan kecurangan ini adalah kecurangan moral oleh ahli politik yang mesti dilihat sebagai: anti penjual maruah; anti khianat; anti pembelotan; dan anti tipu rakyat.

Ini semua mesti digambarkan kepada rakyat bahawa perbuatan ini ialah perbuatan yang menjijikkan dan juga menjatuhkan maruah dalam konteks seorang pemimpin negara. Apa impak kepada rang undang-undang ini? Maka satu, kecurangan berkaitan dengan undi; dua, hilang kepercayaan; tiga, merampas hak demokratik dengan percaturan politik yang cukup jijik dan dahsyat; dan empat, menjejaskan kestabilan negara.

Pembelotan ini melibatkan juga satu perkara yang mesti kita ambil perhatian dalam konteks berlakunya tawaran-tawaran yang terkait rapat dengan kedudukan dan barangkali berlakunya rasuah.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa ada kepentingan ketika ini. Namun tidak ada, kita tidak lihat selepas 'Langkah Sheraton' ini sama ada siasatan dibuat kepada mereka yang telah lompat ataupun katak-katak ini disiasat oleh mana-mana badan autoriti yang sebenarnya sangat penting untuk kita yakinkan kepada rakyat bahawa sama ada berlaku ataupun tidak sebarang tawaran ataupun suapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut beberapa perkara lagi. Antara lain ialah kejayaan terbesar yang memungkinkan rang undang-undang ini hari ini terjadi adalah kerana MoU. MoU ini saya fikir ialah sejarah besar yang mesti kita akui dan juga

perjuangkan bahawa tidak pernah berlaku dalam sejarah, begini besar komitmen daripada kerajaan dan juga Pakatan Harapan untuk memastikan rang undang-undang ini menjadi kenyataan.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut barangkali yang terakhir, ini adalah kerajaan rakyat: oleh rakyat dan untuk rakyat- dalam bahasa Inggerisnya, *“people’s government: by the people and for the people.”*

Oleh yang demikian, saya percaya mandat ini mesti dipertahankan untuk rakyat. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya akhiri dengan serangkap pantun lagi, Tuan Yang di-Pertua.

*Lompat si katak lompat;  
Lompatlah tinggi-tinggi.  
Ayuh kita hapuskan pengkhianat;  
Kembalikan mandat dan pertahankan demokrasi.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato’ Sidek atas perbahasan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada satu Usul. Minta Yang Berhormat Menteri.

**2.54 ptg.**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato’ Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan DR.20/2022, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 seperti yang tertera di No. 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Rabu 10 Ogos 2022.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan?

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato’ Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

**2.55 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan yang dibentangkan pada hari ini melakar sejarah kepada perubahan ekosistem politik negara. Ia tidak hanya melibatkan individu calon dan parti yang dianggotainya, bahkan juga evolusi iklim politik yang lebih segar akan turut melibatkan peranan para pengundi kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan bahawa pindaan ini tidak hanya melibatkan individu calon yang dilantik menjadi Wakil Rakyat serta parti politik semata-mata, bahkan pindaan yang dibawa ini bakal merubah ekosistem politik negara secara keseluruhannya.

Bukan sahaja parti politik perlu berevolusi bagi memastikan Perlembagaan parti disesuaikan pindaan larangan anti-lompat parti, bahkan juga para pengundi turut memainkan peranan bagi memastikan sokongan diberikan kepada golongan yang benar-benar bersih dalam pilihan raya kelak. Saya juga melihat pindaan ini menyentuh sebahagian kecil daripada reformasi pilihan raya. Sudah sampai masanya peraturan pilihan raya dibersihkan daripada unsur-unsur yang boleh menggugat keyakinan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bersama sebagai suatu langkah ke hadapan pasca pindaan ini. Pertama, sudah sampai masanya kerajaan turut mengambil langkah proaktif untuk membentangkan pengubalan Akta Pendanaan Politik bagi membanteras politik wang yang berleluasa. Perkara ini haruslah dilaksanakan secara seiring supaya ketelusan demokrasi dan pilihan raya yang dihasratkan selama ini dapat dicapai sebelum kita menjengah kepada PRU Ke-15.

Kedua, peraturan-peraturan pilihan raya sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan perlu menggariskan syarat kelayakan yang lebih ketat untuk seseorang bertanding di atas tiket mana-mana parti politik. Jika kita teliti ketika ini terdapat beberapa syarat yang mengikat kepada kelayakan seseorang bertanding sebagai Ahli Parlimen. Antaranya ialah seseorang tiada kelayakan untuk menjadi calon jika berkait dengan kesalahan bagi hukuman satu tahun ke atas serta denda melebihi RM2,000 atau seseorang itu telah mengisytiharkan kesetiaannya kepada negara lain.

Saya berpandangan syarat tersebut masih lagi longgar. Syarat-syarat lain yang wajar diberikan perhatian juga ialah seseorang yang pernah mengeluarkan kenyataan yang boleh menggugat keharmonian negara serta mempertikai hak-hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan juga tidak boleh diberikan kebenaran dan hak untuk bertanding dalam pilihan raya.

Perkara ini termasuk mereka yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dalam kes salah laku rasuah juga tidak wajar diberi peluang untuk bertanding kerana kita bimbang mereka akan menggunakan kedudukan mereka untuk mengelak daripada dikenakan tindakan.

Justeru, dalam aspek ini saya juga menyarankan agar kes-kes melibatkan rasuah dan salah laku kepimpinan parti-parti politik disegerakan perbicaraannya di mahkamah supaya proses pembersihan pemimpin politik juga dapat dilakukan secara efektif. Saya yakin inilah sebahagian daripada reformasi demokrasi yang turut diimpikan oleh rakyat pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1500

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

#### 3.00 ptg.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang bertungkus-lumus serta konsisten memperjuangkan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan dengan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih dan syabas diucapkan kepada pihak kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar kerana berjaya menjalankan Sesi Libat Urus bersama pemegang-pemegang taruh sehingga berjaya membawa RUU ini untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Ini merupakan satu sejarah terbesar kepada perjalanan politik dalam negara setelah 14 siri Pilihan Raya Umum berlangsung di negara kita. Banyak tindakan melompat parti telah berlaku dengan pelbagai alasan diberikan untuk mengkhianati mandat rakyat dalam pilihan raya.

Pada Februari 2020, buat kali pertamanya dalam sejarah negara Tuan Yang di-Pertua, isu keluar masuk parti telah menyebabkan kejatuhan Kerajaan Persekutuan dan seterusnya beberapa buah kerajaan negeri. Saya penuh yakin bahawa rakyat di luar

sana akan gembira dan semakin yakin dengan perkembangan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan ini bagi melarang Ahli Parlimen melompat parti kerana apabila berlakunya tindakan lompat parti tidak kira oleh Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Undangan Negeri, rakyat akan turut berdukacita terutamanya jentera parti yang telah bekerja keras memenangkan ahli parti.

Bagi sesetengah pengundi, mereka tidak begitu kesah akan latar belakang calon yang diundi kerana yakin dengan calon yang ditampilkan oleh parti yang didukung selama ini. Bagi kelompok ini, apa yang penting ialah ideologi, inspirasi dan perjuangan parti dan itulah lebih penting daripada individu calon. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bayangkan apa perasaan penyokong dan pengundi ini apabila calon yang diundi itu begitu mudah isytiharkan keluar parti dan cenderung menyokong parti lain.

Dengan penggubalan RUU Perlembagaan Persekutuan ini, mereka akan bertambah yakin dengan kewujudan sebuah kerajaan yang akan dilindungi daripada bencana Ahli Parlimen bertukar parti. Pengundi juga akan menjadi lebih yakin dengan pilihan yang mereka buat kerana mereka tahu bahawa Ahli Parlimen atau DUN yang dipilih dan seterusnya memenangi Kerusi yang dimenangi tidak akan melompat parti. Jika aktiviti melompat parti ini tidak ditangani dengan segera, kemungkinan kestabilan sebuah kerajaan akan tergugat selepas sesi PRU-15, 16 dan seterusnya ataupun masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan yang dipilih tidak mempunyai jumlah majoriti yang kukuh, mungkin akan berlaku 'tawar-menawar' yang bakal menyebabkan berlakunya Ahli Parlimen keluar dan masuk parti lain dengan sesuka hati. Jika robohnya sebuah kerajaan yang bakal dipilih, sudah pasti negara kita akan terus berada dalam keadaan yang tidak stabil dan ia akan membawa bencana yang besar kepada pentadbiran negara.

Matlamat utama pindaan rang undang-undang ini adalah untuk menstabilkan kerajaan selepas pilihan raya. Setiap Ahli Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri seharusnya mempunyai integriti yang tinggi. Namun, rang undang-undang ini amat penting agar sentiasa ahli yang dipilih dalam PRU ataupun PRK lebih menghormati mandat rakyat yang telah memilih mereka serta menjamin sebuah kerajaan yang lebih stabil pada masa depan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

**3.05 ptg.**

**Puan Noraini binti Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Keluarga Malaysia dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah

memberikan saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

Pengalaman pertukaran Perdana Menteri sebanyak tiga kali selepas PRU-14 menunjukkan betapa seriusnya isu lompat parti ini. Jika tidak ditangani segera, kemungkinan kestabilan kerajaan juga akan terganggu selepas PRU-15 nanti jika kerajaan yang dipilih tidak mempunyai jumlah majoriti yang kukuh.

Saya ingin merakamkan penghargaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Undang-undang kerana telah bersifat konsisten dalam menjayakan pindaan kepada Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang amat penting demi tujuan utama mewujudkan kestabilan politik dan seterusnya mengelakkan acara lompat parti yang seperti mana kita ketahui telah berlaku secara besar-besaran selepas PRU-14 dahulu.

Hasil daripada komitmen dan penglibatan kedua-dua pihak dari Blok Kerajaan dan Pembangkang, kita telah melihat kerajaan rang undang-undang ini di mana ia lulus dengan sokongan majoriti di peringkat Dewan Rakyat. Justeru, saya turut ingin menyokong pindaan ini bagi membolehkan ia diimplementasikan secepat mungkin dan diguna pakai sebelum kita melaksanakan PRU-15 kelak bagi memastikan acara besar-besaran lompat parti ini tidak lagi berlaku pada masa hadapan.

Ini juga merupakan titik tolak kepada barisan ahli Dewan yang lebih berintegriti mempunyai prinsip dan menghormati mandat rakyat yang diberikan kepadanya. Jika sebelum ini kita telah meluluskan Undi18 yang juga merupakan sejarah dalam negara kita, sudah semestinya kita ingin memastikan anak muda yang ingin membuang undi kelak lebih yakin dan tidak menggunakan alasan tidak perlu membuang masa beratur mengundi kerana nanti ahli politiknya akan melompat ke sana dan ke sini bagi memenuhi kecek dan tawaran lumayan parti lain.

Meskipun ia hanyalah dakwaan-dakwaan nakal, contohnya melibatkan politik wang dan tawaran-tawaran lumayan, namun ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi pengundi kelak. Golongan muda yang baharu yang ingin mengundi mempunyai stigma negatif terhadap ahli politik masa kini.

Justeru, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dibuat bagi membolehkan rang undang-undang ini berjaya dilaksanakan dan mengekang lompat parti. Sedikit sebanyak, kepercayaan dan usaha bagi menggalakkan anak muda untuk turun mengundi akan berjaya kelak. *Insyaa-Allah* dengan izin-Nya. Namun, saya ingin mendapatkan penjelasan berkaitan. Pertamanya, pelaksanaan pindaan ini di peringkat sidang Dewan Undangan Negeri. Adakah terdapat tempoh masa bagi melaksanakan pindaan ini atau ia tertakluk kepada budi bicara pemerintah negeri bagi memasukkan pindaan ini?

Keduanya, berkaitan fasal baharu- 3 bertujuan untuk memotong Fasal (6) Perkara 48. Berdasarkan fasal baharu ini, seorang Ahli Dewan Rakyat apabila ia melepaskan keahliannya sebagai Ahli Dewan Rakyat atau dia kehilangan Kerusinya dalam Dewan kerana dia lompat parti.

Namun berdasarkan fasal baharu 3 ini, dia masih boleh bertanding dalam pilihan raya kecil kerana peruntukan yang menyentuh mengenai kehilangan kelayakan menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi tempoh lima tahun tidak lagi terpakai. Peruntukan baharu ini membolehkan dia bertanding semula. Jadi, tidakkah ini akan menjadikan Wakil Rakyat tersebut tidak serik dan apa jaminan yang beliau tidak melakukan perkara yang sama selepas beliau contohnya, dipilih semula oleh rakyat di kawasan tersebut? Jadi, mungkin perkara ini boleh diperhalusi lagi.

Akhir kalam, di sebalik ruang lompong yang memerlukan perincian dan penjelasan lanjut, saya melihat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan ini akan menjadikan negara lebih stabil. Tempoh perkhidmatan Wakil Rakyat akan dapat digunakan sepenuhnya untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat, tidaklah Wakil Rakyat asyik berpolitik, asyik sibuk tukar kerajaan. *Insyaa-Allah* dengan pindaan ini, negara kita mampu melahirkan pemimpin yang lebih bermaruah dan mempunyai prinsip serta integriti. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang.

■1510

3.10 ptg.

**Datuk Bobbey Ahfang Bin Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersama sahabat-sahabat yang lain dalam Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan terima kasih juga dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Undang-undang atas usaha memperkenalkan undang-undang yang sekian lama ditunggu ini.

Pada tahun 1988, lebih kurang 34 tahun yang lalu, wilayah Sabah sebenarnya telah mendahului usaha untuk melindungi demokrasi daripada penyakit berpindah parti ataupun lompat parti ini di mana Dewan Undangan Negeri telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Lompat Parti, namun dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi disebabkan bercanggah yang wujud dengan undang-undang di peringkat Persekutuan.

Apabila berbicara tentang budaya lompat parti ini, kami di Sabah adalah yang paling banyak menyaksikan kesan angkara amalan negatif ini disebabkan ketiadaan undang-undang khusus melarang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berpindah-randah parti. Kesemua kesan ini perlulah dijadikan pengajaran kerana natijah daripada budaya

berpindah parti ataupun lompat parti ini, mandat rakyat dikhianati tanpa sebarang rasa berdosa.

Oleh yang demikian, dengan adanya larangan ini, kita tidak perlu dirisaukan dengan budaya ketidaksetiaan seorang pemimpin, bahkan kita lebih membuka ruang kepada masyarakat untuk menilai siapa dan apa yang terbaik untuk membela nasib mereka. Ini adalah kerana kuasa yang ada pada kita pada hari ini datangnya daripada rakyat, milik rakyat dan untuk rakyat.

Saya mewakili rakyat Sabah menyokong penuh dan mengucapkan tahniah khususnya kepada rakan-rakan Ahli Dewan Rakyat dan Kerajaan Persekutuan atas persetujuan membawa dan seterusnya meluluskan peruntukan larangan Ahli Parlimen bertukar parti ini. Kelulusan ini adalah amat signifikan bagi memastikan Malaysia segera bergerak ke arah senario politik negara yang stabil serta memartabatkan semula demokrasi negara kita yang tercinta ini.

Setelah rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat dan kini di Dewan yang mulia ini, saya pasti kita di negeri Sabah akan gembira dan menyambut kelulusan ini dengan penuh senang hati. Pun begitu, kita juga maklum bahawa larangan ini hanya meliputi Ahli Parlimen sahaja.

Oleh sebab itulah saya turut menyeru agar dewan undangan negeri dapat memulakan cadangan ini dibawa dalam perbahasan di peringkat dewan undangan negeri masing-masing dengan segera. Jika usaha memanjangkan Usul ini dapat direalisasikan, saya pasti usaha pendemokrasian yang lebih pragmatik akan lebih terjamin. Saya percaya jika kita mampu mencapai semula kestabilan negara dari segala segi, kita akan dapat memberi khidmat yang terbaik khususnya kepada rakyat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi demi kemaslahatan bersama dan kesungguhan kita untuk kembali menstabilkan Malaysia, Rang Undang-undang Larangan Ahli Parlimen bertukar parti ini harus disokong dan diluluskan sebulat suara. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

### **3.15 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang sudi pagi tadi membaca kali kedua Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat Santubong, Sarawak, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) yang menjalankan urusan RUU ini dengan mengadakan banyak libat urus dengan beberapa kumpulan hampir atau pun lebih setahun sudah. Syabas kepada beliau dan Jawatankuasa Pilihan Khas kerana berjaya memperkemas RUU ini untuk dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya memohon jika Parlimen sekali lagi perlu menubuhkan Jawatankuasa Khas yang melibatkan Perlembagaan, saya mohon Ahli Dewan Negara boleh dilibatkan.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini telah berjaya diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Julai lalu yang mana 209 orang Ahli Dewan Rakyat bersidang bersetuju meluluskannya dengan fasal-fasal terkandung ini. Kesemua Ahli daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang bersetuju meluluskan RUU ini. Ini bermakna pentingnya RUU kita bincang atau dibentangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini akan menjadi sejarah, pada 9 Ogos 2022 apabila masa saaatnya Ahli Dewan Negara setuju untuk meluluskan rang undang-undang ini. Dengan kelulusan rang undang-undang ini, nanti kita dengan besar harapan dapat melahirkan budaya politik lebih sihat yang akan membentuk dan menjamin suasana landasan arena politik berkualiti dengan bermaknanya, akan mengikis persepsi buruk di mata negara luar dan Parlimen kita tidak akan menjadi Dewan huru-hara dan tidak ada katak melompat ke sini ke sana.

Kestabilan politik akan menjamin kemakmuran negara, bukan sahaja pelaburan asing tetapi pelaburan domestik juga akan tenang melabur dalam ekonomi negara. Ekonomi kita berkembang, pekerjaan bertambah, hasil kutipan negara naik, penyumbang kepada dana untuk pembangunan negara dan keluarganya. Memanglah kita ada berasa kecil hati sedikit. Saya ada kecil hati sedikit juga kerana perlunya kita melaksanakan RUU seperti ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, dengan satu kerat pantun berbunyi...

*Setiap pagi makan roti;  
Roti terletak di tepi lilin,  
Undang-undang terkini perlu dipatuhi;  
Supaya Ahli terpilih berdisiplin.*

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar.

**3.18 ptg.**

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan berkaitan dengan larangan Ahli Parlimen bertukar parti ataupun melompat parti.

*Lompat si katak lompat;  
Tersalah lompat masuk perigi.  
Lompat parti jangan tidak lompat;  
Perbuatan keji menghina diri.*

*Dapat sebiji buah senduduk;  
Buat ubat penyakit sendi.  
Lompat parti kerja terkutuk;  
Mandat rakyat jangan dikhianati.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, seramai 209 orang Ahli Parlimen hadir baru-baru ini dari parti kerajaan, parti pembangkang dan termasuk juga mereka yang telah melompat parti telah sepakat menyokong pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini. Ini jelas membuktikan bahawa pindaan rang undang-undang ini sangat-sangat perlu diwujudkan dan dilaksanakan di negara kita.

**■1520**

Tuan Yang di-Pertua, mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negeri saya, negeri Perak, selepas Pilihanraya Umum Ke-14, apabila keputusan Pilihanraya Umum Ke-14 di peringkat negeri berkesudahan dengan tidak ada mana-mana parti yang mendapat majoriti untuk membentuk kerajaan negeri. Maka, berlakulah lompatan keluar dua ADUN Barisan Nasional menyertai parti lain dan sekali gus, membolehkan Pakatan Harapan ketika itu mendapat *simple majority* dan membentuk Kerajaan Negeri Perak. Tiket kemenangan yang diperoleh sebagai calon Barisan Nasional telah dimanfaatkan oleh parti lain. Pastinya, Barisan Nasional melabelkan ADUN-ADUN berkenaan sebagai penipu ataupun pengkhianat.

Pengundi yang memenangkan mereka atas tiket Barisan Nasional akan merasa tertipu. Selain daripada dua ADUN tersebut, di Perak juga berlaku tiga daripada kalangan Ahli Parlimen yang Pilihanraya Umum Ke-14 atas tiket Barisan Nasional telah melompat parti. Ketiga-tiga Ahli Parlimen tersebut telah dilantik sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan Pengerusi Badan Berkanun Kerajaan.

Malah, di Perak terbukti kerajaan negeri yang terbentuk atas majoriti tipis yang diperoleh melalui lompatan parti tidak mampu bertahan lama dan berlaku ketidakstabilan politik akibat daripada pertukaran kerajaan negeri dan juga Menteri Besar sebanyak dua kali dalam tempoh yang singkat iaitu, sebelum habis penggal Dewan Undangan Negeri. Angka perbuatan melompat parti juga telah menyebabkan



ketidakstabilan politik di Kerajaan Persekutuan menyaksikan tiga kali pertukaran kerajaan dan Perdana Menteri dalam tempoh belum sempat habis penggal pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan pengkaji politik meramalkan tidak ada mana-mana parti yang akan meraih kemenangan majoriti pada Pilihanraya Umum Ke-15 yang akan datang dan membolehkan sesuatu parti membentuk kerajaan secara solo. Ini sudah tentu kebarangkalian menubuhkan kerajaan melalui kesepakatan atau jajaran cantuman beberapa buah parti ataupun melalui lompatan. Maka, akan berlakulah proses tawar-menawar, rundingan di belakang tabir di kalangan parti-parti dan individu yang rakus kuasa.

Semenjak Pilihanraya Umum Ke-14, seramai 40 orang Ahli Parlimen telah melompat parti atas pelbagai alasan. Iaitu 18 peratus daripada jumlah Ahli Parlimen. Justeru, pindaan rang undang-undang ini sangat perlu diwujudkan di negara kita. Akhir sekali, dua rangkap pantun.

*Berjalan-jalan ke Bukit Merah;  
Bersama kawan bernama Che Mamat.  
Amanah rakyat jangan disanggah;  
Kelak disumpah menjadi pengkhianat.*

*Pergi ke Pekan di seberang jambatan;  
Bersama kekasih bernama Melati.  
Sayangilah parti yang asalnya diperjuangkan;  
Baharulah menjadi Wakil Rakyat yang dihormati.*

*Makan tengah hari berlauk sardin;  
Mohon maaf zahir dan batin.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar.

Seterusnya, saya menjemput yang Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing. Kita ada 16 lagi perbahasan.

### **3.25 ptg.**

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Okey. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022.

Tahniah juga kepada Menteri Undang-undang, Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Ahli Parlimen Santubong dari Sarawak yang telah

berjaya membawa rang undang-undang ini ke Dewan Rakyat dan hari ini ke Dewan yang mulia ini.

Saya sangat setuju bahawa dengan kelulusan rang undang-undang ini, perbuatan pengkhianatan rakyat seperti lompat parti tidak berlaku lagi. Perbuatan ahli politik yang lompat parti bukan sahaja mengkhianati rakyat tetapi, juga perbuatan yang tidak bermaruah dan tidak bertanggungjawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan rang undang-undang ini adalah untuk menghalang bertukar parti, lompat parti atau *floor crossing*.

Lompat parti bererti lompat dari parti A ke parti B. Prinsip ini sangat jelas. Justeru, saya sangat tidak setuju apabila rakan Senator mengatakan Kerajaan GPS juga lompat parti. Janganlah cuba mencemar nama baik GPS. GPS apa yang berlaku selepas PRU-14, GPS keluar daripada gabungan Barisan Nasional. Keluar atau tidak keluar, GPS memang memegang tampuk Kerajaan Sarawak. Justeru, janganlah menggagap GPS sedemikian sebab di luar definisi yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Kita juga mesti ingat tanpa GPS, kerajaan yang ada sekarang mungkin tidak terbentuk.

Justeru, kita mesti berterima kasih kepada GPS sebab setuju membentuk kerajaan yang ada sekarang. Bertukar parti, lompat parti membawa kesan buruk kepada negara sebab perbuatan sebegini akan menggugat kestabilan politik negara. Pelabur dari luar negara segan hendak melabur dengan kita dan ini mengakibatkan merosotkan ekonomi dan kesannya rakyat yang menghadapi kesusahan. Oleh sebab itu, saya berharap tidak ada lagi lompat parti atau katak-katak berlaku selepas kelulusan RUU ini.

Namun demikian, saya ada perkara-perkara yang saya mahu perjelaskan. Satu, mengapa ahli bebas akan terhenti bila dia masuk sesuatu parti. Secara teknikal, dia tidak melompat dari parti 'A' ke parti 'B'. Mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri nanti. Bila ahli politik itu keluar dari parti, keahliannya di Dewan Rakyat terhenti tetapi, bila dipecat oleh parti, tidak terhenti. Saya berpendapat sebab-sebab dia dipecat kena teliti sedikit.

Mungkin dia sengaja mahu dipecat dengan melanggar atur-aturan parti. Saya cadangkan seksyen ini dikaji semula. Jika ada bukti dia sengaja dipecat atau parti ada bukti yang kukuh, seorang itu patut terhenti menjadi ahli Dewan Rakyat. Peruntukan yang ada sekarang boleh disalah gunakan. Saya setuju dengan pendapat bahawa RUU ini dikenakan kepada para Senator juga. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1530

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing atas perbahasan tadi.

Seterusnya, menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

### **3.30 ptg.**

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan RUU ini.

Izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan membaca ayat suci Al-Quran Al-Karim... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya: *“Dan janganlah kau berbahas untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang selalu melakukan khianat dan melakukan dosa.”* Surah An-Nisa, ayat 107.

Tuan Yang di-Pertua, syukur ke hadrat Ilahi pada hari ini kita menyaksikan satu lagi inovasi politik yang digagaskan oleh Yang di-Pertuan Agong, iaitu demokrasi bermusyawarah yang diangkat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melibatkan kerjasama politik dwi-partisan antara blok pembangkang dan juga blok kerajaan.

Inilah budaya politik matang dan sejahtera yang diidamkan oleh semua rakyat Malaysia. Ahli politik yang menang tidak semuanya menang dan yang kalah tidak semuanya kalah. Kerajaan berperanan sebagai badan eksekutif dengan tadbir urus yang telus, terbuka serta inovatif. Manakala pembangkang memainkan peranan sebagai golongan semak dan imbang kepada pentadbiran kerajaan secara konstruktif dan bukannya destruktif.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sejarah telah menunjukkan bahawasanya kita berjaya untuk membuang satu polemik di antara Kerajaan dan Pembangkang di mana kita boleh bersatu untuk bersetuju dengan rang undang-undang ini.

PAS sebagai sebuah parti politik Melayu Islam yang lama di tanah air ini mempunyai sejarah yang amat besar dalam sorotan sejarah berhadapan dengan membanteras budaya lompat parti ini.

Ini kerana PAS bukan sekadar pernah ditinggalkan tetapi juga kehilangan sebuah kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Terengganu pada 30 Oktober 1961 akibat daripada amalan lompat parti ini. Buktinya, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pentadbiran PAS adalah antara negeri yang terawal menggubal dan meluluskan satu Enakmen Antilompat Parti 1991 yang memperuntukkan mana-mana ADUN yang keluar atau dipecat daripada partinya akan dicabut keahliannya sebagai ADUN dan perlu untuk mengosongkan Kerusi ADUN tersebut. Namun, ia tidak sah akibat bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang kita pinda dan bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, walaupun usaha untuk melakukan perubahan itu dilakukan secara legislatif, PAS masih lagi ada instrumennya. Kita menggunakan pendekatan dalaman iaitu pertimbangan dosa dan pahala yang dinamakan sebagai prinsip baiah. Kita harapkan perkara ini boleh diperhalusi dan barangkali boleh diikuti oleh mana-mana parti yang memperjuangkan Islam sebagai terasnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, ada beberapa punca masalah kepada perkara ini iaitu antara masalah yang kita lihat adalah kenapa Dewan yang mulia ini tidak boleh mencadangkan kepada kerajaan untuk memberikan peruntukan yang sama banyak dan juga adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat tanpa mengira latar belakang politik mereka. Manakala, peruntukan itu bukanlah ditentukan atau diurus melalui Pejabat Perdana Menteri tetapi ia diuruskan sendiri secara autonomi oleh institusi Parlimen. Maka dengan itu, kita dapat mengurangkan *probability* ataupun kemungkinan untuk Ahli Parlimen lompat parti.

Kedua, cadangan kami kepada pihak kerajaan kita memohon kepada pihak SPR agar berlakunya beberapa proses penapisan ke atas calon-calon yang berpotensi untuk lompat parti selepas ini. Sebagai contoh, bagi mana-mana ahli politik yang mempunyai rekod aktif lompat parti, mereka diwajibkan untuk menghadiri sesi inkuiri ataupun temu duga bagi menyatakan jaminan ataupun akaun bersumpah bahawa mereka tidak akan mengkhianati mandat serta duit rakyat untuk sesi pilihan raya tersebut. Jadi, kita harapkan ada wujud mekanisme tersebut.

Cadangan ketiga kepada kementerian adalah untuk kita menghilangkan normalisasi budaya lompat parti ini adalah untuk kita mewujudkan literasi politik, pendidikan politik kepada rakyat. Maksudnya, dalam erti kata lain, seperti yang kita laksanakan yang seperti kita cadangkan tentang pelaku rasuah supaya mereka yang terbukti rasuah ini diceritakan tentang kesalahan mereka di dalam buku-buku sejarah, kenapa tidak kita ceritakan juga mereka yang tidak berintegriti, yang khianat ini dalam sistem pendidikan sekolah kita supaya dikenali dan supaya anak-anak kita yang akan menjadi Ahli Parlimen akan datang mereka tidak mengulangi perkara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana masa singkat ini, saya ingin menutup perbincangan saya dengan sabda baginda Rasulullah SAW, "*Tanda-tanda orang munafik itu ada tiga. Jika mereka berbicara, mereka berbohong, jika mereka berjanji mereka ingkar janji dan jika mereka diberi amanah, mereka khianat.*" Hadis dan Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin atas perbincangan tadi.

Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

**3.36 ptg.**

**Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana berjaya membawa RUU ini sehingga mendapat sokongan dua per tiga daripada anggota Dewan Rakyat. Tahniah.

Pindaan Perlembagaan mengenai rang undang-undang lompat parti merupakan rang undang-undang yang penting dan ditunggu-tunggu di negara kita. RUU ini adalah untuk menghalang Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri daripada berpindah ke parti lain. RUU ini diharapkan dapat diluluskan untuk memastikan kestabilan politik dalam negara. RUU ini juga diharapkan akan memberi keyakinan kepada rakyat untuk keluar mengundi bagi memilih sebuah kerajaan yang stabil, matang dan mantap.

Persoalannya, adakah dengan lulusnya RUU ini akan dapat menarik pengundi-pengundi untuk keluar mengundi dalam PRU15 nanti? Jikalau dilihat daripada statistik pengundi yang keluar mengundi di PRN Melaka dan juga Johor baru-baru ini, jelas menunjukkan bahawa rakyat di kedua-dua negeri itu tidak berminat untuk keluar mengundi kerana mereka merasakan mereka telah tertipu sebelum ini di mana ramai Yang Berhormat telah bertukar parti.

Pengundi akan berasa lebih selamat dalam suasana politik demokrasi yang lebih stabil dan berintegriti. Walaupun RUU ini ada kelompangan, tetapi ia diharapkan dapat mengurangkan kecenderungan Yang Berhormat daripada melompat ke parti lain. Dengan adanya RUU ini, ia akan menyebabkan Yang Berhormat menghormati mandat yang diberikan oleh rakyat semasa PRU nanti.

Lompat parti merupakan pengkhianatan mandat dan suara majoriti rakyat yang telah bersusah payah keluar untuk mengundi. Selain itu, perbuatan lompat parti ini juga merupakan satu perbuatan melecehkan demokrasi dan mengancam keutuhan kerajaan.

Selepas memenangi pilihan raya, secara teknikalnya, mereka Yang Berhormat merupakan seorang pembuat dasar dan bukan lagi ahli parti. Oleh itu, mereka boleh mengundi sesuatu usul yang dibawa oleh pembangkang. Akan tetapi, demi kepentingan parti, biasanya mereka tidak akan mengundi usul yang dibawa oleh pembangkang.

Apakah akan terjadi sekiranya berlaku keadaan seri? Ini kerana Parlimen kita ada 222 Kerusi. Sekiranya pihak Kerajaan menang 111 undi, dan pihak Pembangkang juga menang 111 undi, ini akan menjadikan Parlimen kita tergantung.

**■1540**

Akhir sekali RUU akan menjadi lebih menarik sekiranya dimasukkan perkara jumlah penggal perkhidmatan Perdana Menteri dihadkan untuk dua penggal sahaja.

Dengan itu, saya sudah dengan *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

### **3.40 ptg.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 berkenaan peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti.

Tuan Yang di-Pertua, pergolakan politik yang telah berlaku sejak dua tahun kebelakangan ini adalah diakibatkan oleh sesetengah Ahli Dewan Rakyat mementingkan kepentingan diri daripada mempertimbangkan kepentingan rakyat. Saya akan meringkaskan hujahan saya ke atas rang undang-undang ini kerana sebagai Ahli Dewan Negara, kita mempunyai tanggungjawab yang berat dan penting bagi memastikan rang undang-undang dipersetujui tanpa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, melalui pindaan rang undang-undang ini, mencerminkan kerajaan kini, parti-parti politik sama ada pihak Kerajaan dan Pembangkang mampu mencapai kesepakatan yang menjangkau fahaman politik. Ini termasuk kita sama ada Ahli Dewan Negara mewakili negeri ataupun Ahli Dewan Rakyat.

Kedua, kekalutan politik ketika wabak COVID-19 melanda negara kita, keseluruhan rakyat Malaysia berasa kecewa dan keliru mengapa Ahli Parlimen yang dipilih ini yang mereka meletakkan kepercayaan, Ahli Parlimen tersebut memilih untuk melompat atau menukar parti yang mereka wakili. Rang undang-undang ini mampu mengembalikan proses demokrasi yang sebenar kepada rakyat daripada ahli politik. Rang undang-undang ini juga mendahului rakyat dan memastikan kepentingan negara tidak dikompromi oleh ahli politik.

Ketiga, saya memperlihatkan rang undang-undang ini mempunyai kekurangan. Misalnya, Ahli Dewan Rakyat yang dipecat daripada parti, pembubaran parti politik akibat gabungan ataupun pembatalan berkemungkinan isu *buy out politician*, dengan izin. Keadaan ini walaupun dilihat oleh sesetengah pakar politik sebagai kekurangan, tetapi persetujuan ke atas rang undang-undang ini merupakan satu permulaan yang baik untuk membawa prinsip berpolitik yang sihat dan matang. Saya memperlihatkan agar tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memainkan peranan yang lebih luas.

Akhir sekali, adaptasi mekanisme atau pindaan yang sama oleh peringkat Dewan Undangan Negeri merupakan usaha seterusnya oleh Kerajaan Pusat dengan peringkat kerajaan negeri, maka saya di sini menyarankan agar Ahli-ahli Parlimen berusaha bersama untuk mencadangkan kepada peringkat kerajaan negeri masing-masing mengikut langkah yang sama. Ini adalah untuk memastikan *level the playing field*, dengan izin, sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2022, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, dipersilakan.

### **3.45 ptg.**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini saya sentiasa ditanya oleh kawan-kawan saya di luar negeri atau orang tempatan. Mereka mengatakan Malaysia kaya dengan hasil 'katak'. Antaranya terdapat katak yang sangat pandai lompat, sekejap lompat dari parti 'A' ke parti 'B'. Sekejap dengar pula melompat dari parti 'B' ke parti 'C'. Akhirnya lompat lagi dari parti 'C' balik ke parti 'A'. Menurut data adalah menganggapan terdapat seramai 36 orang daripada 220 orang Ahli Parlimen melompat parti di antara tahun 2019 hingga tahun 2021. Angka ini boleh diambil kira Ahli Dewan Undangan Negeri di setiap negeri kalau diambil kira negara Malaysia memang kaya dengan hasil 'katak'.

Fenomena ini telah meninggalkan satu imej yang sangat buruk di mata dunia. Kecanggihan *katak* yang melompat ini telah mengakibatkan negara Malaysia dalam satu penggal iaitu PRU-14 menghasilkan tiga bentuk kerajaan iaitu daripada Kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan Perikatan Nasional dan kini sehingga kerajaan hari ini.

Akibat daripada perbuatan bertukar parti ini, runtuh rasa hormat rakyat terhadap institusi Parlimen kerana kehilangan kepercayaan terhadap Ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya. Manakala Ahli Parlimen pula sibuk mengenai isu-isu lompat sini, lompat sana dan abaikan isu-isu masyarakat tempatan, pembangunan, ekonomi dan sebagainya. Rakyat kehilangan keyakinan dan ini menyebabkan dasar membuat

kerajaan sukar diterima. Akibatnya, rancangan pentadbiran negara tergugat dan pihak tidak bertanggungjawab dengan mudah mengambil kesempatan.

Ini jelas nampak apabila banyak usaha kerajaan disabotaj. Penyebaran berita palsu di media sosial dan hancurnya perpaduan kaum. Perbuatan melompat parti ini membawa ketidakstabilan dan boleh menggugat kepentingan Persekutuan. Ini boleh jelas nampak apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia perlu menandatangani MoU dengan parti pembangkang untuk penstabilan politik dan negara.

Selain itu, daripada segi ekonomi pelabur luar negeri juga akan bimbang dengan perbuatan melompat parti yang mungkin akan mengakibatkan pertukaran kerajaan yang akan membimbangkan pelaburan mereka di Malaysia dan secara tidak langsung ekonomi negara Malaysia juga terus terjejas.

#### ■1550

Sudah bukan menjadi rahsia yang perbuatan melompat parti ini didorong oleh sogokan dengan bentuk wang atau jawatan. Sogokan atau rasuah menggugat ketenteraman awam terutamanya apabila berlaku dalam kalangan pemimpin. Gambaran yang diberi adalah pemimpin politik menerima faedah atau ditawarkan jawatan untuk mendapat sesuatu pembelian. Dengan ini saya menyokong Usul tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wong Siaw Ting.

#### 3.50 ptg.

**Datuk Wong Siaw Ting:** Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 serta berkongsi pandangan saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara yang mewakili orang muda di Malaysia.

Pindaan ini bertujuan untuk mengharamkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri berpindah parti demi kestabilan politik berpanjangan dalam kerajaan kita. Selepas PRU-14 kita telah menyaksikan gelagat lompat melompat dalam kalangan Wakil Rakyat tanpa sempadan dan sekatan.

Kononnya atas alasan prinsip dan untuk kepentingan pengundi tetapi perbuatan menukar atau melompat parti itu langsung tidak menghormati sistem demokrasi negara dan juga pilihan pengundi. Orang ramai terutama golongan muda rasa muak serta jelaik terhadap ahli politik yang sentiasa bermain politik dan berebut kuasa. Ini secara tidak langsung memberi gambaran kepada pengundi di bawah, proses pilihan raya tidak penting dan tidak akan membawa sebarang perubahan progresif kepada negara kita.

Pengundi berasa dikhianati dan hilang kepercayaan bukan sahaja terhadap kerajaan tetapi juga terhadap institusi pilihan raya yang merupakan sebuah komponen



penting dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokratik. Fenomena politik yang tidak sihat telah membunuh minat sesetengah pengundi khususnya belia untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik yang rasmi seperti pengundi. Mereka lebih berkemungkinan untuk terlibat dalam aktiviti demokrasi dan boikot dan melontarkan pandangan politik di sosial media *instead*.

Oleh itu, saya amat berterima kasih kepada kerajaan atas komitmen melaksanakan satu undang-undang yang melarang Wakil-wakil Rakyat melompat atau menukar parti selepas dipilih oleh rakyat. Terima kasih khususnya kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara atas kesungguhan untuk merealisasikan satu mekanisme kawalan bagi mengukuhkan mandat rakyat agar tidak lagi digadai oleh mana-mana Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan dalam memastikan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2002 diterima oleh semua pihak berkepentingan haruslah kita iktiraf. Kerajaan telah memerah keringat sejak lebih setahun yang lalu dengan pelbagai program khususnya program libat urus dengan pelbagai pihak dan mengambil kira pandangan pelbagai parti politik.

Namun, masih lagi terdapat ruang untuk memperkukuhkan mekanisme kawalan lompat parti dan saya berharap pihak kerajaan akan meneliti cadangan yang memasukkan suatu mekanisme proses pemilihan semula ataupun, dengan izin, *recall process* sebagai fasa kedua reformasi pilihan raya pada masa akan datang. Saya ingin membuat penekanan berhubung rang undang-undang ini di mana sebuah parti terkeluar daripada sesebuah gabungan atau gagasan parti selepas pilihan raya, jikalau seorang Wakil Rakyat enggan mengikut partinya keluar daripada gagasan tersebut dan memilih untuk keluar parti, Wakil Rakyat ini boleh kehilangan Kerusi dan dipecat serta-merta.

Situasi ini berbeza dengan kes katak yang kita selalu nampak yang menukar parti demi kepentingan sendiri. Namun Rang Undang-undang Anti Lompat Parti tidak mengambil kira motif ataupun matlamat seseorang MP bertindak melompat parti. Ini tidak adil. Lebih baik jika kita pulangkan mandat kepada pengundi untuk memutuskan sama ada Wakil Rakyat tersebut kekal atau tidak seperti yang saya sebutkan sebentar tadi *recall process* perlu dilaksanakan untuk kembalikan mandat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat kita harus sedar agar perlu kah kita pertahankan mandat dan kepercayaan rakyat. Dengan ini semoga rang undang-undang ini mendapat sokongan semua pihak, bukan untuk kepentingan golongan politik sahaja tetapi demi semua rakyat kerana rakyatnya yang perlu diutamakan. Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wong Siaw Ting atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**3.57 ptg.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan rasa gembira dengan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pilihan Khas yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) yang berperanan menyelenggarakan dan mempercepatkan proses pindaan Perlembagaan ini.

Hal ini bagi mengelak berulangnya lompat parti yang jelas boleh menggugat kestabilan politik seperti yang diucapkan oleh sahabat senator dan juga merupakan perbuatan khianat kepada mandat yang diberikan oleh rakyat. Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud “*Dan jika engkau Muhammad, khuatir akan terjadinya pengkhianatan daripada suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang khianat*”. Surah Al-Anfal, ayat 58.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat pada bulan Julai yang lalu, ada menyatakan bahawa undang-undang yang menghalang lompat parti ini telah diwujudkan di empat buah negeri dan negeri-negeri lain pasti turut akan berbuat demikian.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri dapat menyebut nama empat buah negeri dalam Dewan Negara ini yang wujud undang-undang lompat parti tersebut. Sehingga kini saya ingin bertanya sejauh manakah *engagement*, dengan izin, yang dibuat oleh jawatankuasa khas dengan wakil-wakil negeri? Sejauh mana penerimaan mereka, adakah di peringkat DUN, undang-undang seperti ini sesuai diimplementasikan di semua negeri? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri dalam Dewan Rakyat juga, kedudukan Ahli Dewan Rakyat bergantung kepada perlembagaan parti sama ada digugurkan, dipecat ataupun keanggotaan terhenti dengan sendiri dan sebagainya. Saya yakin sekiranya mana-mana parti politik yang tidak mempunyai apa-

apa klausa yang jelas dalam perlembagaan parti mereka akan wujudnya kekeliruan berhubung dengan ketetapan pindaan Perlembagaan ini.

Oleh itu, saya ingin menimbulkan persoalan, adakah ROS telah mengarahkan semua parti politik meminda perlembagaan parti masing-masing bagi mewujudkan suatu klausa yang jelas berkaitan keahlian ahli parti, sama ada ahli digugurkan, dipecat, keluar parti dan sebagainya. Mohon penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad terhadap Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili parti. Jadi, kalau lah dia juga turut melompat, Ahli Dewan Negara tersebut turut melompat, maka gugurlah juga jawatan Ahli Dewan Negaranya itu.

Saya menyokong lah cadangan tersebut dan juga dapat diterima dalam pindaan RUU ini, *insya-Allah*. Akhirnya pepatah Melayu ada menyebut, 'kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya.' Sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

#### **4.01 ptg.**

**Tuan Seruandi bin Saad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Bera dan Yang Berhormat Santubong bersama pasukan yang begitu komited bagi menjayakan pindaan ini dan telah mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat.

Penggubalan rang undang-undang ini dibuat untuk memberikan mesej jelas kepada setiap Ahli Dewan Rakyat supaya berpegang kepada prinsip parti yang diwakili untuk melindungi mandat rakyat. Kita sedia maklum bahawa pindaan RUU ini juga merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan kestabilan politik dan mengelakkan negara terus berdepan dengan krisis politik yang tiada berkesudahan.

Malahan, RUU ini mampu menghentikan tindakan mana-mana pihak yang dipilih dan dilantik daripada bertukar parti tanpa sebab kukuh atau alasan munasabah, sekali gus memastikan kestabilan politik negara untuk suatu jangka masa panjang. Perbuatan melompat parti ini menggambarkan konsep demokrasi yang menjulang idea serta kebebasan. Namun sehingga akhir Mac lalu, seramai 39 orang Ahli Parlimen bertukar parti selepas Pilihanraya Umum Ke-14 dengan mengakibatkan ketidakstabilan politik di negara kita.

Malahan, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dilihat menggunakan kebebasan mereka untuk melompat parti atas kepentingan dan perjuangan yang mereka sendiri tafsirkan. Tindakan lompat parti seolah-olah menghancurkan amanah di mandat pengundi dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Akibat daripada perbuatan bertukar parti ini, luntur rasa hormat rakyat terhadap institusi Parlimen kerana kehilangan kepercayaan terhadap Ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya.

Justeru, kepercayaan kepada wakil rakyat boleh dikembalikan dan sekali gus rakyat lebih yakin membuat pilihan pada PRU-15 kelak. Bahkan, kesan daripada hilang kepercayaan ini menyebabkan dasar dibuat kerajaan sukar diterima. Usaha kerajaan disabotaj serta penyebaran berita palsu di media sosial berleluasa. Perkara ini merupakan sesuatu perbuatan yang akan merugikan pemerintah dan rakyat itu sendiri.

Menerusi pindaan ini juga, seorang wakil rakyat perlu berfikir banyak kali sebelum membuat keputusan untuk melompat parti kerana impaknya menyebabkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen atau ADUN terlucut. Ada dakwaan yang perbuatan melompat parti ini di dokong oleh sogokan dalam bentuk wang atau jawatan.

Ini persepsi yang perlu diperjelas dan dipertaruhkan oleh Wakil Rakyat itu sendiri. Ini sekali gus menggambarkan moraliti rendah ahli politik dan ia perlu dihentikan. Berbicara dari sudut-sudut etika dan moral pula, Wakil Rakyat perlu kekal dalam parti yang ditandingi sehingga tamat penggal perkhidmatan atau sebaliknya mengosongkan Kerusi itu jika berhasrat bertukar parti.

Iniilah yang sebaiknya diamalkan bagi memastikan mandat dan amanah yang diberikan digalas dengan sempurna. Pindaan Perlembagaan ini juga menjadi langkah wajib bagi memastikan usaha untuk mengawal amalan lompat parti tidak terbantut akibat cabaran di mahkamah kelak. Keputusan yang kita sama-sama dokong dan percaya akan memberi manfaat kelak kepada semua pihak tidak kira di Kerusi Kerajaan mahupun Pembangkang dan terus mendukung konsep sistem pilihan raya di negara ini.

Diharapkan usaha bagi menjayakan pindaan ini akan menjadi pencetus ke arah kestabilan Kerajaan Pusat pada masa hadapan bagi mengelakkan ketidakstabilan yang melanda negara lewat kebelakangan ini. Malahan diharap juga dengan adanya pindaan ini segala sisi gelap dan cakap-cakap berkaitan 'katak politik' akan terus terhapus demi mewujudkan landskap politik yang berintegriti. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih pada Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr Azhar bin Ahmad.

**4.07 ptg.**

**Datuk Dr Azhar bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*  
Salam Keluarga Malaysia.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam Dewan yang mulia ini. Kata Doktor Socrates politik ini ialah bagaimana untuk menguruskan sebuah kehidupan.

*Alhamdulillah*, hari ini kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menguruskan dengan cemerlang sehingga berjaya RUU ini di-*table* di Dewan Rakyat dan hari ini kita bahaskan di Dewan yang mulia ini. Itulah kehebatan seorang Perdana Menteri yang berjaya merangkumi semua individu yang mewakili semua parti akhirnya bersetuju RUU ini menjadi kenyataan. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan melompat ini perbuatan yang jahat sebenarnya, jahat. Ini kerana bila melompat ini, dia telah yang pertama hilang integritinya.

Kedua, dia telah mengkhianati sebuah perjuangan. Melompat parti ini kalau kita kaitkan dalam ruang lingkup yang luas, bukan sekadar mengkhianati parti, malahan dia telah mengkhianati dirinya sendiri kerana perbuatan itu memalukan dan merosakkan keperibadian pelompat itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini kerana dalam konteks dalam konteks perjuangan, lari daripada medan peperangan ini juga termasuk dalam golongan orang yang melompat parti. Dia meninggalkan sebuah perjuangan dan melompat ke parti yang lain. Dalam Islam dia juga bertanggungjawab di akhirat nanti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kata Panglima Besar Jenderal Soedirman, tanda ramai itu- tanda kuat itu ramai, ramai. Bila ramai kita mesti bersatu. Apabila bersatu, kita mesti ada kasih dan sayang.

**■1610**

*Alhamdulillah*, hari ini tanda ramai kita telah berlaku di Dewan Rakyat apabila semua Ahli Parlimen kita bersetuju dengan rang undang-undang ini dan kita bawa hari ini, itu tanda ramai. Tanda satu itu sudah ada. Tanda ramai. Sudah ramai kita berbahas dengan penuh kesatuan kita. Akhirnya, keputusan dibuat ialah menyokong rang undang-undang ini bagi memagari manusia. Rang undang-undang dibuat ini bukan untuk apa-apa. Rang undang-undang ini dibuat ialah memagari manusia daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang secara normalnya memagari sebuah kehidupan supaya kehidupan ini sentiasa ruang lingkupnya berada dalam kebenaran.

Saya bawa dari sudut ini kerana lompat parti ini ramai orang perkatakan. Lompat sana, lompat sini. Pantun pun macam-macam pantun. Akan tetapi, perbuatan melompat parti ini merupakan perbuatan yang dilarang- saya rasa kalau nilai-nilai universalnya, nilai-nilai perjuangannya kepada semua organisasi. Hari ini kita bukan hendak bicara soal individu. Kita bukan hendak bicara soal parti. Kita bicara soal integriti nasional. Integriti nasional kita, integriti negara kita, integriti semua Ahli Parlimen kita. Jadi, ia bukan melibatkan hanya segelintir ahli-ahli politik. Ia melibatkan kepentingan maruah negara kita supaya maruah negara kita dihormati seantero dunia kerana mempunyai sifat-sifat keperibadian Ahli Parlimen yang tinggi.

Kata Bung Hamka- menilai manusia. Menilai lembu barangkali sama harganya. Jumlah 20 ekor lembu boleh sama harganya dengan nilai beratnya. Akan tetapi menilai manusia seramai 20 atau 30 orang bukan harganya. Menilai seorang manusia itu adalah dengan keperibadiannya...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Budi bahasa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perbuatan lompat parti ini kita jadi *legend*-lah. Kita tinggalkanlah. Tidak perlu bicara lagi soal ini sekarang kerana ia telah termaktub dalam undang-undang Perlembagaan kita. Tinggalkanlah.

Bicara kita sekarang bicara Malaysia yang baharu. Bicara kita hari ini bicara bagaimana membina negara bangsa yang hebat seperti mana dahulu-dahulu. Bangsa ini hebat. Ini patut kita bicarakan. Soal lompat parti, kehinaan kepada orang-orang seperti ini kita biarkanlah masa menghukum mereka... *[Tepuk]* Masa akan pasti menghukum mereka. Biarkanlah mereka seperti itu kerana mereka pasti akan meninggalkan dalam penuh kehinaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad, terima kasih. Kemudian, terus kepada Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Harap ambil inti pati dan kemukakan hujah yang berbeza sedikit daripada yang lain agar kita selesaikan senarai ini.

**4.13 ptg.**

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Ada beza-beza pula. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama-tamanya ucap terima kasih banyak-banyak kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berucap. Untuk makluman

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan kali pertama dalam hidup saya untuk berucap membahaskan Usul di Dewan mulia ini. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Pertama-tamanya saya hendak ucap tahniah, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ismail Sabri, Perdana Menteri Malaysia yang telah beriltizam tinggi untuk merealisasikan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 ini. Sudah tentu tanpa iltizam yang tinggi perkara ini sukar dilakukan dan sukar dilaksanakan.

Ucapan tahniah dan syabas juga kepada Yang Berhormat Menteri yang jaga undang-undang, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar yang bekerja kuat sehingga kita berjaya melahirkan satu RUU Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 yang begitu baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak lupa melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana pada petang ini saya dan rakan-rakan semua akan tercatat dalam tinta sejarah iaitu kita membahaskan usul yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang mana kita berharap pindaan ini adalah akan menjadi penyelamat masa hadapan negara kita untuk kesejahteraan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi- ataupun tiga, empat tahun ini kita sentiasa dengar asyik lompat parti, lompat parti, lompat parti. Fenomena ini diistilahkan dalam pelbagai perkataan. “Lompat parti” ada, “katak” ada, Perdana Menteri kata, “bertukar parti”, Menteri kata, “berpindah parti” tetapi hakikat sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ia satu perbuatan yang amat keji dan amat dahsyat. Perbuatan yang telah memberi impak dan juga kesan yang buruk kepada negara dan rakyat. Bukan sahaja daripada segi ekonomi pelaburan dan juga keyakinan masyarakat tetapi yang paling berat, dengan izin, kita menjadi *laughing stock* ataupun bahan ketawa.

Ada orang menyatakan pada saya- kawan saya di luar negara menyatakan, Malaysia ini cukup istimewa kerana promosinya banyak. Bukan sahaja di *supermarket* tetapi juga undi satu kali kita dapat tiga buah kerajaan, kita dapat tiga Perdana Menteri. Macamlah di *supermarket*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu pindaan ini dibuat dengan begitu teliti sekali, dengan begitu baik sekali dan ia adalah terbaik. Namun, apa-apa yang terbaik sekalipun sudah tentu ada ruang untuk menambah baik. Saya lihat antaranya dalam perenggan tiga yang membenarkan yang lompat parti tukar parti, pindah parti ini dibenarkan untuk bertanding lagi. Bila diadakan- alah, sudah bunyi dah. Diadakan pilihan raya kecil nanti.

Saya risau kita melihat dalam penggal ini ada seorang Ahli Parlimen- dua kali lompat parti. *What happen*, dengan izin, kalau berlaku lagi dua, tiga kali lompat parti. Adakah kerajaan akan belanja berjuta-juta untuk melakukan pilihan raya kecil berkali-

kali? Maka, sudah tentu perkaranya tentu patut dilihat balik. Yang Berhormat Menteri, saya cadang untuk melihat balik klausa ini supaya ia lebih kemas lagi.

Di samping itu, pemecatan parti. Pemecatan parti tidak gugur atau tidak hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen. Mereka kekal menjadi Ahli Parlimen kalau mereka dipecat oleh parti. Saya risau kalau hari ini kita dengar 'Langkah Sheraton', 'Langkah Port Dickson', 'Langkah Kajang'. Saya takut selepas ini kita dengar 'Langkah Pecat Parti'. Ia boleh berlaku kerana maklumlah ahli politik ini *very-very creative*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhirkkan dengan menyatakan bahawasanya saya akan dilabelkan sebagai tidak waras kalau tidak menyokong rang undang-undang ini. Maka, saya dengan ini menyokong penuh rang undang-undang ini untuk dilaksanakan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Terus kepada Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali. Seringkas mungkin.

**4.19 ptg.**

**Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

*Kapal dagang dari seberang;  
Sarat muatan kayu meranti.  
Dari pagi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah datang;  
Hendak membahaskan Usul ini.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesudian memberikan ruang untuk saya juga terlibat dalam perbincangan rang undang-undang antilompat parti ini. *Alhamdulillah*, tidak berapa lama lagi RUU ini bakal menjadi realiti. Tahniat buat kerajaan Keluarga Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang telah berjaya melakar sejarah penting dalam sistem demokrasi negara kita dalam menjamin mandat rakyat terus terpelihara.

■ **1620**

Pasca Pilihanraya Umum Ke-14 telah menyedarkan kita betapa *cliche*-nya, dengan izin, alasan demi rakyat digunakan tanpa segan silu oleh katak-katak politik yang berada di dalam negara ini. Pindaan RUU ini merupakan satu berita gembira buat seluruh rakyat di luar sana kerana dengan adanya pindaan ini, maka sekali gus mampu mengembalikan semula keyakinan mereka terhadap sistem demokrasi dan juga kepimpinan negara ini.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan Negara dengan beberapa persoalan dan juga pindaan yang boleh kita fikirkan bersama.

Pertama, apakah yang bakal berlaku jika keputusan pilihan raya nanti ada dua gabungan yang berkedudukan sama 111 Kerusi? Adakah perlu pilihan raya semula diadakan yang mana akan menggunakan lebih banyak lagi dana rakyat?

Kedua, pindaan RUU ini menyebut Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negeri yang terpakai. Bagaimanakah pula dengan Ahli Dewan Negara yang turut mempunyai keahlian politik? Sudah tentu keahlian politik mereka antara yang menyumbang faktor terpilih sebagai Ahli Dewan Negara. Ada juga yang bebas tidak ada parti politik. Maka, saya merasakan Ahli Dewan Negara juga perlu turut dilibatkan dalam pindaan RUU ini.

Ketiga, apakah tindakan kepada pencetus kepada katak-katak politik iaitu parti-parti yang ada di luar sana? Seperti yang disebut oleh ramai rakan Ahli Dewan Negara, kos pilihan raya pastinya berlaku bila berlakunya lompat parti. Kos ini, siapakah yang perlu dipertanggungjawabkan? Ini kerana yang menyebabkan ia berlaku, terlepas begitu sahaja. Inilah beberapa persoalan yang mungkin saya ingin dapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, saya berbangga kerana turut terlibat dalam lipatan sejarah bagi pindaan RUU ini. Semoga usaha yang kita lakukan ini dapat melahirkan sebuah kerajaan yang lebih stabil demi masa depan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri, ada satu rangkap pantun.

*Kalau hendak pergi memancing;  
Jangan lupa membawa umpan.  
Kalau kita tidak mahu lagi dikencing;  
'Katak politik' mesti kita hapuskan.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

#### 4.23 ptg.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin menyampaikan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri yang menjaga hal ehwal undang-undang kerana telah berjaya membawa rang undang-undang ini di Parlimen dan juga di Dewan Negara. Ini merupakan satu rang undang-undang yang perlu kita segerakan bagi mengatasi masalah lompat parti ini.

Perkara yang perlu kita lihat ialah tentang kredibiliti seseorang Ahli Parlimen itu kerana kita tidak mahu rakyat melabelkan Ahli Parlimen ini sesuatu perkara ataupun mempunyai sikap yang jelik, yang jijik di pandangan mata masyarakat.

Oleh sebab inilah kalau kita lihat hari ini, disebabkan adanya Ahli-ahli Parlimen yang melompat partilah menyebabkan kestabilan pentadbiran negara kita tergugat. Sudah tentu ada kesannya. Dengan ketidakstabilan ini, kita tidak dapat memastikan rakyat terus berada dalam keadaan yang benar-benar sempurna dan dapat memajukan negara kita. Oleh sebab itu, kita harap dengan adanya rang undang-undang ini, ia menyekat daripada Ahli-ahli Parlimen melompat parti mengikut selera mereka. Ini sudah tentu akan memastikan satu kestabilan politik negara dapat kita kecapai bersama.

Soal lompat parti ini kalau kita perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ia hanya melibatkan individu, seseorang Ahli Parlimen itu. Mereka dipilih oleh rakyat berdasarkan kepada parti yang diinginkan oleh rakyat. Sudah tentu apabila mereka melompat, kepercayaan rakyat ini telah disingkirkan oleh Ahli-ahli Parlimen ini.

Oleh sebab itu, rata-rata daripada anggota Senator kita bersetuju bahawa perbuatan ini merupakan sesuatu perbuatan yang tidak beretika sama sekali... *[Tepuk]* Jadi, sebab itu kita kena hentikan. Kita inginkan akta ini diluluskan segera dan dikuatkuasakan supaya ia boleh menjadikan Ahli-ahli Parlimen ini seseorang yang benar-benar mempunyai jati diri yang hebat di mata masyarakat dan juga dapat memberi kestabilan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran itu dan hakikat inilah, saya sebagai seorang Senator menyokong rang undang-undang ini disegerakan dan diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas ucapan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**4.26 ptg.**

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh bagus seperti Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan tadi? Isinya cepat kita kemukakan, kulit dia buang dulu. Sila.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan penggubalan dasar yang amat penting dalam sistem demokrasi negara kita iaitu Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022 yang memberikan peruntukan larangan ke atas Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Undangan Negeri melompat parti.

Semasa perbahasan tadi, / nampak Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, matanya sentiasa menuju kepada saya seperti saya melompat parti... [Ketawa] Akan tetapi, saya hendak ambil kesempatan ini hendak kata, "Yang Berhormat, saya tidak lompat partilah"... [Ketawa]

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Parti lompat... [Ketawa]

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Parti lompat... [Ketawa] Kita semua sedia faham pindaan Perlembagaan ini telah diluluskan dengan undi majoriti di Dewan Rakyat. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Dewan Rakyat. Kini, perkara yang sama dengan ini dalam proses perbahasan peringkat Dewan tertinggi yang mulia ini. Saya berharap hari ini kita dapat 100 peratus sokongan pindaan di Dewan Negara yang mulia ini.

Apabila kita katakan lompat parti, terdapat pelbagai definisi, pelbagai hujah, pelbagai tentangan, tetapi kerajaan telah mengambil pendekatan yang tepat dengan mengutamakan rakyat sekalian. Empat tahun yang terakhir kita sudah banyak dengar, kita pun letih dengar ada orang lompat sini, lompat sana. Ada yang mempunyai alasan yang kukuh, ideologi yang bertentangan dan sebagainya. Namun, yang menjadi mangsa kepada segala percaturan politik ini rakyat. Rakyat yang kita sayangi, yang kita katakan mereka mangsa kepada segala percaturan ini.

Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli di Dewan Rakyat yang sebelum ini telah berbahas secara komprehensif, menyeluruh, mengetepikan perbezaan politik- yang ini penting- dan meluluskan reformasi sistem demokrasi negara kita. Kita sedia maklum bahawa porak-peranda, ketidakstabilan politik ini akan menggugat setiap aspek dalam institusi negara kita dengan keadaan global di mana adanya masalah geopolitik, ada pandemik, ada inflasi, ada pencerobohan dan banyak lagi.

Apa yang menyedihkan lagi masalah domestik kita iaitu ahli yang dipilih oleh rakyat melompat parti atas pelbagai alasan dengan keadaan di mana masalah geopolitik yang tidak menentu di peringkat global adalah penting untuk kita menguatkan kestabilan politik negara. Saya percaya polisi yang melarang lompat parti ini akan memberi suntikan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa pelbagai sebab, keperluan, kehendak dan keadaan yang mungkin memaksa seseorang itu untuk menukar khemahnya. Namun, sebagai sebuah demokrasi, sebagai sebuah negara yang matang dalam urusan sistem pemerintahannya, adalah penting untuk kita mengetatkan kehendak ahli yang dipilih melalui pilihan raya agar mereka tidak lompat ke sana dan sini. Cadangan yang dimasukkan dalam draf ini adalah sungguh penting bagi perkara tersebut.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, kita sering kali diperdengarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju sebaris dengan gergasi ekonomi dan sebagainya. Akan

tetapi, pemimpin kita pula asyik gaduh sebelum, semasa dan selepas pilihan raya dan pembangkang yang perlu berperanan sebagai, dengan izin, *check and balance* asyik memudaratkan kestabilan negara kita.

Pemerintah pula asyik diganggu dengan ancaman politik dan yang paling signifikan lompat parti, bubar kerajaan, / kata cukuplah, sudah cukuplah. Selepas ini biar kita sama-sama bina negara yang kita impikan demi anak-anak kita dan demi bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, daripada mula hingga sekarang saya telah mendengar dan meneliti setiap cadangan yang dimaksudkan oleh pemegang taruh, Ahli Parlimen daripada kedua-dua pihak, kedua-dua blok, prestasi Yang Berhormat Menteri dan pegawai kanan dan nasihat serta pandangan daripada pakar. Apa yang saya dapat rumuskan bahawa pendekatan dalam menidakkan lompat parti adalah penting dan perlu dilaksanakan sekarang.

Saya kagum dengan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam perkara ini dan berterima kasihlah sekali kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjagakan hal ehwal perundangan yang bertungkus-lumus kerja kuat dalam membentangkan cadangan pelaksanaan ini.

Dengan ini, saya tiada sebarang bantahan hanya nasihat dan harapan bahawa jangan terhenti dengan penggubalan ini sentiasa kaji dan selidik keperluan semasa dan memastikan bahawa sebarang peruntukan anti-lompat parti ini menepati definisi dan keperluan demokrasi negara kita. Dengan ini, saya menyokong Perlembagaan Persekutuan pindaan ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.  
Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thagarasu.

#### **4.32 ptg.**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Ya. terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022.

Saya yakin rakyat bahawa pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan ini akan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi yang berwajah baharu. Kepercayaan rakyat harus dikembalikan. Ini kerana jika tiada akta lompat parti, atau *Anti-hopping Law* ini, dengan izin, tidak lagi berminat untuk turun mengundi apabila tibanya masa pilihan raya umum yang akan datang.

Apabila tindakan pindaan akta ini maka dengan tiada rasa bersalah Ahli Dewan Rakyat bertindak sendiri melompat tanpa fikirkan hak rakyat yang mengundi mereka. Ia kemungkinan boleh berlaku rasuah jika seorang Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri melompat parti. Amalan demokrasi yang tidak sihat dan manipulasi

sistem demokrasi ini haruslah ditangani dengan segera. Sekarang, rakyat sudah bosan dengan polemik politik yang tidak matang dan mengganggu kestabilan negara.

Walau bagaimanapun, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Keluarga Malaysia kerana berjaya membentangkan rang undang-undang yang menjamin kepercayaan rakyat melalui sistem demokrasi di negara kita.

Dalam perbahasan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan beberapa persoalan ini kemungkinan akan berlaku. Apa yang akan berlaku selepas PRU nanti jika tiada parti yang boleh membentuk kerajaan kerana kedua-dua pihak mempunyai kedudukan yang sama iaitu 111 Kerusi, dan 110 Kerusi bagi parti yang menentang?

Apakah dalam situasi ini Parlimen bergantung? Adakah satu pilihan baharu perlu dibuat seperti yang kita ketahui? Memandangkan sebuah PRU memerlukan perbelanjaan yang sangat besar, apakah mekanisme yang akan digunakan bagi mendekati situasi ini?

Jika mana-mana Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang hanya memberi sokongan tidak keluar parti kepada parti atau gabungan lain, mungkin parti kerajaan pada waktu itu. Bagaimanakah dengan kedudukan Ahli berkesan? Adakah juga dikira gugur?

Apa menarik juga dalam RUU ini ialah terdapat fasal baharu 3 bagi memotong Fasal 6, Perkara 48 iaitu membolehkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang melepaskan keahliannya sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk bertanding semula dalam pilihan raya pada bila-bila masa tidak perlu tunggu lima tahun?

Ini merupakan satu perkara yang cukup menarik kerana memberi kebebasan kepada Ahli yang gugur itu dapat bertanding semula dan hak pemimpin tersebut tidak dinafikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kerajaan sejauh manakah Akta Antilompat Parti ini mempunyai keseragaman dengan Ahli Dewan Negeri. Bagi pendapat saya, keseragaman ini akan meyakinkan lagi pengundi di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Akhir kata, rang undang-undang ini mesti segera direalisasikan agar ia menjadi satu kenyataan untuk memastikan hak pengundi sentiasa dipelihara, dihormati dan Ahli Dewan Rakyat mempunyai integriti yang tinggi serta menghormati mandat rakyat.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali.

Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

**4.36 ptg.**

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya juga ingin turut berbahas rang undang-undang yang penuh kontroversi ini yang mana banyak mendapat reaksi daripada Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara. Seterusnya, rakyat di luar sana ingin melihat bahawa rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar iaitu mewakili kerajaan khususnya bersama Jawatankuasa Pilihan Khas berusaha untuk menyelenggarakan, dan merealisasikan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi melarang Ahli Dewan Rakyat daripada melompat parti.

Saya yakin kerajaan serius mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan serta input daripada berbagai-bagai pihak seperti Pakar Perlembagaan, Ahli Akademik, Ahli Politik termasuk Ahli Jemaah Menteri, pertubuhan bukan kerajaan sehinggalah ke akar umbi melalui berbagai-bagai libat urus terhadap keperluan menggubal Peruntukan Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti demi kelangsungan politik negara yang stabil.

Apa yang berlaku kepada politik negara kita sejak PRU-14 yang lalu amatlah mengecewakan. Ahli Politik melompat parti ke sana sini sehingga kerajaan bertukar, PRN di beberapa buah negeri. Semuanya melambangkan betapa tidak stabilnya politik negara.

Apa yang kita bincangkan hari ini mengenai isu lompat parti bukan sekadar melibatkan isu ketidakstabilan politik tetapi soal maruah atau integriti Ahli-ahli Dewan Rakyat itu sendiri. Ia bukan sekadar isu belot sahaja atau khianat terhadap parti ia juga adalah pengkhianatan ke atas mandat dan kepercayaan diberi oleh rakyat.

Meskipun isu lompat parti ini sesuatu yang begitu sensitif kerana banyak tuduh menuduh berlaku sesama kita tetapi tidak keterlaluan jika saya katakan isu lompat parti ini juga melibatkan ugutan, rasuah, sogokan jawatan dan wang serta penipuan. Oleh itu, persetujuan kerajaan serta Ahli Dewan Rakyat dan persetujuan juga bakal diberi oleh Dewan Negara. Ini untuk menyokong pindaan ini saya kira sebagai sebuah komitmen undang-undang, kita untuk rakyat.

**■1640**

Saya yakin rang undang-undang ini tidak menguntungkan mana-mana ahli politik mahupun parti tetapi rakyatlah sebenarnya yang mendapat kemenangan melaluinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu peruntukan yang menarik perhatian saya dalam rang undang-undang ini iaitu berkenaan Fasal 3- baharu bagi

memotong Fasal (6) Perkara 48 iaitu membolehkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Undangan Negeri yang melepaskan keahlian sebagai Ahli Dewan untuk bertanding semula dalam pilihan raya pada bila-bila masa.

Perkara ini perlu dikaji semula, seolah-olah kita memberi ruang untuk mereka bertanding semula mana-mana parti ataupun memberi peluang kedua kepada mereka yang telah melepaskan keahlian Ahli Parlimen di Dewan Rakyat. Kesimpulannya, saya yakin undang-undang ini mampu mewujudkan sebuah persekitaran politik yang lebih kondusif buat Malaysia dan mampu menghasilkan ahli politik yang matang dan bertanggungjawab.

Saya juga pasti undang-undang ini mampu memelihara keutuhan prinsip demokrasi dengan memastikan mandat pengundi dalam sesuatu pilihan raya akan sentiasa dihormati. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali. Akhir, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **4.41 ptg.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang.

Isu lompat parti ini merupakan isu yang sangat sensitif dan diperlukan dalam keadaan politik sekarang. Kepercayaan rakyat pada sistem politik kita berada di tahap yang sangat rendah. Saya percaya dengan adanya pindaan ini, kita boleh sedikit sebanyak memulihkan keyakinan rakyat terhadap ahli-ahli politik. Saya tidak akan bercerita panjang mengenai isu politik semasa yang telah membawa kita kepada pindaan ini.

Bagi saya, tiada gunanya mengata ini salah Pakatan Harapan ataupun Perikatan Nasional mahupun Barisan Nasional. Rakyat sudah jelak melihat ahli-ahli politik saling tuduh-menuduh antara satu sama lain mengenai isu-isu ini. Apa yang penting langkah ke hadapan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana usaha beliau membawa semua parti politik ke meja rundingan untuk menghasilkan pindaan ini. Saya perlu menekankan bahawa kita perlu, dengan izin, *give credit where credit is due*. Kalau tiada komitmen kuat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, situasi ketidakstabilan politik ini akan terus berterusan dan tiada penyelesaiannya. Mangsanya iaitu rakyat dan pembangunan ekonomi negara kita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan pindaan ini kerana tidak melibatkan Ahli-ahli Dewan Negara. Ini sangat penting. Pandangan politik Ahli Dewan Negara serta fungsi Ahli Senator bukan sekadar *rubber stamp*, dengan izin, ataupun menurut sahaja pandangan kerajaan mahupun pembangkang. Kita sebenarnya perlu mewakili kepentingan yang menjadi asas lantikan kita. Sama ada mewakili negeri, wilayah, parti ataupun lantikan YDP Agong untuk sebab tertentu, misalnya mewakili golongan OKU, korporat dan sebagainya.

Dengan tidak melibatkan Dewan Negara, kita masih boleh memainkan peranan kami untuk memberi pendapat, kritikan dan maklum balas yang berkualiti demi kepentingan negara tanpa mengira keahlian parti politik kita. Saya melihat usaha kerajaan untuk kerajaan untuk melakukan pindaan ini suatu yang bagus dan saya sememangnya menyokong perkara ini. Saya faham usaha untuk membawa pindaan ini agak berat dan banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan ia dibawa ke Parlimen tanpa mengira tekanan mana-mana pihak.

Akan tetapi saya dengan rendah diri dan penuh perasaan hormat ingin juga bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah status perbincangan untuk menghadkan tempoh perjawatan seorang Perdana Menteri itu? Sesungguhnya ini merupakan pergaduhan dan kegilaan kuasa tentang jawatan Perdana Menteri yang menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan.

Saya berasa kita patut juga meletakkan garis masa untuk perkara ini dibawa demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bangkitkan. Saya berdoa Malaysia akan terus stabil dan sistem demokrasi kami terus menjadi lebih matang. *Insyah-Allah* selagi mana kita mempunyai orang yang memperjuangkan perkara yang betul untuk negara tanpa mengira kepentingan diri ataupun parti politik, Malaysia akan tetap maju, *insyiah-Allah*. Saya dengan ini menyokong pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Sampai masa bagi Yang Berhormat Menteri menggulung dan menjawab. Silakan.

**4.46 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** [*Ketawa*] Kata Megat Terawis, kalau



Tuan Yang di-Pertua berkehendakkan saya 10 minit, saya boleh gulung 10 minit. Kalau dikehendakkan- saya menghabiskan jawapan saya, berilah masa sedikit kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Permaidani terbentang, ikutlah apa yang terasa di hati...

[Ketawa]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pisau di tangan Tuanku, timun di tangan Tuanku, dihiris halus, haluslah dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi itulah jawapan untuk memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mendedahkan sedikit sejarah rang undang-undang ini kerana ramai Ahli Dewan membangkitkan soal sejarah rang undang-undang ini.

Sebelum itu terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua 32 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 3) 2022, pindaan dalam Jawatankuasa. Segala cadangan dan pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai dan akan diberi perhatian sewajarnya.

Sebelum saya menjawab satu persatu Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya memberi sedikit gambaran awal sejarah rang undang-undang ini. Apabila Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said memasukkan satu Usul untuk membawa satu rang undang-undang yang diberi nama *Recall Act of Parliament* menerusi Usul Persendirian di Dewan Rakyat, pada ketika itu kita mengkaji Usul tersebut berlandaskan peraturan yang ada di hadapan kita.

Didapati bahawa *recall law* ini melibatkan penggunaan kewangan kerajaan begitu juga undang-undang yang kita bahaskan di Dewan pada hari ini. Makanya, mana-mana Usul dan rang undang-undang yang melibatkan penggunaan kewangan kerajaan, tidak boleh dibuat menerusi Usul Persendirian di bawah Peraturan Dewan Rakyat. Maka dengan keadaan sedemikian, kita membuat satu perbincangan dalaman antara BHEUU yang tidak ada sebut pun terima kasih kepada pihak BHEUU, iaitu Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah saya.

#### ■1650

Saya sendiri bersama dengan pihak *AG Chambers*, ataupun Kamar Peguam Negara yang bermula pada bulan September 2021 lagi kita berbincang. Selepas beberapa perbincangan dalaman menilai dan melihat Usul Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, maka kita membuat satu keputusan yang terbaik ialah supaya kita melihat contoh-contoh rang undang-undang yang ada khususnya, di negara-negara

Komanwel. Sebagai mana ramai mengetahui bahawa ada 40 buah negara sudah mempunyai rang undang-undang yang sama.

Akan tetapi bagi kita sebagai negara di bawah Komanwel yang banyak melihat contoh daripada negara-negara yang terdekat dari Komanwel itu sendiri, maka kita telah melihat undang-undang di England ataupun *United Kingdom*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga bersama dengan undang-undang di India, Singapura dan New Zealand.

Dalam keadaan sedemikian, maka kita bersetuju mencontohi yang terkini pada ketika itu. Yang terkini maknanya apabila England ataupun *United Kingdom* mengeluarkan satu undang-undang *recall* pada tahun 2015 ada sebab-sebab tersendiri. Oleh sebab pada tahun 2003 diadakan satu konvensyen *Commonwealth Parliamentary Association* di New Delhi.

Saya salah seorang daripada yang bercakap ketika itu. Kita tidak bersetuju dengan Undang-undang *Recall* ini dan begitu juga *United Kingdom*. Akan tetapi kenapa *United Kingdom* berubah pada tahun 2015? Dia berubah kerana satu perkara berlaku pada tahun 2005 di England, satu skandal. Jadi Undang-undang *Recall* ini hendak mengatasi masalah perangai Ahli-ahli *House of Commons* pada ketika itu. Maka undang-undang *recall* itu dibuat. Akan tetapi pada tahun 2022, England telah mewujudkan rang undang-undang yang macam kita buat sekarang ini, contoh kepada Akta Parlimen mereka, iaitu *Act of Parliament*, dengan izin.

Jadi dengan keadaan sedemikian, kita lihat juga di India. Di India mempunyai rang undang-undang meminda Perlembagaan. Begitu juga Singapura. Hanya di New Zealand yang tidak mengguna pindaan kepada Perlembagaan. Dalam keadaan sedemikian yang terbaik kepada kita, model kita sendiri yang terbaik setelah melihat di *United Kingdom*, India, Singapura dan juga New Zealand.

Kita merancang untuk membuat dasar kita sendiri, rang undang-undang kita sendiri. Meminda Perlembagaan dan tidak membuat satu rang undang-undang di luar Perlembagaan. Asasnya ialah kalau kita pinda Perlembagaan, kita perlu dua per tiga di bawah Perkara 159 untuk meminda atau memansuhkannya. Begitulah juga kalau dia di bawah Akta Parlimen, *simple majority* pun boleh menghapuskan rang undang-undang tersebut. Maka oleh sebab kita fikir perkara ini amat penting, makanya kita membuat satu keputusan supaya Perlembagaan dipinda mengisi semua di dalam itu.

Dalam pindaan cadangan asal ini, kita buat dan kita bawa kepada semua pemegang taruh, Ahli-ahli Dewan Rakyat bahkan kita sebarkan kepada negeri-negeri meminta pandangan-pandangan mereka dan kita libat urus secara *online*, sehingga 7,000 lebih responden kepada kita. Kita libat urus dengan *academia*, pihak-pihak yang pakar dalam bidang undang-undang dan kita libat urus dengan pihak pemimpin-pemimpin parti pada awal tahun 2022. Akhirnya semua nampaknya bersetuju tetapi apa yang berlaku selepas itu. Apabila kita berjumpa dengan parti secara dekat, secara libat

urus, secara dekat iaitu satu persatu bahawa banyak perkara, cadangan-cadangan yang baru kita terima.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dipendekkan cerita sejarah ini, pada bulan Mac 2022, Kabinet membuat keputusan sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi supaya kerangka yang lama itu diketepikan dahulu, buat *enabling provision*, dengan izin, iaitu satu kerangka pindaan Perlembagaan kepada Perkara 10 untuk membolehkan pihak kerajaan menggubal satu Akta Parlimen (*Act of Parliament*) di luar Perlembagaan.

Akan tetapi apabila perkara itu dibuat oleh pihak *AG Chambers* ataupun Kamar Peguam Negara diwujudkan dan secara ringkasnya pada 10 April, kita ada dua libat urus yang besar, *pre-council*. Satu oleh Ahli-ahli Parlimen kerajaan dan satu Ahli-ahli Parlimen Pembangkang membuat sendiri. Kedua-dua pihak tidak bersetuju, mengatakan kerangka undang-undang yang dicadangkan itu adalah begitu luas. Boleh mendatangkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak kerajaan. Kalau diluluskan pindaan-*enabling provision* di bawah Artikel 10 itu tadi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maka itulah kenapa kita pada persidangan khas 11 April, setelah di bahas rang undang-undang tersebut secara menyeluruh, ramai Ahli Dewan berkata terlalu luas, boleh disalahgunakan oleh kerajaan dan akhirnya kita mengusulkan supaya dibentuk satu Jawatankuasa Khas Parlimen Dewan Rakyat.

Makanya dengan keadaan sedemikian, maka tertubuhlah dengan usul itu, diluluskan secara keseluruhan 100 peratus oleh Ahli Dewan Rakyat yang hadir pada ketika itu. Maka kita wujudkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tadi. Pada hal kita telah melaksanakan rang undang-undang ini beberapa bulan sebelum itu, tetapi atas arahan Parlimen. Dia bukan lagi menjadi kerangka kerajaan pada ketika itu. Dia sudah menjadi instrumen Parlimen apabila diletak ataupun diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

Apabila diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan hakikatnya ialah tiap-tiap parti, sama ada kerajaan ataupun pembangkang, ada diwakili sebagai mana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi. Mereka mempunyai kepakaran-kepakaran khusus yang saya dalam libat urus banyak menyebutkan bahawa kalau dijumlahkan- total pengalaman peguam-peguam yang duduk dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak kurang daripada 200 tahun. Bayangkan, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar mempunyai 28 tahun dalam bidang undang-undang sebelum dihalangkan oleh sebab menjadi Timbalan Speaker dahulu.

Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin, Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said. Jumlah mereka ini kalau di jumlahkan seluruhnya, 200 tahun lama pengalaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biasa, biasa Yang Berhormat Menteri kena sebut nama kawasan, bukan nama peribadi.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi dalam keadaan sedemikian, maka kepakaran itu mencukupi dalam pengalaman undang-undang dan pengetahuan undang-undang dalam sudut mengendalikan rang undang-undang.

#### ■1700

Dalam perbincangan kita menyeluruh kenapa ini tidak dibuat, kenapa itu dibuat. Itulah menjadi rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengkhususkan pada jawapan urusan perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang ada berbahas tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Masing-masing menunggu Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan Negara sekian terhadap persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator. Ini tidak ada kawasan, minta maaf ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook meminta mengenai aspek hukuman penalti dan denda yang wajar dikenakan kepada parti politik yang menerima Ahli Dewan Rakyat bertukar parti termasuk cadangan untuk Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pendaftaran parti yang menerima Ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa keperluan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti untuk mengosongkan Kerusi dilihat sebagai satu bentuk hukuman ataupun penalti terhadap Ahli Dewan Rakyat. Berkenaan sebagaimana peruntukan Fasal 49A(1), pada masa yang sama Ahli Dewan Rakyat tersebut harus berhadapan dengan rakyat untuk mendapat mandat semula. Keadaan ini juga merupakan satu pencegahan ataupun, dengan izin, *deterrence* kepada mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang hendak berpindah parti ataupun melanggar mandat yang diberikan oleh rakyat kepadanya.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, banyak kita berbincang dalam Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan mandat dan amanah rakyat dan soalan-soalan kepentingan peribadi tiap-tiap individu dan kita juga melihat Perlembagaan tidak ada mengena soalan parti. Ia soal individu Ahli Dewan Rakyat.

Pemakaian rang undang-undang ini terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Negara. Persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan

Nair. Minta maaf kalau saya punya *pronounce* itu ada kurang sedikit. Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, kawan lama saya daripada Dewan Rakyat ini, mengenai pemakaian rang undang-undang ini terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Negara.

Saya ingin menjelaskan bahawa rang undang-undang berkaitan Larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti pada masa ini tidak terpakai kepada Ahli Dewan Negara sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi yang telah dipertimbangkan beberapa pandangan seperti dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bacaan kali kedua beliau seperti tadi berikut.

Pertama, Ahli Dewan Negara dan semua pihak yang berkepentingan sewajarnya dirunding terlebih dahulu sebelum isu memakai undang-undang mengenai larangan bertukar parti ke atas Ahli Dewan Negara diputuskan. Ini bermakna bahawa kita kena berunding dengan Ahli Dewan Negara ini dahulu. Sudah berunding dengan Ahli Dewan Negara yang kita berhasrat hendak menggubal rang undang-undang yang mengenakan Ahli Dewan Negara, barulah kita memutuskan untuk melaksanakannya.

Kedua, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Ahli Dewan Negara dibahagikan kepada dua kategori iaitu Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong berdasarkan keahlian dan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri yang mewakili parti politik masing-masing. Oleh yang demikian, peruntukan larangan bertukar parti pada peringkat ini tidak terpakai ke atas Ahli Dewan Negara mengambil kira beberapa aspek penting isu perundangan di peringkat negeri selain daripada perlu perundingan dan perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Ketiga, sokongan Ahli-ahli Dewan Rakyat kepada mana-mana ahli politik atau gabungan parti politik boleh memberi implikasi kepada perubahan kerajaan dan kestabilan politik. Oleh itu adalah lebih wajar undang-undang mengenai larangan bertukar parti hanya terpakai kepada Ahli Dewan Rakyat sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, pemakaian rang undang-undang ini terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri memerlukan rang undang-undang ini diperuntukkan dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri meminda Perlembagaan Negeri masing-masing agar di selaras dengan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan untuk penyeragaman undang-undang Persekutuan di bawah Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan.

Pemakaian peruntukan larangan Ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti hanya akan dikuatkuasakan di satu buah negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua negeri masing-masing.

Dalam hal ini juga, rujukan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang mengenai kuasa undang-undang negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan undang-undang larangan bertukar parti tidak akan menjejaskan rang undang-undang ini.

Jadi sebagai ulasan lanjut Yang Berhormat Senator sekalian bahawa kita memandangkan pentingnya pihak Dewan Undangan Negeri diberi kebebasan sendiri bersama dengan keputusan yang bakal dibuat oleh Raja memerintah di negeri tersebut ataupun Gabenor ataupun Yang di-Pertua Negeri tersebut membuat keputusan selepas ada perundingan dengan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong, barulah kita boleh menyeragamkan perkara tersebut. Ini juga terkandung dalam pindaan ini. Jadi dengan sendirinya kita walaupun kuasa undang-undang di bawah Perkara 74, kita mempunyai kuasa undang-undang. Akan tetapi kita menghormati negeri itu masing-masing sebagai satu unit yang perlu diberi kehormatan dan juga begitulah juga raja dan sultannya.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membangkitkan persoalan mengenai situasi di mana parti di bawah gabungan Barisan Nasional keluar membentuk gabungan parti Sarawak. Dalam hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa prinsip larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti berpegang kepada keahlian Ahli Dewan Rakyat dalam sebuah parti politik.

Oleh yang demikian sebarang tindakan sesuatu parti politik termasuk keluar satu gabungan dengan menyertai gabungan yang lain tidak dianggap sebagai tindakan bertukar parti dalam istilah pindaan Perlembagaan ini. Maka contoh parti JPS Sarawak yang keluar daripada Barisan Nasional bukanlah melompat parti. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, kita menghormati amalan yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia melompat keluar sahaja... [*Dewan Ketawa*]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Amalan yang dibuat di negara-negara lain secara antarabangsa contohnya penggabungan parti menubuhkan kerajaan selepas pilihan raya atau sebelum pilihan raya asalkan parti itu bergerak. Bukan ahlinya bergerak. Itu kita hormati amalan secara universal ini. Mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang kekal dalam parti gabungan sedia ada juga tidak akan dianggap bertukar parti.

#### ■1710

Selain itu, tiada ada halangan untuk perjanjian gabungan parti pasca pilihan raya, *post-election coalitions agreement*, dengan izin, dibuat oleh parti-parti politik dan parti-parti gabungan tanpa menyebabkan anggota parti politik atau parti-parti gabungan yang terlibat dianggap sebagai bertukar parti.

Pemakaian Aturan 137 Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995. Dari semalam soalan ini dibangkit semula tapi bagus juga untuk rekod dalam Dewan. Yang

Berhormat Senator Dato' Kesavadas, lagi sekali, semasa sesi libat urus berkaitan rang undang-undang ini bersama Ahli Dewan Negara pada 8 Ogos 2022 dan sesi perbahasan sebentar tadi membangkit mengenai pemakaian Aturan 137 Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.

Ingin saya baca sedikit ringkasan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kes Nordin Salleh merupakan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Agung pada tahun 1992 berdasarkan tuntutan oleh seorang ADUN iaitu Nordin Salleh dan seorang lagi terhadap Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Dalam hal ini, memandangkan Kerajaan Persekutuan bukan merupakan pihak kepada kes tersebut- maknanya, dengan izin, *is not the party*, Kerajaan Persekutuan *was not the party to the case of Nordin Salleh*. Jadi, dengan keadaan demikian, maka keputusan untuk menyemak kes tersebut seharusnya diputuskan oleh pihak dalam kes tersebut dan bukan Kerajaan Persekutuan. Maknanya, Kelantan sepatutnya mengambil inisiatif untuk membuat *review*.

Walau bagaimanapun, bukanlah semudah itu. Oleh sebab diperhatikan bahawa pihak tidak mengambil tindakan mahkamah termasuk Aturan 137 Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *inherent powers to review previous decision in order to prevent an abuse of process of court* yang kerana mereka menghormati keputusan Mahkamah Agung. Selain itu, mereka perlu menunjukkan terdapat *injustice* dan *abuse of process of court*. Jadi dengan itu, maka keputusan Kelantan itu amatlah diterima oleh sebab soalan *injustice* dan *abuse of process of court* ini.

Sebagai perhatian- sudah habis cerita itu.

Perbandingan model perundangan luar negara, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman Aziz ada menyebut mengenai kerangka undang-undang negara luar berkaitan peruntukan bertukar parti dalam pertimbangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan telah melaksanakan perundingan kerangka perundangan negara, sebagaimana yang saya sebutkan tadi secara panjang lebar juga, *United Kingdom*, *New Zealand*, *India*, *Singapura*. *United Kingdom*, misalnya, pinda kepada *Recall of MPs Act 2015*, dengan izin, sedang dalam proses di mana undang-undang berkaitan ahli politik bertukar parti dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam *Recall of MPs (Change of Party Affiliation) Bills 2019-21*, dengan izin. Ketika ini, pindaan tersebut sedang menunggu kelulusan Parlimen *United Kingdom*.

*New Zealand* pula telah menggubal *Electoral (Integrity) Amendment Act 2018* yang mengandungi peruntukan mengenai bertukar parti. Di *India* dan *Singapura*, pindaan kepada Perlembagaan mereka telah dilaksanakan. *Negara India* telah memasukkan satu Jadual 10, dalam Perlembagaan mereka yang memperincikan

beberapa perkara mengenai bertukar parti ini. Di Singapura peruntukan dalam Perlembagaan iaitu Artikel 46(2)(b) berkaitan *tenure of office of Members*, dengan izin, dipinda juga menguatkuasakan peruntukan mengenai tukar parti.

Jadi dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil yang baik untuk negara kita sendiri. Tidak mencontohi sepenuhnya Singapura, tidak mencontohi England, UK ataupun India kerana selepas libat urus, kita belajar daripada semua pihak bahawa inilah kehendak ramai yang kita dapati.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga turut membangkitkan persoalan mengenai pemansuhan Fasal 6 Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks ini, pemansuhan Fasal 6, Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan akan membolehkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat- ramai juga bertanya soalan ini tadi- yang setelah digugurkan, boleh bertanding semula. Melepaskan keahlian untuk bertanding semula dalam pilihan raya pada bila-bila masa selepas dia melepaskan keahlian Dewan Rakyat dan dengan demikian, kehilangan kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi tempoh lima tahun tidak lagi terpakai.

Jadi ini kita bincang secara panjang lebarlah dalam jawatankuasa. Mula-mula kita hendak yang ini saja, yang digugurkan saja dalam undang-undang ini, pindaan ini, tapi kita kekalkan yang di bawah Perkara 48 Fasal 6. Akan tetapi, ada ahli mengatakan itu tidak demokratik nampaknya. Kita mahukan *vibrancy* ataupun menyemarakkan kita punya amalan demokrasi di negara ini.

Dalam keadaan demikian, kita melihat bahawa ada kebenaran yang dikatakan sedemikian bahawa untuk menyemarakkan amalan demokrasi di negara ini supaya kita membenarkan mereka, sama ada meletak jawatan secara sukarela ataupun dia telah kehilangan Ahli Dewan Rakyat sebagai tergugur di bawah pindaan ini, dibenarkan mengambil bahagian dalam pilihan raya kecil yang bakal diadakan dalam 60 hari yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mencelah sedikit, Yang Berhormat Menteri. Iaitu pada tahun 1988, peruntukan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri semasa itu setelah hampir-hampir kalah di Johor Bahru dan untuk menghalang si anu yang berkenaan, maka peruntukan itu diperkenalkan kepada Parlimen. Ini untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya. Pindaan itu sepatutnya diberi satu penegasan lagi dan tahniah atas usaha itu... [*Tepuk*]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan itu sebahagian daripada jawapan saya jugalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini kerana memang itulah penjelasan kenapa yang kita ada sekarang ini dikembalikan kepada yang asal. Jadi, dalam keadaan sedemikian, peruntukan Fasal 6, Perkara 48 harus dimansuhkan untuk



memberi peluang yang sama rata kepada Ahli Dewan Rakyat yang telah mengosongkan kerusi atas apa jua alasan untuk bertanding semula dan memulangkan mandat kepada rakyat untuk memilih semula.

Jadi, hakikat yang sebenar ialah untuk melihat kalau seseorang itu meletak jawatan ataupun dia telah kehilangan keahlian- sebab rang undang-undang ini, dia bertanding semula. Kita hendak melihat sama ada rakyat masih sokong dia ataupun tidak. Kalau betul-betul apa saja parti yang dia masuk, dia masih boleh disokong rakyat, makna dia memang mendapatkan mandat daripada rakyat. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita kena menghormati mandat rakyat ini.

Pemecatan Ahli Dewan Rakyat. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jenuing...

**Dato' Dr. Nuing Jenuing:** Ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol turut memohon penjelasan mengenai isu pemecatan Ahli Dewan Rakyat.

Dalam hal ini, seorang Ahli Dewan Rakyat dipecat melalui proses pemecatan. Ini merupakan satu pengecualian diberi dalam pindaan ini. Jawatankuasa Pilihan Khas telah bersetuju dan mengesyorkan agar pemecatan tidak sepatutnya dikategorikan sebagai tindakan bertukar parti.

#### ■1720

Jadi, sebenarnya kalau kita lihat di India, kalau kita lihat di UK, pemecatan ini ada syarat-syarat yang tertentu. Jadi, kita tidak ada syarat-syarat macam yang di India dan macam di UK buat. Kita hanya mengatakan bahawa kalau dia dipecat oleh parti, berlandaskan pendirian dia dalam parti, maka dia dipecat oleh parti, maka dia tidak kehilangan dia punya kedudukan sebagai Ahli Dewan Rakyat, kerana pendirian dia itu. Jadi itulah sebab libat urus kita juga banyak pihak mengatakan tidak sepatutnya dia kehilangan keahlian dia oleh sebab pendirian dia sebagai ahli yang tidak bersama dengan kehendak parti dia.

Satu pemecatan disebabkan Ahli Dewan Rakyat yang mempunyai masalah disiplin atau masalah dalaman parti politik dipecat oleh parti politik beliau.

Kedua, hal pemecatan memerlukan pendekatan yang berbeza supaya parti politik tidak menyalahgunakan. Ketiga, hal pemecatan merupakan satu perkara yang di luar kawalan Ahli Dewan Rakyat. Jadi, pemecatan ini adalah di luar kawalan Dewan Rakyat, maka kita fikir ini bukan soalan yang patut ditangani oleh Dewan Rakyat.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ingin saya perkenalkan juga di sini bahawa contoh tadi ada Ahli Yang Berhormat bertanya- saya ada tulis dalam buku tadi, bertanya macam mana Ahli yang dipecat ini. Contohnya, pindaan kepada

Perlembagaan ini disebut ada atau tidak ROS diberi arahan untuk pinda Perlembagaan setiap parti. Ini tidak ada kita beri arahan. Itu atas parti itu sendiri membuat keputusan.

Contohnya parti UMNO, disebut oleh ramai orang. Kalau parti UMNO, ahli dia membuat satu-satu perkara bercanggah dengan perlembagaan parti dia, dia dengan sendirinya tergugur keahlian dia. Bila tergugur keahlian dia, dia akan kehilangan di bawah parti UMNO itu ahli dia. Dalam keadaan sedemikian maka, dia juga kehilangan dia punya kedudukan sebagai Ahli Dewan Rakyat. Maknanya, keluar daripada parti itu ada dua jenis. Ada yang tergugur, ada yang dipecat. Dipecat tidak hilang, yang tergugur akan hilang.

Jadi itulah makanya ada orang bertanya, kenapa tidak bagi arahan semua parti buat itu. Itu kehendak parti sendiri. Kalau parti mahu menggugurkan secara automatik setiap orang yang kurang disiplin dalam parti dia, itu soal parti, bukan soal Dewan Rakyat dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ini nampak macam penutup ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Ketawa*] Ada juga persoalan tadi, negeri-negeri yang ada mempunyai undang-undang larangan bertukar parti ini, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tanya. Jadi jawapannya ada di sini. Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Walau bagaimanapun, saya tadi telah berbincang dengan Perdana Menteri, selepas kita luluskan rang undang-undang ini di Dewan ini, saya telah bermohon dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengutus surat kepada semua negeri sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri supaya kita menyeragamkan semua pindaan di semua negeri, walaupun yang sudah buat pindaan ataupun belum buat pindaan supaya mengikut jadual yang kita pinda sebagaimana yang kita sebut dalam pindaan Perlembagaan kita sendiri. Supaya tiap-tiap negeri mempunyai penyeragaman bersama dengan apa yang kita lihat di peringkat Persekutuan.

Persoalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh mengenai keperluan kerajaan *recall election*. Jadi, ini jawapan sayalah sebenarnya. Dengan izin, Fasal (2), *alternative* kena kita pandang juga. Kalau nak melengkapkan prasarana undang-undang untuk Ahli-ahli Dewan ini, maka perlu juga *recall election* ini kita kaji sebaik mungkin. Sejauh mana kita boleh- bila kita boleh mengeluarkannya, saya tidak boleh menentukan. Sebabnya *recall election* itu banyak persoalan yang perlu dijawab. Soalan contohnya, berapa *threshold*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita gunakan. Memandangkan kadang-kadang kita punya kemenangan itu dia punya itu sangat tipis dan berapa *threshold* yang kita nak buat. Itu satu.

Kedua, orang kita ini lain sedikit nalurnya, perangainya dengan orang di Eropah, dengan orang di England, di Amerika contohnya. Jadi kemungkinan kalau kita tak ada kerja lain nak buat *recall election* sahaja, memang kerajaan akan berhadapan dengan satu persoalan yang amat besar. Jadi, kajian menyeluruh dan terperinci perlu dibuat dalam soal untuk melaksanakan *recall election* ini. Walau bagaimanapun, dalam istilah sekarang Tuan Yang di-Pertua, *it is in our radar*, dengan izin. Ini persoalan yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tadi dan juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi radar itu kena berfungsi Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Ketawa] Ya, radar itu berfungsi, *insya-Allah*. Selagi Tuan Yang di-Pertua tahu tadi dah sebut dah pun dalam mesyuarat tadi pun. Selepas ini kita tak tahu.

Beliau juga turut menimbulkan persoalan mengenai sekiranya seorang Ahli Dewan Rakyat mempunyai prinsip yang bertentangan dengan prinsip parti dan menyebabkan keahlian beliau digugurkan berdasarkan Perlembagaan parti tersebut, isu ini, dengan izin, "*Cease to be Member...*", dalam kita punya pindaan, "*Ceases to be a Member...*" maka Ahli Dewan Rakyat tersebut dianggap telah bertukar parti, perlu mengosongkan Kerusinya.

Ini adalah sekiranya perlembagaan parti politik- ini tadi. Peruntukan di bawah perbuatan Ahli Dewan Rakyat tersebut yang tidak mengikut prinsip parti, melanggar arahan *Whip*, akan terjumudlah kepada mereka atau beliau menjadi anggota parti politik, "*Ceases to be a Member*" tersebut dengan sendirinya. Merujuk kepada perkara ini, perlembagaan satu buah parti politik menentukan tindakan terhadap Ahli Dewan Rakyat tersebut. Oleh itu, terdapat keperluan untuk pindaan dilaksanakan terhadap perlembagaan satu-satu parti politik bagi memastikan penyelarasan dengan rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat sekalian, saya ingin menekankan betapa pentingnya seorang Ahli Dewan Rakyat mengikut *the conscience*, dengan izin, dia sendiri dalam membuat keputusan terutamanya dalam sistem demokrasi berparlimen. Perkara ini adalah suatu yang sentiasa saya tekankan dalam semua Sesi Libat Urus saya dengan semua pihak berkepentingan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi kenyataan Edmund Burke... [Disampuk] Peminat Edmund Burke Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul. Ahli Yang Berhormat, tolong dengar Edmund Burke.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *Edmund Burke*, "*All government indeed every human benefit and enjoyment, every virtue and every prudent act, is founded on compromise and barter*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menekankan bahawa dalam proses perbincangan dan libat urus yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas bermula dari 22 April yang lalu, semangat tolak ansur dan kesediaan untuk berunding di tahap supaya kita boleh mencapai satu kata sepakat dalam penggubalan rang undang-undang ini seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia lihat pada hari ini.

Oleh itu, setiap Dewan yang mulia ini perlu, dengan izin, *vote according to your conscience*. Akan tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ini merupakan undang-undang kedua Malaysia, undang-undang kedua Malaysia yang digubal oleh Parlimen, yang digubal oleh Jawatankuasa Khas Parlimen.

■1730

Pertama ialah penggubalan pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah Tahun 2006. Ini adalah yang kedua. Maknanya inilah satu sejarah kepada negara kita undang-undang yang bukan digubal *direct* daripada AGC. *AG Chambers* dan pihak BHEU merupakan penyokong dan pembantu kepada kita untuk menggubal rang undang-undang ini. Jadi, kita ini jadi sebahagian daripada sejarah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua...

*Serunding turut menjadi juadah;  
Dimasak enak dek angun jelita.  
Berunding sudah berbahas pun sudah;  
Sebulat suara sokong yang dipinta.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

*Madah telah dikemukakan;  
Suara sudah terdengar.  
Apa pun mesti kita lakukan;  
Sebab kita semua adalah yang benar... [Tepuk]*

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 44(1) dan Peraturan Mesyuarat 45, saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Tidak dibenarkan bercakap. Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian iaitu...

Undi yang bersetuju seramai 52 orang... *[Tepuk]*

Ahli yang tidak bersetuju- tiada.

Tujuh orang Ahli yang tidak hadir

**Ahli Bersetuju :**

1. YB Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali bin Hj. Mohamad
2. YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
3. YB Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
4. YB Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
5. YB Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad
6. YB Datuk Lim Ban Hong
7. YB Dato' Dr. Mah Hang Soon
8. YB Datuk Mohan A/L Thangarasu
9. YB Tuan Aknan A/L Ehtook
10. YB Datuk Paul Igai
11. YB Datuk John Ambrose
12. YB Datuk Razali bin Idris
13. YB YB Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
14. YB Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
15. YB Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan
16. YB Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu
17. YB Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
18. YB Tuan Robert Lau Hui Yew
19. YB Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
20. YB Puan Susan Chemeraai Anding
21. YB Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
22. YB Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. YB Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
24. YB Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
25. YB Datuk Dr. Azhar bin Ahmad

26. YB Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali
27. YB Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
28. YB Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
29. YB Dato' Haji Husain bin Awang
30. YB Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
31. YB Tuan Haji Aziz bin Ariffin
32. YB Tuan Seruandi bin Saad
33. YB Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair
34. YB Datuk Lim Pay Hen
35. YB Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan
36. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad
37. YB Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff
38. YB Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid
39. YB Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar
40. YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya
41. YB Dato' Wira Othman bin Aziz
42. YB Dato' Ajis bin Sitin
43. YB Dato' Juhanis binti Abd Aziz
44. YB Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan
45. YB Puan Noraini binti Idris
46. YB Dato Dr. Nuing Jeluing
47. YB Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim
48. YB Datuk Wira Koh Nai Kwong
49. YB Puan Lim Hui Ying
50. YB Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek
51. YB Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip
52. YB Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya

**Ahli Tidak Hadir :**

1. YB. Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad
2. YB Dato' Sri Ti Lian Ker
3. YB Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
4. YB Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
5. YB Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri
6. YB Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
7. YB Datuk Nicole Wong Siaw Ting

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Sebutkan namanya, Tuan Yang di-Pertua. Untuk direkodkan di dalam ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bacaan Kali Kedua disetujui.

Oleh sebab lebih dua pertiga undi yang bersetuju, maka rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

### **BACAAN KALI YANG KETIGA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Oleh sebab sekali lagi pada peringkat bacaan ini juga mengikut peruntukan Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dan diluluskan dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 44(1), dan Peraturan Mesyuarat 45, saya sekali lagi memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian.

Undi yang bersetuju 52 orang... *[Tepuk]*

Tiada Ahli yang tidak bersetuju

Ahli tidak hadir, tujuh orang.

**Ahli Bersetuju :**

1. YB Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali bin Hj. Mohamad
2. YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
3. YB Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
4. YB Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
5. YB Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad
6. YB Datuk Lim Ban Hong
7. YB Dato' Dr. Mah Hang Soon
8. YB Datuk Mohan A/L Thangarasu
9. YB Tuan Aknan A/L Ehtook
10. YB Datuk Paul Igai
11. YB Datuk John Ambrose
12. YB Datuk Razali bin Idris
13. YB YB Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
14. YB Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
15. YB Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan
16. YB Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu
17. YB Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
18. YB Tuan Robert Lau Hui Yew
19. YB Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
20. YB Puan Susan Chemeraï Anding
21. YB Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
22. YB Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. YB Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
24. YB Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
25. YB Datuk Dr. Azhar bin Ahmad
26. YB Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali
27. YB Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
28. YB Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
29. YB Dato' Haji Husain bin Awang
30. YB Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
31. YB Tuan Haji Aziz bin Ariffin
32. YB Tuan Seruandi bin Saad
33. YB Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair
34. YB Datuk Lim Pay Hen
35. YB Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan
36. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad
37. YB Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff
38. YB Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid



39. YB Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar
40. YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya
41. YB Dato' Wira Othman bin Aziz
42. YB Dato' Ajis bin Sitin
43. YB Dato' Juhanis binti Abd Aziz
44. YB Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan
45. YB Puan Noraini binti Idris
46. YB Dato Dr. Nuing Jeluing
47. YB Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim
48. YB Datuk Wira Koh Nai Kwong
49. YB Puan Lim Hui Ying
50. YB Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek
51. YB Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip
52. YB Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya

**Ahli Tidak Hadir :**

1. YB. Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad
2. YB Dato' Sri Ti Lian Ker
3. YB Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
4. YB Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
5. YB Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri
6. YB Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
7. YB Datuk Nicole Wong Siaw Ting

**Tuan Yang di-Pertua:** Bacaan kali ketiga disetujui.

Oleh sebab lebih dua pertiga undi yang bersetuju, rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

*Dah tiba petangnya hari;  
Dah kembang bunga ketola.  
Dah dapat kehendak hati;  
Dah hilang sakit kepala... [Tepuk]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

**5.48 ptg**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua yang diraikan lagi dimulikan, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*] yang ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan suatu undang-undang yang memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan orang tanggungannya menerusi skim-skim perlindungan yang diperkenalkan iaitu Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan.

#### **■1750**

Akta ini terpakai kepada pekerja yang berstatus warganegara, pemastautin tetap atau sementara dan pekerja asing. Namun, pekerja asing hanya layak kepada skim bencana kerja sahaja. Melalui akta ini, mana-mana pekerja yang mengalami hilang upaya akibat daripada kemalangan semasa menjalankan pekerjaannya boleh menikmati manfaat-manfaat yang disediakan.

PERKESO akan memberi rawatan perubatan percuma, kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional serta faedah tunai kepada pekerja tersebut tertakluk kepada terma dan syarat. Sekiranya pekerja meninggal dunia, orang tanggungan mereka akan turut menikmati faedah tunai, dengan menerima pencen bulanan bagi membantu kelangsungan hidup.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada masa ini Akta 4 meliputi pekerja tanpa mempunyai had gaji dan tertakluk kepada pekerja yang mempunyai hubungan majikan dengan pekerja sahaja. Walau bagaimanapun, siling caruman adalah tertakluk kepada siling gaji sehingga RM4,000 sebulan sahaja seperti ketetapan dalam Jadual Ketiga.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1971, siling gaji untuk caruman untuk Akta 4 ini kali terakhir dipinda pada tahun 2016. Sebagai mana pengumuman Bajet 2022 Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29 Oktober 2021, kerajaan telah

mencadangkan peningkatan siling gaji untuk caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 untuk menambah baik faedah bagi sembilan juta orang pekerja yang dilindungi oleh PERKESO. Sehubungan dengan itu, suatu pindaan ke atas Akta 4 perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan ini seterusnya dapat menambah baik perlindungan keselamatan sosial PERKESO dengan meningkatkan faedah-faedah bagi akta ini seperti faedah hilang upaya sementara, faedah hilang upaya kekal, pencen ilat dan pencen penakat. Bagi menjelaskan lagi perkara ini, saya memberikan contoh. Seorang pengurus kilang yang berumur 25 tahun dan bergaji RM7,000 sebulan telah mendapat kemalangan akibat terkena mesin semasa kerja sehingga menyebabkan kudung satu ruas ibu jarinya. Jika pada siling gaji RM4,000 sebulan pekerja tersebut akan mendapat bayaran pukal untuk faedah hilang kekal sebanyak RM181,944 sahaja. Namun begitu apabila dengan pindaan rang undang-undang peningkatan siling gaji kepada RM5,000 ini, pekerja yang sama boleh memperoleh bayaran pukal untuk faedah hilang upaya kekal yang saya sebutkan tadi, sebanyak RM253,341.

Secara keseluruhannya peningkatan semua faedah selepas pindaan rang undang-undang ini 25.3 peratus. Maknanya berlaku peningkatan dengan sekiranya undang-undang ini diluluskan. Memang kita mohon diluluskanlah sebab ini memberi sosial kebajikan yang lebih kepada pekerja-pekerja yang ada di Malaysia ini. Dalam proses menggubal pindaan ini terdapat beberapa sesi libat urus yang telah dijalankan bersama Kementerian Kewangan dan pihak-pihak berkepentingan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini melibatkan pindaan kepada seksyen 5, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat akta ini. Peruntukan-peruntukan sedia ada Akta 4 yang dipinda melibatkan fasal-fasal yang berikut. Subseksyen 5(2) iaitu had siling gaji.

Subseksyen 5(2) ini dipinda untuk menaikkan had maksimum kebolehsuransan atau dengan izin, *insurability* amaun gaji pekerja di bawah Akta 4 daripada RM4,000 kepada RM5,000. Jadual Ketiga, jadual ini dinyatakan kadar caruman bagi jenis pertama, dan kedua yang dihitung berdasarkan gaji bulanan dan caruman. Caruman jenis pertama adalah bagi skim keilatan dan skim bencana kerja yang dibayar oleh pihak majikan dan pekerja. Caruman jenis kedua pula adalah bagi skim bencana kerja yang dibayar oleh majikan sahaja.

Peningkatan siling gaji bulanan untuk caruman RM5,000 ini melibatkan pindaan kepada Jadual Ketiga, perenggan 2, Bahagian I iaitu caruman jenis pertama tadi. Perenggan 4, Bahagian III, caruman yang jenis kedua. Jadual ini juga menyatakan gaji bulanan anggapan bersamaan dengan caruman jenis pertama dan jenis kedua untuk

maksud pembayaran faedah hilang upaya dan faedah orang tanggungan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan baharu melibatkan 10 butiran baharu dalam Jadual Ketiga, perenggan 2 ini. Tuan Yang di-Pertua kerajaan berharap supaya Rang undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 ini dapat memberi nilai impak yang disasarkan iaitu menjamin kesejahteraan sosial penerima faedah dan manfaat sedia ada serta baharu. Selain daripada itu juga, ia juga memastikan faedah dan manfaat di bawah skim ini terus dikekalkan kepada penerima tanpa menjejaskan pelaksanaannya.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tujuh orang Yang Berhormat Senator yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa lima minit seorang untuk berbahas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l Achyuthan Nair.

**5.57 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tunggakan gaji pemain bola sepak tempatan merupakan masalah yang tidak pernah ada titik noktahnya. Masalah tunggakan gaji bulanan pemain bola sepak profesional bukan sahaja melibatkan pemotongan cukai berkala atau PCB pada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), malah ia juga melibatkan caruman wajib bulanan kepada PERKESO.

Hal tersebut telah mendapatkan perhatian *First Instance Body* (FIB) yang merupakan badan bebas yang mengendalikan pelesenan kelab-kelab bola sepak *Malaysian Football League* (MFL). FIB telah menjalankan pemeriksaan terhadap kedudukan kewangan Sarawak United FC di samping baki tunggakan bagi potongan cukai LHDN dan caruman PERKESO.

Kelewatan untuk tunggakan gaji sudah tentu menjejaskan kebajikan para pemain dan kakitangan kelab yang melibatkan caruman PERKESO untuk pemilik kelab sebagai

majikan. Isu yang sewajarnya dipandang serius oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO yang seharusnya melakukan pemantauan rapi dan tegas terhadap mana-mana kelab bola sepak tempatan yang dilaporkan kerana melakukan pengabaian amanah dalam perihal pengurusan gaji pemain dan kakitangan.

PERKESO seharusnya berperanan sebagai badan bertindak atau badan penguat kuasa bagi hal ehwal penggajian dan caruman wajib oleh kelab-kelab bola sepak profesional seperti termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Seharusnya diberikan mandat perundangan bagi memeriksa, memantau dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini terhadap mana-mana pengurusan kelab bola sepak atau persatuan sukan profesional yang disifatkan sebagai bermasalah dalam aspek penggajian dan caruman PERKESO.

Seksyen 3 Akta Keselamatan Sosial Pekerja dengan jelas menyebut bahawa definisi pekerja bagi pemakaian akta ini meliputi mana-mana pekerja yang digaji oleh majikan langsung. Oleh yang demikian, PERKESO seharusnya dimandatkan oleh MFL dengan saranan eksekutif oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk memantau segala aspek pematuhan bagi disiplin, penggajian yang meliputi pelaksanaan caruman majikan dan caruman pekerja seperti yang digariskan dalam seksyen 6 akta tersebut.

#### ■1800

Bagi pandangan saya selaku *legislator* Persekutuan, sudah tiba masanya aspek penggajian, caruman dan insurans pekerja seperti yang termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dipantau dengan tegas dan serius menerusi penglibatan langsung PERKESO dalam MFL mahupun badan pelesenan MFL, *First Instance Body*, dengan izin.

Penglibatan tersebut sewajarnya dilaksanakan segera bagi memastikan segala pematuhan perundangan yang digariskan dalam akta ini benar-benar dipatuhi oleh setiap kelab bola sepak, biarpun kelab bola sepak itu dimiliki oleh orang-orang kenamaan. Jangan PERKESO hanya fokuskan ke sektor kerja komersial yang lain. Bidang bola sepak tempatan juga perlu diberikan perhatian, khususnya dalam perihal penguatkuasaan terutama pelaksanaan caruman dan insurans pekerja.

Jika bukan PERKESO, siapakah lagi yang akan menguatkuasakan undang-undang bagi pihak Kementerian Sumber Manusia? Jika pihak penguat kuasa PERKESO berani untuk mengenakan tindakan terhadap majikan kecil yang tidak mematuhi arahan caruman, mengapakah tidak PERKESO berani melakukan perkara yang sama terhadap mana-mana pemilik atau pengurusan bola sepak tempatan yang didapati culas dalam soal penggajian serta caruman wajib?

Caruman majikan dan caruman pekerja yang disebut dalam seksyen 6 akta ini juga mampu mengurangkan beban kos tanggungan perubatan yang ditanggung oleh kelab dan pemain bola sepak itu sendiri. Rawatan bagi kecederaan sukan atau *sports*

*injury* yang serius dan berbahaya seperti kecederaan lutut sudah tentu melibatkan kos rawatan yang tinggi yang boleh mencecah puluhan mahupun ratusan ribu Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, selain bola sepak, aspek caruman PERKESO menurut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini juga penting bagi penggiat seni. Dalam kenyataan Ketua Eksekutif PERKESO, beliau mendedahkan kurang daripada enam peratus penggiat seni di negara ini yang melakukan caruman kepada PERKESO.

Berbicara mengenai penggiat seni, salah kalau saya tidak menyentuh tentang FINAS. Masih belum terlambat lagi untuk saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa atas pelantikan sebagai Pengerusi FINAS yang baharu.

Satu minit lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Saya berharap Yang Berhormat Senator dapat membantu Yang Berhormat Menteri dalam merencanakan formula terbaik yang boleh menggalakkan caruman PERKESO daripada kalangan penggiat seni tanpa mengira siapa pun mereka, baik pelakon utama, pelakon tambahan, pengarah, kru belakang tabir mahupun jurukamera.

Seperti sektor kerja yang lain, penggiat seni lakonan juga turut terdedah dengan risiko kemalangan di lokasi penggambaran. Sebab itu Dato' Hans Isaac yang mempengerusikan FINAS sebelum ini telah memperkenalkan inisiatif yang menggalakkan pelaksanaan caruman PERKESO bagi setiap individu yang terlibat dalam pembikinan kerja seni.

Memang tidak dinafikan seseorang pelakon, lebih-lebih lagi pelakon bertaraf bintang, menerima bayaran yang lumayan daripada pihak produksi. Mungkin atas sebab itulah golongan sebegini enggan atau tidak cenderung untuk mencarumkan kepada PERKESO. Apakah selama ini pihak penerbit atau produksi perfileman tidak langsung peka atau prihatin terhadap kebajikan kru-kru belakang tabir mereka sehinggakan caruman PERKESO seolah-olah merupakan perkara remeh yang tidak perlu diutamakan? Apalah erti menjadi penerbit filem masyhur dengan puluhan juta Ringgit berjaya dikutip daripada tayangan tetapi caruman serta insurans PERKESO bagi kru serta staf belakang tabir tidak langsung dipedulikan.

Berhubung dengan perihal ini, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, pertama, adakah usaha bersepadu yang telah direncanakan bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam mewujudkan kaedah caruman PERKESO yang komprehensif buat kru belakang tabir, termasuklah penulis skrip dan pengarah?

Kedua, bagaimanakah pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini mampu mewujudkan pelan pematuhan caruman yang efisien terhadap penerbit mahupun pemilik syarikat produksi perfileman?

Ketiga, apakah bentuk perlindungan keselamatan sosial pekerja bersifat sementara yang boleh disediakan buat penggiat seni dan kalangan *freelancers* atau separuh masa yang juga mempunyai karier yang lain?

Sebelum saya mengakhiri perbincangan saya, saya ingin mengemukakan satu cadangan untuk pertimbangan serius Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mencadangkan agar penarikan lesen perniagaan dikenakan kepada mana-mana penerbit filem atau *production house* yang enggan melaksanakan caruman buat kru yang terlibat dalam pembikinan satu-satu filem. Penarikan ataupun pemansuhan hak tayangan di pawagam dan mana-mana stesen televisyen boleh juga dijadikan sebagai penalti lanjutan sebagai usaha yang lebih serius yang mewujudkan pematuhan tersebut.

Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO juga boleh bekerjasama erat dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, khususnya FINAS, bagi merangka prosedur serta aturan yang komprehensif bagi merealisasikan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ini merupakan satu RUU yang paling baik kepada semua pekerja, semua lapisan masyarakat di negara ini. Oleh itu, saya sokong RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

#### **6.07 ptg.**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Umum mengetahui bahawa fungsi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada para pekerja menerusi caruman mandatori. Ini terutamanya menerusi Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan yang melindungi pencarum daripada kemalangan industri termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan dan juga Skim Keilatan yang memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja.

Sekadar berkongsi maklumat mengenai PERKESO. Mungkin ramai menganggap PERKESO hanya memberi perlindungan berbentuk faedah tunai kepada pekerja dan orang tanggungan apabila berlaku kejadian luar jangka dan menimpa pekerja berkenaan.

Namun, sebenarnya dalam masa yang sama, PERKESO turut memberikan bantuan dalam khidmat sokongan, rawatan, perubatan dan juga pemulihan jasmani dan vokasional. Disebabkan itulah wujudnya pusat rehabilitasi PERKESO seperti di Melaka

dan Cheras yang menawarkan kemudahan pemulihan bagi membolehkan pencarum yang terlibat dengan kemalangan kembali aktif dalam kehidupan harian dan dapat kembali bekerja semula seperti sedia kala.

Saya menyambut baik cadangan yang meminda seksyen 5, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 iaitu menaikkan had maksimum siling gaji daripada RM4,000 kepada RM5,000. Ini merupakan satu cadangan yang bagus memandangkan ia bertujuan untuk menambah lebih baik lagi liputan keselamatan sosial kepada pekerja. Apatah lagi sejak akta ini mula dikuatkuasakan pada tahun 1971, kali terakhir siling gaji untuk caruman di bawah Akta 4 ini dipinda adalah pada enam tahun lepas iaitu pada tahun 2016.

Peningkatan siling gaji ini juga dijangka bakal menambah baik faedah kepada sembilan juta orang pekerja yang dilindungi oleh PERKESO dan selari dengan cabaran semasa. Dalam masa yang sama, pindaan ini juga boleh untuk saya cadangkan adalah baik kiranya kita laksanakan prosesnya seperti pelaksanaan gaji minimum yang mana akan ada kenaikan atau pindaan setiap dua tahun.

#### ■1810

Tidak salah sekiranya jika pelaksanaan siling gaji ini juga kita lakukan proses dan pindaan yang sama dan secara berkala agar selari dengan situasi dan realiti ekonomi semasa. Menerusi statistik Tenaga Buruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga Mei tahun ini, jumlah tenaga buruh di Malaysia adalah seramai kira-kira 16 juta orang termasuk tenaga buruh asing.

Manakala, data oleh PERKESO pula menunjukkan bahawa jumlah pencarum yang mencarum dengan PERKESO adalah seramai sembilan juta orang. Perbandingan dengan kedua-dua data ini menunjukkan bahawa hampir 45 peratus ataupun kira-kira 7.5 juta orang pekerja tidak mencarum. Mereka yang tidak mencarum ini berkemungkinan besar merupakan individu yang bekerja sendiri sama ada mereka yang menjalankan aktiviti gig, penjaja, pekerja kontrak, nelayan, petani, pekerja kampung dan ramai lagi pekerja yang tidak mempunyai majikan daripada pelbagai sektor. Ini bukanlah suatu yang boleh dibanggakan. Pekerja perlu dilindungi dan mesti mempunyai perlindungan untuk kepentingan diri dan juga waris mereka.

Ini secara tidak langsung memperlihatkan perlunya lebih usaha oleh PERKESO untuk memberi lebih banyak kesedaran kepada para pekerja terutama yang bekerja sendiri untuk memastikan mereka mencarum. Saya ingin mengemukakan beberapa persoalan kepada pihak kementerian.

Pertama ialah saya ingin memohon menyatakan jumlah pencarum yang sedang menerima faedah di bawah skim PERKESO.

Kedua, ingin memohon kementerian menyatakan statistik dan jumlah faedah yang dibayar kepada pencarum yang membuat tuntutan disebabkan jangkitan COVID-



19 di tempat kerja. Nyatakan juga statistik tuntutan yang ditolak dan alasan tuntutan tersebut ditolak.

Ketiga, adakah strategi jangka masa pendek dan panjang dalam memberikan kesedaran kepada pekerja yang bekerja sendiri untuk menggalakkan mereka mencarum secara sukarela.

Keempat, saya ingin pihak kementerian menyatakan jumlah tunggakan berkaitan caruman oleh majikan dan tindakan yang diambil terhadap mereka.

Oleh sebab rang undang-undang ini adalah amat penting, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

### **6.13 ptg.**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022.

Pindaan ini melibatkan pindaan seksyen 5, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] untuk meminda subseksyen 5(2) dengan menggantikan perkataan, "*RM4,000 di mana jua terdapat*" dengan perkataan *RM5,000*. Tujuan utama pindaan rang undang-undang ini adalah bagi menambah baik liputan keselamatan sosial dengan meningkatkan faedah tertentu yang diterima pekerja.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana pindaan ini adalah wajar untuk memberi perlindungan lebih meluas kepada mereka yang berpendapatan lebih RM4,000 hingga RM5,000 mengikut rekod kementerian. Terdapat 7.78 juta orang pekerja warganegara dan sejuta orang pekerja asing berdaftar dengan PERKESO setakat ini pada tahun ini. Sejumlah 19.7 juta orang warganegara dan 1.94 juta orang bukan warganegara pekerja berdaftar dalam sistem PERKESO. Manakala bilangan penerima faedah keseluruhan ialah 678,329 orang setakat Disember 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada membaca komentar seorang pakar ekonomi DM Analytics Sdn. Bhd., Zouhair Mohd Rosli bahawa tiga daripada lima orang pekerja yang hilang pekerjaan dalam tempoh beberapa bulan selepas negara diserang coronavirus... [Rakaman kurang jelas] Bawah 40 tahun dengan kebanyakan mereka daripada sektor tidak formal yang tidak menawarkan sebarang jaringan keselamatan sosial.

Dalam kaji selidik, apabila mendapati bahawa tiga daripada lima orang pekerja sektor tidak formal berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan dan semasa

penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan pandemik COVID-19 sebanyak 50 peratus daripada mereka kehilangan perniagaan.

Kerajaan juga perlu mengambil kira kedudukan rakyat Malaysia yang bekerja di sektor tidak formal. Dilaporkan bahawa sebanyak 2.5 juta orang rakyat Malaysia bekerja di sektor tidak formal ini dengan bilangan belia berusia antara 20 hingga 30 tahun yang bekerja di sektor ini meningkat dua kali ganda daripada enam peratus pada tahun 2016 kepada 12 peratus pada 2019 walaupun pekerjaan itu tidak menawarkan pendapatan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlulah sentiasa memberi perhatian kepada keadaan dan persekitaran kerja golongan pekerja di negara ini melalui langkah-langkah positif termasuklah pindaan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 ini. Walaupun pindaan ini hanya melibatkan pindaan kecil, namun ia memberikan impak yang besar kepada golongan pekerja yang berkaitan. Ia sebagai tanda hormat kerajaan kepada golongan pekerja yang turut sama menyumbang kepada pembangunan negara. Ini kerana ia tanggungjawab kerajaan sebagai pemimpin terhadap orang yang dipimpin.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda yang bermaksud, *“Setiap kalian ada pemimpin dan kalian akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang di bawah pemimpin kalian. Seorang pemerintah merupakan pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan terhadap rakyatnya”*. Hadis Riwayat Al-Bukhari.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia masih lagi sedang berusaha untuk pulih daripada kesan pandemik COVID-19. Pagi tadi saya ada terbaca satu laporan berita bahawa seramai 4,037 orang rakyat Sarawak hilang pekerjaan akibat penularan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek), Dato Gerawat Gala. Daripada jumlah itu, seramai 3,002 orang individu hilang pekerjaan pada tahun 2020, manakala 1,035 lagi menerima nasib sama pada tahun 2021. Saya yakin bahawa perkara ini juga berlaku di seluruh negeri-negeri yang lain.

Saya mohon Kementerian Sumber Manusia dapat memberikan statistik jumlah pekerja yang telah dibuang kerja dan jumlah mereka yang telah kembali mendapatkan kerja baharu sehingga bulan Julai yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penghujahan ini maka saya menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

**6.19 ptg.**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 ini.

**■1820**

Saya ingin ucapkan tahniah kepada kementerian khususnya PERKESO yang telah mengusulkan pindaan rang undang-undang ini bagi meningkatkan kesejahteraan golongan pekerja. Umum mengetahui PERKESO memberi jaminan bantuan perubatan dan juga kewangan kepada pekerja yang alami kehilangan serta kekurangan keupayaan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit.

Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menambah baik liputan keselamatan sosial yang akan meningkatkan faedah tertentu yang diterima oleh pekerja. Oleh itu, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini untuk menaikkan had maksimum insurans amaun gaji pekerja di bawah seksyen 5 daripada RM4,000 sebulan kepada RM5,000 sebulan.

Akan tetapi, saya juga ingin bertanya adakah kementerian bercadang untuk menaikkan jumlah ini di masa yang akan datang. Apakah kerajaan akan mempertimbangkan agar jumlah ini sekurang-kurangnya melebihi had median dalam Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia?

Selain itu, saya turut ingin mencadangkan agar gaji siling ditingkatkan dan dikaji setiap tahun dengan ambil kira median dan minimum kaji isi rumah daripada laporan *survey*.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk kemukakan statistik bilangan pekerja OKU yang didaftarkan dalam sistem PERKESO setakat 31 Julai 2022 dan bilangan OKU yang sedang menerima sebarang faedah di bawah sistem PERKESO ini. Mohon juga pihak kementerian nyatakan secara terperinci jumlah pekerja OKU yang hilang upaya yang telah mendapatkan perkhidmatan PERKESO bagi setiap perkara berikut iaitu: (i) rawatan perubatan percuma; (ii) kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional; dan (iii) faedah tunai kepada pekerja hilang upaya.

Seperti kita ketahui dan maklum, PERKESO juga membuat pemeriksaan bagi memastikan pematuhan majikan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Oleh itu, saya di sini ingin bertanya apakah perkara yang telah dilakukan melalui inisiatif Ops Cegah bagi mengelak dan menurunkan jumlah kes kemalangan di tempat kerja yang boleh

mengakibatkan kehilangupayaan? Apa perancangan kementerian dalam memastikan PERKESO menjadi satu jaringan keselamatan yang inklusif buat komuniti saya, komuniti orang kurang upaya?

Berkaitan soal pencen ilat Tuan Yang di-Pertua, keilatan disifatkan sebagai ketidakupayaan kekal untuk bekerja disebabkan penyakit atau hilang upaya. Saya sering kali menerima aduan daripada sahabat-sahabat saya yang OKU di mana ada beberapa permohonan kami ditolak walaupun dimohon beberapa kali.

Saya ingin mencadangkan agar pihak PERKESO bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menyediakan satu sistem *integrated*, dengan izin, bagi memudahkan pekerja-pekerja OKU yang berdaftar untuk mendapat pencet ilat.

Kerajaan, saya pohon agar dapat menyemak semula faedah pencen ilat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) agar selari dengan keperluan semasa. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan ini yang bakal meningkatkan perlindungan dengan izinnya kepada para penjarum untuk setiap jenis faedah sebanyak 25.3 peratus. Saya menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

### 6.23 ptg.

**Dato' Haji Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mencatat sejak dari tadi dan seluruh Ahli Dewan yang dikasihi.

Jaringan keselamatan sosial berdiri di atas paksi memberi sokongan dan memperkasa para pekerja yang mengalami kehilangan upaya akibat kemalangan dan sebagainya selain memberi sokongan kepada orang tanggungan mereka menikmati faedah tunai jika sesuatu berlaku terhadap mereka. Oleh sebab itu, antara prinsip utama dalam akta ini merupakan penggantian pendapatan yang penting bagi mengurangkan beban penjarum mahupun para waris untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan dalam rang undang-undang pada hari ini juga tidak kurang pentingnya. Ia adalah selaras dengan pengumuman kerajaan dalam pembentangan belanjawan yang lalu. Pindaan yang dikemukakan ini berpaksikan kepada dasar kerajaan untuk meningkatkan siling gaji penjarum daripada RM4,000 kepada RM5,000 bagi menambah baik faedah kepada sembilan juta orang pekerja yang dilindungi di bawah PERKESO.

Ini seperti yang dikemukakan pada fasal kedua kertas rang undang-undang ini iaitu pindaan pada seksyen 5, Akta 4 ini. Pindaan ini merupakan gambaran kebertanggungjawaban kerajaan dalam menunaikan apa yang dijanjikannya. Malah, dinamik dasar dan polisi semasa mengikut kepada situasi dan keadaan yang dihadapi oleh sektor buruh dalam negara. Kita juga melihat ia sebagai salah satu daripada aspek pemulihan pasca pandemik yang telus bagi terus memperkasa sektor ini dalam membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh satu aspek dalam pindaan ini dan beberapa persoalan berbangkit yang memerlukan penjelasan lanjut daripada kementerian. Dalam suatu kenyataan baru-baru ini, kementerian menjelaskan jumlah majikan yang berdaftar setakat Mei 2022 iaitu 1.4 juta orang majikan dengan 464,000 orang majikan dikategorikan sebagai tidak aktif.

Saya ingin tahu, apakah kriteria majikan tidak aktif ini? Adakah mereka yang tidak aktif ini bermaksud mereka sekadar berdaftar dengan PERKESO tetapi tidak mencarum pekerja mereka dengan PERKESO atau mempunyai caruman tertunggak dengan PERKESO? Bagaimanakah langkah kementerian bagi memastikan para majikan yang tidak aktif ini kembali mencarum pekerja mereka ke dalam PERKESO? Hal ini termasuklah dengan pindaan terbaharu yang dikemukakan pada hari ini. Adakah kementerian telah menyediakan satu mekanisme khusus bagi memastikan para majikan menuruti perubahan had maksimum kebolehsurans amaun gaji pekerja kepada RM5,000 sebulan?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedia maklum penubuhan PERKESO untuk melindungi untuk menyokong dan memperkasa sektor tenaga kerja dalam negara telah mencapai usia lima dekad. Sewajarnya para majikan sedia maklum akan tanggungjawab melindungi para pekerja mereka daripada sebarang ketidakpastian yang berlaku. Saya bangkitkan persoalan asas ini kerana realitinya masih ramai para majikan yang tidak mengambil endah soal caruman pekerja mereka. Di sana, masih ada majikan yang tidak mencarum pekerja mereka mengikut peruntukan yang tertakluk di bawah PERKESO.

Walhal berdasarkan akta, para majikan wajib mendaftarkan pekerja mereka dengan PERKESO dalam tempoh 30 hari mereka diambil bekerja. Malah mereka juga akan berdepan dengan hukuman denda yang tinggi sehingga RM10 ribu dan penjara selama dua tahun jika tidak mendaftarkan pekerja mereka.

Namun, masih ramai majikan yang tidak mengambil berat terhadap peraturan tersebut. Apabila berlaku sesuatu kepada pekerja tersebut, maka para pekerja tadi tidak boleh mendapat apa-apa manfaat disebabkan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah majikan? Saya juga ingin tahu sejauh manakah pelaksanaan Ops Kesan yang dilaksanakan pada Mei dan Jun lalu baru-baru mencapai hasil yang sepatutnya?

Bagaimana kementerian akan memastikan bukan sahaja para majikan diberikan pendedahan terhadap tanggungjawab mereka, malah memastikan setiap pekerja juga tahu hak mereka yang diperuntukkan di bawah PERKESO? Ini bagi memastikan semangat memperluaskan manfaat PERKESO seperti yang dijelaskan oleh kementerian dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha dan kerja keras kementerian yang sedaya upaya memperluaskan jaringan keselamatan sosial kepada pelbagai umur pekerja. Terima kasih. Mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

#### **6.29 ptg.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

#### **■1830**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa tujuan utama pindaan ini dibuat adalah sebagaimana yang disebut tadi ia adalah untuk menambah baik liputan keselamatan sosial yang akan meningkatkan faedah tertentu yang diterima oleh pekerja. *Alhamdulillah*, tahniah kepada pihak kementerian atas usaha ini. Mudah-mudahan *insya-Allah* selari dengan firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] iaitu: "*Maka berlumba-lumbalah membuat kebajikan*" Surah al-Baqarah ayat 148.

Saya difahamkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah melancarkan program Ops Cegah dengan pendekatan lebih mesra bagi meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja untuk mengamalkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan. Berteraskan nilai kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan, inisiatif ini dirancang untuk dilaksanakan setiap tahun dengan menyasarkan pelaksanaan aktiviti pencegahan kemalangan pekerjaan membabitkan kemalangan industri dan kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik kerja.

Oleh itu, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan. Pertama, sehingga kini berapa banyak kah kempen seperti ini telah dilaksanakan di media bercetak dan media

sosial bagi meningkatkan kesedaran budaya pencegahan kemalangan pekerjaan di tempat bekerja?

Kedua, adakah majikan di setiap syarikat mengadakan taklimat atau bengkel berkenaan pencegahan kemalangan pekerjaan di tempat bekerja setiap tahun?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa PERKESO juga membuat pemeriksaan bagi memastikan pematuhan majikan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Di bawah peruntukan seksyen 12, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, pegawai pemeriksa yang dilantik hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Aktiviti pemeriksaan ini dijalankan ke atas majikan dan ia dilaksanakan di seluruh Malaysia.

Persoalan saya ialah pertama, sehingga bulan Jun 2022, berapa jumlah tunggakan caruman dan kekurangan caruman oleh majikan di seluruh Malaysia?

Kedua, berapa jumlah faedah caruman lewat bayar telah diterima?

Ketiga, berapakah aduan telah diterima dan disiasat oleh PERKESO berkenaan masalah pencaruman?

Keempat, apakah bilangan penguatkuasaan PERKESO bagi melakukan pemeriksaan di seluruh negara sudah mencukupi pada masa ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan lepas saya dimaklumkan bahawa PERKESO telah menggantung bayaran Program Inisiatif Pengambilan Pekerja sebanyak RM423 juta susulan terdapat penyelewengan dan tuntutan palsu yang membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan. Tindakan penggantungan bayaran dibuat berdasarkan analisis data dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Anti-Fraud, Etika dan Integriti agensi ini setelah pemantauan dan risikan sejak bulan Mei mendapati ada majikan yang mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana PenjanaKerjaya.

Soalan saya, pertama apakah tindakan yang telah diambil oleh PERKESO bagi mengelakkan kejadian ini berulang lagi?

Kedua, sehingga kini walaupun wujud masalah ini, sejauh manakah komitmen majikan telah diberi kepada program ini dalam membantu golongan yang mencari pekerjaan?

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**6.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima

kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang untuk saya menggulung perkara-perkara yang dibangkitkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 yang dikira amat penting untuk kita membela pekerja-pekerja yang ada di negara kita pada ketika ini.

Kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang dihormati sekalian. Seramai tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu berkaitan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, berhubung isu caruman oleh pemain bolak sepak profesional dan penggiat seni yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair.

Pada masa sekarang PERKESO telah melaksanakan penguatkuasaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] terhadap semua kelab bola sepak di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), *Malaysia Football League* (MFL) atau Pesuruhjaya Sukan. Pendaftaran dan pembayaran caruman juga telah dijadikan sebagai syarat keperluan mandatori sebelum sesuatu kelab dibenarkan untuk bermain bola sepak di bawah mana-mana liga pertandingan bola sepak.

PERKESO juga pernah membayar faedah di bawah Skim Bencana Kerja kepada pemain yang tercedera semasa bermain bola sepak yang mewakili Negeri Sembilan FC pada tahun 2010 iaitu kepada Mohamad Aidil Zafuan bin Abdul Radzak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi menggalakkan penggiat seni, kru pekerja di belakang tabir atau *freelancer* berdaftar dan mencarum dengan PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] supaya mereka dilindungi pada bencana pekerjaan sendiri.

PERKESO telah melaksanakan pelbagai usaha seperti libat urus bersama dengan persatuan yang berkaitan. Sebagai contoh, sesi libat urus telah diadakan dengan FINAS dan persatuan penggiat seni, Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penggiat seni mendaftar dan mencarum di bawah [Akta 789].

Pada 2 Ogos 2022, baru-baru ini minggu lepas, perjumpaan di antara Ketua Eksekutif PERKESO dan Ketua Eksekutif FINAS telah diadakan bagi menjalin hubungan kerjasama dan kolaborasi strategik bagi menggalakkan pendaftaran dan bayaran caruman penggiat seni.

Antara cadangan adalah menjadikan caruman SPS sebagai satu prasyarat sebelum lesen pengeluaran filem dikeluarkan. Selain daripada itu, PERKESO juga



mempunyai perkongsian strategik dengan lain-lain persatuan yang berkaitan dengan penggiat seni melalui *memorandum of understanding* (MOU) untuk menggalakkan pendaftaran dan caruman di bawah SPS ini. Faedah-faedah yang disediakan di bawah [Akta 789] adalah seperti berikut iaitu beberapa faedah seperti: faedah perubatan; faedah hilang upaya sementara; faedah hilang upaya kekal; elaun layanan sentiasa; faedah orang tanggungan; dan faedah pengurusan mayat.

PERKESO juga- apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Kesavadas tadi berkenaan dengan penerbit filem. Jadi PERKESO mengambil maklum dengan cadangan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diperhalusi kerana melibatkan kesan perundangan kepada penerbit filem di bawah bidang kuasa kementerian yang lain.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan mengenai cadangan pindaan siling gaji setiap dua tahun seperti mana perintah gaji minimum. Cadangan ini perlu diperhalusi bersama dengan semua pemegang taruh bagi memastikan ia tidak membebankan mana-mana pihak khususnya pihak majikan.

Majlis Perundingan Gaji Negara memang telah menetapkan setiap dua tahun sekali akan disemak semula gaji-gaji yang ada pada ketika ini. Itu memang daripada segi peruntukan yang ada pada Majlis Perundingan Gaji Negara.

Kajian aktuari juga perlu dilaksanakan oleh PERKESO bagi memastikan kenaikan gaji setiap dua tahun adalah wajar. Kementerian Sumber Manusia sentiasa giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan, agensi pusat dan lain-lain meningkatkan jumlah caruman dalam kalangan orang yang bekerja sendiri.

#### ■ 1840

Statistik tuntutan yang ditolak disebabkan COVID-19 oleh PERKESO dan alasan ditolak. Setakat bulan Jun 2022, seramai 726,626 orang penerima faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] seperti faedah hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, faedah pengurusan mayat, faedah perubatan, pencen ilat, pencen penakat dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, pencarum yang telah dibayar disebabkan jangkitan COVID-19 adalah sebanyak RM227.22 juta yang melibatkan seramai 279,111 orang penerima faedah setakat 16 Julai 2022. Ini statistik yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Antara faedah yang telah dibayar dalam kesemua jumlah ini merupakan faedah hilang upaya sementara- dia boleh baik balik. Faedah hilang upaya kekal- yang ini kekal, diberi satu *recognition* ataupun *authorization* oleh *medical board*, bawahnya *you* hilang

upaya kekal, kita akan bayar. Pencen ilat- itu selalunya pencen ilat ini diberi kepada pewarisnya apabila pencarum itu meninggal dunia disebabkan kemalangan di tempat kerja. Pencen penakat dan faedah pengurusan mayat.

Pada setakat 31 Julai 2022, PERKESO telah menerima permohonan tuntutan berkaitan COVID-19 seramai 292,095 orang mengikut Akta 4, dan Akta 789 yang melibatkan pekerja tempatan dan juga pekerja asing. Sebanyak 28,310 permohonan tuntutan berkaitan COVID-19 telah ditolak, yang ditolak. Tadi yang telah dibayar, diterima permohonan. Sebanyak 245,653 kes telah selesai dengan jumlah bayar faedah sebanyak RM240.84 juta. Jumlah tuntutan ini merangkumi faedah hilang upaya sementara, faedah orang tanggungan, faedah pengurusan mayat, ilat dan penakat. Maknanya pencenlah itu.

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan juga membangkitkan berdasarkan statistik PERKESO sehingga Jun 2022, berkenaan dengan tunggakan caruman yang dikutip, nyatakan jumlah tunggakan caruman yang dikutip. Setakat sekarang, tunggakan yang masih lagi belum dikutip daripada majikan adalah sebanyak RM96.78 juta. *You make it round figure is RM100 million*, dengan izin. Oh, orang lain pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Sila, sila.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Saya tidak tengok tadi. Minta maaf.

**Datuk Razali bin Idris:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan juga membangkitkan berkenaan dengan nyatakan strategi PERKESO jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk menggalakkan pekerja yang bekerja sendiri mencarum secara berterusan dengan PERKESO. Antara strategi yang jangka masa pendek termasuk penerusan inisiatif padanan caruman bagi mengurangkan beban caruman pekerja sendiri.

Selain itu, kita juga akan melantik wakil-wakil daripada jabatan agensi kesatuan sebagai ejen keselamatan sosial pekerjaan sendiri bagi maksud pungutan dan penerimaan caruman serta memudahkan cara tuntutan faedah. Kita juga akan mempergiatkan aktiviti promosi merentasi pelbagai platform bagi meningkatkan kesedaran orang bekerja sendiri terhadap pentingnya perlindungan sosial kepada mereka. Bagi jangka sederhana pula, kementerian melihat pentingnya untuk memandatorikan caruman SKSPS kepada semua sektor perkhidmatan pekerjaan sendiri.

Berhubung statistik pemberhentian pekerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, berdasarkan statistik dari tempoh 1 Januari sehingga 5 Ogos 2022, sebanyak 21,317 permohonan kehilangan pekerjaan telah diterima di bawah faedah Sistem Insurans Pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,277 orang ataupun 34.1 peratus pekerja kembali bekerja. Kembali bekerja ya.

Perkhidmatan pekerjaan ini akan diteruskan kepada baki kes yang masih belum kembali bekerja termasuk kaunseling kerjaya agar golongan ini kembali bekerja semula. Namun, Kementerian Sumber Manusia turut membantu graduan yang menganggur serta golongan-golongan pencari kerja lain yang menentukan bantuan penempatan pekerjaan di mana sehingga 5 Ogos 2022, seramai 120,237 orang telah dibantu untuk mendapat pekerjaan yang baharu.

Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi membangkitkan. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kementerian melalui PERKESO akan menaikkan siling gaji bagi maksud caruman melebihi RM5,000 pada masa yang akan datang berdasarkan kajian aktuari yang akan dilaksanakan bersama ILO ataupun *International Labour Organization*. *Insya-Allah we still make revision from time to time*, dengan izin. *We'll review back the current benefit given to the pencarum. Insya-Allah.*

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, boleh Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh Yang Berhormat?

**Datuk Razali bin Idris:** Silakan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Ini saya hendak *back track* sikitlah Yang Berhormat kalau boleh dengan izin ya. Mengenai FINAS. FINAS ini saya hendak memohonlah ya selaku Pengerusi FINAS juga memakai dua 'topi' di sini Yang Berhormat.

Saya ingin memohon jika bolehlah kementerian dengan Datuk Timbalan Menteri dan Datuk Seri Menteri Sumber Manusia merencanakan satu formula yang terbaik untuk penggiat seni dan industri kreatif ini memandangkan industri kreatif ini sedang mengalami cabaran yang besar terutama selepas COVID-19.

Jadi, kalau kita hendak *expect*, dengan izin, mereka untuk membayar caruman seperti yang biasa, memang tidak berkemampuan. Akan tetapi jika ada formula yang direncanakan yang boleh membantu mereka, *insya-Allah* Yang Berhormat saya rasa penggiat seni ini akan membayar caruman bulanan itu. Kalau bolehlah ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Sila.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah. Saya rasa ini satu pandangan yang sangat baik dan bila Datuk Seri Hajah Zurainah ini menjadi Pengerusi FINAS sendiri, saya ingat boleh buat *appointment* untuk kita buat libat urus, buat kita bincang yang terbaik dengan Kementerian Sumber Manusia dengan melalui PERKESO, agensi kita untuk kita tengok beri *protection to the all the* penggiat seni ini... [*Dewan tepuk*]

Saya terus kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah kalau tidak ada layanan, *please back to me, come back to me*. Saya akan cuba tolong mempercepatkan untuk buat *engagement* dengan PERKESO supaya berlaku perbincangan. Okey baik.

Untuk makluman, sekarang ini Datuk Seri Hajah Zurainah, tolong maklum kepada semua penggiat seni untuk tahun ini kalau mencarum, kalau mereka tidak ada majikan ataupun dipanggil orang bekerja sendiri, *80 percent* ditanggung oleh kerajaan. Mereka hanya membayar *20 percent*. Jadi, *20 percent* itu minta Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bincang dengan Wakil-wakil Rakyat kawasan tertentu untuk *cover 20 percent* itu bagi pihak artis ini, bagi *depa* dapat *free*-lah.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Alhamdulillah*, terima kasih. Terima kasih kalau 80 peratus, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ambil kesempatan ini. Jadi, 20 peratus pun jangan bagi artis bayar. Cari Wakil-wakil Rakyat, tolong bayar, tidak banyak mana pun. Okey baik.

Saya hendak respons balik kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba. Setakat Jun 2022, seramai 2,500 orang berinsurans sedang menerima faedah perubatan dan seramai 31,863 orang berinsurans sedang menerima faedah tunai hilang upaya kekal, OKU lah. Tadi dibangkitkan tanya berkenaan dengan OKU.

Jadi, pecahan penerima mengikut status kesihatan orang bekerja (OB) ini, orang berinsurans ini, sekiranya OKU atau tidak akan diberi secara bertulis. Pada masa yang sama, OKU menerusi program perkhidmatan pekerjaan PERKESO adalah sebanyak 1,090 orang di bawah Program *Return to Work*.

#### ■1850

Sebanyak 48,354 orang pekerja telah mendapatkan pekerjaan daripada Januari 2007 sehingga 5 Ogos 2022. Bagi tahun 2022, iaitu Januari 2022 sehingga 5 Ogos 2022 sebanyak 6,980 orang pekerja sudah mendapat pekerjaan di bawah program RTW. Manakala, bagi tahun 2021 sebanyak 7,163 orang sudah mendapat pekerjaan di bawah program RTW.

Seterusnya, berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga Julai 2022 sebanyak 77 terbitan kempen yang telah dilaksanakan oleh PERKESO di media

cetak dan media sosial berkaitan pencegahan kemalangan pekerjaan bagi meningkatkan kesedaran dan pekerja untuk mengamalkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan.

Kebetulan juga di bawah Kementerian Sumber Manusia ini ada Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Jadi, kita *merge* yang ini dengan kedua-dua, saya yang menjadi pengerusi. *Insyallah*, kita sedang mempertingkatkan supaya *we are reducing the* kemalangan yang berlaku di tempat kerja ini, *insyallah*.

Kita telah meletakkan *target* berapa *percent* akan turun daripada kemalangan tempat kerja. Jadi, kita menjimatkan ekonomi negara dan wang negara untuk membayar tuntutan-tuntutan hasil daripada kemalangan ini.

Jadi, dalam keadaan ini- selain daripada itu, pada 30 Jun 2022, sebanyak 939 sesi advokasi telah dilaksanakan bersama pihak majikan dan pekerja. Kempen dan advokasi yang dijalankan turut dihebahkan menerusi pelbagai platform media cetak dan media sosial. Selain daripada itu, kempen keselamatan dan kesihatan yang saya sebutkan tadi. Jadi, dalam video-video keselamatan dan kesihatan pekerjaan di laman *YouTube* dan mewujudkan *Facebook* dan *Instagram*, khusus inisiatif *Vision Zero-Commuting Safety Training Network (CSTN)*, *Commuting Safety Support Program (CSSP)*, *Work-related Road Safety (WRRS)*. Kalau Tuan Yang di-Pertua ada, saya teruk kena *tengoq ni* tetapi nasib baiklah. Hendak *tukaq* dalam Bahasa Melayu saya pun tidak faham.

**Datuk Razali bin Idris:** Hendak kena tanya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara strategi yang telah dilaksanakan di peringkat kementerian adalah untuk memperluaskan liputan perlindungan PERKESO secara berfasa kepada pekerja informal, perkhidmatan domestik dan seterusnya suri rumah.

Perluasan ini akan diteruskan kepada semua golongan pekerja termasuk bagi perlindungan *all-aged-care*, dengan izin, dan kajian diteruskan untuk memperkasa sistem perlindungan negara. Antara- tidak banyak sudah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung terus dan kita minta diluluskan.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh rumuskan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Jadi, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ras Adiba saya rasa saya sudah sentuh, *insyallah*. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Sahabat saya yang membangkitkan sesi libat urus yang diadakan bagi meningkatkan kesedaran budaya pencegahan kemalangan pekerjaan di tempat kerja. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya bukan?

**Dato' Haji Ahmad bin Yahaya:** Belum.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Belum lagi. Tidak apa, nanti saya sentuh *last* sekali. Fasal *special case*. Dalam tempoh Januari hingga 22 Julai 2022, PERKESO telah melaksanakan 77 terbitan kempen di media cetak dan media sosial berkaitan perkara ini. Selain itu, sebanyak 939 sesi advokasi telah dilaksanakan bersama pihak majikan dan pekerja yang mana turut dihebahkan menerusi pelbagai platform media cetak dan media sosial.

Selain daripada itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan 175,317 aktiviti penguatkuasaan dan 5,359 aktiviti promosi melalui media cetak dan sosial mengenai keselamatan dan pekerjaan mulai Januari sehingga Jun 2022.

Bengkel atau taklimat juga dilaksanakan di mana majikan juga wajib memberi latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja selaras dengan keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 iaitu Akta 514 yang dikuatkuasakan oleh JKKP ataupun Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Berhubung isu pendaftaran dan caruman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, sehingga 7 Ogos 2022 jumlah tunggakan dan kekurangan caruman oleh majikan seluruh Malaysia adalah sebanyak RM113 juta. Manakala, faedah caruman lewat bayar yang telah diterima oleh PERKESO adalah sebanyak RM9.4 juta. Jumlah aduan yang diterima sehingga 22 Julai 2022 iaitu sebanyak 1,151. Ini angka statistik yang *official*.

Daripada jumlah tersebut, 870 aduan adalah berkaitan dengan caruman dalam PERKESO. Berhubung dengan isu-isu hal lain, kita tengok setakat Julai 2022 bilangan penguatkuasa PERKESO seramai 252 orang pegawai pemeriksa. Jumlah ini masih rendah berbanding dengan 537,763 orang majikan. Nampak *dak* dia punya *ratio* iaitu 252 orang pegawai dengan majikan ada 537,763 orang.

Berhubung dengan kes penyelewengan yang berlaku dan tuntutan palsu membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan di bawah PenjanaKerjaya, PERKESO mempunyai prosedur operasi standard, antaranya:

- (i) semakan dan tapisan ketat ke atas dokumen;
- (ii) pengesanan pembayaran caruman majikan secara automatik;
- (iii) panggilan rawak; dan
- (iv) lawatan mengejut.

Sekiranya semakan mendapati terdapat keraguan atas permohonan ini, PERKESO akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) siasatan terperinci akan dibuat;
- (ii) permohonan dirujuk kepada bahagian *anti-fraud* PERKESO bagi semakan selanjutnya;

- (iii) kita juga akan terus kepada SPRM supaya tindakan tuntutan palsu yang telah dibuat akan diambil tindakan; dan
- (iv) pembayaran akan dihentikan sekiranya terdapat keraguan.

Berhubung komitmen majikan dalam membantu golongan yang mencari pekerjaan walaupun terdapat isu penyelewengan dan tuntutan palsu sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, majikan yang terbabit hanya merupakan sebahagian kecil iaitu sebanyak 0.014 peratus daripada 45,379 jumlah keseluruhan majikan yang telah melaksanakan pengambilan kerja dan membuat permohonan insentif ini.

Sekiranya terdapat pekerja yang telah berhenti bekerja atau diberhentikan dan memerlukan bantuan penempatan pekerjaan akan terus dibantu menerusi portal dan perkhidmatan di bawah MYFutureJobs. Kalau Tuan Yang di-Pertua, dia kata 'kerja masa depan'. Portal yang ada di situ untuk mencari kerja- hendak *post* apa jawatan, apa yang ada dalam pasaran dalam negara kita dan faedah-faedah di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir. Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya berkenaan dengan majikan yang tidak aktif. Pendaftaran majikan dengan PERKESO memerlukan sekurang-kurangnya menggaji seorang pekerja yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969 atau Akta 4.

Majikan tidak aktif bermakna majikan yang tidak membayar caruman kerana status *dormant*. Bermaknanya tidak bergerak. *Dormant* itu tidak aktif atas sebab tidak lagi menggaji mana-mana pekerja yang layak didaftar di bawah Akta 4 atau *winding up the company*. Jadi, tidak wujud lagilah selepas itu. Itu yang ia tidak aktif itu.

Jadi, apa tindakan yang diambil supaya para majikan ini untuk kembali mencarum dalam PERKESO. PERKESO sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan golongan pekerja tidak tercicir untuk berdaftar dan mencarum dengan PERKESO.

Antara usaha yang dilaksanakan merupakan menjalankan aktiviti operasi pemutihan dan operasi kesan di mana pegawai pemeriksa akan membuat semakan secara rawak di premis majikan bagi memastikan semua pekerja dilindungi.

Lagi cepat kalau ada aduan yang dibuat oleh mana-mana pihak, termasuk para pekerjanya melalui aduan yang dilaporkan dalam portal *Working for Workers* yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia tanpa kita *reveal* atau mendedahkan nama-nama pengadu itu.

Jadi oleh sebab itu, PERKESO juga membuat semakan silang caruman melalui *data analytic* bersama data-data agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan

KWSP agar tiada pekerja yang keciciran dalam mendapatkan perlindungan keselamatan dan sosial.

Kita harap mana-mana pekerja yang tidak dilindungi oleh majikan kita tidak mendaftar sila buat aduan ke Jabatan Tenaga Manusia ataupun kepada Kementerian Sumber Manusia melalui portal *Working for Workers*.

Antara pendekatan terbaharu adalah wujud skuad PERKESO Prihatin dan Sinergi Sosial yang telah membina rangkaian penyaluran maklumat daripada rakyat dan pemegang taruh berkaitan bagi pengesanan kes-kes bencana pekerjaan, keilatan, kematian atau kehilangan pekerjaan yang layak menerima faedah kes daripada caruman mereka dalam PERKESO. Jadi, PERKESO mengambil tindakan proaktif dan memastikan penerima dapat menerima bantuan yang diperlukan.

#### ■1900

Jadi, saya rasa saya menyentuh sedikit sebanyak tentang berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh tujuh orang pembahas iaitu Yang Berhormat Senator-senator pada petang ini. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator atas pandangan, saranan dan juga teguran, kritikan merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan.

Atas keprihatinan Yang Berhormat Senator sekalian, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan terima kasih juga kepada Timbalan Yang di-Pertua. Sekian, *wabilahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi peluang Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab keseluruhannya *nonstop*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*



*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan I (Dato' Dr. Mah Hang Soon) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN (PINDAAN) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 iaitu Akta 800 yang ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan suatu undang-undang yang menyediakan faedah-faedah seperti yang pertamanya, Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Bekerja Semula Awal, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan, Fi Latihan dan Program Penempatan Pekerjaan Semula. Akta ini terpakai kepada pekerja yang berstatus warganegara dan pemastautin tetap.

Akta ini merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua buah komponen utama iaitu insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan. Insurans pekerjaan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah-faedah berbentuk bantuan tunai sementara. Perkhidmatan pekerjaan pula menyediakan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan program latihan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi membantu mereka mendapat pekerjaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, pada masa ini Akta 800 meliputi pekerja tanpa mempunyai had gaji dan tertakluk kepada pekerja yang mempunyai hubungan antara majikan dengan pekerja sahaja. Sepertimana cadangan pindaan Akta 4 yang telah saya bentangkan sebentar tadi dan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, peningkatan siling gaji untuk caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 di bawah Akta 800 adalah selaras dengan pengumuman Bajet 2022. Sehubungan dengan itu, suatu pindaan ke atas Akta 800 perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan ini seterusnya dapat menambah baik perlindungan keselamatan sosial PERKESO dengan meningkatkan faedah-faedah seperti Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Bekerja Semula Awal dan lain-lain yang

berkaitan. Bagi menjelaskan lagi perkara ini, saya memberikan contoh. Pada masa ini, seseorang pekerja yang bergaji melebihi RM4,000 dan layak menerima Elaun Mencari Pekerjaan selama enam bulan. Pengiraan bayaran Elaun Mencari Pekerjaan bagi pekerja tersebut mengikut siling gaji sedia ada berjumlah RM10,665. Dengan pindaan baharu siling gaji kepada RM5,000 ini, pekerja akan menerima sejumlah RM13,365.

Dalam hal ini, terdapat peningkatan sebanyak 25.3 peratus bagi siling gaji baharu berbanding dengan siling gaji sedia ada. Dalam proses menggubal pindaan ini, terdapat beberapa sesi libat urus telah dijalankan bersama Kementerian Kewangan dan pihak-pihak berkepentingan. Saya harap semua boleh menyokong sebab ini kita tambahkan lagi *corporate social responsibility* (CSR). Makna dapat duit, bukan hendak kurang. Kalau hendak kurang, boleh kita tak sokong. Ini nak bagi tambah lagi duit dengan pencarum tidak ada penambahan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini melibatkan pindaan kepada subseksyen 16(2) Jadual Kedua dan Jadual Ketiga. Peruntukan-peruntukan sedia ada Akta 800 yang dipinda melibatkan fasal-fasal yang berikut.

Subseksyen 16(2), had siling gaji. Subseksyen 16(2) dipinda bagi menaikkan had maksimum dengan izin, *insurability* ataupun kebolehinsuransan. Macam bahasa Jepun pula ini, jadi *san san* di belakang. *Insurability* dialih, dengan izin, ke Bahasa Malaysia iaitu kebolehinsuransan amaun gaji pekerja di bawah Akta 800 ini daripada RM4,000 kepada RM5,000 tuntutan.

Jadual Kedua, perenggan 2, kadar caruman jenis pertama dan kedua. Jadual ini menyatakan kadar caruman bagi majikan dan pekerja yang dihitung berdasarkan gaji bulanan. Peningkatan siling gaji bulanan sehingga maksimum RM5,000 melibatkan pindaan Jadual Kedua, perenggan 2. Jadual ini menyatakan kadar faedah yang merangkumi kadar bagi Elaun Mencari Pekerjaan, kadar bagi Elaun Bekerja Semula Awal, kadar bagi Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan dan Fi Latihan. Kita ketika melatih pun dibayar elaun, dibayar fi. Peruntukan-peruntukan baharu melibatkan 10 butiran baharu dalam Jadual Kedua, perenggan 2.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Sistem Insurans Pekerja merupakan satu elemen penting dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal dinamik, efisien dan responsif kepada perubahan persekitaran. Bagi golongan pekerja, Sistem Insurans Pekerja memberi perlindungan dan jaminan pendapatan berterusan. Bantuan berterusan untuk pencarian dan juga penempatan pekerjaan.

#### ■1910

Bagi orang berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan, Sistem Insurans Pekerja dapat mengurangkan kesusahan dan kemiskinan mereka, dengan izin *ensure there is food on the table*. Kita akan pastikan dengan izin, makanan mereka ada

di rumah. Ia tidak tukar ke dalam bahasa Malaysia, saya baiklah hari ini. Kalau tidak, teruk saya kena belasah.

Untuk menyara diri dan keluarga sementara mendapat pekerjaan baharu, mereka juga akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan semula dan sesuai khususnya melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula yang diberikan oleh PERKESO. Dengan jaminan penempatan semasa mencari pekerjaan baharu, Sistem Insurans Pekerjaan dapat mengurangkan tekanan dan masalah sosial serta mengelakkan masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik kekeluargaan dalam rumah tangga. Kerajaan berharap supaya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022 ini dapat memberi nilai impak yang disasarkan iaitu menjamin kesejahteraan sosial penerima faedah dan manfaat sedia ada serta baharu.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Razali bin Idris:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai enam orang pembahas.

Yang Berhormat, bersedia untuk berbahas? Saya membenarkan tempoh masa lima minit seorang untuk berbahas. Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

#### **7.12 mlm.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Jun lalu, saya difahamkan bahawa pertubuhan PERKESO telah menjalankan pemeriksaan di premis-premis perniagaan di sekitar Seremban Jaya, Negeri Sembilan. Secara peribadi, saya berpendapat bahawa pelaksanaan Ops Kesan dapat meningkatkan lagi kesedaran majikan terhadap keperluan menyediakan caruman insurans pekerja seperti yang digariskan dalam Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Sebelum PERKESO mengenakan apa-apa jua tindakan undang-undang terhadap majikan yang gagal mengikut pematuhan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017, pekerjaan serta akta-akta lain, kementerian seharusnya melakukan penelitian semula terhadap aspek-aspek yang boleh diberi kelonggaran bersyarat kepada mereka. Kelonggaran bersyarat bolehlah saya maksudkan sebagai kemudahan sementara yang diberikan kepada majikan yang mungkin berdepan masalah-masalah tertentu.

Biarpun kita berada dalam fasa peralihan ke endemik, struktur ekonomi negara kita masih lagi belum stabil sepenuhnya. Senario ekonomi hari ini sudah pasti mendatangkan pelbagai cabaran luar jangka pada sektor PKS di seluruh negara terutama cabaran yang melibatkan *survival* kewangan. Contoh yang realistik merupakan pengusaha kedai runcit dan kedai makan. Sektor ekonomi kecil sebegini tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk menggajikan pembantu secara tetap yang boleh bekerja setiap hari.

Lagipun, perniagaan mereka hanya bergantung kepada kedatangan pelanggan yang tidak menentu. Boleh jadi, dalam sehari tiada langsung orang datang makan atau membeli barang di toko mereka. Boleh saya katakan bahawa kebanyakan pengusaha kedai makan dan kedai runcit terutama di kawasan pekan dan kampung hanya, “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Oleh yang demikian, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mempertimbangkan dengan serius agar seksyen 16 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ini dapat dipinda kelak. Pindaan tersebut penting untuk memperincikan dengan jelas perkara berikut:

- (i) segmen atau jenis pekerja yang boleh diberikan pengecualian bersyarat daripada dikenakan kewajipan untuk diinsuranskan oleh majikan;
- (ii) had jam bekerja yang boleh dimansuhkan dalam pengecualian caruman Sistem Insurans Pekerjaan; dan
- (iii) penganan hukuman denda berbayar kepada majikan yang didapati menggajikan pekerja asing dan tanpa izin bagi maksud untuk tidak diinsuranskan oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, caruman majikan yang boleh dimanfaatkan sebagai perlindungan hari hujan buat penggiat gig ekonomi terutama penghantar makanan, wajar diberikan perhatian serius oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO. Mengikut laporan yang pernah didedahkan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, kemalangan jalan raya yang melibatkan penghantar makanan *p-hailing* sudah mencecah angka 347 kes dari Januari 2020 hingga Julai tahun lalu.

Memandangkan ia melibatkan penyediaan perlindungan keselamatan insurans, saya merasakan bahawa pematuhan dan caruman berinsurans oleh majikan boleh dilaksanakan menerusi penggubalan Akta Sistem Insurans Pekerjaan ini. Saya secara peribadi percaya bahawa pelaksanaan caruman berinsurans oleh majikan dalam sektor gig ekonomi boleh direalisasikan sekiranya Timbalan Menteri prihatin terhadap soal keselamatan serta kebajikan penggiat *e-hailing* dan *p-hailing*.

Kementerian Sumber Manusia tidak perlu pilih bulu dalam mengenakan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan Akta Sistem Insurans Pekerjaan ini. Oleh sebab itu, pihak kementerian seharusnya memperhalusi segala aspek yang melibatkan kepentingan serta kebajikan penggiat sektor gig ekonomi. Hal tersebut penting bagi memastikan pelaksanaan caruman insurans oleh majikan gig ekonomi yang kita hasratkan ini benar-benar mendatangkan manfaat kepada perlindungan keselamatan mereka.

Sampai bila penggiat sektor gig ekonomi mahu diletakkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 jika ketiadaan unsur *master-servant*, dengan izin, dalam sektor gig ekonomi dijadikan alasan oleh kementerian untuk tidak melaksanakan caruman oleh majikan. Maka, bolehlah saya katakan bahawa kerajaan Keluarga Malaysia hari ini tidak berapa serius dalam mewujudkan kesaksamaan serta keadilan bagi pematuhan caruman majikan yang hanya dikenakan pada sektor-sektor kerja formal yang lain.

Apakah transaksi pembayaran upah yang dibuat sejurus selepas seorang penumpang tiba di destinasi? Tidak cukup untuk membuktikan peranan pemandu sebagai pekerja atau *servant*, dengan izin, yang berkhidmat mengikut aturan perkhidmatan yang dikendalikan oleh syarikat *e-hailing*. Adakah proses aturan tempahan- setengah minit lagi.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Pengendalian, pembayaran serta pengurusan aduan yang dikawal selia oleh syarikat pengendali masih tidak kuat untuk menjelaskan peranan syarikat *p-hailing* sebagai majikan atau *master* kepada penghantar makanan.

Bak kata pepatah Melayu, "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Tuan Yang di-Pertua, dengan penghujahan ini, saya dengan rendah diri memohon sokong RUU ini.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat.

Pembahas kedua, dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

#### **7.18 mlm.**

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022.

Pindaan ini menyentuh peningkatan siling gaji bulanan RM5,000 yang akan mewujudkan caruman yang baharu bagi lingkungan gaji bulanan daripada RM4,000 sehingga RM5,000. Peningkatan ini seterusnya dapat menambah baik perlindungan

keselamatan sosial PERKESO dengan meningkatkan faedah-faedah seperti Elaun Mencari Pekerjaan dan Elaun Bekerja Semula Awal.

Mengambil maklum dengan adanya Sistem Insurans Pekerjaan ini yang bermula sejak bulan Januari 2018 dan bertujuan untuk membuat satu jejaring keselamatan sosial untuk membantu golongan pekerja yang hilang punca pendapatan merupakan satu inisiatif yang amat membantu golongan sasaran, terutamanya apabila berlakunya pandemik COVID-19 yang menyaksikan sebegitu ramai yang kehilangan pekerjaan dan berkurang pendapatan.

#### ■1920

Namun ada beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dengan jaminan pendapatan ketika mencari pekerjaan baharu, Sistem Insurans Pekerjaan dapat mengurangkan tekanan dan masalah sosial serta mengelak masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik keluarga.

Sehingga kini, jumlah penerima manfaat daripada jaminan pendapatan ini dan sejauh mana saraan ini tidak menjadikan golongan mencari kerja ini berlengah dalam mendapatkan pekerjaan baharu. Bagaimanakah kementerian dan PERKESO memastikan seseorang penerima faedah daripada akta ini meneruskan usaha untuk mencari pekerjaan bagi memastikan tempoh pengangguran itu tidak berlangsung dalam tempoh yang lama?

Apa mekanisme yang digunakan bagi memastikan penerima memanfaatkan bantuan yang diberikan dan tidak menyalahgunakan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dalam tempoh berkenaan. Malahan adakah terdapat rungutan atau masalah dalam sistem pembayaran sepanjang Sistem Insurans Pekerjaan ini dikuatkuasakan sejak tahun 2018. Bagaimana dengan peningkatan gaji daripada RM4,000 kepada RM5,000 ini mampu dilaksanakan secara teratur? Ini semestinya melibatkan lebih ramai penerima dan kita tidak mahu sistem yang dibangunkan memberikan kesusahan kepada penerima kelak. Mohon penjelasan sewajarnya.

Malahan dalam keadaan ekonomi global yang masih lagi tidak menentu dan tentunya memberi kesan kepada inflasi dan peluang pekerjaan pada ketika ini, sejauh mana kementerian akan mempertimbangkan agar elaun pekerjaan pencarian pekerjaan ini dilanjutkan? Misalnya sehingga kesembilan bulan atau maksimum selama 12 bulan.

Bahkan jika individu yang tengah mencari pekerjaan menyertai program latihan yang menawarkan elaun, namun kadar elaun yang tidak berpadanan, adakah kementerian bersedia memberi elaun tambahan atau secara automatik bantuan Sistem Insurans Pekerjaan ini akan diberhentikan? Kita ambil maklum ada pekerjaan yang menawarkan elaun latihan, namun ia hanyalah berkadar, contohnya RM200-RM300. Ia sudah tentu tidak mencukupi namun dalam kadar jangka masa panjang, ia membantu individu yang memerlukan pekerjaan.

Sehingga kini, berapakah jumlah pekerjaan yang berjaya dibantu dengan program penempatan pekerjaan semula? Sektor apa yang paling tinggi untuk diisi oleh program penempatan pekerjaan semula sehingga kini. Bagaimana PERKESO menyelesaikan masalah ketidaksepadanan pekerjaan dengan latar belakang pendidikan ataupun, dengan izin, *mismatch* dan pengalaman individu dalam program ini?

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada laman web EIS PERKESO sendiri, sejumlah 290,310 kekosongan jawatan aktif pada Julai 2022. Bagaimanakah padanan kerja dibuat secara menyeluruh dan data-data pemohon yang layak ini dipadankan dengan jawatan aktif? Jumlah jawatan yang aktif banyak namun bagaimana kementerian dan PERKESO membantu memudah cara bagi memastikan kekosongan dapat diisi dalam tempoh masa tertentu.

Saya juga mohon penjelasan, bagaimana Sistem Insurans Pekerjaan ini boleh membantu untuk disebar luaskan kepada pekerja-pekerja yang berada dalam sektor pekerjaan yang tidak formal seperti kerja-kerja yang dibuat secara *part-time* atau separuh masa dan pendapatan yang tidak menentu dalam tempoh transisi. Seperti contoh dalam tempoh tiga ke-enam bulan selepas ditamatkan perkhidmatan, individu menggunakan *platform e-hailing*. Justeru, adakah bantuan akan disalurkan juga atau dikira sudah bekerja meskipun pekerjaan berkenaan tidak berpadanan dan tidak formal? Mohon penjelasan.

Akhir kata saya berharap dengan adanya peruntukan baharu dalam RUU ini, peningkatan padanan pekerjaan dapat diperluas dan berjaya di dalam tempoh yang dinyatakan. Setiap yang ditawarkan oleh kementerian yang membantu golongan mencari kerja disambut baik dan diharapkan dapat dimanfaatkan sewajarnya selari dengan peruntukan yang telah diberikan. Sekian, saya mohon menyokong.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, dipersilakan.

#### 7.24 mlm.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petang ini kita berbincang tentang Sistem Insurans Pekerjaan. Kita tahu bahawa ini merupakan satu langkah yang baik untuk memastikan bahawa sekiranya pekerja kehilangan pekerjaan dan sebagainya, ada jaminan sekurang-kurangnya boleh menyambung pendapatan yang sedia ada supaya sehingga dia dapat pekerjaan yang baharu.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejak dilancarkan pada tahun 2018, sebanyak RM70 juta telah disediakan oleh kerajaan sebagai modal awal. Jadi saya ingin bertanya, sejauh manakah wang itu dibelanjakan? Adakah ia mencukupi untuk kita meneruskan skim ini kerana banyak skim yang dibantu oleh

kerajaan selepas dua tiga tahun, habis sudah modal. Tidak ada pendapatan lain untuk menampung wang tersebut dan skim itu akan terbengkalai dengan sendirinya apabila sampai masa, sudah tidak ada bantuan daripada kerajaan.

Saya harap wang itu masih ada untuk meneruskan skim ini. Pada awalnya, ia dijangka untuk merangkumi sebanyak kira-kira 400 ribu lebih majikan, dan 6 juta lebih pekerja. Saya tidak pasti kalau Yang Berhormat Menteri boleh menceritakan kepada Dewan ini, sejauh mana angka tersebut dicapai berdasarkan sasaran awal. Berapa ramaikah setakat ini yang telah menerima faedah daripada skim ini kerana kita tahu bahawa sejak COVID-19 menyerang negara kita, ramai yang hilang pekerjaan. Pasti ramai yang akan terkesan daripada kehilangan pekerjaan dan kehilangan pendapatan. Jadi, berapa ramaikah yang telah menerima faedah daripada sistem ini?

Daripada angka tadi, lebih kurang 6 juta orang pekerja, kita ingin tahu berapa ramaikah yang telah menyertai dan daripada 430 ribu orang majikan tersebut, berapa ramaikah yang telah menyertai? Kita juga ingin bertanya, adakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa sasaran bilangan majikan dan juga pekerja itu dapat dicapai. Adakah inisiatif yang diambil untuk menggalak ataupun dalam perkataan yang lebih kasar, memaksa pihak-pihak yang sepatutnya mencarum, melakukan caruman mengikut yang diperlukan?

Saya menjangkakan ini merupakan soal yang baik oleh pihak kerajaan dengan meningkatkan faedah yang diberikan kepada pekerja. Cuma saya ingin sarankan supaya tolong pastikan bahawa setiap sektor yang sepatutnya mendapat faedah diberi penekanan supaya majikan dan juga pekerja mencarum dan mereka mendapat faedah apabila sampai masanya. Itu sahaja yang saya boleh bahaskan hari ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Dipersilakan.

**7.28 mlm.**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** *Assalammualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan ini.

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 digubal bertujuan mewujudkan dana Insurans Pekerjaan dengan caruman dikumpulkan daripada majikan dan pekerja bagi menyediakan elaun gantikan pendapatan dan insentif kewangan kepada pekerja yang diberhentikan.

Seperti kita sedia maklum, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ini bermula sejak Januari 2018. SIP bertujuan membantu mereka yang kehilangan pekerjaan,



mendapatkan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu. Selain menjadi jaringan keselamatan sosial yang dibiayai melalui caruman daripada pekerja dan majikan manakala dananya akan ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Tuan Yang di-Pertua, PERKESO telah pun menjalankan pelbagai usaha untuk bantu komuniti saya, OKU mendapatkan pekerjaan bagi yang hilang pekerjaan atas pelbagai sebab.

#### ■1930

PERKESO juga sediakan- *alhamdulillah*, perkhidmatan pekerjaan yang memfokuskan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan program latihan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi membantu kami mendapat pekerjaan baharu.

Saya ingin bertanya, jumlah OKU pencari kerja berjaya mendapatkan pekerjaan melalui Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs dan Program Penempatan Pekerjaan oleh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) sehingga 31 Julai 2022. Apakah perancangan PERKESO menerusi SIP dalam membantu OKU di masa akan datang?

Selain itu, saya juga pohon kementerian untuk nyatakan jumlah OKU yang telah menerima manfaat melalui kaunseling kerjaya dan program latihan. Adakah terdapat sebarang program khusus untuk OKU penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan mental kerana golongan ini Tuan Yang di-Pertua, selalunya kami didiskriminasikan oleh kebanyakan individu atau syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan juga ada kalanya. Adakah kerajaan berhasrat memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan yang khas buat OKU terutamanya mental, OKU pembelajaran dan OKU penglihatan kerana komuniti OKU ini perlukan sokongan fokus, bukannya bersasar.

Adakah Sistem Insurans Pekerjaan ini inklusif yang turut mengambil kira kesemua tujuh kategori sahabat-sahabat saya dan juga penyakit jarang jumpa? Apakah boleh kita dapat nyatakan langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan SIP ini adalah meraih keterangkuman selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia kita?

Insurans pekerjaan pula adalah sebenarnya usaha untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah berbentuk bantuan tunai sementara. Jadi, berapakah- saya ingin bertanya di sini, jumlah bantuan tunai sementara telah dibelanjakan buat komuniti OKU sejak pelaksanaan SIP? Apa perancangan jangka panjang melalui SIP untuk menangani kadar pengangguran OKU akibat kehilangan pekerjaan dan pohon juga untuk nyatakan jumlah OKU menganggur akibat kehilangan pekerjaan sehingga 31 Julai 2022.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai dasar, polisi mahupun inisiatif tetapi tetap akan ada yang tercicir terutamanya daripada komuniti saya sendiri. Jadi, apa tindakan kementerian untuk membantu kita

sama-sama kurangkan keciciran pekerja yang mungkin terkeluar daripada mana-mana dasar kerajaan yang sedia ada.

Akhir sekali, saya ingin ketahui juga apakah inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memperluaskan sistem insurans kepada pekerja ekonomi gig, memandangkan ramai daripada sahabat-sahabat OKU saya terutamanya yang pendengaran juga merupakan pekerja ekonomi gig seperti pemandu *GrabCar*.

Saya di sini ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana adanya pindaan ini maka mereka yang mendapat Elaun Mencari Pekerjaan daripada RM10,665 dinaikkan kepada RM13,365. Elaun Pendapatan Berkurangan sebelum pindaan, cuma RM10,665 dan selepas pindaan, naik kepada RM13,365. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) daripada RM987.50 dinaikkan kepada RM1,237.50.

Ketiga-tiga kenaikan ini selepas pindaan jumlahnya ialah 25.3 peratus dan ini satu perkara yang baik untuk pekerja kita di seluruh negara.

Saya di sini menyokong penuh RUU ini. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Pembahas terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Dipersilakan.

#### **7.34 mlm.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya menyertai perbahasan pindaan terhadap Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan.

Seperti yang kita sudah maklum, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 digubal bertujuan mewujudkan dana insurans pekerjaan dengan caruman dikumpulkan daripada majikan dan pekerja bagi menyediakan elaun gantian pendapatan dan insentif kewangan kepada pekerja yang diberhentikan.

Syukur *alhamdulillah* kepada kerajaan pada masa itu telah kerana telah meluluskan akta ini pada tahun 2017, memandangkan pada tahun 2019 kita dilanda wabak COVID-19 yang telah menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan. Saya juga bersyukur apabila melihat sendiri di mana dana ini membantu kehidupan yang susah apabila beberapa orang anggota keluarga terdekat yang dapat melangsungkan kehidupan mereka dengan lebih baik apabila menerima manfaat daripada sistem jaringan keselamatan sosial ini.

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Secara amnya, saya sememangnya menyokong RUU ini, namun saya mempunyai beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertamanya dengan pindaan ini, jumlah yang perlu dibayar oleh pihak pencarum dan majikan akan bertambah. Adakah perkara ini wajar dilakukan pada waktu ini memandangkan ekonomi negara baru sahaja bermula untuk pulih?

Kedua, bolehkah pihak kementerian memberikan status baki kewangan yang terdapat dalam skim insurans ini memandangkan pengeluaran yang besar telah berlaku sewaktu wabak COVID-19? Berapakah kemasukan dana tambahan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan apakah skim insurans ini stabil dan mampan untuk kegunaan pencarum lain? Sudah kah pihak kementerian melakukan analisis, dengan izin, *forecasting* untuk memastikan dana yang sedia ada mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bangkitkan. Sebagai seorang ahli korporat, saya ingin memastikan pihak kementerian telah mempertimbangkan implikasi kewangan bagi skim insurans yang sangat bermanfaat ini. Akhir kata dengan sedikit pantun.

*Segak dan tampan putera berkuda;  
Menjadi idaman puteri jelita.  
Berjimat belanja sewaktu muda;  
Kelak berusia beruntunglah kita.*

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**7.37 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat malam. Kita sudah masuk malam sudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, Skim Insurans Pekerjaan ini- saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022.

Kementerian amat menghargai semua pandangan, saranan, cadangan, mahupun teguran-teguran daripada Yang Berhormat Senator sekalian. Seramai enam Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu berkaitan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022 ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian yang saya hormati, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas sebentar tadi dalam perbahasan yang pertama, dicadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia melakukan semula aspek kelonggaran atau kita- dengan bahasa lain kita *review* balik dia punya *standard operating procedure* yang ada sekarang, yang mana mungkin akan memberi masalah tertentu kepada para majikan.

Jadi, Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan cadangan ini di mana kelonggaran kepada majikan yang menghadapi masalah tertentu sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dikenakan, sebab itu kita ada libat urus. Kita bawa kepada perbincangan dan kita buat semak dan siasat sebelum tindakan-tindakan sepertimana yang ada termaktub dalam akta dibuat.

Jadi, ini sesi bagi kita melihat masalah kedua-dua belah pihak yang mana kita mendapat aduan, majikan juga penting, pekerja juga penting. Ini kerana dalam pembangunan ekonomi negara, dua pihak ini merupakan, dengan izin, *economy cycle* kepada negara. Tanpa pekerja, tidak ada majikan. Tanpa majikan, tidak ada pekerja. Ini yang kita katakan walaupun kita ada Akta 800 untuk kita ambil tindakan.

#### ■1940

Sebelum kita mengambil tindakan, kita akan buat semak siasat. Mungkin para majikan juga menghadapi masalah yang mana kita tidak menjangkakan dan tidak ada persediaan bila kita dilanda dengan satu wabak yang bukan sahaja Malaysia, di seluruh dunia iaitu wabak COVID-19 dan berlaku PKP. Apabila berlaku PKP ataupun MCO, ini akan menutup semua pintu keluar. Maknanya, produk tidak boleh keluar, pekerja tidak boleh datang, majikan tidak dapat mengeluarkan produktiviti mereka. Jadi, tidak boleh eksport. Maka, akan memberi kesan kepada majikan dan pekerja itu sendiri dan juga *revenue for the* negara kita.

Ini penting sekali. Oleh sebab itu, pendapatan negara ini penting. Jadi, di bawah ini kita pertimbangkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair yang memberi pandangan dan ini memang telah kita ambil tindakan. Tidak terus kita membuat satu tindakan yang agak berdasarkan kepada Akta 800 ini.

Jadi, pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan ini yang mana perlu diperhalusi dan diteliti memandangkan hak masa kerja adalah bergantung pada kebebasan pihak yang berkontrak bagi penggajian di bawah kontrak perkhidmatan, dengan izin, *contract of service* antara majikan dan pekerja. Kita melihat pada dua perkara ini. Walau bagaimanapun, aspek kemampanan dana hendaklah diambil kira apabila mengurangkan apa-apa bayaran caruman.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair juga membangkitkan budi bicara PERKESO mengenai hukuman kepada majikan yang

menggajikan pekerja asing tanpa izin berdasarkan pandemik sekarang mengenai caruman bulanan. Ya, *hat* ini kita terima. Memang ada majikan-majikan yang tidak mampu membayar. Walau bagaimanapun, di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan [Akta 800] adalah hanya terpakai bagi pekerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dilihat dan diteliti di bawah Skim Bencana Kerja Pekerja Asing.

Terus dibangkitkan juga berkenaan dengan pematuhan caruman oleh majikan dalam sektor pekerjaan gig. Jadi, kita melihat kepada- jadi, kerajaan sangat prihatin kepada kedua-dua pihak, majikan dan juga pekerja di mana kementerian prihatin terhadap kepentingan serta kebajikan pekerja gig ini. Pekerja yang terlibat dalam ekonomi gig tidak mempunyai majikan. Mereka tidak mempunyai majikan, mereka bekerja sendiri. Akan tetapi, mereka juga harus dilindungi. Pekerja di bawah ekonomi gig ini merupakan individu yang terlibat untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja di mana mereka dibayar upah dan dikendalikan melalui platform penyedia perkhidmatan atas aplikasi digital.

Kita melihat satu perubahan dalam satu sektor *economy cycle* negara apabila berlaku pandemik COVID-19 ini di mana satu ruang pekerjaan baharu telah muncul iaitu *gig economy*, *GrabFood* dan *GrabCar* yang mana kita tidak ada pilihan. Kita terpaksa menggunakan mereka kerana kita tidak boleh keluar untuk membeli makanan dan sebagainya. Jadi, mereka juga merupakan penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Jadi, kita mengambil contoh. Contohnya, kita tengok *Lalamove*, *Bungkusit* dan sebagainya, *GrabCar* dan *Foodpanda*.

Walaupun bagaimanapun, pekerja ekonomi gig yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri adalah layak mendaftar dan mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 di bawah Akta 789 mulai 1 Januari 2020. Melalui skim ini, mereka layak mendapat perlindungan faedah yang ditawarkan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri jika berlaku kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri termasuk mendapat penyakit.

Walaupun tidak kemalangan tetapi ketika pekerja ini mendapat penyakit dan mereka akan dilindungi. Jadi, kementerian sedang memperincikan perluasan perlindungan insurans pekerjaan kepada pekerja-pekerja gig ini. Akan kita memperbesarkan lagi.

Jadi, Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris membangkitkan berkenaan Sistem Insurans Pekerjaan boleh membantu menyebar luas kepada sektor tidak formal. Salah satu sektor tidak formal ini adalah gig ekonomi tadi lah. Walau bagaimanapun, buat masa ini Akta Sistem Insurans Pekerjaan [Akta 800] tidak melindungi di bawah sektor informal. Tidak melindungi ya.

Walaupun bagaimanapun, pekerja informal adalah layak dilindungi di bawah Akta Keselamatan Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] di mana kementerian mengambil

maklum atas cadangan ini untuk memperluaskan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 kepada sektor informal. Cadangan ini perlu diperhalusi dengan teliti kerana mempunyai implikasi kewangan dan perundangan serta memerlukan libat urus dan kajian bersama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kementerian juga memandang serius dalam menyelesaikan masalah ketidaksepadanan pekerjaan *job matching* ini dengan latar belakang pendidikan dan pengalaman individu dalam program penempatan pekerjaan. Oleh itu, PERKESO telah mengambil beberapa pendekatan. Antaranya, maklumat jurang kemahiran individu menerusi portal MYFutureJobs supaya pencari kerja dapat meningkatkan *skill* atau kemahiran yang diperlukan oleh majikan sebelum membuat permohonan pekerjaan.

Kedua, memberi bimbingan kerjaya dan kaunseling melalui Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan supaya pemilihan kerjaya oleh pencari kerja adalah berasaskan keupayaan dan kelulusan individu tersebut.

Ketiga, memberi pendedahan serta pendidikan awal mengenai pasaran buruh kepada bakal-bakal graduan agar memilih aliran pekerjaan yang berdasarkan permintaan pekerjaan yang sedia ada. Bagi mereka yang kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan, mereka juga layak menjalani latihan TVET ataupun vokasional. Ada latihan TVET yang sesuai dengan mereka, mereka boleh memohon di mana kebetulan sistem pendidikan TVET juga ada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Sejauh mana sasaran menyokong golongan pencari kerja agar tidak berlengah untuk mencari pekerjaan baharu. Salah satu bantuan faedah yang terdapat di bawah Akta 800 ialah Elaun Bekerja Semula Awal yang diberikan kepada pekerja yang hilang pekerjaan tetapi pekerja tersebut berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh penerimaan Elaun Mencari Pekerjaan yang akan dibayar secara pukal sebanyak 25 peratus sebagai elaun bekerja awal. Bagi duit lagi itu. Masa cari kerja pun bagi duit. Bayar lagi dan bila dapat kerja sebulan, dua bulan itu juga diberi bayar sebab mereka bekerja awal, tidak ada lagi modal pusingan untuk mereka berbelanja ketika mereka bekerja.

Jadi, dibangkitkan lagi juga apakah sektor tertinggi yang orang berinsurans berjaya kembali bekerja. Sektor tertinggi di mana orang berinsurans kembali bekerja yang pertamanya sektor pembuatan. Kedua, sektor pengangkutan dan penyimpanan ataupun logistik. Ketiga, sektor perdagangan borong dan runcit. Itu sektor-sektor yang di manipulasi dalam kita memberi ruang-ruang pekerjaan kepada mereka yang sedang mencari kerja akibat daripada kehilangan pekerjaan.

Faedah yang dibayar di bawah Akta 800 bertujuan untuk membantu pekerja yang hilang pekerjaan selain faedah tunai pekerja yang sedang menerima faedah juga dikehendaki menjalani aktiviti pencarian pekerjaan dan boleh memohon menjalani

latihan bagi memastikan mereka mengoptimumkan faedah yang diperolehi. Peningkatan siling caruman di bawah Akta 800 akan memberikan manfaat faedah tunai terhadap Elaun Mencari Kerja apabila berlaku kehilangan pekerjaan sebanyak 25.3 peratus.

Saya ada buat *breakdown* selama enam bulan. Pada ketika gaji RM4,000 walaupun RM8,000 atau RM10 ribu, kah- pada ketika ini, mereka kalau tidak diluluskan hanya kita akan mengambil siling gaji mereka pada ketika RM4,000... [*Menunjukkan senaskhah dokumen*] Jadi, gaji bulan yang pertama mereka akan dapat 80 peratus daripada gaji mereka. RM4,000 yang kita ambil walaupun ada RM15 ribu atau RM20 ribu.

Akan tetapi, kita ambil siling RM4,000 sahaja. Bulan yang keenam terakhir kita membayar kepada mereka 30 peratus, iaitu kalau RM4,000 sebanyak RM1,186. Itu yang jadi enam bulan sebanyak RM10,065. Akan tetapi, apabila berlaku kelulusan akta ini, mereka mencari kerja dibayar selama enam bulan itu sebanyak RM13,365. Bulan yang pertama sebanyak 80 peratus dibayar kepada RM5,000. Mereka akan mendapat RM3,960 hampir RM4,000 juga. Besar.

Selepas itu bulan yang terakhir iaitu bulan yang keenam, mereka mendapat imbuhan bila mencari kerja sebanyak 30 peratus iaitu RM1,485. Itu yang menjadi 25.3 peratus apabila akta ini diluluskan. Satu jumlah yang sangat besar kita membantu mereka yang mencari kerja selama enam bulan.

#### ■ 1950

Seterusnya, setinggi mana sektor tertinggi yang manakah orang berinsurans (OB) Sistem Insurans Pekerjaan ini berjaya kembali bekerja? Sektor pembuatan yang saya sebutkan tadi sehingga 22 Julai 2022 mempunyai jumlah penempatan tertinggi iaitu sebanyak 25,516 orang pekerja diberikan penempatan baharu kepada mereka untuk kembali bekerja. Itu untuk soalan- Banyak ini soalan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris ini.

Soalan seterusnya, sejauh manakah Elaun Mencari Pekerjaan ini dilanjutkan kesembilan bulan? Memang kerajaan sudah lanjut dan maksimum 12 bulan. Perluasan faedah di bawah Akta 800 terdapat bawah Bajet 2021 dan Bajet 2022 yang telah melanjutkan Elaun Mencari Pekerjaan kepada sembilan bulan hingga 12 bulan untuk mencari pekerja kesan daripada *post* COVID-19. Setakat 5 Ogos 2022, sejumlah RM102.6 juta telah disalurkan kepada penerima yang layak, RM102 juta, jumlah yang besar.

Seterusnya, kementerian akan memberi bantuan secara automatik apabila pekerja diberhentikan. Adakah yang ini diberikan automatik? Pihak kementerian dan PERKESO bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja bagi memantau pemberhentian pekerja bagi memastikan tiada pekerja yang tertinggal dan

dapat diberikan perlindungan seawal yang mungkin supaya tidak tercicir daripada menerima faedah yang sepatutnya di bawah Akta 800.

Berdasarkan statistik PERKESO, setakat 5 Ogos 2022, PERKESO telah menerima 1,080 aduan yang melibatkan pembayaran daripada 21,317 permohonan yang diterima. Ini disebabkan dibangkitkan tadi, adakah terdapat rungutan atau aduan skim SIP ini semenjak dilaksanakan. Jadi, *alhamdulillah*.

Seterusnya, saya hendak menjawab berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan bagi pembayaran faedah SIP? Berapakah jumlah pencarum SIP dan penerima faedah? Saya ada statistik di sini yang saya buat draf. Jadi, saya hendak baca sini, saya ingat tidak berapa sesuaialah. Mungkin tidak dapat digambarkan. Saya ingat saya akan- Tidak nampak di sini. Ia tidak ada pen poin. Ada? Saya jawab bertulislah, boleh?

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Boleh.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Boleh *nah?* Saya jawab bertulis. Jadi, setakat bulan Jun 2022, kita telah membayar kepada seramai 6.03 juta orang dalam permohonan faedah Sistem Insurans Pekerjaan sendiri. Memang banyak dan keseluruhan jumlah saya sebut *pi lah*. Dari tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022 sehingga 5 Ogos, jumlah yang telah dibayar oleh kerajaan atas tuntutan ini sebanyak RM968.3 juta. Hampir RM1 bilion. Besar jumlahnya.

Akan tetapi, kita *divide* kepada tiga tahun inilah. Tahun 2019, 2020 dan 2021. Jadi, setakat tiga tahun ini sampai bulan Ogos, kita sudah bayar RM968.3 juta, hampir RM1 bilion. Satu jumlah yang besar. Jadi, dibangkitkan juga sektor majikan yang diberikan penekanan bagi perlindungan kepada pekerja mereka di bawah Akta 800 ini. Saya ingat saya sudah sentuh tadi. Soalan yang sama lebih kurang.

Bagaimanakah kita beri kelonggaran kepada majikan-majikan yang kita dapati walaupun akta ini mandatori untuk majikan mendaftar dan mencari pekerja mereka di bawah akta tersebut? Kita memberi penekanan bagi memberi perlindungan kehilangan pekerjaan kepada pekerja mereka bawah Akta 800. Jadi, kerajaan membantu, pekerja pun kerajaan bantu, majikan pun kerajaan bantu ketika menghadapi pandemik COVID-19.

Tidak ada sudah saya rasa dalam dunia ini, kerajaan yang prihatin seperti kerajaan Malaysia ini... [*Tepuk*] Tepuklah sikit, banyak kita jawab itu. Beri duit dekat rakyat ini bantu ini... [*Tepuk*] Saya *duk* buat kerja ini seronoklah sikit.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ya, terima kasih. Jadi, yang seterusnya dibangkitkan juga apakah tindakan yang diambil bagi menggalakkan majikan mendaftarkan perusahaan serta mencarum pekerja di bawah Akta 800? Faedah



kehilangan pekerjaan yang dibayar oleh Sistem Insurans Pekerjaan iaitu SIP PERKESO merupakan hasil kutipan caruman dan tidak memerlukan dana tambahan kerajaan.

Kita tidak perlu lagi tambahan. Maknanya kita ada wang mencukupi untuk kita membiayai tuntutan-tuntutan ini bagi memastikan- sebab seperti yang dibangkitkan tadi, kita menggunakan kaedah pengurusan ekonomi Nabi Yusuf iaitu simpan semasa mewah dan kita belanja tujuh tahun semasa kita menghadapi dan mengalami musibah. Ini kaedah yang kita gunakan dalam kita mengurus.

Kalau siapa baca cerita Nabi Yusuf apabila mengurus ekonomi Mesir, mereka akan tahu ketika mewah, tujuh tahun di- dan apabila mengalami kemarau yang sangat dahsyat hasil daripada stok penimbal inilah dibelanjakan ketika kita menghadapi musibah. *Insyah-Allah*. Kita akan teruskan kaedah ini... [*Tepuk*] Cerita ini ditintakan dalam Al-Quran. Bukan saya ambil daripada mana-mana pihak. Boleh rujuk kepada ustaz-ustaz yang ada di sini.

Meningkatkan kesedaran. Bagi memastikan kelangsungan dana dan pembayaran faedah kehilangan pekerjaan, strategi seperti berikut dilaksanakan iaitu:

- (i) meningkatkan kesedaran ke atas majikan berhubung kewajipan untuk mendaftar dan mencarum pekerja yang digajikan;
- (ii) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan ke atas majikan baharu yang gagal mendaftar dan mencarum seperti yang termaktub oleh Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]; dan
- (iii) mengenakan tindakan penguatkuasaan ke atas majikan sedia ada.

Ada yang gagal mencarum ke atas pekerja mereka. Mereka yang telah kehilangan pekerjaan dibantu dengan segera untuk mendapatkan pekerjaan untuk melaksanakan padanan dan penempatan pencari kerja bagi mengurangkan tempoh pengangguran dan pelaburan PERKESO berpandukan kepada dasar dan garis panduan pelaburan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dengan pulangan yang terbaik.

Jadi, *alhamdulillah* setakat sekarang ini kita masih ada lagi. Jadi, yang terakhirnya saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras- Tuan Yang di-Pertua. Kita ada satu lagi rang undang-undang. Saya ingat saya jawab bertulis sebab saya sudah rasa SIP itu saya sudah *cover* termasuk dengan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah, okey? *Please get back to me if you are facing any problem later on. Okay? Okay.*

Okey, saya ingat nanti saya jawab bertulis kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Okey, baik. Terima kasih.

Jadi, saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia mengucapkan terima kasih kepada...

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Sama-sama.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, cadangan, kritikan dan juga saranan yang mana kita boleh menambahbaikkan lagi prihatin kita kepada rakyat kita termasuk pekerja dan juga majikan supaya kita boleh mengembangkan ekonomi kita pasca COVID-19 ini. Dengan itu, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan I (Dato' Dr. Mah Hang Soon) dan diluluskan]*

■2000

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **8.01 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ini akta baharu. Suri rumah adalah merupakan sebahagian daripada guna tenaga dalam negara yang secara langsung atau tidak langsung membantu menjana ekonomi negara. Seorang suri rumah melakukan kerja-kerja di rumah seperti menjaga anak, memasak dan menguruskan rumah.

Aktiviti-aktiviti ini mendedahkan suri rumah kepada risiko bahaya yang selama ini tidak dilindungi dengan sebarang jenis perlindungan keselamatan sosial melainkan sekiranya suri rumah tersebut mempunyai insurans konvensional. Namun, tidak semua suri rumah mampu berbuat demikian kerana kadar premium insurans konvensional yang tinggi.

Pada masa ini, berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan seramai 4.95 juta atau 68.3 peratus populasi wanita di Malaysia masih di luar tenaga buruh dan tidak mempunyai liputan perlindungan sosial. Oleh itu, rang undang-undang ini dapat memastikan suri rumah turut dilindungi iaitu tiada seorang pun yang tertinggal. *No one left behind... [Tepuk]* Ini untuk kebaikan para suri rumah ataupun wanita di seluruh Malaysia.

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah menyediakan jaringan keselamatan sosial melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah ataupun SKSSR yang akan ditadbir oleh PERKESO. Rang undang-undang ini bertujuan untuk menjaga kebajikan suri rumah akibat apa-apa kejadian semasa menguruskan rumah tangga serta melindungi mereka daripada apa-apa penyakit yang menjejaskan kerja sebagai seorang suri rumah ketika mereka menjalankan kerja-kerja di rumah.

Walaupun mereka bekerja ataupun tidak bekerja juga termasuk dalam skim ini. Rang undang-undang ini mengiktiraf penglibatan suri rumah yang menjadi sebahagian daripada, dengan izin, *care economy* yang terlibat secara langsung dalam pembangunan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tafsiran suri rumah meliputi perempuan sama ada berkahwin ataupun belum dan menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau separuh masa. Ini termasuklah isteri, janda dan balu yang perkahwinannya didaftarkan serta ibu yang mempunyai anak atau ibu tunggal dan tidak terhad kepada seorang isteri sahaja. Jadi, ada peluanglah hendak tambah.

Suri rumah yang layak diliputi ialah warga negara Malaysia dan pemastautin tetap. Liputan ini terpakai kepada suri rumah yang berumur kurang 55 tahun. Rang undang-undang ini tidak terpakai bagi suri rumah yang telah mencapai umur 54 tahun. Nanti tanyalah kenapa jadi begini. Pemakaian rang undang-undang ini adalah secara sukarela.

Suri rumah, suami atau mana-mana orang boleh mendaftarkan suri rumah di bawah rang undang-undang ini. Suami, suri rumah, keluarga atau mana-mana orang boleh membayar caruman bagi pihak suri rumah tersebut. Suami atau suri rumah boleh memberi keizinan kepada majikannya untuk membuat potongan gaji bagi maksud pembayaran caruman.

Sekiranya suami memilih untuk membuat caruman, konsep sekali mencarum terus mencarum atau, dengan izin, *once in always in* akan terpakai kepada suami untuk memastikan perlindungan adalah berterusan. Sekiranya suami tidak berupaya untuk meneruskan caruman, beliau hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada PERKESO dalam tempoh masa 60 hari sebelum tamat tempoh caruman yang sedia ada.

Caruman hendaklah dibayar terlebih dahulu pada kadar RM120 setahun bagi tempoh 12 bulan bagi memastikan mereka memenuhi syarat kelayakan menerima faedah. Sebulan RM10 sahaja. Untuk tidak membebankan suri rumah khususnya golongan suri rumah yang mudah terjejas seperti miskin tegar, seramai 150 ribu orang wanita yang berdaftar di bawah i-Suri akan dicarumkan oleh kerajaan selaras dengan Bajet 2022.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini menyediakan dua jenis faedah iaitu faedah hilang upaya dan faedah keilangan. Faedah hilang upaya ialah:

- (i) faedah perubatan;
- (ii) faedah hilang upaya kekal;
- (iii) elaun layanan sentiasa;
- (iv) pencen penakat; dan
- (v) faedah pengurusan mayat.

Manakala di bawah faedah keilangan ialah:

- (i) elaun keuzuran;
- (ii) elaun layanan sentiasa;
- (iii) pencen penakat; dan
- (iv) faedah pengurusan mayat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini mengandungi 11 bahagian iaitu 97 fasal dan lapan Jadual. Butiran terperinci adalah seperti berikut.

Bahagian I – Permulaan. Bahagian ini mengandungi tiga fasal. Fasal 1 hingga fasal 3 yang memperuntukkan tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa, pemakaian rang undang-undang serta tafsiran perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Antara peruntukan tafsiran utama di bawah rang undang-undang ini adalah seperti berikut. “Caruman” ertinya jumlah wang yang kena dibayar kepada pertubuhan oleh atau bagi pihak suri rumah mengikut akta ini. Tafsiran ini menetapkan pembayaran caruman oleh suri rumah, suami atau mana-mana orang.

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah fasal 52. Tafsiran ini menetapkan penubuhan kumpulan wang yang khusus bagi SKSSR untuk dimasukkan apa-apa wang yang diterima dan mengeluarkan apa-apa wang bagi tujuan pelaksanaan SKSSR.

“Suri rumah” ertinya mana-mana perempuan sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin yang menguruskan rumah tangga atas dasar sepenuh masa atau tidak dan termasuklah seorang isteri, janda atau balu yang perkahwinannya didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau seorang ibu kepada seorang anak atau lebih termasuklah ibu tunggal. Tafsiran ini menetapkan syarat kelayakan seorang perempuan yang boleh mendaftar dan mencarum dengan akta ini.

Bahagian II – Pentadbiran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah. Bahagian ini mempunyai empat fasal iaitu fasal 4 hingga fasal 7 tentang penubuhan SKSSR yang ditadbir oleh PERKESO, punca kuasa Lembaga PERKESO bagi mentadbir SKSSR, pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, kuasa PERKESO memegang harta serta perjalanan kuasa dan fungsi PERKESO oleh Ketua Pengarah dan perwakilan kuasa kepada pegawai yang lain.

Bahagian III – Jawatankuasa. Bahagian ini mempunyai lima fasal. Fasal 8 hingga 12 yang memperuntukkan tentang penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah dan kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa lain bagi membantu pelaksanaan fungsi di bawah rang undang-undang ini.

Bahagian ini juga menggariskan kelayakan dan memperuntukkan pemberhentian keanggotaan jawatankuasa serta pendedahan kepentingan anggota jawatankuasa jika terlibat dalam hal yang dipertimbangkan. Pengerusi jawatankuasa ini hendaklah bukan daripada mana-mana Ahli Majlis Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Selaras dengan prinsip *tripartism*, keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Skim Suri Rumah ini terdiri daripada wakil-wakil kerajaan dan anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang munasabah dalam perkara yang berhubungan dengan kesejahteraan dan pemulihan suri rumah.

#### ■2010

Bahagian IV - Pelaksanaan Pendaftaran dan Caruman, fasal 13 hingga 19. Bahagian ini mempunyai tujuh fasal iaitu fasal 13 hingga 19 yang memperuntukkan tentang pelaksanaan kepada pendaftaran dan caruman suri rumah yang layak dilindungi di bawah rang undang-undang ini.

Bahagian V - Faedah. Bahagian ini mengandungi 26 fasal iaitu fasal 20 hingga 45 tentang faedah yang perlu dibayar dan kelayakan seseorang terhadap faedah itu. SKSSR menyediakan manfaat di bawah faedah hilang upaya kepada suri rumah

berinsurans. Jika mengalami bencana domestik semasa menguruskan rumah tangga seperti berikut:

- (i) faedah perubatan – fasal 23;
- (ii) faedah hilang upaya kekal – fasal 25;
- (iii) faedah elaun layanan sentiasa – fasal 30;
- (iv) pencen penakat – fasal 36; dan
- (v) faedah pengurusan mayat – fasal 29.

Di bawah faedah keilatan, faedah-faedah yang diberi kepada suri rumah berinsurans jika diperakukan menghidapi keilatan adalah seperti berikut:

- (i) elaun keuzuran – fasal 31;
- (ii) elaun layanan sentiasa – fasal 30;
- (iii) pencen penakat – fasal 36; dan
- (iv) faedah pengurusan mayat – fasal 29.

Bahagian VI - Penentuan Semakan Semula dan Rayuan. Bahagian ini mengandungi enam fasal iaitu fasal 46 hingga 51 tentang penentuan persoalan hilang upaya kekal dan keilatan oleh penilai perubatan. Bahagian ini juga memperuntukkan tentang semakan semula dan rayuan kepada penilai perubatan dan Jemaah Doktor Rayuan.

Bahagian VII - Peruntukan Kewangan. Bahagian ini mengandungi 13 fasal iaitu fasal 52 hingga 64 tentang peruntukan kewangan. Antaranya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah, kuasa untuk menerima pemberian atau derma, kuasa labur, audit dan laporan tahunan.

Bahagian VIII - Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah. Bahagian ini mengandungi 10 fasal iaitu fasal 65 sehingga 74 memperuntukkan tentang penubuhan kuasa dan prosiding Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah.

Bahagian IX - Penguatkuasaan dan Penyiasatan. Bahagian ini mengandungi tiga fasal, fasal 75 hingga 77 yang memperuntukkan tentang penguatkuasaan dan penyiasatan. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pemeriksa diberi kuasa di bawah rang undang-undang ini, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Bahagian X - Kesalahan dan Penalti. Bahagian ini mengandungi enam fasal iaitu fasal 78 hingga 83 memperuntukkan tentang kesalahan dan penalti.

Bahagian XI - Am. Bahagian ini mengandungi 14 fasal iaitu fasal 84 hingga 97 yang memperuntukkan tentang peruntukan am.

Jadual Pertama memperuntukkan kategori suri rumah yang dikecualikan daripada pemakaian rang undang-undang. Rang undang-undang ini tidak terpakai bagi suri rumah yang telah mencapai umur 55 tahun atau 54 tahun dan tidak pernah mencarum dalam SKSSR. Ini kerana, tempoh dia *valid* selama 12 bulan. Jadi, kalau

sudah 54 dia tidak cukup. Kalau 54 sebulan dia ada 11 bulan sahaja. Jadi dia tidak boleh mencarum sebab tidak cukup tempoh. Setahun mencarum dia akan dapat tuntutan-tuntutan iaitu 12 bulan.

Jadual Kedua memperuntukkan jumlah bayaran sekali gus yang akan dibayar kepada suri rumah berinsurans mengikut jenis hilang upaya kekal.

Jadual Ketiga menyenaraikan kadar caruman yang perlu dibayar terlebih dahulu pada kadar RM120 setahun bagi tempoh 12 bulan bagi pendapatan bulanan anggapan sebanyak RM600.

Jadual Keempat memperuntukkan kadar pencen penakat sehingga umur 55 tahun iaitu sebanyak RM300 sebulan kepada mereka yang layak.

Jadual Kelima ini memperuntukkan jumlah bantuan kewangan bagi kegagalan ginjal tahap akhir iaitu RM200 sebulan. Tidak apa kalau ada tidak berapa faham yang ini *satgi* tanya. Sekejap lagi saya akan jelaskan.

Jadual Keenam memperuntukkan kadar faedah pengurusan mayat sebanyak RM2,000 sekali bila kematian.

Jadual Ketujuh memperuntukkan kadar elaun layanan sentiasa iaitu RM250 sebulan bagi orang yang menjaga kita itu. Dibagi juga orang yang jaga kita.

Jadual Kelapan memperuntukkan amaun maksimum bagi pemulihan jasmani sebanyak RM50 ribu dalam satu tempoh caruman dan rawatan dialisis. Ini akan dibangkitkan kenapa bagi RM200 sahaja apabila orang ginjal atau dialisis buah pinggang. Nanti saya jawab yang itu. Caruman dan rawatan dialisis RM200 setiap bulan atau menurut Akta Fi 1951 mengikut mana-mana yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati, kerajaan berharap supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 ini dapat memberi nilai impak yang disasarkan iaitu menjamin kesejahteraan sosial suri rumah, keluarganya dan masyarakat sejagat.

Pelaksanaan SKSSR oleh PERKESO melalui rang undang-undang ini merupakan perluasan jaringan keselamatan sosial kepada kumpulan masyarakat yang tidak dilindungi selama ini.

Golongan ini turut sama terdedah kepada pelbagai masalah seperti kemalangan, penyakit, keilatan, masalah rumah tangga atau kenaikan kos sara hidup tanpa sokongan daripada aspek bantuan kewangan dan penjagaan kebajikan. Minta izin minum *ayaq* sedikit. Sini *takdak ayaq*, ada airkan? [*Meneguk sedikit air*]

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Silakan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Sini tidak ada air kan? Jadi golongan ini juga perlu diberi perlindungan sewajarnya kerana mereka merupakan tulang belakang kepada ahli keluarga dan masyarakat dalam meneruskan kehidupan seharian dan menyumbang kepada keharmonian rumah tangga.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi keselamatan sosial bagi suri rumah berinsurans dalam bentuk faedah tertentu bagi peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada seramai 12 orang Yang Berhormat yang telah memberi nama untuk dibahas. Saya membenarkan tempoh lima minit seorang untuk dibahas.

Dijemput pembahas yang pertama Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

### **8.18 mlm.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sebalik kejayaan kita sebagai seorang suami, adanya sebagai seorang isteri yang bergelar suri rumah yang menjadi tunjang penting dalam pengurusan rumah tangga.

Sebagai kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum Ke-14, kerajaan Pakatan Harapan telah menyedari bahawa peranan suri rumah dalam pembangunan bahawa peranan suri rumah dalam pembangunan sosial dan keluarga di negara ini amat penting. Kerajaan Pakatan Harapan masa itu merasakan bahawa golongan isi rumah perlu diberikan tumpuan yang saksama dalam pelaksanaan caruman PERKESO.

Berikutan serangan wabak COVID-19 yang telah menjejaskan pendapatan rakyat termasuklah pendapatan suami yang bekerja. Pelaksanaan skim caruman PERKESO yang digariskan dalam fasal 15 rang undang-undang ini adalah wajar dan bertepatan dengan hasrat rakyat yang bergelar suri rumah.

Namun begitu, pelaksanaan caruman buat suri rumah di bawah rang undang-undang ini perlu dilaksanakan secara efektif yang boleh memberi manfaat jangka panjang kepada pencarum, terutamanya suri rumah yang tinggal berjauhan dengan suami.



Secara prinsipnya, saya menyambut baik pelaksanaan caruman yang digariskan dalam fasal 15(8) dan (9) yang mewajibkan majikan melaksanakan caruman atas permintaan suami atau suri rumah.

■2020

Pertama, apakah bentuk galakan atau dorongan yang akan disediakan secara progresif kepada golongan majikan dalam sektor swasta bagi menggalakkan pelaksanaan caruman bagi maksud subfasal tersebut? Adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan sektor awam sebagai perintis bagi pelaksanaan caruman automatik bagi maksud subfasal itu sebagai galakan terhadap majikan dalam sektor swasta?

Kedua, adakah pematuhan yang digariskan dalam subfasal tersebut turut merangkumi suami atau suri rumah yang menjalani latihan industri ataupun program perantis- *internship*, dengan izin, dalam mana-mana sektor? Dengan kata lain, bolehkah suami ataupun suri rumah yang menjalani latihan industri yang dibayar elaun atau saraan bulanan melakukan caruman bagi maksud subfasal tersebut?

Ketiga, adakah jaminan Kementerian terhadap ketelusan PERKESO dalam memantau serta menguatkuasakan pemantauan yang digariskan subfasal (8) tersebut khususnya terhadap majikan yang berprofil tinggi seperti ahli politik ataupun orang-orang kenamaan.

Secara peribadi, saya merasakan bahawa peruntukan fasal 15(11) sewajarnya diberikan penelitian semula oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Secara logiknya, jika seorang suami pada awalnya melakukan caruman secara rela kepada isterinya yang merupakan suri rumah mengikut fasal 15(1), maka kerelaan itu membuktikan bahawa suami itu mempunyai niat yang baik untuk menyediakan perlindungan PERKESO buat isterinya.

Jadi, sekiranya suami itu didapati tidak melakukan caruman bagi satu-satu tempoh tertentu, adakah adil untuk terus mendakwa suami itu mengikut peruntukan yang disebut dalam fasal 15(11) tersebut? Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin mencadangkan agar peruntukan bagi fasal 15(12) dipinda dengan menyatakan kelonggaran prosedur kepada suami yang kehilangan sumber pendapatan untuk memaklumkan kepada PERKESO berkenaan pemberhentian caruman.

Tuan Yang di-Pertua, "malang tidak berbau". Seperti bekerja dalam sektor kerja formal yang lain, golongan suri rumah yang terdedah dengan risiko kemalangan yang boleh menyebabkan suri rumah itu cedera atau kehilangan upaya. Mengikut tarif yang disebut dalam rang undang-undang, seseorang suri rumah merupakan individu yang berkahwin atau bujang yang mengendalikan pengurusan rumah tangga. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, bagaimanakah satu-satu bencana domestik itu boleh dinyatakan sebagai kemalangan yang boleh diinsuranskan mengikut undang-undang ini?

Saya beri contoh untuk Yang Berhormat Menteri, Johalina merupakan seorang suri rumah yang berkahwin. Beliau berumur 54 tahun 11 bulan 25 hari dan dicarumkan oleh suami mengikut fasal 15(1). Satu hari, beliau memandu kereta berjenama *Volvo* dimiliki suaminya- satu minit ya.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Suaminya ke *Giant* untuk membeli barang keperluan dapur. Selepas ke *Giant*, Johalina perlu menjemput anak bongsu di sekolah rendah yang terletak kira-kira tujuh kilometer dari *Giant*. Ketika memandu ke sekolah anaknya, Johalina menerima satu panggilan telefon yang meminta untuk mengambil segera baju kurungnya yang sudah siap ditempah kerana butik yang diuruskan oleh pemanggil tersebut tutup awal pada hari itu dan akan tutup selama dua bulan bermula hari keesokannya.

Ketika memandu kereta ke butik yang terletak kira-kira empat kilometer dari *Giant*, kereta yang dipandu terbabas dan melanggar pengadang jalan. Setelah dirawat di hospital selama dua hari, pihak hospital mendapati bahawa Johalina mengalami kecederaan serius sehinggakan mukanya mengalami kecacatan teruk.

Berdasarkan contoh tersebut, saya ada empat soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, adakah Johalina layak untuk menerima faedah caruman seperti yang disebut dalam fasal 22 sekiranya tuntutan dibuat dalam tempoh seminggu selepas berlaku kemalangan tersebut?

Kedua, adakah kemalangan yang dialami oleh Johalina dinilai sebagai bencana domestik? Ketiga, adakah laporan perubatan hospital yang merawat Johalina boleh digunakan sebagai bukti lampiran kepada penilaian yang dibuat oleh penilai perubatan yang disebut dalam rang undang-undang ini?

Berdasarkan tatacara penilaian yang diamalkan sebelum ini menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja, berapa lama tempoh yang biasanya diambil untuk penilai atau jemaah doktor rayuan dalam merumuskan satu-satu penilaian? Apa perbezaan kredibiliti atau *credibility advantage*, dengan izin, antara penilai perubatan yang disebut dalam undang-undang ini dengan doktor hospital yang merawat Johalina?

Keempat, selain pengauditan terhadap dokumen serta akaun keadilan PERKESO, apa bentuk pengauditan berkala yang akan dilakukan terhadap PERKESO yang memastikan fungsi PERKESO menurut fasal 18 rang undang-undang ini dijalankan dengan telus, profesional dan efektif? Bagaimanakah kredibiliti PERKESO sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menentukan atau mengklasifikasikan satu-satu tuntutan itu sebagai bencana domestik atau bukan dapat dibuktikan?

Kita tidak mahu undang-undang ini hanya dijadikan sebagai aksesori politik oleh kerajaan semata-mata. Yang Berhormat Menteri sebagai pengemudi kementerian, seharusnya memastikan dengan tegas bahawa segala tuntutan yang dikemukakan oleh

PERKESO menurut undang-undang ini dinilai serta ditentukan dengan teliti dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan. Saya menyokong perwujudan rang undang-undang ini.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu misalan yang betul-betul mirip tugas harian seorang suri rumah.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

### 8.26 mlm.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya. Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah berjaya menggubal Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 dan berjaya membentang dan diluluskan di Dewan Rakyat.

Ini merupakan suatu berita gembira bagi semua wanita yang ditunggu-tunggu, terutama pada para suri rumah sepenuh masa.

RUU ini membolehkan suatu perlindungan insurans dilaksanakan kepada suri rumah untuk menjaga kebajikan, meningkatkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan para suri rumah sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini semasa menjalankan tugas menguruskan rumah atau ditimpa penyakit sehingga menjejaskan tugas sebagai suri rumah. Suri rumah yang mencarum dalam skim ini berhak mendapat faedah hilang upaya seperti faedah perubatan, faedah hilang upaya kekal, elaun layanan sentiasa, pencen penakat dan juga faedah pengurusan mayat.

Ia memberi peluang kepada suri rumah mencarum untuk diri sendiri sebagai jaminan sekiranya mereka mendapat sebarang musibah atau jatuh sakit. Walaupun skim ini adalah secara sukarela dan tidak diwajibkan kepada suami, galakan perlu diberi kepada para suami supaya mencarum untuk isteri sebagai satu tanggungjawab sosial menghargai, mengiktiraf dan sebagai tanda terima kasih atas sumbangan isteri menguruskan rumah tangga dan bagi menjamin keselamatan sosial isteri.

Saya ada beberapa soalan yang ingin dibangkitkan, terutamanya di muka surat 19, Perkara 11 dan Perkara 12. Seorang suami yang tidak membayar caruman berkeñaan dengan suri rumah di bawah subseksyen (1) melakukan satu kesalan. Maksudnya jika dia tidak membayar caruman ini dalam satu tempoh, maka mereka boleh disabitkan kesalahan dan ini menimbulkan ketakutan kepada suami untuk mencarum kepada isteri-isteri mereka, walaupun pada para 12 telah dinyatakan bahawa suami boleh membuat pemakluman kepada pertubuhan bahawa mereka tidak dapat

membayar atas sebab-sebab kehilangan pendapatan dalam tempoh 60 hari kepada pihak pertubuhan.

Jadi, mungkin para 11 dan 12 ini menimbulkan ketakutan kepada para suami untuk mencarum. Jadi, kita minta supaya pihak kementerian memberi penegasan bahawa subfasal ini, Perkara 12 ini boleh diberi pertimbangan sebaiknya.

Kita juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, sekiranya suami ini tidak mampu, adakah pihak ketiga boleh membuat atau menyambung bayaran? Katalah contoh pihak ketiga ini merupakan NGI ataupun NGO dan jika mereka telah membuat komitmen untuk membuat bayaran, adakah sekiranya mereka pada satu masa tidak mampu, mereka juga boleh dikenakan denda?

#### ■2030

Jadi, kita minta penjelasan daripada pihak kementerian. Keduanya saya ingin bertanya berkenaan dengan seksyen 15 dan 35 kadar caruman. Apakah justifikasi ke atas penerimaan jumlah pendapatan bulanan anggapan sebanyak RM600? Adakah pendapatan suri rumah kalau dikira suri rumah ini kerjanya 24 jam, saya rasa mengambil anggapan sebanyak RM600 itu adalah kecil. Jadi, adakah jumlah ini adalah tetap atau para suami ataupun suri rumah boleh memohon bayaran caruman kepada kadar yang lebih tinggi? Mungkin suri rumah tersebut berkemampuan dan dia boleh membayar lebih tinggi. Jadi, saya mohon penjelasan.

Saya juga mohon penjelasan untuk subseksyen 22(3). Suri rumah yang layak menerima bantuan kewangan bagi kegagalan ginjal tahap akhir sebanyak RM200 sehingga umur 55 tahun atau sehingga meninggal dunia, mana yang lebih awal. Jadi, kos rawatan untuk kegagalan buah pinggang ini selalunya melibatkan rawatan dialisis dan melibatkan kos yang tinggi. Jadi, adakah RM200 ini munasabah untuk diberi kepada suri rumah ini?

Seterusnya saya juga ingin bangkitkan ataupun ingin membuat cadangan supaya pihak PERKESO melantik lebih banyak lagi klinik-klinik panel di kawasan luar bandar untuk memudahkan suri rumah-suri rumah di luar bandar mendapatkan rawatan.

Saya juga ingin bertanya satu soalan yang penting. Adakah skim perlindungan ini patuh syariah? Jika tidak, adakah kerajaan berhasrat untuk menukar skim insurans ini kepada sistem yang patuh syariah?

Jadi untuk akhir, saya juga berharap kerajaan menyediakan peruntukan tambahan bukan sahaja i-Suri yang RM1,500 orang suri rumah dapat peruntukan untuk dicarumkan dalam skim ini tetapi menyediakan peruntukan untuk lebih ramai lagi suri rumah dapat dicarumkan, khususnya kepada golongan B40.

Saya juga mengharapkan dengan adanya skim suri rumah ini, dapat menjaga kesihatan dan rawatan pemulihan yang terbaik. Kita sedar bahawa PERKESO telah menyediakan pusat rawatan pemulihan yang terbaik di Malaysia ini. Jadi, kita

mengharapkanlah supaya skim ini dapat memberi perlindungan, memberi jaminan kesihatan dan rawatan yang terbaik. Untuk itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

### 8.33 mlm.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam untuk semua rakan yang masih kekal setia berada dalam Dewan pada malam ini. Saya ingat ini perlu ada semangat sikit, kita tepuk sikit... [*Tepuk*] Supaya kita bersemangat untuk terus membahaskan rang undang-undang ini sebagaimana yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan yang terdahulu.

Inilah undang-undang yang sangat penting dan juga bagi saya ialah adalah salah satu daripada mekanisme, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *social floor protection* khususnya untuk menjaga kebajikan suri rumah semasa mengurus rumah tangga, memberikan perlindungan dalam keadaan penyakit dan juga faedah-faedah.

Saya tidak berhasrat untuk membahaskan dengan lebih panjang, cuma ada beberapa persoalan yang saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu ini jugalah sebenarnya rentetan daripada kejayaan i-Suri yang sebelum ini dipelopori oleh mantan Timbalan Menteri Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Saya ingat ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan.

Pertama- definisi suri rumah. Saya membaca definisi suri rumah ini seolah-olah ia juga membawa maksud kami dalam Dewan ini, wanita-wanita di dalam Dewan ini juga termasuk dalam definisi tersebut.

Ini kerana definisi tidak membezakan dalam konteks beberapa perkara, khususnya berkaitan dengan soal status perkahwinan, itu yang pertama. Kedua adalah terkait rapat dengan status yang menguruskan rumah tangga atas dasar sepenuh masa ataupun tidak. Itu definisi yang perlu juga diberikan perhatian kerana ia boleh membawa kepada maksud kami juga yang menguruskan rumah tangga separuh masa.

Kemudian, bagaimana pula status yang didefinisikan sebagai (b) seorang ibu kepada seorang anak atau lebih, termasuklah ibu tunggal. Jadi, ada beberapa kita panggil keadaan atau situasi wanita ini dalam masyarakat komuniti yang juga disebut sebagai ibu tunggal.

Ibu ini tidak ada apa-apa dokumen tentang perkahwinan tetapi mempunyai beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa dia ditinggalkan dan tidak ada punca pendapatan dan tidak ada apa-apa dokumen yang menunjukkan bahawa beliau adalah-sama ada isteri yang sah ataupun masih tergantung status perkahwinannya dan juga

dalam konteks bahawa mempunyai atau melahirkan anak-anak di luar nikah. Jadi saya mohon penjelasan tentang definisi berkaitan dengan suri rumah.

Kedua adalah berkaitan dengan tafsiran juga yang terkait rapat dengan maksud bencana domestik. Ini agak mengelirukan apabila dalam tafsiran menyebut tentang bencana domestik ini, tetapi dalam- adakah ia termasuk keganasan rumah tangga? Ini kerana di bawah seksyen 22, ada disebut tentang keganasan rumah tangga dan definisinya yang penuh tetapi dalam bencana domestik ini tidak disebut berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Saya juga ingin merujuk kepada seterusnya adalah berkaitan dengan peruntukan seksyen 8 Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan apa perbezaannya untuk anggota yang dilantik ini bagi frasa (f) dan (g). Apakah bezanya?

Sebab frasa (f) menyebut dua orang anggota yang mewakili kepentingan suri rumah tetapi dalam masa yang sama frasa (g) menyebut anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang munasabah dalam perkara yang berhubungan dengan kesejahteraan dan pemulihan suri rumah. Jadi saya mohon penjelasan apakah perbezaan dua kategori untuk Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah ini.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada seksyen 18. Ini sangat penting kerana seksyen ini merujuk kepada penentuan aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan rumah tangga. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana ataupun justifikasi untuk menentukan aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan rumah tangga ini.

Adakah ia akan ditentukan melalui diperincikan oleh jawatankuasa atau pun akan ada garis panduan lain yang menentukan apakah dia aktiviti? Sebab maksud penentuan ini sangat luas dan kita memerlukan sedikit barangkali penjelasan apakah dia penentuan aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat yang terakhir saya hendak rujuk kepada seksyen 22 berkaitan dengan faedah. Saya jelas maksud faedah ini. Sepertimana yang saya kata, ada kekeliruan sedikit dan mohon penjelasan daripada tafsiran bencana domestik dan juga maksud di bawah keganasan rumah tangga ini.

Ini kerana dalam mana-mana rang undang-undang ataupun undang-undang yang terkait rapat dengan faedah ini, apabila kita menyebut tentang waris tanggungan, ada satu lagi isu iaitu yang terkait dengan adakah simpanan ini kelak akan menjadi faraid ataupun bagaimana. Seksyen 22 ini menyebut tentang keganasan rumah tangga tetapi dalam seksyen tafsiran tidak ada.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat ada beberapa seksyen yang sudah pun saya sebut memohon untuk penjelasan. Secara keseluruhannya saya

menyokong, ini satu rang undang-undang yang cukup baik sebagaimana yang saya sebutkan tadi *social floor protection* dengan izin, diwakili melalui rang undang-undang ini. Terima kasih. Saya mohon untuk menyokong. *Assalamualaikum*.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

### 8.39 mlm.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan rang undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia atas pembentangan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 ini.

Dengan adanya rang undang-undang ini, kita maju setapak lagi daripada segi kemajuan wanita di mana kerja-kerja rumah yang selama ini dianggap remeh, telah dapat diberi nilai dan sektor ini dilindungi dan dibolehinsuranskan.

### ■2040

Ini satu pengiktirafan yang sangat bermakna bagi kaum wanita, terutamanya yang bergelar sebagai suri rumah. Timbalan Yang di-Pertua, seorang anak kecil atau seorang cucu pernah bertanya kepada neneknya di manakah pejabatnya? Neneknya menunjuk kepada dapur dan berkata, "*Itu pejabat nenek,*" Ini kisah benar. Inilah hakikat sebenarnya Timbalan Yang di-Pertua, pejabat suri rumah ini memang di dapur.

Masa muda, menjaga anak, sudah tua menjaga cucu. Ini sebahagian daripada pengorbanan seorang suri rumah, tidak berhenti menjaga, membantu keluarga, kerja sepanjang hayat. Tidak ada umur bersara. Jadi, saya rasa tahap caruman sehingga umur 54 tahun sahaja seperti di RUU ini tidak mencerminkan keadaan sebenar sebab kerja rumah ini tiada had umur untuk bersara. Si ibu dan isteri tidak akan mengatakan, "*Saya hari ini masuk 54 tahun. Esok saya tak akan masak dan kemas rumah lagi.*" Jadi, saya berharap umur yang lebih sesuai dapat diletakkan untuk maksud ini.

Seterusnya, saya juga khawatir RUU ini tidak memberi perlindungan kepada kebanyakan suri rumah sebab tafsiran atau pun istilah "bencana domestik" di dalam RUU ini, saya lihat sebagai agak *restrictive* atau tersekat definisinya. Ini sebab suri rumah ini kerjanya seharian itu pelbagai. Selain daripada menguruskan rumah tangga, mereka yang tinggal di luar bandar dan kampung-kampung terutamanya, banyak yang *multi-tasking*, dengan izin.

Selain daripada membuat kerja rumah, dia juga turun ke kebun dan turun mencari hasil hutan untuk buat lauk dan sebagainya, turun ke sungai mencari ikan dan siput dan sebagainya. Juga, kalau ada lebihnya, mungkin akan dijual untuk ambil belanja sedikit dan dijual di tepi jalan dan kawasan kampung. Semasa pergi mencari lauk di

hutan dan sungai, mereka mungkin juga akan mencari buluh untuk dibuat bakul anyaman yang akan dijual sebagai pendapatan sampingan untuk menyara keluarga.

Jadi, di sini, saya nampak banyak *grey area*, dengan izin, sebab tafsiran bencana domestik di dalam RUU ini tidak termasuk kecederaan semasa membuat perusahaan dan perniagaan tetapi hanya terhad kepada semasa menguruskan rumah tangga. Jadi, saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan tafsiran ini dan sekiranya suri rumah ditimpa bencana semasa ke hutan untuk tujuan domestik serta juga untuk mendapat sedikit perbelanjaan keluarga, apakah ini akan dapat perlindungan daripada skim ini?

Saya berharap bahawa dalam interpretasi nanti, keadaan ini di mana suri rumah membuat perusahaan kecil dan menjual hasil secara dari rumah, akan juga dilindungi di bawah Skim Suri Rumah ini.

Saya juga menyeru kepada kementerian untuk menimbang semula denda dan hukuman jika suami gagal membayar caruman iaitu denda tidak melebihi RM10 ribu atau penjara tidak melebihi dua tahun. Saya rasa denda dan hukuman seperti ini tidak menggalakkan caruman di bawah skim ini kerana ramai yang akan takut dan khuatir. Ini juga seolah-olah memberi gambaran yang skim ini hanya untuk mereka yang ada gaji tetap sahaja, walhal ramai juga pekerja kita itu mereka yang bergaji tidak tetap. Adakah mereka akan dapat juga masuk dan mendapat perlindungan di bawah skim ini?

Akhir sekali, untuk bayaran pengurusan mayat diletak hanya RM2,000 sahaja. Ini sangat rendah. Sekarang kos untuk menguruskan orang yang meninggal dunia sangat tinggi, RM4,000, RM5,000 pada masa sekarang ini dianggap harga biasa. Jadi, saya harap ini dapat dinaikkan.

Dengan itu, saya berharap agar RUU ini benar-benar akan dapat memberi perlindungan bukan sahaja kepada suri rumah, tetapi juga membantu ahli keluarga yang terlibat. Dengan itu Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Yang Berhormat. Selanjutnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

#### **8.48 mlm.**

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Mengambil maklum peruntukan bagi keselamatan sosial bagi suri rumah berinsurans dalam bentuk berfaedah tertentu bagi peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah merupakan suatu yang amat perlu disokong.



Terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada Kementerian Sumber Manusia atas inisiatif membentangkan rang undang-undang ini untuk tujuan perlindungan keselamatan sosial suri rumah.

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Meskipun suri rumah telah mengambil risiko untuk memberikan sepenuh perhatian kepada rumah tangga, merupakan keputusan yang amat dihargai bukan sahaja oleh para suami namun juga pengorbanan ini telah mendapat pengiktirafan daripada kerajaan.

Mengenai jumlah pendapatan bulanan, anggapan sebanyak RM600 dan seterusnya membuatkan jumlah caruman adalah sebanyak RM120 selama 12 bulan atau setahun. Saya ingin bertanya, mengapakah jumlah anggaran anggapan ini ditetapkan pada kadar RM600 sahaja?

Apakah bentuk kajian berasaskan pendapatan isi rumah yang telah dibuat sehingga angka RM600 ini diperolehi? Malahan mengapa tiada anggapan pendapatan berkadar median isi rumah tahunan, malahan jumlah sebanyak RM120 setahun yang ditetapkan ini, adakah ia berkadar tetap atau akan meningkat dalam beberapa tahun selepas RUU ini dikuatkuasakan?

Kita mengambil maklum akan kadar peningkatan inflasi, sekali gus mengakibatkan peningkatan kos sara hidup malahan turut akan mempengaruhi kos perubatan dan sebagainya. Justeru, bagaimana mekanisme penetapan kadar caruman ini akan ditambah baik, dipertingkatkan mengikut keperluan situasi semasa?

Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya, difahamkan caruman dilakukan sekali gus dalam tempoh setahun. Justeru, jika pencarum, contohnya suami ingin meningkatkan kadar caruman atas inisiatif sendiri, adakah ia boleh dilakukan secara manual atau dalam talian bagi memudahkan proses caruman SKSSR ini?

Kita juga menyambut baik dasar kerajaan dalam membantu sejumlah 150 ribu orang wanita yang berdaftar di bawah i-Suri untuk dicarumkan oleh kerajaan selaras dengan Bajet 2022. Namun, bagaimanakah dalam tempoh mendatang bagi memastikan bantuan kepada penerima i-Suri akan terus menerima SKSSR juga pada masa yang sama?

Malahan, adakah pendaftaran seramai 150 ribu orang wanita ini dibuat secara automatik atau mereka perlu mendaftar sendiri? Kaedah pendaftaran ini perlu dimaklumkan secara terus kepada penerima yang layak dan sekali gus, golongan ini cakna dengan bantuan yang disalurkan kepada mereka dan seterusnya, mudah cara urusan tuntutan faedah yang diberikan melalui skim ini kelak.

Berkaitan dengan kadar umur penerima liputan ini adalah sehingga umur 55 tahun sahaja. Mengapakah had umur ini tidak mengikut had umur pencen yang ditetapkan oleh kerajaan pada usia 60 tahun? Saya berharap had umur ini dapat dipertingkatkan selari dengan umur pencen bagi memastikan liputan ini bersesuaian dan tidak bersifat dua darjat dengan golongan bekerja yang lain. Saya juga menyambut baik faedah-faedah yang akan diperolehi oleh pencarum melalui skim ini.

Namun begitu, adakah suri rumah masih layak menerima faedah sekiranya berlaku penceraian dan pihak suami menghentikan caruman? Atau adakah pencarum masih aktif sehingga umur mencecah 55 tahun meskipun caruman telah diberhentikan separuh jalan?

Mengambil maklum bahawa pelaksanaan skim perlindungan ini adalah bersifat sukarela, namun apa inisiatif kerajaan melalui kementerian dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi berkaitan bagi meningkatkan kesedaran kepada para suami bagi mencarum, malahan kepada suami yang mengamalkan poligami. Adakah terpakai kepada isteri kedua, ketiga dan keempat?

■2050

Malahan difahamkan PERKESO boleh mengarahkan majikan memotong caruman yang perlu dibayar dan majikan perlu mematuhi arahan itu dan terpakai kepada suami yang telah mendaftar. Bagaimana ia boleh di aplikasi tanpa membebankan suami yang memperoleh pendapatan yang tidak tetap, misalnya.

Menyentuh kepada faedah yang diberikan terutamanya menerusi aspek kesihatan dalam Jadual Kelapan, memperuntukkan amaun maksimum bagi pemulihan jasmani sebanyak RM50,000 dalam tempoh caruman dan rawatan dialisis sebanyak RM200 setiap bulan atau menurut Akta Fi 1951 mengikut mana-mana yang lebih rendah. Ia merupakan faedah yang amat dihargai dan saya berharap agar amaun rawatan ini dapat dikaji dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keadaan semasa bagi memastikan kadar bantuan ini bertepatan dengan kos perubatan semasa yang semakin meningkat.

Saya juga berharap agar pelaksanaan skim ini diperluas dan kesedaran dan pendedahan berkaitan kepentingan caruman ini sentiasa dihebahkan agar semua faedah-faedah yang ditawarkan oleh PERKESO ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada suri rumah yang telah mendedikasikan kehidupan mereka kepada keluarga. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Dipersilakan.

**8.51 mlm.**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya membawa rang undang-undang ini ke Dewan Rakyat dan seterusnya tahniah kepada semua Ahli Dewan Rakyat yang telah sebulat suara menyokong rang undang-undang ini tanpa pindaan. Ini menunjukkan bahawa rang undang-undang ini hadir tepat pada masanya bagi membela kaum isteri kerana isteri merupakan pengurus bagi rumah tangga. Ini skim baharu yang pertama dan tidak pernah dilaksanakan dalam mana-mana perlindungan insurans membabitkan suri rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu hadis Nabi Muhammad SAW ada bersabda, "*Wanita ini merupakan pemimpin dalam rumah tangganya dan bertanggungjawab tentang kepimpinannya*". Hadis riwayat Bukhari. Hadis ini dengan jelas menyatakan bahawa wanita atau...

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Minta penjelasan, hadis riwayat siapakah itu?

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Hadis riwayat Bukhari.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Bukhari ya?

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Ya.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Okey, terima kasih.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Hadis ini dengan jelas menyatakan bahawa wanita atau isteri itu berperanan sebagai pengurus keluarga. Ini bermakna wanita atau isteri itu mereka yang menjalankan tugas untuk menguruskan rumah tangga dan golongan wanita atau isteri masa kini perlu diberikan perhatian dan perlindungan yang sewajarnya.

Sekali pandang seolah-olah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) ini seperti meletakkan kedudukan isteri seolah-olah seperti pekerja kepada suami kerana suami berperanan sebagai majikan yang mencarumkan isteri. Namun sebenarnya ia satu peningkatan martabat isteri yang perlu diberikan penghargaan.

Antara tuntutan yang menarik perhatian saya iaitu tuntutan bagi faedah perubatan, faedah hilang upaya kekal, faedah menghidap keilangan, faedah elaun keuzuran, faedah hilang upaya kekal pembayaran, faedah apabila suri rumah berinsurans mati dan faedah pengurusan mayat. Semua ini akan dikira apabila berlaku sebarang kejadian ketika menguruskan rumah tangga serta melindungi mereka daripada apa-apa penyakit yang menjejaskan kerja sebagai seorang suri rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan dan maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan rang undang-undang ini.

- (i) bagaimanakah mekanisme untuk memastikan bahawa pihak suami akan mencarumkan isteri?;
- (ii) bagaimanakah kaedah untuk memastikan mereka yang tidak berdaftar dengan i-Suri di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dicarumkan sekiranya mereka tidak didaftarkan oleh suami?;
- (iii) adakah satu kewajaran untuk menetapkan tafsiran suri rumah dalam SKSSR meliputi perempuan yang belum berkahwin?; dan
- (iv) adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan usia pencarum daripada usia 55 tahun ke-60 tahun?

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengharapkan agar rang undang-undang akan diterima secara sebulat suara di dalam Dewan yang mulia ini. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022. Sekian, terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. Dipersilakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Kertas ucapan dia hilang saya rasa. Panggil yang lain Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya...

**Datuk Razali bin Idris:** Seterusnya, Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

#### **8.56 mlm.**

**Dato' Haji Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya kira amat bertuah sekali pada malam ini kerana dapat terlibat sama dalam suatu perbahasan rang undang-undang yang sangat penting. Selaras dengan usaha kerajaan memperluaskan jaringan keselamatan sosial kepada rakyat di negara ini, khususnya kepada rakyat dalam lingkungan umur bekerja.

Laporan Tenaga Buruh Malaysia Tahun 2021 menunjukkan 4.95 juta atau 68.3 peratus populasi wanita di Malaysia berada di luar lingkungan tenaga buruh serta mereka tidak mempunyai liputan perlindungan sosial yang khusus. Apatah lagi golongan ini juga bergantung harap sepenuhnya kepada pendapatan suami mereka semata-mata dalam menyara keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ini tafsiran terhadap "suri rumah" meliputi perempuan, sama ada berkahwin atau belum dan menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau separuh masa. Ini termasuk isteri, janda atau balu yang

perkahwinannya didaftarkan serta ibu yang mempunyai anak atau ibu tunggal. Ia menyebutkan perempuan yang belum berkahwin juga termasuk dalam tafsiran suri rumah. Adakah ini bermaksud seseorang wanita yang belum berkahwin tetapi menguruskan rumah tangga atau menguruskan ibu atau ayahnya juga dianggap termasuk dalam kategori suri rumah dalam akta ini?

Tafsiran akta ini juga menyebutkan mengenai mereka yang menguruskan suri rumah separuh masa. Apakah yang dimaksudkan dengan separuh masa tersebut? Adakah seseorang yang bekerja tetapi dalam masa yang sama dia juga seorang suri rumah separuh masa dianggap sebagai suri rumah yang tertakluk dalam akta ini? Jadi, saya mohon pihak kementerian memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua iaitu pemakaian akta ini juga bersifat sukarela. Saya memahami bahawa kita tidak boleh memaksa seseorang untuk turut serta dalam SKSSR ini. Cuma persoalan yang berbangkit adalah bagaimana kerajaan mahu melaksanakan advokasi dasar bagi memastikan lebih ramai ketua isi rumah mengambil tanggungjawab dalam terlibat dalam SKSSR.

Saya berpandangan jika jumlah caruman yang kecil iaitu RM10 sebulan dan bayaran RM120 setahun ini boleh dianggap berpatutan dan tidak keterlaluan sekiranya pihak kerajaan mewajibkan suri rumah menyertainya. Kita boleh melaksanakan satu tempoh bertenang bagi menyediakan ruang masa kepada kementerian untuk melaksanakan kempen-kempen penerangan serta memastikan para suri rumah dan ketua isi rumah faham akan tanggungjawab ini.

#### ■2100

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan mengenai golongan suri rumah yang mudah terjejas seramai 150 ribu orang yang berdaftar di bawah i-Suri akan dicarum oleh kerajaan.

Saya ingin bertanya, apakah kementerian telah melaksanakan pemutihan data terhadap jumlah ini? Boleh jadi angka ini akan lebih tinggi selepas hampir setahun kita berada pada fasa pasca pemulihan pandemik.

Seterusnya mengenai Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah yang termaktub dalam fasal 8 sehingga fasal 12. Dalam fasal ini menjelaskan bahawa pengerusi jawatankuasa ini hendaklah bukan dari mana-mana ahli Majlis, daripada mana-mana Ahli Parlimen, atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Saya tidak mempunyai masalah dengan prinsip ini. Cuma saya ingin mencadangkan supaya golongan ilmuwan Islam daripada golongan wanita turut dilantik menganggotai jawatankuasa ini. Ini bagi memastikan kita turut memberi tumpuan terhadap soal kesejahteraan suri rumah berlandaskan kepada pandangan syarak.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang ingin saya sentuh mengenai pembangunan satu buah pangkalan data bersepadu mengenai perlindungan jaringan keselamatan sosial negara. Cadangan ini pernah dikemukakan Institut Kajian Khazanah dalam satu kajian komprehensif bertajuk "Menongkah Badai: Ke Arah Keterangkuman Pelindungan Sosial di Malaysia."

Saya telah meneliti dokumen panjang mengenai Pelan Strategik Pembangunan Pentadbiran Jaringan Keselamatan Sosial negara tersebut dan antara perkara yang menarik perhatian saya adalah mengenai keterangkuman data bersepadu.

Oleh itu, selaras dengan pengenalan akta ini serta beberapa pindaan yang merangkumkan golongan tidak bekerja ke dalam jaringan keselamatan sosial maka sewajarnya kerajaan turut memperkenalkan satu buah Pangkalan Data Maklumat Bersepadu mengenai jaringan keselamatan sosial. Ini bagi memastikan satu pentadbiran jaringan keselamatan sosial yang lebih bersistematik dan teratur, selaras dengan perkembangan teknologi dalam talian pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Dipersilakan.

## 9.02 mlm.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya menggubal satu undang-undang yang bakal meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan Keluarga Malaysia. Sefaham saya daripada bacaan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 akan mewujudkan satu skim yang memperuntukkan keselamatan sosial kepada suri rumah berinsurans dalam bentuk faedah tertentu, meningkatkan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah yang dikenali sebagai Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan undang-undang ini jelas menunjukkan keprihatinan dan keseriusan kerajaan dalam memastikan menjaga kebajikan suri rumah sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini semasa mengurus rumah tangga serta melindungi mereka daripada apa-apa penyakit yang menjejaskan mereka sebagai

seorang suri rumah. Ia sedikit sebanyak mengiktiraf penglibatan dan usaha titik peluh seorang suri rumah dalam pembangunan institusi keluarga.

Saya telah mengambil maklum perbincangan yang telah dilakukan di peringkat Dewan Rakyat yang tidak lagi akan membangkitkan isu-isu yang sama. Namun demikian, saya mempunyai beberapa maklum balas dan saranan yang ingin saya sampaikan kepada pihak kementerian dari sudut pandangan yang berbeza.

Pertamanya, saya ingin juga memperjuangkan nasib kaum lelaki yang tertindas dalam situasi ini... [*Tepuk*] Peredaran masa kini menunjukkan terdapat juga golongan lelaki yang berperanan sebagai suri rumah, dengan izin, *house husbands*. Walaupun saya ini agak tradisional, saya terpaksa akui di kalangan golongan orang muda, ia sudah berlaku, mula berlaku.

Perkara ini menunjukkan, dengan izin, sekali lagi *the lack of foresight* daripada pihak kementerian untuk memastikan aplikasi RUU ini terus relevan dalam masa yang akan datang. Bagi saya akta perlu melindungi kedua-dua kaum, wanita dan lelaki. Saya ingin menekankan bahawa apa yang kami, kaum wanita mahukan bukanlah layanan istimewa tetapi layanan saksama.

Ini tidak sepatutnya menjadi akta untuk wanita sahaja tetapi juga untuk suami di rumah. Untuk terus konsisten dalam perbincangan saya sewaktu pembentangan Rang Undang-undang Kerja di persidangan bulan Mac yang lalu, saya ingin sekali lagi mengingatkan bahawa janganlah kita mencipta atau mewujudkan situasi di mana rangka kerja, dengan izin, *framework* undang-undang kita menganggap tanggungjawab menjaga anak-anak dan keluarga merupakan tanggungjawab wanita semata-matanya. Biarlah undang-undang membezakan budaya dan memberi peluang dan kelonggaran kepada kedua-dua jantina untuk berbakti kepada keluarga.

Kedua, tentang tafsiran. Kali ini untuk golongan wanita pula, tafsiran suri rumah dalam RUU menyatakan mana-mana perempuan sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin yang menguruskan rumah tangga atas dasar sepenuh masa atau tidak.

Jadi, persoalan saya, apakah yang dimaksudkan dengan yang belum berkahwin ini? Adakah anak sulung perempuan yang kehilangan ibu dan menguruskan ayah dan adik-beradik yang lain juga termasuk dalam golongan suri rumah? Mohon kementerian menjelaskan dengan lebih lanjut atau memperbetulkan tafsiran ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Sekian sahaja daripada saya setakat ini. Saya harap perkara ini mendapat perhatian oleh pihak kementerian. Saya mohon menyokong perbincangan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah Tangga 2022. Sekian, terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Seterusnya yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong. Dipersilakan.

**9.07 mlm.**

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong usaha kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang akan ditadbir oleh PERKESO bagi mengiktiraf pembabitan suri rumah yang menjadi sebahagian daripada *cake economy*, dengan izin, yang terbabit secara langsung dalam pembangunan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, keseriusan kerajaan untuk melindungi golongan suri rumah ini jelas apabila kerajaan sudi mencarumkan seramai 150 ribu orang suri rumah daripada kumpulan yang mudah terjejas seperti miskin dan miskin tegar yang telah berdaftar di bawah program i-Suri.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah caruman ini akan berlaku secara automatik atau suri rumah ini perlu mendaftar di premis SOCSO? Di sini saya ingin mencadangkan agar caruman secara automatik dilakukan bagi memudahkan urusan suri rumah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi suri rumah yang tidak layak oleh kerajaan akan dicarum oleh suaminya atau diri sendiri atau pihak ketiga? Namun begitu, perkara yang menggusarkan saya adalah merujuk kepada Jadual Ketiga.

**■2110**

Rang undang-undang ini yang menyenaraikan kadar caruman yang perlu dibayar terlebih dahulu pada kadar iaitu RM120 setahun bagi tempoh 12 bulan untuk pendapatan bulanan, anggapan sebanyak RM600. Saya kawatir jika keperluan untuk membayar caruman secara sekali gus untuk tempoh setahun ini akan dianggap sebagai beban kerana akhirnya mengurangkan minat para suami untuk mencarumkan isteri mereka.

Oleh itu, saya ingin bertanya, adakah terdapat sebarang kemungkinan untuk kementerian membenarkan caruman bulanan berbanding tahunan bagi meringankan rasa beban yang perlu ditanggung suami.

Saya juga ingin menyentuh peruntukan mengenai tafsiran 'suri rumah' dalam fasal 3. Tafsiran ini menetapkan syarat kelayakan seorang perempuan yang boleh mendaftar dan mencarum dengan akta ini. Melihat kepada situasi zaman moden ini tidak pelik melihat ramai lelaki atau suami juga menjadi suri rumah yang juga tadi disebut oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa iaitu ada suami yang berhenti kerja dan menjadi pengurus rumah tangga. Manakala isteri



meneruskan kerjayanya di luar rumah. Walaupun tiada data rasmi mengenainya, namun dipercayai semakin banyak pasangan suami isteri yang membuat keputusan seperti ini dalam usaha untuk menjayakan perkahwinan mereka.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar tafsiran ini diluaskan kepada lelaki atau suami yang menguruskan rumah tangga tidak terhad pada wanita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada Program Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP yang dilancarkan oleh kerajaan dalam Bajet 2022. Di mana ia bertujuan bagi memastikan kesejahteraan golongan suri rumah serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada ahli keluarga di samping pada pembangunan negara.

Di bawah Program Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP, golongan suri rumah yang berdaftar di bawah eKasih ataupun golongan suri rumah yang secara sukarela memilih untuk menyertainya layak menerima sumbangan khas kerajaan sebanyak RM40 sebulan bagi setiap caruman iaitu sebanyak RM5 sebulan atau RM480 setahun serta faedah-faedah lain yang disediakan oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan caruman ini tidak diwajibkan. Sebaliknya, hanya bersifat sukarela. Saya berharap agar kementerian mempunyai strategi bagi menggalakkan rakyat mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah ini.

Akhir sekali, saya memandang Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah ini merupakan satu rang undang-undang yang amat baik yang memberi perlindungan kepada suri rumah. Saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu lagi pembahas yang terakhir daripada wanita.

Jadi, saya kena mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Dipersilakan.

#### **9.14 mlm.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan. Nama saya ada sebenarnya dalam *group WhatsApp* itu... *[Ketawa]* Tidak tertulis.

Walaupun soalan banyak dah diutarakan oleh pihak sahabat-sahabat Senator. Namun, saya juga sebagai Ketua Muslimat bagi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) hendak juga sebenarnya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada pihak kementerian dengan mengangkat rang undang-undang ini. *Masya-Allah*. Terima kasih banyak-banyak.

Ini sebenarnya sekali gus menzahirkan kerajaan tidak meminggirkan suri rumah, *insya-Allah*. Sebagaimana yang kita ketahui umum mengetahui suri rumah ini merupakan insan mulia yang berkorban 24 jam, *masya-Allah*. Sebagaimana yang

disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi bila ditanya ada cucu yang bertanya dekat mana pejabat. Pejabatnya di dapur, *masya-Allah*.

Hal ini sebenarnya, kebaikan untuk kita salurkan, *insya-Allah* kepada pihak wanita ataupun suri rumah ini sendiri ia memang selari dengan Sabda Baginda SAW. Bila ada yang bertanya kepada Baginda siapakah yang perlu aku berbuat baik. Lalu Baginda menjawab, "ibumu". Kemudian, ditanya lagi. Baginda juga menjawab, "ibumu". Sampai tiga kali Baginda SAW menjawab "ibumu" kemudian ditanya lagi siapa, barulah disebut "bapamu".

Cuma, sebagaimana hadis ini takut Yang Berhormat Senator Zahid tiada, ya? Dia tanya nanti. Hadis Riwayat Imam Bukhari [*Ketawa*]

Okey, saya juga hendak tanya sebagaimana yang Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa sebutkan tadi ya. Memandangkan suasana yang ada sekarang ini nampaknya tugas suri rumah itu bukan sahaja dilakukan oleh orang perempuan tetapi juga dilakukan oleh kaum lelaki. Jadi, berdasarkan hal ini adakah kementerian akan membuat tafsiran yang lebih luas lagilah tentang suri rumah ini.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri juga dalam sidang Dewan Rakyat minggu lalu skim ini, *insya-Allah* dapat memanfaatkan kepada tiga juta orang suri rumah di seluruh Malaysia. Bagaimana kah inisiatif yang dilakukan oleh pihak kementerian agar para suami menjadi proaktif untuk berlumba-lumba mencarumkan isteri mereka dalam skim ini.

Selain itu juga, hendak tanya apa asas yang digunakan oleh pihak kementerian bagi meletakkan nilai RM120 sebagai nilai caruman pertama. Bagaimanakah jika suami yang berkira-kiralah hendak mencarum RM120 ini? Mungkin pada sesetengah pihak RM120 itu tidak ada lah besar mana. Akan tetapi, mungkin kepada ramai pihak juga yang merasakan dia perlu mengutamakan perkara-perkara lain dengan RM120 itu. Jadi, dalam hal yang seperti ini agaknya macam manalah kementerian hendak buat.

Kemudian seterusnya, berkenaan Jadual Kelima memperuntukkan jumlah bantuan kewangan bagi kegagalan ginjal tahap akhir iaitu RM200. Jadi, saya ingin bertanya apakah asas kegagalan ginjal diberikan bantuan? Selain itu, sejauh mana kah kajian yang telah dilakukan berkenaan isu kesihatan wanita? Saya mengambil peluang ini dengan mencadangkan agar kerajaan memperluaskan bantuan ini. Ia merangkumi pencarum yang mengidap penyakit-penyakit yang lain seperti kanser misalnya.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri juga yang menyentuh berkenaan kuasa lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa lain bagi membantu pelaksanaan fungsi di bawah rang undang-undang ini. Oleh itu, soalan saya adakah berlaku implikasi kewangan terhadap pindaan rang undang-undang ini setelah ditubuhkan jawatankuasa lain. Mohon penjelasan dan dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**9.19 mlm.**

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih. Seramai 12 orang pembahas berhujah.

Justeru itu, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

**■2120**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berperang untuk membela agamanya dalam barisan yang teratur rapi seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.”* Inilah hasilnya apabila kita bermesyuarat. Tersusun kukuh sebuah bata, tidak menjadi apa makna. Tidak ada apa erti.

Akan tetapi, apabila disusun-susun menjadi sebuah bangunan yang tersusun kukuh. Tempat kita berlindung, tempat kita berumah tangga, tempat kita berlindung daripada hujan dan panas, matahari dan sebagainya. Inilah maksud ayat ini. Maknanya... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kita mestilah bermesyuarat, akhirnya kita akan mendapat satu *outcome* ataupun satu hasil yang sangat baik. Dalam Surah As-Saff, Ayat 4.

*Alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan ayat Al-Quran, Surah As-Saff, Ayat 4 ini supaya kita mestilah merancang, kita mesti berkolaborasi dan berbincang untuk kita mendapat satu hasil yang baik, *alhamdulillah*. Walaupun sampai ke tengah malam, sampai ke malamlah, tidak tengah malam lagi pun, malam sudah. Dari petang tadi sampai sekarang satu perkara yang sangat besar yang kita sedang bincang pada malam ini yang mana memberi satu perlindungan yang sangat baik, cadangan perlindungan yang baik, satu skim insurans.

Mudah-mudahan sekiranya diluluskan ini, saya berharap ibu saya yang mengandung saya sembilan bulan 10 hari dulu pun akan berasa sejuk perutnya. Ini kerana kita buat ini satu... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Suatu kerja-kerja kebajikan yang membela golongan wanita. Tanpa wanita, tiada lelaki. Tiada lelaki, tiada wanita. Maknanya kedua-dua ini saling memerlukan.

Jadi, saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat atau 12 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022. Saya hanya akan menjawab mana-mana Yang Berhormat Senator yang ada dalam Dewan. Kalau tidak ada, saya tidak jawablah. Sebab dia tanya, dia keluar, tidak perlu jawablah.

**Datuk Razali bin Idris:** Dibenarkan, dibenarkan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** *Alhamdulillah... [Ketawa]* Jadi, yang pertamanya saya akan menyentuh. Jadi, saya menghargai bagi pihak kementerian

dalam semua cadangan, kritikan dan juga satu saranan yang mana ini merupakan satu skim perlindungan yang pertama yang didokumentasikan sebagai satu akta dalam negara kita. Ini kali pertama.

Saya ingat tidak ada banyak negara dalam dunia ini yang melancarkan sistem perlindungan insurans untuk suri rumah seperti mana yang kita lakukan. Cuma, kalau adapun, tidak ada dokumentasi secara hitam putih. Kalau ada secara *verbally* seperti mana yang saya sebut tadi, satu skim perlindungan di UK sendiri. Akan tetapi, tidak ada, apabila timbul daripada segi teknikal, mereka merujuk kepada skim perlindungan insurans mereka yang asas yang memberi satu CSR kepada rakyat mereka.

Jadi, kami daripada Kementerian Sumber Manusia dan juga pihak kerajaan, amat menghargai teguran-teguran Ahli Yang Berhormat Senator. Tentulah apabila perkara baru ini, ada perkara-perkara ataupun *loophole*-sumbangan. Saya minum air sikit, boleh?... [*Meneguk sedikit air*]

Pertamanya, saya menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair berkenaan yang dibangkitkan penyertaan suri rumah. Ada kan? Suri rumah, suami atau mana-mana orang yang ingin mendaftarkan suri rumah dan membayar caruman adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, jika seseorang suami sama ada orang kenamaan atau tidak, yang telah memilih untuk mencarum bagi isterinya yang menjadi suri rumah, maka konsep sekali mencarum, terus mencarum akan terpakai.

Saya benarkan kalau ada yang kurang jelas untuk hendak *interrupt* saya untuk hendak minta laluan, saya akan beri. Tuan Yang di-Pertua ini disebabkan sudah kita bincang, bincanglah sampai pagi esok subuh pun tidak apa. *Insya-Allah*. Ini sebab benda ini penting. Kali pertama, tidak ada lagi dalam akta negara skim yang dicadangkan seperti ini. Jadi, tentu ada banyak *loophole*-nya.

Mengikut fasal 15(11), jika suami tersebut yang telah memilih tidak membayar caruman, maka ia merupakan satu kesalahan dan boleh disabitkan dengan denda tidak lebih RM10 ribu, atau penjara tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Namun demikian, suami yang tidak berupaya membayar caruman akibat hilang pendapatan atau apa-apa sebab yang lain, suami tersebut boleh memaklumkan kepada PERKESO, 60 hari sebelum tamat tempoh caruman dan tidak akan menjadi satu kesalahan selepas itu.

Suri rumah bolehlah kemudian mencarum semula, mencarum secara sukarela bagi melindungi diri sendiri mengikut RUU ini. Jadi, ingat suami boleh lepas begitu saja. Tidak. Kecuali dia kena bincang balik dalam masa tempoh 60 hari kalau dia tidak mampu dengan PERKESO. Jadi, kita tidak lepas suami begitu sahaja. Ini satu pengorbanan yang besar daripada suami untuk melindungi isteri mereka. Tidak kiralah satu, kah; dua, tiga, kah; empat, kah? Dibolehkan.

Jikalau ada empat orang, kena bayar empat oranglah. Empat kali RM120. Maknanya, dilindungi semua. Kalau musibah terima, maknanya anak-anak kepada isterinya akan mendapat. Suaminya pun dapat. Yang Berhormat Senator juga terus membangkitkan bentuk galakan atau dorongan bagi menggalakkan caruman ke atas suami atau majikan. Kementerian dan PERKESO akan mengambil beberapa pendekatan bagi memberi galakan dan dorongan untuk suami atau majikan mencarum bagi pihak suri rumah.

Antaranya, cadangan supaya suami atau majikan yang mencarum dapat diberikan insentif pelepasan cukai pendapatan dan insentif padanan caruman di mana sebahagian caruman boleh ditanggung oleh pihak tertentu seperti kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperhalusi sebelum dilaksanakan mengambil kira implikasi kewangan. Jadi, pasukan teknikal akan ditubuhkan jika- sekiranya berlaku tuntutan yang begini.

Seterusnya, buat permulaan apabila RUU ini dikuatkuasakan, kementerian dan PERKESO tidak bercadang untuk mewajibkan mana-mana sektor sama ada awam atau swasta memandatorikan untuk maksud, "*mencarum bagi suri rumah*" di bawah RUU ini. Rang undang-undang adalah terbuka kepada semua perempuan termasuk kakitangan awam yang mana mereka boleh mendaftar dan mencarum di bawah SKSSR secara sukarela jika mereka ini menjalankan aktiviti pengurusan rumah tangga.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan telah mengambil pendekatan daripada segi pentadbiran untuk memastikan sektor awam menjadi perintis bagi pelaksanaan caruman Skim Suri Rumah untuk anggota perkhidmatan awam. Takrifan, "*suri rumah*" di bawah fasal 3 tidak mengira status pekerjaan wanita tersebut. Takrifan, "*suri rumah*" adalah mana-mana perempuan yang menjalankan aktiviti pengurusan rumah tangga sama ada sepenuh masa atau tidak. Oleh itu, seorang wanita sebagai suri rumah yang sedang menjalani *internship* boleh termasuk dalam pemakaian RUU ini tertakluk kepada syarat-syarat yang lain.

Pihak suami juga mempunyai pilihan sama ada untuk mencarum atau tidak bagi isterinya dan perkara ini adalah secara sukarela. Namun demikian, jika suami telah memilih untuk membayar caruman bagi isteri beliau, maka tanggungjawab untuk memastikan isteri beliau akan terus dilindungi adalah terpakai. Sekiranya suami gagal, maka melalui fasal 15(11), ia merupakan satu kesalahan. Ini adalah untuk memastikan tidak berlaku terputusnya rangkaian perlindungan keselamatan sosial bagi isteri dan prinsip, '*once in, always in*' akan terpakai bagi tujuan tersebut.

Bencana domestik ertinya kecederaan diri ke atas diri suri rumah yang disebabkan oleh sesuatu kejadian berakibatkan daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya termasuklah ahli keluarganya dan bukan bagi apa-apa perusahaan, perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya. Apa-apa

kemalangan di bawah skim ini akan dijalankan siasatan oleh PERKESO bagi memastikan bencana domestik yang berlaku termaktub dalam perlindungan mengikut rang undang-undang ini dan tiada isu penipuan atau *frauds* terlibat dalam apa-apa permohonan tuntutan faedah.

Apa-apa kemalangan yang berlaku semasa menguruskan rumah tangga seperti mengambil anak daripada sekolah atau membeli barang keperluan di pasar boleh termasuk dan dianggap sebagai kemalangan bencana domestik. Sekiranya mengambil baju kurung untuk kegunaan suri rumah adalah perlu bagi beliau untuk menjalankan aktiviti pengurusan rumah tangga, maka kemalangan tersebut yang berlaku boleh ditimbangkan secara bencana domestik. Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair tadi.

Mengikut rang undang-undang ini, laporan perubatan perlu sebagai dokumen yang digunakan sebagai bukti untuk menilai dan menentukan hilang upaya kekal atau keilangan yang akan diputuskan oleh Pegawai Penilai atau Jemaah Doktor Rayuan mengikut yang berkenaan berdasarkan laporan doktorlah.

#### ■2130

PERKESO juga akan menjalankan siasatan seperti mana kuasa-kuasa Pemeriksa yang terdapat di bawah rang undang-undang ini mengikut Bahagian IX, atas tajuk Penguatkuasaan dan Penyiasatan termasuklah mengehendaki mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengemukakan apa-apa dokumen atau bukti bagi menentukan bencana domestik.

Penyertaan suri rumah di bawah SKSSR juga adalah secara sukarela. Kementerian melalui PERKESO akan mempergiatkan kempen kesedaran kepada suami melalui sesi libat urus, *roadshow*, aktiviti Skuad Prihatin dan Sosial Sinergi PERKESO dan sebagainya bagi memastikan suami mencarum bagi pihak isterinya. Saya secara peribadinya- kalau macam sebut tadi suami yang agak berat mencarum dekat suaminya, kalau dia- bagi yang hisap rokok saya tak boleh terima. Sekotak sehari pun RM17, ini sebulan RM10. Bagi yang kedekut, yang tidak hisap rokok boleh jugalah kita fikir tetapi kalau hisap rokok kita tak boleh terima. Kenalah- sebab rokok itu keluar asap sahaja. Jadi asap memberi kesan yang lain lagi. Ini untuk melindungi isteri kita yang melahirkan anak kita.

Walau bagaimanapun suami yang memilih untuk mencarumkan isterinya maka, dengan izin, *once in, always in* akan terpakai ke atas suami tersebut. Seterusnya, dalam memastikan tiada wanita yang tercicir daripada perlindungan, kerajaan akan membiayai 150 ribu orang suri rumah dalam senarai i-Suri dahulu. Ini kerana, kita ambil daripada sistem itu dahulu untuk laksanakan peringkat awal kerana kita belum ada lagi *database* yang ada kepada suri rumah- i-Suri kita akan ambil dahulu, automatik mereka akan dapat. Jadi ada dua perlindungan, i-Suri pun dapat, SKSSR pun dapat.

Untuk mendapatkan perlindungan di bawah SKSSR bagi golongan suri rumah yang tidak termasuk dalam senarai i-Suri, kementerian melalui PERKESO akan terus melaksanakan program proaktif untuk mempromosikan skim ini melalui sesi libat urus, kempen kesedaran, *roadshow*, aktiviti Skwad Prihatin dan Sosial Sinergi PERKESO dan sebagainya. Sekiranya suri rumah tidak didaftarkan oleh suaminya, suri rumah tersebut boleh memilih untuk mendaftar- ini sudah sebut dua, tiga kali.

Jadi untuk Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam, sekiranya prinsip tafsiran SKSSR ini termasuk suri rumah yang belum pernah berkahwin termasuk balu, janda atau ibu tunggal turut menguruskan rumah tangga dan terdedah kepada risiko. Oleh itu, adalah sewajarnya skim ini terpakai kepada suri rumah walaupun belum berkahwin supaya tiada suri rumah yang ketinggalan.

Kadangkala dia tak nak kahwin awal, dia suri rumah juga. Umur 40,50 masih lagi tidak kahwin, dia suri rumah. Jadi mengikut fasal 3 rang undang-undang berkenaan tafsiran perkataan atau ungkapan di bawah rang undang-undang ini, takrifan "*suri rumah*" adalah "*mana-mana perempuan sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin yang tidak mengurus rumah tangga atas dasar sepenuh masa atau tidak*".

Oleh itu seorang pengkhidmat rumah tangga yang tidak berkahwin termasuk dalam takrifan suri rumah. Buat permulaan, pelaksanaan SKSSR untuk 55 tahun dipilih sebagai liputan perlindungan dan bukannya umur 60 tahun adalah supaya skim ini kita dapat selaraskan dahulu dengan program i-Suri KWSP- mereka pun ambil yang sama mungkin selepas ini ada cadangan pindaan, *we review back every two or three years* nanti. Ia akan ada penambahbaikan.

Selain itu, kementerian juga mengambil kira bahawa suri rumah yang mempunyai simpanan KWSP boleh mengeluarkan simpanan KWSP mereka apabila mencapai umur 55 tahun. Manakala, bagi suri rumah yang mempunyai anak, mereka ini adalah cukup dewasa untuk menyara ibu mereka. Kerajaan akan meneliti cadangan Yang Berhormat Senator untuk meningkatkan usia pencarum daripada 55 tahun ke-60 tahun mengambil kira kemampuan dana dan kajian aktuari.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff ada tak? Oh ada. Kenapa ada, patutnya sebut tak ada... *[Ketawa]* Jika suami memilih untuk mencarum maka konsep 'sekali mencarum terus mencarum' akan terpakai. Oleh yang demikian, para suami hendaklah memastikan suri rumah mempunyai perlindungan apabila suami pergi bekerja untuk menguruskan rumah tangga.

Saya harap *qoute* di sini, diucap dan disiarkan secara langsung seluruh Malaysia supaya suami dengar apa yang saya sedang bercakap ini untuk mereka mencarum bagi pihak isteri mereka yang ada ini. Namun demikian, jika seorang suami yang tidak mampu- tadi kita sudah jawab sama sudah, tak mampu dia boleh bincang dengan

PERKESO dalam tempoh 60 hari. Kalau tidak nanti PERKESO boleh guna akta untuk mendakwa kerana tidak mencarum bagi pihak isterinya.

Seterusnya, caruman bagi suri rumah di bawah skim ini dibayar oleh pihak ketiga seperti NGO dan lain-lain dibolehkan. Walau bagaimanapun konsep sekali mencarum terus akan terpakai, apabila sudah mencarum ia akan terpakai *continuously*. Jadi tahun kedua kita akan buat semakan, kalau mungkin dia boleh bayar RM10 setiap bulan. Akan tetapi susahlah, takkan tiap-tiap bulan dia hendak kena pergi bayar. Lebih baik dia ada *automatic fund transfer*-kah. Boleh berbincang dengan bank untuk setiap bulan, berapa hari bulan dia akan debit akaunnya dan kredit akaun KWSP. *Automatically coverage every month*. Jadi sampai 12 bulan. Itu teknikal, boleh bincang dengan PERKESO.

Seterusnya, dibangkitkan oleh Dr. Martina berkenaan dengan tujuan permulaan rang undang-undang ini hanya memperuntukkan caruman tidak membebankan iaitu RM120 setahun. Jadi sebulan RM10 agar lebih ramai suri rumah mampu memasuki skim ini dan perlindungan dapat diberikan kepada mereka. RM10 sahajalah, susah macam mana pun mungkin RM10 sebulan itu kita rasa itulah satu skim yang paling rendah untuk kita memberi perlindungan kepada isteri kita dengan RM10 sebulan.

Kajian aktuari telah dibuat dan mengambil kira semua faedah yang disediakan di bawah kedua-dua perlindungan bencana domestik dan juga keilatan dalam menentukan jumlah caruman. Nanti saya akan terangkan berkenaan dengan yang dibangkitkan berkenaan RM200- kenapa orang yang dapat penyakit dialisis ini hanya dibayar RM200.

Jadi, bilangan klinik panel yang dicadangkan didaftar dengan PERKESO adalah sebanyak 820 buah di seluruh Malaysia setakat ini. Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk PERKESO melantik lebih banyak klinik panel di luar bandar. Dr. Martina ini seorang doktor perubatan, jadi dia cadang klinik banyak termasuk klinik dia *kot* kalau ada... [*Ketawa*]

Jadi seterusnya, Dr. Martina juga mencadangkan supaya bantuan rawatan dialisis sebanyak RM200 sebulan akan diberikan dan ia bertujuan untuk membantu menampung keperluan rawatan dialisis yang diperlukan oleh suri rumah terbabit.

Untuk makluman, RM200 sebulan ini bukan- kita pun tahu sekali pergi dialisis RM200-300 seminggu. Kalau dua, tiga kali, kalau sebulan perlu RM1,000. Jadi RM200 tak cukup. ini kerana, bantuan untuk dialisis ini kita akan masukkan dalam skim tuntutan RM50 ribu untuk rawatan dialisis. Ini bantuan tambahan- hendak bayar minyak kereta atau apa semua, kos tambahan untuk dia bergerak pergi buat dialisis.

Jadi, saya ingat rasanya sangat relevan kita beri kos tambahan RM200 untuk pergi buat rawatan dialisis- minyak kereta, makan atau apa semua dalam RM200 itu. Bukan untuk pergi buat dialisis hendak kena bayar itu. Rasa okey Dr. Martina? Ia masuk



dalam *claim* yang lain, *claim* RM50 ribu untuk dialisis tuntutan kalau berlaku kena buah pinggang itu.

Seterusnya, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Skim Perlindungan Sosial Tadbir oleh PERKESO adalah berdasarkan prinsip pengumpulan dana dan perkongsian risiko yang bersifat universal, sesuai dengan standard yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Cadangan skim patuh syariah hendaklah diperhalusi dan diteliti terlebih dahulu sebelum dilaksanakan kerana mempunyai implikasi perundangan dan mengambil kira pencarum di bawah skim perlindungan sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang, bangsa dan agama.

Walau bagaimanapun, PERKESO mempunyai garis panduan pelaburan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan yang mana PERKESO melaburkan sebahagian daripada dana pelaburan dalam instrumen pelaburan patuh syariah seperti dalam saham pendapatan tetap dan persaraan wang yang dipantau oleh sebuah panel pelaburan yang ditubuhkan di bawah seksyen 75(A) [Akta 4].

Untuk Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, ada tak? Sudah balikkah?

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Oh, angkat tangan sana, okey baik. Jelas minta definisi "*suri rumah*". Rang undang-undang ini mendefinisikan suri rumah sebagai, "*mana-mana perempuan sama ada bujang atau telah berkahwin yang menguruskan rumah tangga tidak kira sama ada perempuan tersebut bekerja atau tidak*".

#### ■2140

Itu dia punya definisi, *interpretation* ataupun interpretasi. Seterusnya dibangkitkan secara prinsip. Secara prinsipnya suri rumah yang belum pernah berkahwin termasuk balu, janda atau ibu tunggal, turut menguruskan rumah tangga dan terdedah kepada risiko semasa melaksanakan aktiviti pengurusan rumah tangga. Oleh itu, adalah wajar skim ini terpakai kepada suri rumah walaupun belum berkahwin supaya *no one left behind*. Ini banyak kali saya sebutkan.

Seterusnya, dibangkitkan keganasan rumah tangga. Ini baharu. Termasuk sebagai bencana domestik tetapi orang tanggungan adalah tidak layak untuk menerima apa-apa faedah di bawah rang undang-undang ini jika orang tanggungan tersebut melakukan keganasan rumah tangga kepada suri rumah sebagai mana diperuntukkan dalam sub fasal 22(4) rang undang-undang. *Clear?*

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan saya, semasa saya membahaskan ini adalah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kenapakah maksud keganasan rumah tangga itu tidak dinyatakan dalam mana-mana tafsiran termasuklah di bawah bencana domestik? Itu soalan saya Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey, terima kasih. Oleh sebab itu kita kata keganasan rumah tangga ini adalah satu yang anjal. Jadi, kita perlu kepada pembuktian apabila berlaku daripada dokumen, laporan Polis dan sebagainya untuk kita hendak *interpret* keganasan rumah tangga ini supaya kita boleh memberi perlindungan kepada mereka yang diganas. Okey.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Ia tidak jadi macam itu Yang Berhormat...

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Tidak apa, saya faham dah sebab ini perkara baharu.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Okey.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** *Very technical*. Kita akan tubuhkan Jawatankuasa Teknikal untuk hendak perhalusi perkara-perkara begini. Kita hendak jelaskan daripada segi keganasan rumah tangga. Kalau kita tengok betul-betul Yang Berhormat, dia *mai* pukul sampai lembam. Itu pun keganasan rumah tangga. Akan tetapi, sebab itu kita tidak boleh hendak *interpret* dalam ini lagi.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Bukan macam itu. Maksud saya, dalam fasal 22 itu ada dijelaskan maksud keganasan rumah tangga itu, jenis-jenisnya. Akan tetapi, tidak ada dalam tafsiran. Oleh sebab itu saya tanya mengapa tidak ada dalam tafsiran tentang bencana domestik itu.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Bila kita sebut dalam fasal 22(4), kalau sudah ada perinci dalam fasal itu, kita akan ikut itu sahajalah. Sebab itu kita tidak masuk. Yang Berhormat baca balik fasal 22(4), sebab itu kita sebab sub, sub itu ia ada perincian yang dalam fasal 22(4).

Jadi, kita akan rujuk kepada fasal 22(4). Kalau berlaku keganasan, di sinilah yang kita perlu Jawatankuasa Teknikal untuk hendak tentukan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Saya rasa Yang Berhormat tidak faham saya punya *concern*.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Memang saya tidak fahamlah sebab yang faham kamu.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri, kita bagi dia seminit untuk dia bagi penjelasan supaya Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Itulah, *concern* saya Tuan Yang di-Pertua ialah kenapa ia tidak masuk dalam tafsiran bencana domestik tetapi ada penjelasan di bawah sub fasal 22 ini. Oleh sebab itu saya hendak tahu, adakah keganasan rumah tangga ini akan dimasukkan dalam mana-mana tafsiran termasuklah dalam konteks bencana domestik?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey, baik. Sudah ada fasal 22(4) itu kira kita mengikut yang itu sahajalah. Kalau berlaku dalam kurungan ini, fasal 22(4), yang lain nanti kita akan memperincikan lagi.

Saya sudah katakan daripada awal, ini undang-undang yang terbaharu dan tidak pernah ada lagi. Jadi, tentu ada *loophole*. Jadi *insya-Allah*, Jawatankuasa Teknikal tadi, ahli lembaga tadi akan berbincang lebih terperinci dan akan buat *review* dari semasa ke semasa. Dia tentu ada kelemahan. Jadi selepas ini kita akan boleh bincang, kita akan boleh cadang supaya interpretasi keganasan rumah tangga ini diperluaskan ataupun diperincikan secara jelas supaya tuntutan ini boleh dibuat. Okey, baik. Saya teruskan lagi.

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek juga membangkitkan berkenaan dengan anggota yang dilantik dalam fasal (f) dan (g). Disebut tadi anggota yang mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kekeluargaan tersebut akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri berdasarkan kriteria. Ini yang kita katakan tadi macam mana hendak *interpret* keganasan rumah tangga, mereka yang ada pengalaman dilantik jadi ahli lembaga, yang mewakili kepentingan suri rumah juga akan dilantik.

Kedua, anggota yang pakar, berpengalaman serta berpengetahuan tinggi dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kesejahteraan suri rumah atau rumah tangga. Mereka ini akan memperincikan interpretasi keganasan rumah tangga ini.

Seterusnya, seorang suri rumah yang menjalankan aktiviti pengurusan rumah tangga bukanlah dikira sebagai pekerja yang menjalankan aktiviti pekerjaan yang mendatangkan upah. Walau bagaimanapun, sebagai mengiktiraf peranan suri rumah dalam menguruskan rumah tangga maka rang undang-undang ini merupakan satu inisiatif kerajaan memberi perlindungan keselamatan sosial bagi suri rumah akibat daripada bencana domestik iaitu apa-apa insiden yang berlaku semasa menguruskan rumah tangga termasuklah apabila menguruskan ahli keluarganya.

Perlindungan keselamatan ini juga adalah bersifat universal. Dalam hal ini, faedah kepada tanggungan akan dibayar berdasarkan ketetapan syer orang tanggungan dalam Jadual Keempat rang undang-undang ini.

Jadi, saya ingat saya sudah *cover*. Cuma yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah berkenaan dengan- seorang sahaja yang bercakap berkenaan dengan...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi soalan yang saya tanya tentang fasal 18, penentuan aktiviti.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Oh, ada lagi. Seksyen 18, seorang suri rumah yang menjalankan aktiviti pengurusan rumah tangga bukanlah dikira sebagai seorang pekerja. Saya sentuh sudah ini sekejap tadi, yang menjalankan aktiviti pekerjaan yang mendatangkan upah.

Walaupun bagaimanapun, sebagai mengiktiraf peranan suri rumah dalam menguruskan rumah tangga maka rang undang-undang ini merupakan satu inisiatif kerajaan yang memberi perlindungan keselamatan sosial bagi suri rumah akibat

daripada bencana domestik iaitu apa-apa insiden yang berlaku semasa menguruskan rumah tangga termasuklah apabila menguruskan ahli keluarganya. Jadi, ini kita sentuh tadi berkenaan dengan seksyen 18.

Seksyen 22, ada sedikit lagi. Kekeliruan tafsiran waris yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Perlindungan keselamatan sosial adalah bersifat universal. Dalam hal ini, faedah kepada tanggungan akan dibayar berdasarkan ketetapan syer orang tanggungan dalam Jadual Keempat rang undang-undang ini. Itu seksyen 22 yang dibangkitkan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding. Tahap caruman 55 tahun tidak mencerminkan keadaan sebenar. Harap dicadangkan umur yang sesuai dapat dipertimbangkan. Tadi saya sudah jawab kenapa 55 tahun, dan kenapa 54 tahun, dan kenapa tidak 60 tahun. Ini, ia ada kaitan tadi. Saya ingat saya sudah- saya tidak perlu ulang lagi. Yang Berhormat, okey? *Alright*.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding juga menyentuh fasal 3 berkenaan tafsiran perkataan ataupun ungkapan di bawah rang undang-undang ini. Takrifan "*suri rumah*" adalah mana-mana perempuan sama ada telah berkahwin, ini pun saya sudah jelaskan.

Oleh itu, seorang *caretaker* yang tidak berkahwin termasuk dalam takrifan suri rumah. *Caretaker* pun termasuk...

**Datuk Razali bin Idris:** *Caretaker* itu apa?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Macam...

**Datuk Razali bin Idris:** Penjaga kah?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Penjaga kitalah. Penjaga kita. Kadang-kadang kita lantik, kita bayar gaji pembantu untuk ambil alih orang tua kita yang *bedridden* dan sebagainya.

**Datuk Razali bin Idris:** Penjaga orang tua maksudnya "*caretaker*."?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ya, *caretaker*.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan di mana maksud *caretaker* itu dalam tafsiran ini?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Itu yang saya kata tadi. Kalau kita hendak masuk semua, saya ingat esok, selepas itu lusa baru habis ini...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Eh, tidak boleh macam itu Yang Berhormat...

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ini sebab apa, ia ada dalam tafsiran. Kita ada Jawatankuasa, Ahli Lembaga Teknikal dan dia akan perincikan bila dokumen-dokumen ini dituntut, lembaga ini akan buat keputusan.

**Datuk Razali bin Idris:** Jadi...

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Maaf, mohon saya buat sedikit cadangan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** ...Dia akan buat peraturan.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Minta maaf. Selalunya kita menggunakan terma sebagai “*carers*” yang menjaga kita. “*Caretaker*” selalunya yang menjaga rumah. *Meaning*, menjaga keadaan sekeliling. So, sekiranya diizinkan, mungkin pada waktu yang akan datang kita guna *carers* kerana yang menjaga kami orang warga emas, dan OKU, kami terma kan sebagai *carers* Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey, terima kasih kepada yang membangkitkan. Saya akan menjawab secara bertulis daripada segi peraturan *caretaker* yang sebagai interpretasi kepada mereka daripada Yang Berhormat yang membangkitkan. Okey, nanti kita minta *take note...* [*Merujuk kepada pegawai*] Kita jawab bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan daripada segi definisi “*caretaker*” ini. *Insya-Allah*, kita akan letak peraturannya nanti.

Okey, baik. Seterusnya, berkenaan dengan tafsiran dan penentuan kemalangan domestik dalam suri rumah. Kemalangan domestik bermaksud kemalangan yang menyebabkan kecederaan diri pada suri rumah disebabkan oleh satu kejadian berakibatkan daripada dan semasa menguruskan rumah tangga.

#### ■2150

Bila dia jatuh kah, apalah, apa-apa sahaja, ketika dia sedang mengangkat barang dan sebagainya dikira kemalangan domestik ketika beliau menjalankan tugas sebagai pembantu rumah.

Seterusnya, mencadangkan bagi suri rumah yang mengusahakan perusahaan kecil dari rumah akan turut dilindungi di bawah skim ini. Ini Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding juga mencadangkan. Dia *dok* buat meniaga secara kecil-kecilan. Mengikut fasal 3 berkenaan tafsiran perkataan atau ungkapan di bawah RUU ini, takrifan suri rumah adalah mana-mana perempuan sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin yang tidak menguruskan rumah tangga atas dasar sepenuh masa atau tidak.

Oleh itu seorang *caretaker* yang tidak berkahwin termasuk dalam takrifan suri rumah. Saya sebut sudah dua atau tiga kali. Dia yang tidak berkahwin pun *caretaker*, dilindungi oleh skim ini. Oleh itu, seseorang suri rumah yang mengusahakan perusahaan- ada persoalan lagi kah tentang *caretaker* ini? Okey sila, sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya fikir macam ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh jawab dengan *detail* melalui jawapan lisan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Boleh, boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh Yang Berhormat Senator?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Jawapan bertulis ya?

**Datuk Razali bin Idris:** Jawapan bertulis.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** [*Ketawa*] Jawapan bertulis. Kita akan bagi *detail*.

**Datuk Razali bin Idris:** Jawapan bertulis.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Tafsiran dan peraturannya. Peraturan dalam *caretaker, insya-Allah*.

**Datuk Razali bin Idris:** Jawapan bertulis, *sorry*.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Lain-lain? Kalau tidak ada, kementerian mengambil berkenaan dengan menyeru hukuman denda disemak semula kerana ramai suami akan takut untuk mencarum. Patutnya bila denda tinggi dia kena mencarum, dia tidak takutlah untuk tidak mencarum. Akan tetapi tidak apalah, kementerian mengambil maklum seruan oleh Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding ini. Kementerian mengambil maklum pemerhatian Yang Berhormat mengenai liabiliti suami jika gagal membayar caruman setelah mendaftarkan isterinya sebagai suri rumah di bawah rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab suami bukanlah satu *strict liability* kerana seorang suami boleh memilih untuk tidak mencarum bagi isterinya. Jika suami memilih untuk mencarum, maka kesan konsep, "*once in, always in*" barulah akan terpakai ke atasnya. Dalam keadaan ini, suri rumah boleh mencarum secara sukarela untuk dirinya sendiri sekiranya suami memilih untuk tidak mencarum bagi isterinya.

Jadi, bila kali pertama dia tidak mencarum, maknanya dia tidak ada lagi rekod. Akan tetapi bila dah mencarum, ia akan terpakai selagi ada bersama isterinya itu. Jadi, ketetapan '*once in, always in*' apabila suami memilih untuk mencarum bagi isterinya. Ini adalah kerana tanggungjawab ke atas keluarga adalah di bahu para suami dan dibantu oleh suri rumah.

Oleh yang demikian, para suami hendaklah memastikan suri rumah mempunyai perlindungan apabila suami pergi bekerja untuk menguruskan rumah tangga. Namun begitu, seorang suami yang gagal membayar caruman kerana kehilangan pendapatan atau apa-apa sebab lain, mereka hendaklah memaklumkan kepada PERKESO dalam tempoh 60 hari. Jadi, ini dua, tiga kali sudah saya jawab.

Seterusnya dibangkitkan mencadangkan agar kos pengebumian- kos pengebumian adalah tinggi dan harap dinaikkan. Sebagai permulaan, faedah pengurusan mayat di bawah SKSSR adalah berjumlah RM2,000 dan nilai ini adalah munasabah dan tepat berdasarkan kajian aktuari dengan mengambil kira jumlah kadar caruman yang dibayar iaitu sebulan RM10. Mereka yang bayar RM200 hingga RM300 pun RM2,000 juga buat masa *la*. Buat masa sekarang dibayar oleh PERKESO. Dalam skim yang tadi Skim Insurans Pekerjaan pun dibayar, bila mati sahaja duit pengurusan diberi dulu ataupun dengan serta-merta- *immediately* sebanyak RM2,000 untuk mengurus, paling tidak mengurangkan bebanan para keluarga yang menguruskan jenazah ini.

Jadi, jumlah kadar ini jumlah yang ditetapkan ini juga adalah sama dengan nilainya di bawah faedah pengurusan mayat bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Namun begitu, skim ini akan dikaji dan diperhalusi dari semasa ke semasa terutama untuk menaikkan jumlah bayaran faedah termasuk faedah pengurusan mayat. Sekiranya ada keperluan untuk menaikkan jumlah faedah di bawah skim ini pada masa hadapan, Fasal 91 memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual di bawah akta termasuk menaikkan jumlah faedah pada masa hadapan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris. Ada tidak? Oh, ada. Tadi disebut mengapakah jumlah gaji anggapan diambil pada kadar RM600 sahaja? Jumlah RM600 bukan dianggap nilai pendapatan suri rumah atau nilai gaji yang dibayar kepada suri rumah atau gaji minimum seorang suri rumah. Angka RM600 ini digunakan bagi menetapkan asas untuk kadar caruman sebanyak RM120 setahun atau RM10 sebulan berdasarkan kajian aktuari dan kaedah pengiraan caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM10 sebulan untuk caruman kepada suri rumah i-Suri dan padanan kadar caruman untuk Skim Bencana Kerja di bawah Akta 4 adalah pada pendapatan bulanan anggapan pada kadar gaji RM600 sebulan. Walaupun dia bekerja gaji RM3,000 ke RM4,000, dia pun boleh masuk. Cuma kita *standardize*. Jumlah RM600 digunakan sebagai pendapatan bulanan beranggapan adalah sebagai permulaan dan boleh ditingkatkan sehingga gaji minimum.

Merujuk kepada Jadual Ketiga di bawah Akta 4, jumlah caruman yang ditetapkan untuk pekerja yang berpendapatan RM1,500 adalah pada kadar RM34.90, kalau duit yang kita ambil untuk sekarang ini sebulan ataupun RM418.80 setahun. Jumlah caruman yang tinggi ini sudah pasti akan membebankan suri rumah, suaminya atau mana-mana orang yang layak untuk membayar caruman terutama yang kurang berkemampuan selama tempoh 12 bulan berturut-turut secara prabayar. Jadi, kalau kita ambil yang RM1,500, RM34,90. Jadi, setahun RM418.80. Jadi, berat jugalah suami. Jadi, kita ambil pertimbangan itu.

Kajian aktuari telah dibuat dan mengambil kira semua faedah yang disediakan di bawah kedua-dua perlindungan bencana domestik dan juga keilatan dalam menentukan caruman RM10 sebulan atau RM20 setahun. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum dan akan mengkaji cadangan ini untuk mewujudkan pakej caruman dan pampasan yang berbeza atau tambahan bagi membolehkan isteri mencarum mengikut kemampuan di bawah SKSSR.

Jumlah RM600 bukan dianggap nilai pendapatan suri rumah atau nilai gaji yang dibayar kepada seorang suri rumah atau gaji minimum seorang suri rumah. Jumlah RM600 digunakan bagi menetapkan asas kadar caruman sebanyak RM120 setahun

atau RM10 sebulan dan RM600 ini digunakan sebagai pendapatan bulanan, anggapan adalah sebagai permulaan dan boleh ditingkatkan sehingga gaji minimum.

Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris juga membangkitkan berkenaan mengapa gaji anggapan tiada median, tidak median. Kementerian mengambil maklum berhubung cadangan Yang Berhormat Segambut agar menyemak gaji anggapan bagi suri rumah RM600 disemak semula untuk dinaikkan gaji minimum RM1,500. Perkara ini boleh dibuat melalui kuasa Yang Berhormat Menteri dan meminda Jadual Ketiga SKSSR.

Seterusnya, adakah kadar RM120 ini berkadar tetap? Amaun caruman RM120 berdasarkan gaji anggapan bagi suri rumah berjumlah RM600. Menteri diberi kuasa untuk meminda Jadual Ketiga kadar caruman bagi mengenakan kadar caruman baharu pada masa hadapan jika ada keperluan.

Seterusnya, dibangkitkan peningkatan sara hidup akan meningkatkan perubahan kos akibat perubahan kadar faedah yang disesuaikan dengan naik turun kos perubatan yang bergantung dengan ekonomi. Faedah perubatan yang akan dikaitkan kepada suri rumah akan ditanggung oleh PERKESO di bawah skim ini akibat bencana domestik mengikut Akta Fi 1951. Faedah perubatan itu boleh diberikan sama ada dalam bentuk rawatan dan layanan pesakit luar di satu buah hospital, dispensari, klinik atau institusi lain atau dengan lawatan ke rumah suri rumah berinsurans tersebut atau rawatan sebagai pesakit dalam, di hospital atau di institusi lain.

Dibangkitkan juga caruman boleh ditingkatkan. Adakah caruman boleh dilaksanakan melalui dalam talian? Skim ini akan dikaji dari semasa ke semasa yang akan melibatkan pihak berkepentingan untuk apa-apa cadangan bagi menaikkan caruman untuk menjamin keamanan dana dan pembayaran faedah berkanun secara berterusan. Mengikut rang undang-undang ini, Menteri diberi kuasa untuk meminda Jadual Ketiga iaitu kadar caruman bagi menaikkan kadar caruman pada masa hadapan. Jika perlu, kadar caruman boleh dilaksanakan melalui talian.

Seterusnya dibangkitkan juga Yang Berhormat Senator berkenaan dengan adakah caruman dapat dibuat secara *online*. Samalah. Caruman boleh dibuat secara atas talian bagi memudahkan proses pembayaran caruman dilakukan.

#### ■2200

Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris. Panjang banyak soalan yang dibangkitkan ialah benda baru. Adakah pendaftaran 150 ribu eKasih secara automatik atau pendaftaran sendiri? Pendaftaran adalah secara automatik. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO akan bekerjasama dengan KWSP untuk mendapatkan senarai suri rumah dalam i-Suri yang layak didaftarkan di bawah rang undang-undang ini.



Seterusnya dibangkitkan juga berkenaan dengan mengapa had suri rumah tidak mengikut persaraan kerajaan tadi saya sudah jawab sudah. Saya tak perlulah ulang dua, tiga kali benda yang sama.

Adakah suri rumah layak menerima bayaran faedah jika berlakunya penceraian dan suami tidak mencarum. Ini disentuh oleh seorang sahaja. Perlindungan kepada seorang suri rumah adalah berdasarkan caruman pra bayar selama 12 bulan berturut-turut. Oleh itu sekiranya penceraian berlaku dalam mana-mana tempoh perlindungan tersebut, suri rumah itu masih dilindungi dan layak menerima faedah. Selepas itu untuk meneruskan perlindungan di bawah skim ini suri rumah tersebut bolehlah membayar sendiri carumannya, okey.

Bagaimana potongan gaji oleh majikan selepas mendapat keizinan suami. Pembayaran caruman secara pra bayar boleh dibuat melalui potongan gaji majikan selepas menerima arahan daripada pembayar caruman suami atau suri rumah itu sendiri. *Automatic funds transfer*-lah, dia ada satu sistem sama ada dalam bentuk bank dan sebagainya. Dia panggil AFT, cukup bulan tarikh yang kita bersetuju dengan mana-mana pihak yang ada kita simpan duit itu dengan bank atau sebagainya sampai katalah 2 hari bulan automatik *funds transfer* ini akan masuk ke dalam akaun. Itu boleh itu kita kena urus dengan pihak akaun simpanan kitalah.

Seterusnya dibangkitkan, Jadual Kelapan faedah kesihatan di bawah Jadual Kelapan maknanya sangat dialu-alukanlah. Kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa prihatin dan akan menyemak semula kadar faedah rang undang-undang dari semasa ke semasa.

Jadi yang lain apakah inisiatif kementerian, Kementerian Wanita untuk meningkatkan jumlah pencarum yang ini saya sudah sebutkan tadi daripada segi kita punya promosi aktiviti *roadshow* dan sebagainya.

Seterusnya yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris. Adakah terpakai pada isteri kedua, ketiga dan keempat sekiranya berlaku poligami. Jadi kalau dia berani kahwin sampai empat, jadi dia kena carumlah untuk empat orang... [*Tepuk*] Sebulan RM10 sahaja, tak boleh dia hanya mencarum untuk- tak boleh dia kena mencarum sebab dia ada pendaftaran sebab itu kita hendak pendaftaran perkahwinan ini secara sah itu sebagai dokumen untuk kita hendak bawa dia untuk- kamu sanggup kahwin sampai empat takkan RM10 sebulan empat orang RM40.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat *interjection* sedikit, hendak tanya sikit.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Adakah polisi kementerian berkaitan poligami ini tentang caruman ini sama untuk semua isteri ataupun dia berbeza mengikut tahap senior isteri ini mohon penjelasan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Tak, tak, tak.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Ikut siapa muda, siapa tua.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Tak, tak, tak. RM10 semua sama. Sama jadi premium yang dibayar juga sama... [Tepuk] Jadi kita bagi *fair*-lah untuk isteri-isteri ini.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Itu maksud "adil", dalam maksud kementerianlah?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Tak, tak, tak. Saya tak sebut adil pun tapi kita *compulsory* kepada suami...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Itu saya hendak tahu sebab itu saya hendak tanya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Kalau dia sanggup berkahwin empat dia kena...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Jadi itu sahaja prinsipnya di situ sahaja bukan maknanya pembahagiannya, pembayarannya sama- itu prinsipnya, secara prinsipnya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Di situ. Tak sama kalau kata- Puan Fadhlina hendak kata itu prinsip yang adil saya terimalah, kalau tak adil pun bagi justifikasi kenapa tidak adillah.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Kalau hendak adil macam itu kena masuk Mahkamah Syariah dulu.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Akan tetapi sekarang ini kita benarkan kalau dia ada empat dia kena bayar empat orang untuk isterinya itu.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh pakai perkataan saksama?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Nanti kita minta ahli Lembaga Jawatankuasa Teknikal untuk hendak putuskan senarai-senarai daripada segi term yang lebih tepat. Akan tetapi dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu saksama supaya ambil perhatianlah oleh jawatankuasa teknikal.

Di belakang saya ini ada Timbalan Ketua Pengarah PERKESO Malaysia. Dia sedang mendengar, jadi cadangan-cadangan apa yang dibangkitkan tadi dia kena ambil perhatian dan *take note* bawa kepada ahli jawatankuasa lembaga nanti.

Okey baik, jadi saya tak bercakap berseorangan saya bawa Timbalan Ketua Pengarah PERKESO Malaysia. *Insyah-Allah* apa yang dibangkitkan itu *we take note*. Okey baik seterusnya bagaimana mekanisme? Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam tadi yang baca hadis perawi Al-Bukhari tadi. Bagaimana mekanisme untuk memastikan bahawa pihak suami akan mencarum isteri. Eh dia kena lah tadi saya sudah jawab sudah, kalau tidak bila dia sudah mula mencarum dia tak mencarum kita akan guna akta itulah untuk dakwa dia.

Kalau dia tak mampu sungguh dalam tempoh 60 hari dia berjumpa dengan PERKESO menerang sebab apa dia. Bila kita pastikan memang dia tak ada kemampuan dia berhenti kerja tak ada dan dia pun mungkin jadi *house husband* juga. Yang ini saya hendak setuju dengan Puan yang nanti saya bangkit yang itu Puan Susan Chemerai Anding ini. Suami juga, saya juga *house husband*... [Disampuk] Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah. Jadi saya pun boleh tuntutan ini.

Jadi seterusnya dibangkitkan juga prinsip tafsiran SKSSR tadilah sudah banyak disebut sudah daripada segi tafsiran Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam.

Had 55 tahun dibangkitkan juga kenapa 55 tahun dan tidak 60 tahun pun dijawab sudah kan buat masa ini permulaan. Kita ambil yang KWSP yang boleh bawa keluar dia punya carumannya semasa umur 55 tahun. Had umur 60 tahun itu dia cuma *additional value* yang diberi kepada mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Yahaya- hendak habis sudah ini Tuan Yang di-Pertua. Sabar *sat na*, sebab ini penting. Ini kali pertama saya pun kali pertama ini tak pernah ada lagi insurans untuk *protect* wanita ini. *This is the first time for our country. So...*

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh teruskan. Saya bersedia.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey baik terima kasih. Saya takut *dok* tengok saya kerap itu macam tak berapa nak *steady*, tak berapa nak sukalah, lambat sangatlah, apa nak balik kah apakah. Okey baik terima kasih. Itu saya punya persepsi sahaja sebenarnya saya punya Tuan Yang di-Pertua ini sangat baik. Dia memberi kebebasan kepada kita untuk kita mendapat penjelasan daripada segi akta baru ini.

Adakah seorang wanita yang belum berkahwin tetapi menguruskan rumah tangga menjaga ibu dan ayahnya termasuk di bawah tafsiran suri rumah di bawah akta ini. Itu juga tadi *caretaker* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina tadi.

*Interpretation* dia nanti kita akan senaraikan daripada segi peraturan *interpretation caretaker* dia tadi ini yang mana di belakang saya ini ada Timbalan Ketua Pengarah yang kita akan jawab secara bertulislah untuk kita perincikan. Sebab baru bangkit yang ini. Terima kasihlah, sekurang-kurangnya kami ada *very wide idea* untuk bagaimana kita hendak melaksanakan perkara-perkara yang dibangkitkan sebagai perkataan *caretaker* ini.

Seterusnya oleh itu, seorang anak yang tidak berkahwin dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya- oleh itu seorang anak yang tidak berkahwin dan menjaga ibu dan bapanya juga termasuk dalam takrifan suri rumah. Dia juga boleh mendapat perlindungan ini.

Seterusnya dibangkitkan- apa yang dimaksudkan dengan “separuh masa” dalam akta ini? Suri rumah separuh masa terpakai kepada wanita yang bekerja sama ada secara formal atau informal. Apabila mereka telah menamatkan pekerjaannya dan pulang ke rumah menguruskan rumah tangganya, mereka merupakan golongan yang ditafsirkan sebagai suri rumah separuh masa. Boleh diberi perlindungan juga walaupun mereka bekerja bila balik rumah dia jadi suri rumah, macam saya sekarang bertindak sebagai Timbalan Menteri untuk saya hendak menerangkan berkenaan akta ini.

Akan tetapi saya balik rumah *sat* lagi saya akan jadi *house husband*, saya akan menguruskan, saya basuh baju, saya akan *iron* baju kan. Itu apa ini promosi itu.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Okeylah macam itu.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey seterusnya Yang Berhormat Dato’ Haji Ahmad juga membangkitkan bagaimana kerajaan mahu melaksanakan advokasi agar lebih ramai ketua isi rumah terlibat untuk mencarum bagi suri rumah. Kementerian melalui PERKESO akan berusaha melakukan promosi yang ini juga kita peringkat awal dan memanglah kita terpaksa menggunakan apa sahaja kaedah termasuk media-media, media utama, media cetak, media elektronik dan juga media sosial untuk kita uar-uarkan bahawa ini kepentingan untuk rakyat Malaysia, suri rumah. Mesti kita mendapat maklumat secara terus untuk kita beri perlindungan kepada suri rumah kita.

Cadangan memandangkan jumlah caruman kecil iaitu RM120, ada yang kata tadi berat sudah RM120. Ini cadangan daripada Yang Berhormat Dato’ Haji Ahmad bin Yahaya ini memang pembela wanitalah ataupun pencinta wanita... [*Tepuk*] RM120 dia kata yang dianggap sikit ini, jadi buat permulaan.

Tuan Yang di-Pertua buat permulaan ini kita menetapkan sebulan RM10 dan setahun RM120. Penyertaan skim ini adalah secara sukarela dahulu untuk tidak membenarkan mana-mana suri rumah atau suaminya yang tidak mempunyai pendapatan atau tidak stabil pendapatannya. Selepas pandemik COVID-19 ini ada yang suami kehilangan pekerjaan.

#### ■2210

Kita menimbang perkara ini. Memanglah kalau kita ukur dengan kita di sini, tiada masalah sangat. Bagi yang beristeri dua, tiga atau empat lagi tiada masalah, bagi orang yang kehilangan pekerja ini.

Seterusnya, adakah golongan suri rumah di bawah i-Suri akan dicarumkan di bawah skim ini? Jadi, saya dah sebut pada masa itu terdapat...

**Puan Noraini binti Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya mencekah?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Sekejap, sekejap. Saya nak *clear* yang *hat* i-Suri. Sekejap lagi saya bagi. Pada masa ini, terdapat 180 ribu orang suri rumah yang

berdaftar di bawah i-Suri adalah daripada golongan suri rumah yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional eKasih.

Jadi, seramai 150 ribu orang suri rumah sahaja yang akan diliputi di bawah rang undang-undang ini berdasarkan peruntukan RM20 juta daripada kerajaan. Pihak kementerian akan berusaha untuk memohon pihak kerajaan menambah perlindungan kepada suri rumah di bawah i-Suri seramai 180 ribu orang ini. Jadi, kita *cover* 150 ribu orang dahulu dan kita akan mencari implikasi kewangan lagi 30 ribu untuk kita *automatically cover* selepas ini.

Jadi- silakan...

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, mohon.

Soalan saya mengenai poligami tadi itu, sebab saya tahu skim ini sukarela. Jadi, maksud saya, contohnya suami ini mencarum untuk isteri yang pertama tetapi dia tidak mencarum untuk isteri yang kedua, ketiga atau keempat. Jadi, jika isteri kedua ini tahu, atau ketiga dan keempat ini tahu bahawa suami mencarum untuk isteri yang pertama, adakah dia boleh mendapatkan perintah untuk menyuruh suaminya ini mencarum untuk mereka ini juga? Maksudnya, isteri yang kedua, ketiga dan keempat. Terima kasih.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Jadi, ini masalah yang sembunyi, lah. Dia ada isteri kedua, ketiga, keempat tetapi dia tidak beritahu isteri pertama. Isteri kedua boleh membuat laporan di PERKESO sebab dokumen sudah ada. Sebab itu kita minta.

Baru-baru ini pun keluar dalam- supaya yang berkahwin di luar berdaftar dengan pihak yang berautoriti dalam negara supaya kita ada dokumentasi. Mudah untuk kita menyelesaikan isu-isu seperti yang dibangkitkan ini. Dokumen-dokumen ini boleh dibuat laporan kata suaminya sudah ada mendaftar untuk isteri pertama tetapi untuk isteri kedua, ketiga, keempat belum lagi.

Jadi, teruk juga kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Teruk juga ini tetapi tidak mengapalah. Jika kita sanggup beristeri sampai dua, tiga atau empat, kecil saja hal ini. Ini semua dunia... *[Ketawa]*

Jadi, seterusnya, Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) hendaklah bukan daripada Ahli Parlimen atau Ahli DUN. Ini dibangkitkan dan dicadangkan golongan agamawan turut dilantik menganggotai jawatankuasa tersebut supaya penentuan faedah yang patuh syariah.

*Insya-Allah*, kita buat *fastabiqul khairat* ini, kita nak dapat ganjaran pahala. Jadi, suami yang ada isteri satu, dua, tiga atau empat pun bayar untuk dapat ganjaran pahala kerana ia melindungi isteri-isterinya. Jadi, saya harap dengan skim ini bersifat menyeluruh dan meliputi semua golongan suri rumah tanpa mengira agama.

Oleh itu, Jawatankuasa SKSSR adalah daripada kalangan mereka yang mewakili kepentingan suri rumah secara amnya. Walau bagaimanapun, kementerian

mengambil maklum dan akan mengkaji cadangan ini sebab kita perlu. Patuh syariah ini bukan sahaja untuk orang beragama Islam sebab patuh syariah ini memberi perlindungan kepada semua. Ia tidak ada menzalimi mana-mana agama, *insya-Allah*.

Cadangan ini kita akan pertimbangkan supaya ahli-ahli agama juga dilantik untuk kita memberi panduan dan pandangan mengenai patuh syariah ini.

Saya ingat tidak ada apa dah...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap. Sikit lagi. Rentetan daripada berkaitan...

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Subuh esoklah kita balik kalau *lagu* itu.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Kejap, sikit sahaja. Oleh sebab ini benda baharu, katanya. Tentang poligami tadi. Adakah maknanya perintah dari mahkamah syariah, misalnya, boleh mengarahkan PERKESO membayar kepada keempat-empat isteri ini berdasarkan kepada rang undang-undang inilah?

Saya nak tahu itu sahaja. Sebab kalau boleh, kita kena maklumkan kepada semua wanita yang terlibat dalam perkahwinan poligami untuk meminta perintah mahkamah untuk mengarahkan suami membayar berdasarkan kepada rang undang-undang ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Marah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Teruk saya ini. *Depa* buli saya dalam kes ini, tetapi tidak apa. Ini benda baik. Kita ikut berdasarkan akta yang kita luluskan yang ini dahulu. Akan tetapi, kalau dah mahkamah membuat keputusan, mana-mana pihak pun kena ikut. Itu tetap. Apabila mahkamah membuat keputusan, itu merupakan keputusan tertinggi dalam undang-undang negara kita, berdasarkan akta. Mahkamah akan ikut yang itu. Okey, baik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya, cadangan untuk mewujudkan pangkalan data jaringan keselamatan sosial telah diangkat dan diluluskan di peringkat Majlis Perlindungan Sosial Negara (MySPC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2021. Pelaksanaan pembangunan pangkalan data perlindungan sosial sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan juga MAMPU.

Habis dah, dah nak habis dah. Sekian untuk Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Yahaya.

Seterusnya, berkenaan dengan Yang Berhormat Datuk Seri Zurainah Musa. Saya nak sentuh satu sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Zurainah Musa tadi berkenaan dengan *househusband*. Lelaki yang berperanan sebagai suri rumah, dengan izin, *househusband*. Walaupun agak tradisional, liputan perlindungan bagi kaum lelaki di bawah rang undang-undang ini telah diperhalusi.

Maknanya telah ini, sedang berlaku, diperincikan oleh jawatankuasa dan dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, kerajaan secara kolektif telah bersetuju agar pelaksanaan RUU ini hanya meliputi golongan perempuan sahaja, buat permulaan pelaksanaan. Kementerian akan mempertimbangkan dan memperhalusi liputan rang undang-undang ini kepada kaum lelaki yang berperanan sebagai suri rumah pada masa hadapan. *Khunsa* pun kita kena tengok juga. Kena tanya Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Yahaya, *khunsa* ini macam mana. Dia lelaki boleh, perempuan pun boleh. Dalam Islam, dia ada *khunsa*.

Tafsiran suri rumah- tadi sudah jawab. Sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin pun telah dijawab. *Caretaker* pun telah jawab. Selesai.

Yang Berhormat Datuk Wira Datuk Wira Koh Nai Kwong berkenaan dengan kementerian menjelaskan adakah caruman automatik- tadi pun sudah dijawab. Sejumlah 150 ribu sudah dijawab tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, dibangkitkan akan kekhuatiran caruman RM120 merupakan satu beban kepada suami. Saya dah jawab dah tadi, saya tak jawab lagi yang itu. Rokok pun sekotak RM17 sehari. Ini sebulan RM10. *I think it should be okay* lah. *Shouldn't be a problem*. Okey. Kita sokonglah yang ini. Mak kita perempuan, isteri kita pun perempuan, anak-anak perempuan pun kita ada. Jadi, kita sokonglah untuk kebaikan.

Seterusnya, fasal 3- tadi pun sudah disebut. Okey, tak banyak dah. Habis.

*Last*, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Nuridah. Dibangkitkan inisiatif ini dapat menjadikan suami proaktif untuk mencarum dalam skim ini. Kalau suami dah proaktif, okeylah. Tiada masalah.

Kementerian, PERKESO akan berusaha melakukan promosi- saya sebut tadi, kalau suami proaktif ini, bukan setakat mencarum, dia tolong isteri-isteri di rumah pun kena proaktif juga- bagi memastikan suami mencarum bagi isterinya. Jadi, saya ingat tiada masalah yang ini. Kalau suami proaktiflah. Yang kita *duk* fikir ini suami yang tidak aktif.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tidak. Maksudnya, inisiatif daripada kementerianlah agar suami itu sendiri proaktif.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Oh. Maksudnya, kementerian kena jumpa dengan suami supaya dia menjadi proaktif. Begitukah maksudnya? Sebab kalau suami dah proaktif, kementerian tak perlu buat apa-apalah. Cari orang yang lembap sahajalah.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Maksud saya, macam tadilah. Maknanya, apakah inisiatif pihak kementerian lakukan agar suami itu proaktif? Macam tadilah, Yang Berhormat pun dah jawab. Antaranya dengan...

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey, okey. Saya pun dah jawab di sini. Ada, ada. Saya faham. Berkenaan dengan- maknanya kita akan buat libat uruslah supaya

suami-suami ini ada proaktif. Kempen kesedaran. Ada dah jawapan di sini. Cuma saya malas nak sebut dua, tiga kali dah. Saya saja seronok berhujah dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah.

Jadi, untuk suami proaktif ini, kita akan buat aktiviti Skuad Prihatin. Kami akan buat promosi media sosial, media cetak, media elektronik semua ini. Termasuk *Social Synergy* PERKESO yang ada sekarang ini. Ini untuk kita nak kutip data-data supaya melibatkan *no one left behind*. Maksudnya, kita akan *protect* semua suri rumah yang ada supaya tidak ketinggalan. *Insyah-Allah*, pihak PERKESO akan terus menambah baikkan ruang-ruang kosong yang ada itu.

Jadi, seterusnya, dibangkitkan adakah kementerian akan membuat penilaian kembali bagi yang layak dalam suri rumah. Syor, suami layak. Kerajaan juga secara kolektif agar pelaksanaan RUU ini hanya meliputi golongan perempuan sahaja buat permulaan pelaksanaan. Sama juga yang saya bangkitkan tadi. Suami yang layak ya.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mempertimbangkan dan memperhalusi liputan RUU ini kepada kaum lelaki yang berperanan sebagai suri rumah pada masa hadapan. Tadi dah jawab dah tadi.

#### ■2220

Seterusnya, adakah pihak asas kementerian menetapkan RM120 sebagai kadar caruman dan apakah solusi bagi menangani suami yang berkira-kira untuk mencarum suri rumah atau untuk isterinya. Tadi saya sudah jawab.

Seterusnya, bagaimana suami yang berkira untuk mencarum RM120 perlu diutamakan perkara lain dan apakah perancangan jika seorang suami yang tidak mampu membayar caruman kerana kehilangan pendapatan atau apa-apa sebab lain. Mereka hendaklah memaklumkan kepada PERKESO 60 hari. Dia ada duit RM120 tetapi dia hendak buat ada yang lebih prioriti, lebih *aulawiyyat* dan lebih keutamaan. Tidak apalah kalau dia tidak hisap rokok okeylah, kita boleh bincang lah.

Jadi kerajaan akan menanggung bayaran caruman bagi RM150 ribu tadi. Jadi *hat* yang bangkit kenapakah dengan kementerian untuk suami yang ada RM120 tetapi dia hendak kena bayar duit yuran sekolah anak dan sebagainya. Mungkin lah yang ini mereka hendaklah memaklumkan kepada PERKESO dalam tempoh 60 hari sebelum tempoh caruman tamat dan tiada apa tindakan akan diambil ke atas suami tersebut. Dia kena bincang. Sudah memang kalau sudah sampai peringkat memang dia tidak mampu, jadi bila sudah hendak tamat itu dia pergi jumpa PERKESO bincang apa semua.

Seterusnya apa asas kepada mengadakan faedah bagi kegagalan ginjal ataupun dialisis ataupun buah pinggang berdasarkan pemerhatian PERKESO. Kegagalan ginjal merupakan salah satu penyakit tidak berjangkit di kalangan rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan bagi kemudahan rawatan perubatan.



Di mana dibangkitkan mana kajian dilakukan bagi kesihatan wanita, sejauh mana kajian dilakukan. Di bawah program saringan kesihatan yang dijalankan oleh PERKESO pemeriksaan khas bagi pencarum wanita disediakan seperti pemeriksaan *pap smear* dan *mammogram*. Pemeriksaan yang telah dilaksanakan secara keseluruhan berbahagi- lelaki dan perempuan sebanyak 718,385 sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Maknanya PERKESO sangat berpengalaman bagaimana untuk hendak memeriksa orang yang didapati mengesan penyakit, diagnosis apa penyakit yang dihadapi, *insya-Allah*. Dia ada panel-panel klinik 800 lebih termasuk hospital juga dia panel klinik hospital yang akan dianggotai oleh doktor-doktor pakar.

Seterusnya dibangkitkan adakah akan berlaku implikasi kewangan kepada skim ini dilaksanakan. Saya ada banyak daripada segi nanti saya akan jawab bertulis yang ini sebab dia agak teknikal. *Financial management* yang ada dalam jawapan ini. Tahun pertama RM18 juta, tahun kedua RM21.3 juta dan tahun ketiga RM21.4 juta. Jadi banyak unjuran yang telah kita dapat yang kita telah ambil daripada sasaran suri rumah dalam kategori i-Suri bagi tempoh tiga tahun pertama adalah seperti berikut. Itu anggaranlah.

Jadi maknanya tuntutan yang berlaku kepada SKSSR pun *more less* ataupun lebih kurang macam mana i-Suri juga tuntutan ini. Jadi saya akan jawab secara bertulis dalam bentuk graf atau dalam bentuk jumlah kewangan, okey? Unjuran tanggungan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh kerajaan untuk memajukan skim ini adalah seperti mana yang kita akan tetapkan dalam jadual yang kita akan bekalkan.

Seterusnya sudah tidak ada lah *kot*. Terakhirnya, sampailah ke peringkat kita mengambil contoh daripada i-Suri ini pada tahun kelima iaitu jumlah caruman, jumlah unjuran perbelanjaan yang ditanggung ketika iSuri tuntutan ini pada tahun ini sahaja RM25.6 juta. Jadi keseluruhannya daripada RM5.6 juta, RM10.6 juta, RM15.4 juta, tahun ketiga, tahun keempat RM20.4 juta, tahun kelima RM26.5 juta. Itu tuntutan-tuntutan i-Suri sejak dilancarkan lima tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah tengok huruf pun nampak macam nampak tidak nampak sahaja. Jadi , saya ucap terima kasih kepada semua. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator dan atas pandangan. Hari ini saya dapat lagi satu definisi yang perlu kita bincang iaitu *caretaker* tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Fadhlina dan Yang Berhormat Senator Ras Adiba, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Zurainah yang bangkitkan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Ini lagi satu untuk kita bincang libat urus bagi kita menyelesaikan masalah-masalah yang kita akan buat ini. Jadi dalam pihak ini saranan dan teguran dalam merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan atas keprihatinan Yang Berhormat Senator sekalian saya mengucapkan berbanyak-

banyak terima kasih. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan kita kepada dengan agak sempurna. Cuma jawapan secara bertulis kita minta disegerakan kepada Yang Berhormat Senator.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 97** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan I (Dato' Dr. Mah Hang Soon) dan diluluskan]*

**Datuk Razali bin Idris:** Saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua Yang Berhormat Senator yang berada dalam Dewan sehingga selesai walaupun lebih masa hampir jam 10.30 malam.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia dan semua kakitangan yang bertugas pada malam ini. Mudah-mudahan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 10 Ogos 2020. *Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.29 malam]*